

**EKOLOGI KELUARGA DAN KESEJAHTERAAN HIDUP
KANAK-KANAK MISKIN DI MALAYSIA**

NORALINA OMAR

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**EKOLOGI KELUARGA DAN KESEJAHTERAAN
HIDUP KANAK-KANAK MISKIN DI MALAYSIA**

NORALINA OMAR

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Noralina Omar

No. Pendaftaran/Matrik: AHA120034

Nama Ijazah: Doktor Falsafah

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Ekologi Keluarga dan Kesejahteraan Kanak-kanak Miskin di Malaysia

Bidang Penyelidikan: Kerja Sosial Keluarga

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRACT

Children well-being depends on the social environment of their family. This study examines the effects of family ecology towards children's well-being. The relationship between family environment and child well-being is explored and measured in the framework of Human Ecology Theory and Ecological Approach. This study adopts the ecological perspective due to its assumption that children need to grow in warm, supportive and loving family environment. This study employed the explanatory sequential mixed-method as its central design. The sample selection procedures involved two stages; simple random sampling technique to select the location of study and systematic random sampling method to select the sample. A total of 200 families which consist of 200 children, age from 9 to 17 years old and 200 parents involved in the study. The sample represents 100 urban families and 100 rural area families. The findings indicate that Malaysian children experience a high level of life well-being. The research findings also show that children's well-being is correlated significantly with the quality of the marital relationship of their parents, and the quality of child-parents relationship. These results are useful since it can be used as a valuable input, indicator and guideline in any effort meant for the social policy reform, in particular, the National Child Protection Policy. It is also of great importance for planning effective social intervention programs which would ensure that family ecology is consistently empowered, and children's well-being is preserved.

ABSTRAK

Kualiti hidup kanak-kanak bergantung kepada persekitaran sosial keluarga mereka. Kajian ini mengkaji pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Hubungan di antara ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini diteliti menerusi Teori Ekologi Manusia dan Pendekatan Ekologi Keluarga. Kajian ini mengguna pakai perspektif ekologi yang beranggapan kanak-kanak perlu membesar dalam persekitaran keluarga yang mesra, menyokong dan penyayang. Kajian ini menggunakan metod campuran penerangan berurutan. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan melalui dua peringkat; iaitu teknik persampelan rawak mudah bagi memilih lokasi kajian dan teknik persampelan rawak sistematik bagi memilih sampel kajian. Sejumlah 200 keluarga yang terdiri dari 200 kanak-kanak berusia lingkungan 9 hingga 17 tahun dan 200 ibu/bapa. Sampel kajian mewakili 100 keluarga bandar dan 100 keluarga luar bandar. Hasil kajian menunjukkan yang kanak-kanak dalam kajian ini mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan kesejahteraan hidup kanak-kanak signifikan dengan kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa dan kualiti hubungan ibu bapa-anak. Kajian ini penting dilakukan kerana hasil penemuannya boleh dijadikan input, petunjuk dan panduan berguna dalam sebarang usaha untuk mengubahsuai Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara, serta usaha-usaha untuk merancang program intervensi sosial yang lebih berkesan bagi memastikan ekologi keluarga dapat diperkasakan dan kesejahteraan kanak-kanak terus terpelihara.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana tesis ini telah berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr Siti Hajar Abu Bakar Ah selaku penyelia yang amat berdekasi dalam menyelia tesis ini. Budi baik beliau dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan dan berkongsi ilmu tidak akan dilupakan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Malaya atas pembiayaan Skim Biasiswa Universiti Malaya (SBUM) amat membantu dalam melancarkan proses pengajian di universiti ini.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pensyarah-pensyarah, kakitangan sokongan dan rakan sepengajian di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial atas sokongan, kerjasama dan keprihatinan kalian dalam membantu melancarkan perjalanan pengajian ini.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada insan yang disayangi: suami Abd Hussin, ibu Hajah Munah, anak-anak Irfan Addli, Haziq Izzuddin dan Iffah Kaisah dan adik-adik Norhaida, Noor Kamal, Noor Azmi, Norhaslinda, Siti Andana, Adib Faiz dan Intan Liana yang sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk menyiapkan tesis ini.

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRACT	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Dan Persoalan Kajian	3
1.2.1 Apakah status tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia?	3
1.2.2 Mengapa kesejahteraan hidup kanak-kanak bergantung kepada keadaan ekologi keluarga mereka?.....	11
1.2.3 Bagaimana ekologi keluarga di Malaysia boleh diperkasakan agar kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia dapat dipertingkatkan? ...	19
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Skop Kajian	22
1.5 Kepentingan Kajian	27
1.6 Struktur Bab Dalam Tesis.....	32
BAB 2: ULASAN LITERATUR MENGENAI KESEJAHTERAAN HIDUP KANAK-KANAK	33
2.1 Pendahuluan.....	33
2.2 Konsep Kesejahteraan Sosial.....	34

2.3	Kesejahteraan Kanak-kanak (<i>child well-being</i>).....	41
2.4	Perkembangan Bidang Kajian Kesejahteraan Kanak-kanak	48
2.4.1	Arena antarabangsa	48
2.4.2	Arena tempatan.....	58
2.5	Indikator Kesejahteraan Kanak-kanak.....	89
2.5.1	Indikator kesejahteraan objektif kanak-kanak.....	93
2.5.2	Indikator kesejahteraan subjektif kanak-kanak	95
2.6	Kesimpulan.....	97
BAB 3: KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN		99
3.1	Pendahuluan.....	99
3.2	Teori Ekologi Sosial/Manusia	99
3.3	Jenis-Jenis Sistem Ekologi Sosial/Manusia.....	105
3.3.1	Sistem Mikro	106
3.3.2	Sistem Meso	107
3.3.3	Sistem Luaran.....	108
3.3.4	Sistem Makro	108
3.3.5	Sistem Krono	108
3.4	Model Ekologi Keluarga.....	109
3.4.1	Andaian asas Model Ekologi Keluarga	112
3.4.2	Prinsip Model Ekologi Keluarga	115
3.5	Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak	116
3.5.1	Sistem mikro keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.....	120
3.5.2	Sistem meso keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.....	120
3.5.3	Sistem luaran keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak	121
3.5.4	Sistem makro keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak	122
3.5.5	Sistem krono keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.....	122

3.6	Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak	123
3.6.1	Sosioekonomi keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak	125
3.6.2	Struktur keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak	127
3.6.3	Saiz keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak	128
3.6.4	Hubungan perkahwinan ibu bapa dan kesejahteraan kanak-kanak	129
3.6.5	Perhubungan ibu bapa–anak dan kesejahteraan kanak-kanak.....	132
3.7	Kesimpulan.....	133
BAB 4: METODOLOGI KAJIAN		134
4.1	Pendahuluan.....	134
4.2	Reka Bentuk Kajian.....	134
4.3	Populasi dan Sampel Kajian	136
4.3	Lokasi Kajian.....	141
4.5	Teknik Persampelan.....	142
4.5.1	Teknik persampelan rawak mudah.....	143
4.5.2	Teknik persampelan rawak sistematik	145
4.5.3	Teknik persampelan untuk kajian kualitatif	145
4.6	Teknik Pengumpulan Data	146
4.7	Instrumen Kajian	148
4.7.1	Borang soal selidik untuk ibu/bapa	148
4.7.2	Borang soal selidik untuk anak	151
4.7.3	Soalan temubual untuk kajian kualitatif	156
4.8	Kajian Rintis	158
4.9	Pembolehkan Kajian dan Teknik Analisis.....	160
4.10	Kesimpulan.....	164

BAB 5: DAPATAN KAJIAN 1	165
5.1 Pendahuluan.....	165
5.2 Latar Belakang Responden Kajian	165
5.3 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Secara Umum.....	167
5.4 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Dari Aspek Kesejahteraan Objektif.....	172
5.4.1 Kesejahteraan material	175
5.4.2 Kesejahteraan pendidikan.....	182
5.4.3 Kesejahteraan kesihatan	189
5.4.4 Kesejahteraan terhadap akses kepada perkhidmatan sosial.....	195
5.5 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Dari Aspek Kesejahteraan Subjektif.....	202
5.5.1 Kesejahteraan penglibatan.....	203
5.5.2 Kesejahteraan moral dan spiritual	209
5.6 Perbezaan Tahap Kesejahteraan Kanak-Kanak Bandar Dan Luar Bandar.....	213
5.7 Kesimpulan	216
BAB 6: DAPATAN KAJIAN 2	218
6.1 Pendahuluan.....	218
6.2 Status Sosioekonomi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak	219
6.2.1 Tahap pendapatan keluarga	220
6.2.2 Taraf pendidikan ibu bapa	226
6.3 Saiz Keluarga Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak	230
6.4 Struktur Keluarga Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak.....	235
6.5 Perhubungan Perkahwinan Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak.....	241
6.6 Perhubungan Ibu/Bapa-Anak Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak	245

BAB 7: CADANGAN	250
7.1 Pendahuluan.....	250
7.2 Pemantauan Terhadap Faktor-Faktor Risiko Yang Boleh Mengancam Kesejahteraan Material Kanak-Kanak.....	251
7.2.1 Program pembasmian kemiskinan kanak-kanak.....	255
7.2.2 Mempelbagaikan bentuk bantuan sosial untuk kanak-Kanak.....	261
7.2.3 Menambahbaik sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak.....	263
7.3 Memperkukuhkan Program Jaringan Keselamatan Sosial (<i>Social Safety Net Programmes</i>) Khusus Untuk Kanak-Kanak.....	266
7.4 Program Kesejahteraan Seimbang Dan Lestari Untuk Kanak-Kanak.....	274
7.4.1 Menggalakkan penglibatan/penyertaan sosial kanak-kanak.....	278
7.4.2 Memperkasakan aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan dan program sosial.....	285
7.4.3 Memartabatkan modal insan kanak-kanak berisiko.....	290
7.5 Memperkasakan Ekologi Keluarga.....	296
7.5.1 Pemerksaan hubungan perkahwinan ibu bapa kanak-kanak.....	300
7.5.2 Pemerksaan hubungan di antara ibu/bapa dengan anak.....	308
7.6 Pelaburan sosial Untuk Melindungi Ekologi Sosial Keluarga.....	312
7.7 Kesimpulan.....	315
BAB 8: PENUTUP	316
RUJUKAN	327
SENARAI PENERBITAN DAN KERTAS PEMBENTANGAN	355
LAMPIRAN	356

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Sfera Ekologi Keluarga	25
Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian	27
Rajah 2.1: Ringkasan Komponen Indikator Kesejahteraan Kanak-kanak	97
Rajah 3.1: Sistem-Sistem Dalam Ekologi Keluarga	106
Rajah 4.1: Model Hubungan Antara pembolehubah (bebas & bersandar)	161
Rajah 5.1: Hierarki Keperluan Manusia Dan Kaitannya Dengan Indikator Kesejahteraan Hidup	173
Rajah 5.2: Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak	217

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Peruntukan Yang Melibatkan Kesejahteraan Kanak-kanak dalam setiap rancangan Malaysia	88
Jadual 4.1: Senarai Perumahan Projek Perumahan Rakyat	144
Jadual 4.2: Kawasan PPR Terlibat	145
Jadual 4.3: Item Dalam Borang Soal Selidik Ibu/Bapa	151
Jadual 4.4: Perbandingan Indeks-Indeks Kesejahteraan Kanak-Kanak Sedia Ada	155
Jadual 4.5: Kluster Dalam Indeks Kesejahteraan Kanak-Kanak	156
Jadual 4.6: Hasil Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	159
Jadual 5.1: Belakang Responden	167
Jadual 5.2: Skala Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak	168
Jadual 5.3: Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak Yang Menyertai Kajian	168
Jadual 5.4: Tahap Kesejahteraan Kanak-kanak Peringkat Antarabangsa	169
Jadual 5.5: Tahap Kesejahteraan Objektif Kanak-kanak Negara Asia Pasifik	170
Jadual 5.6: Tahap Kesejahteraan Subjektif Kanak-kanak Negara Asia Pasifik	171
Jadual 5.7: Keperluan Dan Kesejahteraan Material Kanak-kanak	176
Jadual 5.8: Keperluan Dan Kesejahteraan Pendidikan Kanak-kanak	183
Jadual 5.9: Keperluan Dan Kesejahteraan Kesihatan Kanak-kanak	190
Jadual 5.10: Keperluan Dan Kesejahteraan Kanak-kanak Terhadap Akses Perkhidmatan Sosial	197
Jadual 5.11: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Diri Sendiri	206
Jadual 5.12: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Bersama Rakan	207

Jadual 6.10: Korelasi Perhubungan Perkahwinan Dan Tahap Kesejahteraan

Kanak-kanak 244

Jadual 6.11: Skor Perhubungan Ibu/Bapa-Anak 246

Jadual 6.12: Korelasi Perhubungan Ibu/Bapa-Anak Dan Tahap Kesejahteraan

Kanak-kanak 247

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik Ekologi Keluarga

Lampiran B: Borang Soal Selidik Indikator Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak

Lampiran C: Panduan Soalan Temubual

University of Malaya

BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pendahuluan

Kesejahteraan hidup kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan ekologi keluarga yang dianggotai dan didiaminya. Kanak-kanak perlu membesar dalam persekitaran keluarga yang mesra dan penyayang untuk hidup dengan sejahtera (Bradshaw, Hoelscher & Richardson, 2007). Dua faktor keluarga yang mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak adalah keadaan ekonomi-fizikal keluarga dan keadaan hubungan perkahwinan ibu bapa mereka. Kehidupan ekonomi-fizikal keluarga yang miskin menyebabkan keluarga tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas anak-anak (Power & Maluccio, 1998; Smith & Elander, 2006), yang seterusnya boleh memudaratkan perkembangan anak (Power & Maluccio, 1998).

Taraf sosioekonomi yang rendah juga mengganggu-gugat kelancaran keluarga menjalankan fungsi sosial mereka; khususnya peranan keibubapaan yang berkesan kepada anak (Ben-Arieh, 2010; Power & Maluccio, 1998). Ketidaklancaran ibu dan bapa melunaskan peranan mereka sama ada sebagai bapa/ibu atau suami/isteri pula berisiko tinggi untuk menyebabkan konflik perkahwinan dan perpecahan keluarga yang seterusnya mengganggu perkembangan anak (Field & Smith, 1998; Power & Maluccio, 1998; Vanderwater & Lansford, 1998).

Seterusnya, konflik perkahwinan banyak dipengaruhi oleh hubungan perkahwinan ibu bapa kanak-kanak. Keadaan hubungan perkahwinan ibu bapa juga mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka. Hubungan perkahwinan ibu bapa yang baik memberi kesan positif kepada tingkahlaku keibubapaan dan perhubungan ibu

bapa-anak (Aufseeser, Jekielek & Brown, 2006). Ibu bapa yang mempunyai hubungan perkahwinan yang baik dan harmoni lazimnya mengambil peranan aktif dalam keluarga dan mempunyai hubungan keluarga yang erat (Aufseeser et al., 2006). Keadaan ini seterusnya mampu mempertingkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak (Aufseeser et al., 2006; Gauze, Bukowski, Aquan-Assee & Sippola, 1996). Keadaan ini adalah berbeza sekali dengan ibu bapa yang mempunyai hubungan perkahwinan yang bermasalah.

Kanak-kanak yang mempunyai pencapaian akademik rendah dan tingkah laku bermasalah seringkali datang dari keluarga yang bercerai, kahwin semula dan keluarga tiri (Mooney, Oliver & Smith, 2009; Landsford, Ceballo, Abbey & Stewart, 2001). Ketiga-tiga struktur keluarga berkenaan boleh menjejaskan kesejahteraan anak (Fomby & Cherlin, 2007). Kajian Lucas-Thompson, Clarke-Stewart (2007) dan Mooney et al. (2009) jelas menunjukkan ketidakharmonian dalam hubungan perkahwinan ibu bapa yang berpunca daripada struktur keluarga tertentu berupaya menjejaskan hubungan antara ibu bapa dan anak, dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan negatif anak. Kesemua ini mengancam kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Penerangan ringkas di atas jelas menunjukkan yang kesejahteraan hidup kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan ekologi keluarga mereka. Atas kepentingan pengaruh ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak, maka itu usaha-usaha memperkasakan ekologi keluarga dan memastikan kesejahteraan keluarga berada pada tahap yang baik merupakan suatu keperluan yang mendesak dalam sebarang usaha untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Ini kerana ekologi keluarga yang kondusif dan tahap kesejahteraan keluarga yang baik berupaya memberi pengaruh dan kesan yang positif ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh yang demikian,

satu kajian yang sistematik mengenai pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan kanak-kanak perlu dilakukan. Kajian ini penting dilakukan kerana hasil penemuannya boleh dijadikan input, penunjuk dan panduan penting dalam sebarang usaha untuk mengubahsuai Dasar Keluarga dan Dasar Kanak-kanak Negara, serta usaha-usaha untuk merancang program intervensi sosial yang lebih berkesan bagi memastikan ekologi keluarga dapat diperkasakan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak terus terpelihara.

1.2 Permasalahan Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menjawab tiga persoalan berikut:

- (i) apakah status tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia?
- (ii) mengapa kesejahteraan hidup kanak-kanak bergantung kepada keadaan ekologi keluarga mereka?
- (iii) bagaimana ekologi keluarga di Malaysia boleh diperkasakan agar kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia dapat dipertingkatkan?

Pernyataan masalah bagi ketiga-tiga persoalan kajian tersebut dinyatakan secara terperinci dalam subtopik masing-masing, seperti berikut:

1.2.1 Apakah status tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia?

Mengikut Konvensyen Hak Kanak-kanak (*Convention on the Right of the Child* atau *CRC*) 1989, setiap kanak-kanak berhak mendapat keperluan asas untuk hidup dengan sejahtera. *CRC* merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan kepada kanak-kanak sejak dilahirkan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun. Matlamat utama *CRC* adalah untuk

memastikan kanak-kanak menikmati semua keperluan asasi, terlindung dari segala bentuk ancaman dan bahaya sosial serta berpeluang untuk memajukan potensi diri yang dimiliki agar boleh membesar menjadi orang dewasa yang produktif dari segi sosial dan ekonomi.

Di beberapa negara maju seperti Sweden, Perancis dan Britain, CRC menjadi kerangka kerja kepada semua inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup atau kesejahteraan kanak-kanak. Kajian-kajian mengenai penunjuk kesejahteraan kanak-kanak yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti Bradshaw et al. (2007) dan Swords, Greene, Boyd dan Kerrins (2012) menunjukkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak berada dalam keadaan baik apabila semua keperluan asas dan hak mereka sebagai kanak-kanak dipenuhi.

Di Britain misalnya, kanak-kanak yang sejahtera ialah kanak-kanak yang sihat, tinggal membesar di dalam persekitaran sosial yang selamat dan selesa, membesar dalam keluarga yang stabil, mempunyai pencapaian akademik yang baik dan membuat sumbangan yang positif dalam kehidupan seharian (Bradshaw et al., 2007). Di Ireland pula, kanak-kanak yang sejahtera ialah kanak-kanak yang keperluan materialnya dipenuhi, dapat melakukan aktiviti riadah, mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga, dapat pergi ke sekolah dan mempunyai rakan sebaya yang prososial (Swords et al., 2012). UNICEF (2007) pula menjelaskan kanak-kanak hidup sejahtera apabila dapat membesar dalam persekitaran keluarga yang bahagia dan penyayang, memperoleh keperluan asasi seperti makanan, minuman dan pakaian yang mencukupi, tinggal di tempat tinggal yang bersesuaian, terpelihara daripada sebarang bentuk eksploitasi dan keganasan fizikal dan emosi, serta memperolehi perkhidmatan kesihatan, sosial dan pendidikan yang sempurna. Jika aspek-aspek yang telah disebutkan di atas tidak dapat

dipenuhi, kesejahteraan hidup kanak-kanak boleh dilihat sebagai terjejas atau berada pada tahap yang tidak baik atau buruk (Bradshaw et al., 2007; Swords et al., 2012; UNICEF, 2007).

Negara Malaysia juga tidak ketinggalan dalam meratifikasi CRC. Malaysia telah meratifikasi CRC pada tahun 1995 (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Ini bermakna negara ini turut memperakui hak kanak-kanak untuk mendapat keperluan asas dan semua peluang untuk hidup membesar dengan sejahtera. Tidak seperti negara anggota CRC seperti Britain dan Sweden yang giat mengumpulkan indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak mereka bagi memastikan kualiti hidup kanak-kanak sejajar dengan syor-syor CRC, Malaysia belum pernah melakukan sebarang bentuk kajian kesejahteraan kanak-kanaknya sendiri. Hanya Pathmanathan dan Siti Hajar (2013) telah melakukan kajian di Rumah Kanak-kanak di Malaysia bagi meneliti sejauhmana kanak-kanak yang berada di dalam jagaan institusi menikmati keempat-empat Hak Kanak-kanak yang disyorkan oleh CRC. Ini bermakna, Malaysia masih lagi tidak mempunyai satu indeks yang komprehensif dan khusus mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak nya yang boleh dijadikan penunjuk bagi setiap tindakan berkaitan kebajikan kanak-kanak di negara ini.

Pengukuran dan pembinaan indeks kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia akan dibina mengikut kerangka legislatif hak dan keperluan kanak-kanak seperti yang disyorkan oleh CRC. Selain CRC, indeks kesejahteraan kanak-kanak di negara lain juga dibina mengikut teori perkembangan yang disyorkan oleh UNICEF. UNICEF (2013) menyatakan bahawa pengukuran dan pembinaan indeks kesejahteraan perlu mengambilkira tahap pembangunan negara di mana kanak-kanak hidup membesar.

Berpandukan syor ini, kajian ini membina dan mengukur indeks kesejahteraan kanak-kanak berasaskan pembangunan negara.

Tidak dinafikan, Malaysia mempunyai beberapa indeks kesejahteraan. Antara indeks tersebut ialah Indeks Kualiti Hidup, Indeks Kesejahteraan Keluarga dan Indeks Kebahagiaan. Indeks Kualiti Hidup yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi mengukur kualiti hidup rakyat menerusi 14 komponen yang mana salah satu komponennya mengukur kesejahteraan keluarga berdasarkan empat indikator iaitu nisbah perceraian, saiz isi rumah, jenayah juvana dan purata pendapatan isi rumah (EPU, 2011). Indeks Kebahagiaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar pula lebih menjurus kepada pengukuran kebahagiaan masyarakat yang mana indeks tersebut dijadikan sebagai alat untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) meningkatkan kebahagiaan hidup masyarakat setempat (Dahlia, 2015). Indeks tersebut mengukur kebahagiaan menerusi 13 aspek (item) iaitu tahap tekanan, kesihatan, kehidupan keluarga, kepuasan kerja, pendapatan, spiritual, kejiranan, komuniti, keselamatan, kemudahan awam, perkhidmatan, perwakilan politik dan persekitaran. Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pula mengukur kesejahteraan keluarga, namun tidak memfokus kepada kanak-kanak (LPPKN, 2014). Terdapat tujuh domain dalam indeks tersebut iaitu perhubungan keluarga, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan komuniti, keluarga dan keagamaan, dan keluarga dan perumahan. Terdapat juga Indeks Kebahagiaan yang dibina oleh Sulaiman (2014) bagi mengukur kebahagiaan dalam kalangan staf universiti. Jumlah domain pula berbeza mengikut kumpulan pekerjaan (akademik – 57 domain, pengurusan – 40 domain dan sokongan – 42 domain) namun semua domain meliputi ukuran kesejahteraan objektif dan subjektif. Indeks Kualiti

Hidup yang turut dibina oleh Sulaiman (2012) mengukur kesejahteraan hidup komuniti yang memfokus kepada tiga aspek iaitu kesihatan, pendidikan dan pendapatan.

Ketiadaan satu indeks khusus mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia menyebabkan kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia hanya dinilai menerusi maklumat-maklumat rasmi atau perangkaan-perangkaan rasmi yang dikeluarkan oleh beberapa organisasi atau agensi berkaitan kanak-kanak seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang kemudiannya diselaraskan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Contohnya, kadar literasi yang menunjukkan peningkatan dari 90.3 peratus pada tahun 2000 kepada 92.1 peratus pada tahun 2008 digunakan sebagai indikator peningkatan kesejahteraan aspek akademik/pendidikan kanak-kanak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Kadar mortaliti dalam kalangan kanak-kanak yang menurun pada kadar 6.2 peratus pada tahun 2007 berbanding 13.1 peratus pada tahun 1990 serta kadar imunisasi untuk penyakit campak yang meningkat kepada 94.3 peratus pada 2008 berbanding 70 peratus pada tahun 1990 pula dilihat sebagai peningkatan dalam kesejahteraan kanak-kanak dari aspek kesihatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Selain kesihatan dan pendidikan, Malaysia turut mempunyai indeks kualiti hidup lain seperti perumahan, keselamatan, alam sekitar dan jenayah (EPU, 2011) yang kesemuanya lebih cenderung untuk menilai tahap kesejahteraan keluarga atau masyarakat secara umum; bukannya secara spesifik sebagai indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Perangkaan dan maklumat rasmi daripada agensi-agensi sosial di atas mempunyai beberapa limitasi. Halangan yang paling kritikal adalah data-data berkenaan tidak menggambarkan keadaan sebenar kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Data-data berkenaan dikumpulkan oleh agensi-agensi atau organisasi-organisasi terlibat

berdasarkan kepada perkhidmatan yang disediakan (*availability of services on services-led principle*) oleh kerajaan kepada kanak-kanak; bukannya berdasarkan kepada keperluan hidup yang dinyatakan oleh kanak-kanak (*needs-based services*). Data-data berkenaan tidak pernah mengambilkira sama ada perkhidmatan atau keperluan asasi dan sosial yang diperlukan kanak-kanak mencukupi atau tidak, atau sesuai dengan keperluan semasa kanak-kanak. Sebaliknya, kiraan utama mereka adalah 'adakah kanak-kanak menerima atau tidak menerima perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan'. Selain itu, data-data daripada agensi atau organisasi yang pelbagai itu bersifat terpecah antara satu sama lain. Data daripada organisasi kesihatan hanya memberi penunjuk kesihatan sahaja. Data daripada organisasi pendidikan pula hanya terfokus kepada penunjuk-penunjuk literasi sahaja. Limitasi-limitasi tersebut menyebabkan data-data berkenaan gagal menggambarkan realiti kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam negara yang menyeluruh.

Sepertimana yang telah dinyatakan di dalam beberapa perenggan terdahulu, kita tidak mempunyai satu pangkalan data tempatan mengenai keadaan kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia, seperti mana yang terdapat di Britain, Ireland, Sweden, Israel dan beberapa negara lain. Ironiknya, setiap kali berlakunya masalah sosial berkaitan kanak-kanak; khususnya isu kemiskinan kanak-kanak atau isu-isu berkaitan kebajikan hidup kanak-kanak di Malaysia, agensi yang dirujuk adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Memang tidak dinafikan yang agensi ini merupakan agensi utama yang menguruskan hal ehwal kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Namun, data dan intervensi sosial organisasi ini lebih terjurus kepada kemiskinan dan bantuan kemiskinan. Kesilapan yang sering berlaku adalah apabila ingin melihat kemiskinan kanak-kanak, data yang diambil daripada agensi ini adalah data kanak-kanak yang menerima Bantuan Kanak-kanak. Data ini sebenarnya adalah amat terhad kerana ia

meminggirkan kanak-kanak yang gagal diberikan bantuan sosial tersebut. Data ini juga kurang tepat kerana ia tidak merangkumi realiti sebenar kemiskinan hidup yang dialami oleh kanak-kanak di Malaysia. Ini kerana kesejahteraan hidup kanak-kanak bukan sahaja tertumpu kepada aspek kemiskinan material. Justeru, satu indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang menyeluruh, yang merangkumi aspek material dan bukan-material mengenai kemiskinan kanak-kanak wajar diwujudkan.

Tidak dinafikan, *Laporan Kesejahteraan Kanak-kanak Lingkaran Pasifik* yang dilakukan oleh organisasi antarabangsa UNICEF meliputi Malaysia (UNICEF, 2011). Namun demikian, terdapat beberapa limitasi yang dilaporkan dalam laporan tersebut. Misalnya, kebanyakan maklumat kesejahteraan mengenai Malaysia diambil daripada kajian UNICEF pada tahun 2001 dan 2008 serta laporan Organisasi Kesihatan Sedunia atau WHO 2008. Limitasi lain ialah banyak data yang tidak lengkap dan kajian tersebut juga tidak meliputi keseluruhan aspek kesejahteraan (UNICEF, 2011). Akibatnya, setiap kali dunia menilai kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia, penilaian mereka adalah berdasarkan kepada data-data tidak lengkap yang diambil daripada laporan UNICEF ini, yang cenderung kepada fenomena-fenomena sosial spesifik dalam kalangan kanak-kanak. Misalnya, organisasi-organisasi supranasional lebih cenderung untuk mengumpulkan data mengenai kemiskinan dalam kalangan kanak-kanak jalanan (*street children*) di Sabah, kesejahteraan hidup dalam kalangan kanak-kanak tanpa dokumen (*undocumented children*), pelunasan Hak Kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak minoriti suaka politik (i.e., kanak-kanak Rohingya) serta pelaksanaan hak asasi manusia dan CRC dalam kalangan kanak-kanak yang berada di dalam jagaan institusi. Data-data sebegini sudah pasti bukan sahaja gagal menggambarkan keadaan sebenar kebajikan hidup kanak-kanak di Malaysia; malah, perkara yang paling mengkusarkan adalah data-data berkenaan memberi maklumat yang tidak betul dan

bersifat *bias* mengenai kehidupan kanak-kanak di Malaysia pada mata dunia luar. Maka itu, sudah sampai masanya untuk kita mempunyai satu indeks yang tersendiri, komprehensif dan tepat mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara kita.

Ketiadaan satu indeks yang jelas dan komprehensif mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia menyebabkan para pelaksana perkhidmatan atau agensi perkhidmatan kebajikan kanak-kanak tidak dapat mengambil tindakan intervensi yang sesuai dalam bertindak-balas dengan segala bentuk masalah sosial yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Di Britain umpamanya, pelan tindakan intervensi *Every Child Matters* nya dirangka berdasarkan daripada serangkaian laporan kajian-kajian mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara tersebut yang dijalankan secara prolifik oleh para akademik dan agensi-agensi perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di negara berkenaan (Clackmannanshire Council, 2015; Fauth, Renton & Solomon, 2013; Social Mobility and Child Poverty Commission, 2013). Kajian-kajian tersebut telah berjaya mengenalpasti yang kesejahteraan kanak-kanak bukan sahaja bergantung kepada aspek material; malah merangkumi aspek sosial yang lebih luas. Kajian-kajian tersebut telah berjaya membuktikan yang kebanyakan bantuan sosial berbentuk material (*financial and in-kind services*) yang telah sedia lama disediakan oleh kerajaan untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan kanak-kanak masih tidak mampu menangani masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak sepenuhnya apabila aspek sosial yang lain; terutamanya aspek spiritual dan moraliti, penglibatan sosial, hubungan dalam keluarga, pengasingan sosial yang berlaku dalam kehidupan kanak-kanak tidak ditangani secara bersama. Realiti tersebut berjaya menyedarkan pemerintah dan masyarakat Britain yang kesejahteraan hidup kanak-kanak perlu dinilai secara menyeluruh; bukan sahaja berdasarkan data kemiskinan serta data-data daripada agensi-agensi perkhidmatan yang bersifat terpenggal mengikut bidang keutamaan agensi dan perkhidmatan. Pengkaji

berharap Malaysia juga boleh mengambil iktibar daripada pengalaman Britain ini. Kewujudan satu indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia yang komprehensif penting sebagai landasan bukti-bukti empirikal yang jitu kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif intervensi sosial bagi menangani segala bentuk masalah sosial yang dialami oleh kanak-kanak kita.

Pendek kata, ketiadaan pangkalan data yang komprehensif mengenai keadaan kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia mendesak pengkaji untuk melakukan kajian ini bagi menjawab persoalan paling asas; iaitu *apakah status tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia?* Pengumpulan data mengenai status tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak ini kemudiannya akan membawa kepada pembinaan satu indeks yang komprehensif mengenai kualiti hidup kanak-kanak di Malaysia. Sama seperti negara-negara maju yang mempunyai indeks yang lengkap mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak mereka, indeks ini boleh menjadi pelan induk tindakan (*blueprint*) kepada dasar sosial berkaitan dengan kebajikan hidup kanak-kanak di Malaysia.

1.2.2 Mengapa kesejahteraan hidup kanak-kanak bergantung kepada keadaan ekologi keluarga mereka?

Kualiti hidup kanak-kanak bergantung kepada keadaan keluarga mereka. Dalam konteks ekologi sosial, keluarga merupakan faktor perantara yang penting dalam menentukan kesejahteraan dan kualiti hidup kanak-kanak (Bradshaw, Hoelscher & Richardson, 2006). Persekitaran keluarga yang penyayang dan dilengkapi dengan keperluan ekonomi dan fizikal perlu untuk kanak-kanak membesar dengan sempurna dan sejahtera (Bradshaw et al., 2007). Keluarga yang dicirikan dengan hubungan ibu

bapa–anak yang mesra, mengamalkan komunikasi terbuka, wujudnya kepercayaan dan hubungan perkahwinan ibu bapa yang harmoni adalah penting dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak (Bradshaw et al., 2006). Malah, keadaan persekitaran tempat tinggal seperti bekalan air bersih dan elektrik serta sistem sanitasi turut mempunyai impak yang kuat dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak (Bradshaw et al., 2007).

Namun begitu, tidak semua kanak-kanak di Malaysia berpeluang untuk hidup dengan sejahtera. Ini kerana terdapat segelintir keluarga yang tidak mampu untuk menyediakan keperluan asasi anak; sama ada keperluan berasaskan kewangan mahupun bukan kewangan yang sepatutnya untuk perkembangan anak. Pelbagai halangan yang wujud dalam ekologi keluarga telah mengecilkan, menghadkan atau menafikan peluang untuk kanak-kanak hidup sejahtera. Faktor-faktor keluarga seperti kemiskinan (Duncan & Brooks, 2000; Field & Smith, 1998), perhubungan ibu bapa–anak yang tidak harmoni (Aufseeser et al., 2006; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006) dan keibubapaan yang kurang berkesan (Dishion, 1990; Low & Mulford, 2012) menghalang kanak-kanak untuk memenuhi keperluan asas mereka dengan sempurna. Kesannya, kesejahteraan hidup mereka terjejas.

Kajian-kajian sedia ada di luar negara memperlihatkan yang sebahagian besar keperluan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan tidak dapat dipenuhi disebabkan kekangan kewangan keluarga. Pola yang sama ditunjukkan di peringkat tempatan. Di Malaysia, masih terdapat 1.2% daripada jumlah isi rumah yang berpendapatan RM499 ke bawah dan sejumlah 6.1% daripada jumlah isi rumah yang berpendapatan RM500-999 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Malahan, indeks kemiskinan di Malaysia masih di tahap 3.8% pada tahun 2009 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Indikator-indikator ekonomi ini secara tidak langsung memberi gambaran yang keadaan ekonomi

bagi sebahagian besar keluarga di Malaysia berisiko dalam memenuhi keperluan material anak-anak mereka, atau dengan kata lain terdapat sekelompok kanak-kanak di Malaysia yang tidak sejahtera dari aspek material. Ini kerana kemiskinan lazimnya diiringi dengan masalah kekurangan sumber (Pampalon & Raymond, 2000). Akibat kekurangan sumber, kanak-kanak berhadapan dengan pelbagai masalah lain yang berkait dengan pemakanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan penjagaan kesihatan (Bartlett & Minujin, 2009; Pampalon & Raymond, 2000). Pendek kata, kekurangan sumber dalam keluarga boleh menjadi halangan kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Indeks kemiskinan di Malaysia secara tidak langsung menunjukkan bahawa kemiskinan merupakan salah satu faktor risiko dalam ekologi keluarga yang berisiko menghalang kanak-kanak daripada memperoleh kesejahteraan hidup; khususnya kesejahteraan material/fizikal. Kemiskinan menyebabkan ramai keluarga terpaksa bergantung kepada pelbagai bantuan kerajaan untuk meneruskan kehidupan. Di Malaysia, kerajaan memberikan beberapa jenis bantuan khususnya untuk kanak-kanak miskin bagi membolehkan mereka terus tinggal bersama keluarga dan terus menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang sewajarnya. Di samping itu, bantuan-bantuan sosial tersebut diberikan bagi membantu memelihara institusi keluarga agar dapat berdikari dan menjaga anak dengan sempurna (JKMM, 2013d). Pada tahun 2011 misalnya, sejumlah 3430 orang kanak-kanak miskin mendapat Bantuan Am dan 89,555 orang mendapat Bantuan Anak Ibu Tunggal, manakala pada tahun 2009, sejumlah 6177 kanak-kanak miskin mendapat Bantuan Persekolahan (JKMM, 2013c). Perangkaan-perangkaan tersebut jelas menunjukkan masih terdapat sekelompok kanak-kanak miskin yang hidup membesar dalam keadaan kurang sejahtera.

Kemiskinan keluarga juga menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada risiko defisit keperluan prasarana utiliti; khususnya bekalan air dan elektrik. Masih terdapat sebilangan besar keluarga di Malaysia yang tidak boleh akses kepada bekalan air bersih dan elektrik. Data tahun 2012 menunjukkan hanya 93.7 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia memperoleh bekalan air paip dan sejumlah 99.8 peratus memperoleh bekalan elektrik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012a). Ini menunjukkan masih terdapat 6.3% penduduk yang tidak mendapat bekalan air bersih dan 0.2 peratus yang hidup tanpa bekalan elektrik. Walaupun peratusan ini kecil, namun tanpa bekalan kedua-dua utiliti tersebut, kanak-kanak tidak dapat hidup sejahtera kerana keperluan asas yang tidak mencukupi menggugat kesejahteraan mereka. Ketiadaan sumber air bersih boleh mengakibatkan penyakit dan hal ini menjejaskan kesihatan kanak-kanak (Bartlett & Minujin 2009). Ketiadaan bekalan elektrik pula akan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat hidup dengan selesa dan menjejaskan aktiviti harian mereka (Bartlett & Minujin, 2009).

Seperti yang telah dijelaskan oleh Bartlett dan Minujin (2009) dan Pampalon dan Raymond (2000), kemiskinan berkait rapat dengan ketidakcukupan ekonomi. Kesannya, terdapat keluarga miskin yang tidak mampu menyediakan peluang pendidikan kepada anak (Bartlett & Minujin, 2009; Pampalon & Raymond, 2000). Negara Malaysia tidak terkecuali daripada situasi tersebut apabila peratusan pelajar yang menamatkan persekolahan rendah masih tidak mencapai 100 peratus. Pada 2010, hanya 99 peratus kanak-kanak Malaysia berjaya menamatkan persekolahan rendah; walaupun pendidikan percuma diberikan secara universal kepada semua kanak-kanak di Malaysia (EPU & UN, 2010). Menurut laporan Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2011, sejumlah 10.8 peratus murid sekolah menengah dan rendah tercicir persekolahan. Tidak dinafikan bahawa faktor keciciran tersebut adalah kerana

bersekolah di sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM, bersekolah di rumah dan mengikuti keluarga ke luar negara (Utusan Malaysia, 10 Oktober 2011). Namun, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Wee Ka Siong menjelaskan bahawa terdapat sejumlah kanak-kanak yang tercicir kerana tidak berminat dengan pelajaran, masalah kesihatan dan memasuki alam pekerjaan (Utusan Malaysia, 10 Oktober 2011). Kesemua faktor tersebut mungkin ada kaitannya dengan ekologi keluarga yang tidak kondusif dan faktor kemiskinan.

Selain itu, kadar celik huruf di Malaysia pada tahun 2010 masih tidak melebihi 90 peratus. Walaupun kadar celik huruf hanya melibatkan individu yang berumur 15 tahun ke atas dan kadar tersebut turut melibatkan individu dewasa terutamanya warga emas yang buta huruf, namun pendidikan bermula sejak awal kanak-kanak. Data tersebut menunjukkan masih terdapat kanak-kanak di negara ini yang tidak boleh membaca dan buta huruf. Kanak-kanak yang tidak diberi peluang pendidikan yang sewajarnya adalah kanak-kanak yang dinafikan hak dan keperluannya. Mereka boleh menjadi individu yang rendah diri, kurang aspirasi diri dan mempunyai perasaan keterasingan (Bartlett & Minujin, 2009). Sekiranya aspek pendidikan yang merupakan salah satu penentu kesejahteraan kanak-kanak diabaikan, ini menyebabkan kanak-kanak akan membesar dalam keadaan yang tidak sejahtera.

Saiz keluarga yang besar juga berisiko mengecilkan peluang kanak-kanak untuk mendapat keperluan asas yang mencukupi. Saiz keluarga yang besar turut berisiko mewujudkan faktor pengabaian terhadap pemenuhan keperluan kanak-kanak (Freysteinsdottir, 2004; MacKenzie, Kotch & Lee, 2011). Bilangan ahli keluarga yang ramai meningkatkan persaingan antara ahli keluarga, terutamanya anak untuk memperoleh pelbagai keperluan hidup seperti makanan dan pendidikan. Oleh yang

demikian, tidak hairan jika saiz isi rumah sering dikaitkan dengan indeks kemiskinan. Semakin besar saiz isi rumah, semakin meningkat indeks kemiskinan. Perkaitan tersebut jelas kelihatan dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010. Misalnya, pada tahun 2009 bagi saiz isi rumah empat orang, indeks kemiskinan ialah 1.9 sementara saiz isi rumah lima ke atas, indeks kemiskinan ialah 7.5 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Sumber kewangan dan bilangan ahli keluarga boleh menentukan kuantiti atau kualiti suatu makanan yang boleh dibeli. Sumber kewangan yang terhad menyebabkan tidak semua anak mampu diberi peluang pendidikan atau tidak semua anak mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Struktur keluarga yang tidak stabil juga boleh mengancam kesejahteraan hidup kanak-kanak. Data menunjukkan bahawa sejumlah 17,708 kes perceraian dalam kalangan pasangan Islam direkodkan pada 2005 dan ia meningkat kepada 27,116 kes pada 2009 (JAKIM, 2010). Bagi pasangan bukan Islam juga, kes meningkat daripada 52,877 pada 2005 kepada 60,957 pada 2009 (JPN, 2010). Ini menunjukkan bilangan kanak-kanak yang mengalami perubahan struktur keluarga semakin meningkat.

Apabila perceraian berlaku, maka akan wujud struktur keluarga yang baru seperti keluarga induk tunggal dan keluarga kahwin semula. Kedua-dua ini menjadi insitansi sosialisasi baru untuk pembangunan/perkembangan kanak-kanak (McLanahan, Tach & Schneider, 2012). Perceraian juga menyebabkan kanak-kanak hidup dalam keluarga tiri atau keluarga multigenerasi (McLanahan et al., 2012). Kanak-kanak yang tidak sejahtera sering dikaitkan dengan struktur keluarga induk tunggal, keluarga kahwin semula atau keluarga tiri; contohnya bermasalah tingkah laku dan perkembangan emosi yang tidak baik kerana kekurangan perhatian dan kasih sayang di

dalam keluarga (Field & Smith, 1998; Freysteinsdottir, 2004; MacKenzie et al., 2011; Swick & Williams, 2006).

Selain itu, perhubungan perkahwinan yang tidak baik boleh memberi kesan kepada kesejahteraan anak (Field & Smith, 1998; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006). Walaupun penceraian tidak berlaku dalam keluarga, namun hubungan perkahwinan suami isteri yang berkonflik boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan anak, yang seterusnya mengurangkan paras kesejahteraan hidup anak (Vanderwater & Lansford, 1998). Ini kerana pasangan suami isteri yang berkonflik selalunya cenderung untuk mengamalkan keibubapaan yang tidak konsisten dan kurang terlibat dalam aktiviti anak (Buehler & Gerard, 2002).

Hubungan perkahwinan yang berkonflik menghasilkan keibubapaan yang kurang berkesan dan perkara ini secara tidak langsung akan menjejaskan hubungan ibu bapa-anak (Buehler & Gerard, 2002). Perhubungan keluarga yang tidak baik pula boleh memberi kesan negatif ke atas kesejahteraan hidup anak. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa perhubungan ibu bapa-anak yang tidak harmoni (Aufseeser et al., 2006; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006) dan keibubapaan yang kurang berkesan (Dishion, 1990; Low & Mulford, 2012) menjejaskan kesejahteraan anak. Ini kerana perhubungan dalam keluarga memberikan suatu pengalaman untuk anak membesar (Gauze et al., 1996). Sebaliknya, keluarga yang mengamalkan keibubapaan yang positif, mesra dan menyokong boleh melahirkan individu yang prososial (Aufseeser et al., 2006). Juga, amalan pengurusan keluarga yang lemah dan tidak menyokong boleh memberi kesan negatif terhadap tingkah laku anak apabila mereka membesar (Dishion, 2010).

Pada peringkat antarabangsa, kebanyakan kajian kesejahteraan hidup kanak-kanak sedia ada dibina berdasarkan kepada perspektif dan teori Ekologi Sosial; khususnya teori Ekologi Sosial Keluarga oleh Brofenbrenner. Teori dan perspektif ekologi sosial sering menjadi pilihan para pengkaji kerana kesemua mereka tidak dapat menyangkal kepentingan atau pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Berasaskan kepada pendekatan ekologikal, sesuatu fenomena sosial yang berlaku sukar untuk dijelaskan dengan hanya meneliti satu faktor. Ini kerana pelbagai faktor saling berinteraksi dalam mempengaruhi atau memberi kesan kepada sesuatu perkara yang berlaku. Maka, dalam konteks pemenuhan keperluan asas dan kesejahteraan anak, pelbagai faktor dalam pelbagai sistem perlu diteliti. Misalnya, Bradshaw et al. (2007) mendapati kesejahteraan kanak-kanak mempunyai hubungan dengan faktor seperti kemiskinan, sosioekonomi, keadaan tempat tinggal, situasi keluarga dan kualiti perhubungan keluarga. Sun (2001) pula mendapati kesejahteraan hidup kanak-kanak boleh berkurangan apabila ibu bapa mengalami konflik perkahwinan atau bercerai. Seterusnya, Boivin, Rice, Hay, Harold, Lewis, Van Den Bree & Thapar (2009), Sun dan Li (2004) dan Aufseeser et al. (2006) mendapati faktor persekitaran keluarga seperti perhubungan ibu bapa-anak, amalan keibubapaan dan aktiviti keluarga memberi kesan kepada kesejahteraan anak.

Sejajar dengan pandangan-pandangan di atas, dalam mengkaji kesejahteraan anak, kajian ini memfokus kepada semua *microsystem* kanak-kanak yang berada dalam ekologi keluarga. Faktor-faktor tersebut ialah saiz keluarga, struktur keluarga, status sosioekonomi, kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa dan kualiti hubungan ibu bapa-anak. Terdapat banyak kajian dalam negara yang menjadikan faktor-faktor keluarga di atas sebagai pembolehubah utama dalam kajian-kajian mengenai masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak (i.e., Fadilah & Hamidah, 2006; Siti Hajar & Abd. Hadi, 2012;

Pathmanathan & Siti Hajar, 2013; Wan Hassan & Siti Norlina, 2006; Zarina, 2009). Namun, masih tidak terdapat satu kajian pun di peringkat tempatan yang mengkaji hubungan faktor-faktor tersebut dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Bagi mengisi kelompangan ini, kajian ini cuba untuk mengukur bagaimana setiap faktor keluarga berkenaan mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dalam hal ini, kajian ini melihat halangan-halangan yang wujud dalam setiap faktor keluarga yang menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menikmati kesejahteraan hidup.

Bersesuaian dengan hal ini juga, persoalan kedua yang cuba dijawab oleh kajian ini adalah *mengapa kesejahteraan hidup kanak-kanak bergantung kepada keadaan ekologi keluarga mereka?* Dapatan terkumpul daripada persoalan kajian ini penting dalam merangka intervensi-intervensi sosial yang dapat meningkatkan kualiti hidup keluarga di mana kanak-kanak membesar di dalamnya. Dasar Kanak-kanak tidak boleh terpenggal daripada Dasar Keluarga. Amalan di kebanyakan negara maju ialah kanak-kanak merupakan komponen penting dalam Dasar Keluarga Negara mereka. Dasar Kanak-kanak dan Dasar Keluarga di negara-negara ini saling melengkapi antara satu sama lain. Keadaan ini jelas memperlihatkan yang kesejahteraan hidup kanak-kanak bergantung sebahagian besarnya kepada kesejahteraan hidup keluarga mereka.

1.2.3 Bagaimana ekologi keluarga di Malaysia boleh diperkasakan agar kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia dapat dipertingkatkan?

Setelah meneliti faktor-faktor ekologi keluarga yang mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak, suatu usaha perlu dilakukan bagi memperkasakan ekologi keluarga agar kesejahteraan kanak-kanak yang amat bergantung kepada ekologi keluarga dapat dipertingkatkan. Di luar negara, pasukan penggerak (*stakeholders*) perkhidmatan

kebijakan kanak-kanak telah mencadangkan pelbagai program dan polisi berkaitan keluarga bagi memastikan kesejahteraan hidup kanak-kanak sentiasa berada pada tahap baik (Ben-Arieh, 2010; Bruyere & Garbarino, 2010; Low & Mulford, 2012).

Antara intervensi yang diambil adalah mempertingkatkan kualiti persekitaran keluarga; misalnya dengan meningkatkan kualiti keibubapaan dan peranan ibu bapa dalam mensosialisasikan anak serta meningkatkan interaksi dan perhubungan dalam keluarga. Power dan Maluccio (1998) misalnya telah mencadangkan pendekatan yang bersifat intergenerasi iaitu menerusi pelbagai program yang membabitkan ibu bapa dan juga anak yang berisiko. Pendekatan ini dicadangkan bagi bertindakbalas dengan bukti-bukti empirikal yang menunjukkan faktor risiko keluarga seperti pendapatan rendah, kemiskinan, mengalami masalah dari segi komunikasi keluarga dan mengalami kesulitan dari segi pengurusan rumah tangga dan keibubapaan boleh menyebabkan anak mengalami gangguan dan ketidakcukupan dari segi persediaan sebagai individu dewasa yang seterusnya menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Swick dan Williams (2006) turut menggunakan pendekatan ekologi keluarga untuk memperkasakan keluarga yang mengalami tekanan hidup. Keluarga dibantu untuk memanfaatkan elemen sokongan dan sumber dalam sistem-sistem di persekitaran mereka. Low dan Mulford (2012) yang juga menggunakan pendekatan ekologi keluarga, merancang program pencegahan dan intervensi untuk membantu keluarga yang mengalami masalah penyesuaian tingkahlaku anak dan keganasan rumahtangga.

Di Malaysia, program-program pemerksaan keluarga juga telah banyak dijalankan. Antaranya ialah Program Utamakan Keluarga yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Modul Keluarga Sakinah yang dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan

Program (kursus) Praperkahwinan yang dikelola oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Namun begitu, objektif program-program tersebut bersifat amat spesifik. Misalnya Program Praperkahwinan lebih menjurus kepada pengurangan kes penceraian; bukannya untuk memperkasakan peranan keibubapaan (Utusan Malaysia, 23 Sept. 2003). Semua program tersebut tidak berorientasikan kesejahteraan kanak-kanak. Kebanyakan penyertaan program pula, terutamanya yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan LPPKN adalah secara sukarela dan tiada polisi tertentu untuk menguatkuasakan keluarga yang berisiko untuk mengikuti program tersebut. Oleh kerana hebahannya tidak menyeluruh, tidak semua ahli dalam masyarakat mendapat manfaat daripadanya.

Selain itu, belum ada program pemerksaan keluarga yang benar-benar memberi fokus kepada kesejahteraan anak dengan mengambilkira konteks ekologi keluarga. Oleh yang demikian, di akhir kajian ini, pengkaji berhasrat untuk menghasilkan program pemerksaan keluarga yang terfokus kepada usaha-usaha mensejahterakan kehidupan kanak-kanak. Menerusi dapatan kajian ini, pengkaji bercadang untuk membina satu modul kesejahteraan hidup kanak-kanak berasaskan pemerksaan keluarga yang mampu menyuburkan fungsi setiap tahap ekologi keluarga yang mempengaruhi kehidupan kanak-kanak. Modul ini juga akan dibina berdasarkan indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang ditemui dalam kajian ini. Pembinaan modul intervensi sosial yang memperlihatkan konsistensi antara kerangka teoritikal dan bukti-bukti empirikal yang sistematik lazimnya berjaya menghasilkan modul intervensi yang bersifat memenuhi keperluan klien perkhidmatan/program (*needs-based intervention*); yang selalunya lebih efektif dalam menangani isu atau masalah sosial yang ditangani. Bersesuaian dengan hasrat ini, persoalan terakhir yang cuba dirungkai oleh kajian ini adalah *bagaimana ekologi keluarga di Malaysia boleh diperkasakan, agar*

kesejahteraan hidup kanak-kanak yang bergantung kepada ekologi keluarga dapat dipertingkatkan?

1.3 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Secara spesifiknya, objektif khusus kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. mengkaji tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia,
2. menentukan hubungan ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak; dan
3. membina indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia.

Berdasarkan dapatan ketiga-tiga objektif di atas, kajian ini akan mencadangkan intervensi-intervensi sosial yang mampu menambahbaik atau mempertingkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Dua sumbangan utama kajian ini ialah Indeks Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak di Malaysia, dan modul khusus berkaitan dengan Program Pemerkasaan Keluarga yang terfokus kepada usaha-usaha mensejahterakan kehidupan kanak-kanak di Malaysia.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini mengkaji pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Hubungan di antara ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini diteliti menerusi Teori Ekologi Manusia dan Pendekatan Ekologi Keluarga. Kajian ini memfokus kepada perspektif ekologi kerana kanak-kanak perlu

membesar dalam persekitaran keluarga yang mesra, menyokong dan penyayang. Premis utama pendekatan ekologi adalah kewujudan sesuatu fenomena sosial atau isu atau perkara dalam masyarakat berpunca daripada pelbagai faktor dalam ekologi (Low & Mulford, 2012). Perspektif ekologi melihat perkembangan manusia daripada konteks individu dalam persekitaran (*person-in-environment*) dengan memberi penekanan kepada prinsip perkembangan berlaku dalam konteks perhubungan atau interaksi antara manusia dengan persekitarannya (Bruyere & Garbarino, 2010).

Dalam mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak, ramai pengkaji (spt. Bastos et al., 2007; Bradshaw et al., 2007; Sanchez-Cantalejo, Ocana-Riola & Fernandez-Ajuria, 2008; Ezzo & Young, 2012; Pampalon & Raymond, 2000; Swords et al., 2012) telah bersetuju bahawa ianya adalah bersifat multidimensi dan boleh diukur dari aspek seperti material, pendidikan, kesihatan, risiko dan keselamatan, aktiviti dan penglibatan, persekitaran kediaman, sosioekonomi keluarga, kualiti hubungan perkahwinan, kualiti hubungan ibu bapa anak dan keperluan perkhidmatan serta aspek kesejahteraan subjektif. Pendek kata, pengaruh terhadap kesejahteraan kanak-kanak juga boleh dijelaskan melalui perspektif ekologi memandangkan wujudnya saling-interaksi di antara individu dengan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1979; Collins et al., 2007).


Ekologi keluarga dianggap sebagai satu perspektif interdisiplin yang mengkaji saling hubungan yang dinamik di antara keluarga dan konteks sosialnya (Connad & Novick, 1996). Kerangka ini melihat sesuatu perkara yang berlaku merupakan hasil interaksi antara faktor-faktor dalam sfera ekologi keluarga. Kerangka tersebut memberi pemahaman mengenai bagaimana penyesuaian antara individu dan persekitaran dipengaruhi oleh faktor yang berada dalam ekologi keluarga sama ada di paras mikro, meso, ekso mahupun makro (Low & Mulford, 2012).

Teori Ekologi Manusia (*Human Ecology Theory*) merupakan teori yang menggunakan perspektif ekologi. Teori ini mampu menjelaskan saling perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Teori Ekologi Manusia yang dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner (1979) memfokus kepada manusia sebagai organisma biologi dan insan sosial yang berinteraksi dengan persekitaran. Segala proses yang berlaku ke atas individu mempunyai kaitan rapat dengan perkara dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran sosial tersebut (Bronfenbrenner, 1979). Ini kerana interaksi dan saling pergantungan di antara manusia sebagai individu, kumpulan dan komuniti, dengan persekitaran sentiasa berlaku (Bronfenbrenner, 1979).

Bronfenbrenner (1979) mengelompokkan sfera dalam ekologi keluarga kepada sistem mikro (*microsystem*), sistem meso (*mesosystem*), sistem luaran (*exosistem*), sistem makro (*macrosystem*) dan sistem krono/masa (*cronosystem*) (Rajah 1.1). *Microsystem* ialah persekitaran terdekat yang mana individu/keluarga berada di dalamnya. Secara spesifik, *microsystem* adalah pola aktiviti, peranan dan perhubungan interpersonal yang dialami oleh individu dalam latar yang mempunyai ciri fizikal dan material yang tertentu. Persekitaran ini juga menjadi tempat spesifik di mana individu dan keluarga terlibat melaksanakan peranan mereka. Perubahan yang berlaku dalam persekitaran terdekat ini memberi kesan langsung kepada individu dan keluarga. *Mesosystem* pula ialah saling hubungan beberapa latar *microsystem* di mana individu terlibat secara langsung. *Exosystem* ialah konteks sosial di mana individu tidak mempunyai peranan aktif; namun masih mempengaruhi kehidupannya. *Exosystem* juga boleh terdiri daripada struktur sosial yang mempengaruhi cara individu berfungsi dalam *microsystem*nya. *Macrosystem* pula melibatkan konteks budaya yang lebih luas seperti

sikap dan ideologi budaya yang mempengaruhi cara hidup individu. *Cronosystem* adalah pola peristiwa dan transisi yang berlaku dalam persekitaran di sepanjang hayat.

Sistem-sistem yang berada di paras-paras yang telah disebutkan tadi berbeza mengikut latar sosial, masa dan peristiwa yang berbeza. Misalnya, dalam latar di mana kanak-kanak menjadi fokus kajian, ibu bapa, pengasuh, guru dan sistem persekolahan dan rakan sebaya merupakan *microsystem* kepada kanak-kanak tersebut. Ini kerana individu atau sistem yang disebutkan tadi memberi kesan langsung kepadanya. Namun begitu, dalam latar di mana ibu menjadi fokus kajian, sistem pendidikan anak dan rakan sebaya lebih merupakan *mesosystem* kepada ibu kerana ibu tidak terlibat secara langsung dalam sistem tersebut.




Rajah 1.1: Sfera Ekologi Keluarga

Dalam kajian ini, sfera yang mahu difokuskan ialah *microsystem*. Kanak-kanak pula merupakan unit analisis kajian ini. Pengkaji memfokus kepada sfera ini kerana paras *microsystem* memberi kesan langsung ke atas perkembangan hidup kanak-kanak (Ben-Arieh, 2010; Bruyere & Garbarino, 2010). Kanak-kanak sentiasa berinteraksi dengan persekitaran dalam fasa-fasa perkembangan mereka. Oleh yang demikian, mereka terdedah kepada peluang mahupun risiko untuk mencapai kesejahteraan hidup.

Pelbagai halangan dalam sfera ekologi keluarga boleh mengecilkan atau menafikan peluang untuk kanak-kanak hidup secara sejahtera. Perkara tersebut disebabkan oleh faktor seperti kemiskinan dan tahap sosioekonomi (Duncan & Brooks, 2000; Field & Smith, 1998), konflik dalam perhubungan ibu bapa–anak (Aufseeser et al., 2006; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006) dan keibubapaan yang kurang berkesan (Dishion, 1990; Low & Mulford, 2012). Semua keadaan tersebut boleh menghalang anak-anak untuk memenuhi keperluan asas, yang seterusnya mempunyai ramifikasi negatif ke atas kesejahteraan mereka.

Oleh itu, selaras dengan hasrat kajian ini untuk mengkaji paras *microsystem* kanak-kanak dalam ekologi keluarga, berikut adalah pemboleh ubah kajian ini yang bakal dikenal pasti interaksinya dengan kesejahteraan kanak-kanak: saiz keluarga, struktur keluarga, status sosioekonomi, kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa dan kualiti hubungan ibu–bapa anak. Berdasarkan tinjauan kajian terdahulu, pembolehubah tersebut merupakan indikator utama dalam sfera *microsystem* keluarga yang dijangka memberi kesan langsung kepada tahap kesejahteraan kanak-kanak. Seperti yang telah dijelaskan di atas, *microsystem* merupakan persekitaran terdekat yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan kanak-kanak. Oleh yang demikian, dengan mengkaji faktor-faktor dalam ekologi keluarga, pengaruh positif atau negatif *microsystem* kanak-

kanak ke atas kesejahteraan hidup mereka dapat ditentukan. Kerangka analitikal kajian yang dilakarkan secara grafik dalam Rajah 1.2 menggambarkan pengaruh ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak.



Rajah1.2: Kerangka Konseptual Kajian

1.5 Kepentingan Kajian

Ekologi keluarga merupakan persekitaran sosial yang paling hampir dengan kehidupan kanak-kanak. Pakar-pakar dalam bidang kebajikan kanak-kanak yang berteraskan perspektif Ekologi Keluarga seperti Bronfenbrenner (1979), Ben-Arieh (2010), Bruyere dan Garbarino (2010) dan Connad dan Novick (1996) telah membuktikan bahawa memang wujud saling interaksi di antara individu dengan persekitaran terdekatnya. Banyak penemuan kajian-kajian terdahulu yang membuktikan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara faktor ekologi keluarga dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak (Aufseeser et al., 2006; Duncan & Brooks, 2000; Field & Smith, 1998; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006; Low & Mulford, 2012). Walau

bagaimanapun, pengaruh faktor ekologi keluarga ke atas kesejahteraan kanak-kanak dalam konteks Malaysia, terutamanya pada masa sekarang sukar untuk ditentukan memandangkan kajian seperti ini sangat terhad. Ketiadaan kajian sebegini di peringkat tempatan menyebabkan kajian ini relevan dilakukan. Kajian ini boleh menyediakan bukti empirikal yang komprehensif mengenai indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia.

Dapatan kajian ini dijangkakan mampu memberi manfaat kepada empat kelompok sosial berikut: keluarga, kanak-kanak, masyarakat/negara dan komuniti Pekerja Sosial, khususnya pekerja sosial yang bekerja dengan keluarga dan kanak-kanak. Secara umumnya, kajian ini mampu memberi sumbangan yang meluas dan mampu memberi manfaat kepada kepada pelbagai kumpulan sasar dalam masyarakat.

Kepada institusi keluarga, penemuan kajian ini boleh dijadikan input baru dalam merangka strategi pemerkasaan keluarga khususnya dalam kalangan keluarga yang berisiko. Dapatan kajian mengenai faktor ekologi keluarga yang berisiko untuk menjejaskan kesejahteraan atau faktor yang berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak sangat berguna untuk dijadikan garis panduan untuk merancang program pembangunan keluarga dalam rangka strategi tersebut. Dalam konteks yang lebih meluas, dapatan kajian ini boleh dijadikan input dalam menambahbaik Dasar Keluarga Negara sedia ada agar ia boleh meningkatkan kebajikan hidup keluarga, khususnya anggota keluarga yang paling muda iaitu kanak-kanak.

Kanak-kanak adalah kumpulan sosial utama yang dijangkakan mendapat manfaat yang tidak ternilai daripada dapatan kajian ini. Kepentingan kanak-kanak sebagai aset sosial masyarakat dan negara adalah satu fakta yang tidak boleh disangkal.

Mereka merupakan generasi pewaris yang bakal meneruskan corak budaya sesebuah masyarakat dan mentadbir negara pada masa akan datang. Populasi kanak-kanak (berumur 18 tahun ke bawah) yang melebihi 11 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010) atau lebih kurang 40 peratus daripada jumlah penduduk negara boleh memberi kesan yang ketara kepada negara sekiranya berlaku sebarang kemungkinan kepada mereka. Maka, sebagai aset yang berharga kepada masyarakat dan negara, kualiti hidup kanak-kanak perlu dijaga dan diberi perhatian. Sekiranya kajian ini mendapati yang tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak negara berada pada tahap yang baik, maka langkah-langkah pengekalan dan pemantapan boleh dilaksanakan. Sebaliknya, sekiranya kajian ini mendapati yang tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak kurang memberangsangkan, maka, langkah-langkah untuk memulihkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka boleh dilakukan sebelum kesan negatif ke atas kanak-kanak itu sendiri dan kesan kepada masyarakat menjadi lebih parah. Tindakan-tindakan remedi sosial sebegini sudah pasti mampu meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia, yang sekiranya dilakukan secara berterusan sudah pasti mampu membantu kanak-kanak di negara ini besar-membangun menjadi seorang dewasa yang produktif dari segi sosial, ekonomi dan kegiatan sivik. Ini sudah pasti menguntungkan negara dan masyarakat.

Seterusnya, kepada masyarakat dan negara, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai asas oleh agensi-agensi pelaksana perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dalam mengisi lompong yang terdapat di dalam Dasar Kanak-kanak Negara dan sistem kebajikan kanak-kanak sedia ada; serta dalam mengembangkan pelbagai inisiatif yang bermatlamat untuk menambah-baik kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang dihasilkan oleh kajian ini boleh dijadikan sebagai asas pelan tindakan (*blueprint*) oleh kerajaan, agensi-agensi dan organisasi

perkhidmatan yang berkaitan dengan hal-ehwal kebajikan kanak-kanak, serta organisasi-organisasi sektor ketiga yang banyak memperjuangkan hak kanak-kanak dalam merangka sebarang bentuk program intervensi dan perkhidmatan sosial yang mampu meningkatkan lagi kualiti hidup kanak-kanak di Malaysia. Kerajaan Malaysia juga tidak perlu lagi bergantung kepada data kesejahteraan kanak-kanak yang dikumpulkan oleh organisasi supranasional. Indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang dihasilkan oleh kajian ini setanding dengan indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang dihasilkan oleh negara-negara maju lain. Indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang dihasilkan oleh kajian ini merupakan satu indeks yang sah (*valid*) dan boleh dipercayai (*reliable*) yang boleh digunakan sebagai *blueprint* untuk melengkapkan lagi Dasar Kanak-kanak Negara sedia ada.

Akhir sekali, dapatan kajian ini mempunyai sumbangan yang tidak ternilai kepada perkembangan bidang ilmu Kerja Sosial; khususnya Kerja Sosial Keluarga (*Family Social Work*) dan Kerja Sosial dengan kelompok kanak-kanak (*Social Work with Children*). Kerja Sosial Keluarga ialah suatu pendekatan untuk bekerja dengan keluarga yang merangkumi pelbagai jenis program seperti pemulihan, perlindungan dan sokongan (Collins, Jordan & Coleman, 2007). Ia bertujuan untuk membantu keluarga berfungsi dengan lebih kompeten dalam memenuhi keperluan ekonomi dan perkembangan setiap ahlinya (Collins et al., 2007). Pendekatan yang digunakan dalam Kerja Sosial Keluarga membantu keluarga dengan tiga cara utama iaitu memperkukuhkan kekuatan yang ada, memberi sokongan kepada keluarga dan membantu keluarga membuat perubahan dari segi kefungsiannya (Collins et al., 2007). Manakala, Kerja Sosial dengan kelompok kanak-kanak ialah pendekatan dalam bentuk program, aktiviti atau intervensi untuk menjaga kebajikan, melindungi kanak-kanak dari teraniaya dan mempertingkatkan kesejahteraan kanak-kanak (Segal, Gerdes & Steiner,

2007). Dengan meletakkan kanak-kanak sebagai fokus tugas, kebajikan mereka dalam semua aspek berkait dengan kesejahteraan termasuk melindungi keselamatan dan menggalakkan perkembangan psikososial mereka akan terjaga (DuBois & Miley, 2008).

Dapatan kajian ini boleh memberi manfaat kepada perkembangan bidang ilmu ini dengan cara menjadikan penemuan kajian ini sebagai maklumat baru untuk memahami persekitaran sosial keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak dan perkaitan antara kedua-duanya. Dari segi kemahiran pula, cadangan intervensi yang disarankan dalam kajian ini memberi implikasi kepada kemahiran untuk membantu keluarga; sama ada memantapkan kemahiran sedia ada atau mewujudkan kemahiran baru yang sesuai dengan keadaan semasa keluarga zaman sekarang atau intervensi lebih berkesan. Dari aspek pendekatan pula, kajian ini menawarkan satu pendekatan baru kepada pekerja sosial dalam bekerja dengan kanak-kanak; khususnya kanak-kanak berisiko. Pendekatan *socially perceived needs* (Infra, Bab Empat: hal.156; Bab Lima: hal.174) merupakan salah satu daripada pendekatan penilaian keperluan (*needs assessment*) yang membenarkan klien perkhidmatan menyuarakan dan menyatakan defisit keperluan yang mereka alami. Pendekatan sebegini amat membantu dalam penghasilan sebuah perkhidmatan yang bersesuaian dengan defisit keperluan yang dialami oleh klien perkhidmatan. Pendekatan ini juga memberi “otoriti” dan “rasa hakmilik” (*ownership*) kepada klien perkhidmatan dalam menentukan jenis perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka. Pendekatan ini bukan sahaja menyediakan ruang untuk pekerja sosial bekerja bersama-sama dengan klien perkhidmatan secara proaktif, malah, membantu pekerja sosial merangka pelan penjagaan (*care plan*) yang sesuai dengan keperluan klien. Memandangkan bidang Kerja Sosial Keluarga merupakan cabang bidang Kerja Sosial yang masih baru di Malaysia, dengan adanya kajian terkini mengenai keluarga

termasuk cadangan intervensi yang bersesuaian dengan keperluan semasa, ilmu tersebut dapat dikembangkan dan dimanfaatkan oleh para pengkaji dalam bidang ini.

1.6 Struktur Bab Dalam Tesis

Tesis ini mengandungi lapan bab. Kandungan setiap bab adalah seperti berikut:

Bab 1- latar belakang kajian iaitu permasalahan dan persoalan kajian, objektif kajian, skop, kerangka konseptual dan kepentingan kajian.

Bab 2 – ulasan literatur mengenai kesejahteraan kanak-kanak; sejarah perkembangan bidang kebajikan kanak-kanak di dalam dan luar negara dan pemilihan indikator untuk menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Bab 3 - bab yang mengupas kerangka teoritikal kajian. Dalam bab ini juga, pengkaji turut menulis bagaimana teori dan kajian-kajian lepas menjelaskan perkaitan antara kesejahteraan kanak-kanak dengan pembolehubah bebas kajian iaitu faktor ekologi kanak-kanak.

Bab 4 - metodologi kajian termasuk rekabentuk kajian, sampel, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan perancangan analisis data.

Bab 5 - dapatan kajian bagi menjawab objektif pertama iaitu tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Bab 6 - dapatan kajian bagi menjawab objektif kedua iaitu ekologi keluarga dan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Bab 7 - pelan intervensi susulan daripada dapatan kajian ini (objektif ketiga kajian).

Bab 8 - bab penutup bagi tesis ini yang merumuskan dapatan kajian dan memberi penegasan semula terhadap cadangan yang diperincikan dalam bab yang sebelumnya.

Bab ini juga menyatakan limitasi kajian pengkaji sebagai panduan kepada pengkaji akan datang.

BAB 2: ULASAN LITERATUR MENGENAI KESEJAHTERAAN HIDUP KANAK-KANAK

2.1 Pendahuluan

Penerangan dalam bab ulasan literatur ini adalah mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak. Pengkaji mengulas kajian-kajian terdahulu yang terdapat di dalam dan luar negara, yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Menerusi penelitian literatur-literatur sedia ada berkaitan juga memberi peluang kepada pengkaji dalam mencari lompong yang terdapat dalam kajian-kajian kesejahteraan kanak-kanak sedia ada, yang seterusnya membantu pengkaji membina skop dan *niche* yang tersendiri untuk kajian ini.

Penjelasan dalam bab ini penting bagi memberi gambaran kepada para pembaca mengenai asal perkembangan kajian kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam bidang kebajikan kanak-kanak. Ia juga penting bagi memberi pembaca satu gambaran menyeluruh mengenai indikator-indikator kesejahteraan hidup kanak-kanak. Bagi memudahkan pembacaan, bab ini disusun kepada empat subtopik berikut:

- (i) Makna konsep kesejahteraan sosial (*social well-being*),
- (ii) Makna dan liputan konsep kesejahteraan kanak-kanak (*Child well-being*),
- (iii) Perkembangan bidang kajian mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak; dan,
- (iv) Indikator kesejahteraan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai Indikator Kanak-kanak (*Child Indicators*).

2.2 Konsep Kesejahteraan Sosial

Konsep kesejahteraan sosial berakar-umbi dari konsep asas “kesejahteraan”. Menurut Camfield, Streuli dan Woodhead (2008), “kesejahteraan” (*well-being*) merupakan satu konsep yang integratif memandangkan ia diterimapakai dan dikaji dalam pelbagai bidang. Antara bidang yang sering menggunakan konsep ini ialah Dasar Sosial, Kerja Sosial, Perkembangan Kanak-kanak dan Kesihatan. Selain dikaji secara empirikal, konsep kesejahteraan turut dibincangkan dalam wacana akademik dan polisi (Camfield et al., 2008). Huraian mengenai makna dan fokus kesejahteraan dalam bidang yang pelbagai dilakukan pada perenggan-perenggan yang seterusnya.

Apabila tema “kesejahteraan” digabungkan dengan tema “sosial”, liputan maknanya lebih bersifat makro kerana unsur kemasyarakatan dan kehidupan masyarakat dicerap masuk ke dalam pendefinisiannya. Perkataan “kesejahteraan” tidak membawa makna yang bererti sekiranya ia dibincangkan di luar konteks hidup masyarakat. Justeru, tema “sosial” dalam konsep “kesejahteraan sosial” membawa konotasi kehidupan masyarakat. Tema “sosial” dalam konsep tersebut juga menunjukkan kesejahteraan berlaku dalam sistem sosial yang dilingkungi oleh anggota masyarakat dan sistem-sistem yang ada dalam sesebuah masyarakat.

Dengan pencerapan konteks kemasyarakatan ke dalam tema “kesejahteraan”, “kesejahteraan sosial” adalah mengenai kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat (Siti Hajar, 2011). “Kesejahteraan sosial” juga membawa makna hidup yang baik, selamat, makmur, harmoni, maju, berbudi pekerti mulia dan adil (Siti Hajar, 2012). Kesejahteraan sosial terhasil daripada pelaksanaan dan penyampaian serangkaian polisi sosial, peraturan, program dan perkhidmatan sosial (Siti Hajar, 2012).

Siti Hajar (2011) mendapati konsep kesejahteraan sosial tercetus dan dikembangkan dalam/oleh bidang Kebajikan Sosial (*Social Welfare*). Mengulas penulisan-penulisan Titmuss (1963), seorang ilmunan tersohor dalam bidang kebajikan sosial, Siti Hajar (2011) mendapati Titmuss acapkali menegaskan kesejahteraan sosial sesebuah negara-bangsa bergantung kepada kelancaran dan keberkesanan fungsi institusi kebajikan sosial yang terdapat dalam negara tersebut. Di dalam penulisan Titmuss yang bertajuk *Essays on the Welfare State* (1963), beliau menyatakan kesejahteraan sosial boleh diancam oleh agihan kekayaan yang tidak saksama. Ini menunjukkan bahawa peranan institusi kebajikan sosial dalam memberi perkhidmatan dan mengagihkan sumber negara penting dalam menentukan kesejahteraan sosial masyarakat.

Titmuss (1963) turut menjelaskan yang kebajikan sosial adalah bidang kajian pengurusan masalah sosial. Seiring dengan itu, Dolgoff dan Feldstein (2000) berpendapat kebajikan sosial boleh merujuk kepada aktiviti membantu atau menyelamatkan anggota masyarakat daripada keadaan yang tidak selamat atau keadaan bermasalah seperti penyakit, ketidakupayaan, penganiayaan, penggangguran dan kemiskinan. Kesejahteraan hidup masyarakat bergantung kepada kelancaran dan keberkesanan institusi sosial menjalankan fungsi sosialnya. Ketiadaan institusi dan sistem kebajikan sosial boleh menyebabkan masalah sosial yang dialami tidak mempunyai institusi khas untuk menguruskannya (Siti Hajar, 2011). Ini bermakna, institusi kebajikan dan sistem kebajikan sosial begitu penting dalam memastikan kesejahteraan hidup anggota masyarakat.

Bidang Kebajikan Sosial pula terangkum ke dalam bidang Dasar Sosial. Ini kerana bidang Dasar Sosial seringkali dirujuk sebagai bidang ilmu yang mengkaji institusi, aktiviti dan perkhidmatan kebajikan sosial yang terdapat di dalam sesebuah masyarakat (Siti Hajar, 2002). Dari perspektif Dasar Sosial, kesejahteraan dikaitkan dengan kebajikan sosial dan kualiti hidup masyarakat (Spiker, 2008). Kebajikan sosial yang baik berkait dengan kesejahteraan hidup yang berkualiti (Camfield et al., 2008). Kesejahteraan hidup atau kesejahteraan sosial merupakan matlamat akhir (*ends*) kebajikan sosial (Siti Hajar, 2012). Kebajikan sosial merupakan alat atau kaedah (*means*) yang digunakan oleh pemerintah/negara bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat (Siti Hajar, 2007). Dari perspektif bidang Dasar dan Kebajikan Sosial, masyarakat yang sejahtera, atau “kesejahteraan sosial” ataupun sejahtera secara sosial bererti bebas daripada penyakit, penganiayaan dan kemiskinan, serta mempunyai pekerjaan untuk menyara kehidupan dan berupaya untuk menjalankan fungsi sosial yang telah ditetapkan secara berkesan (Dolgoft & Feldstein, 2000).

Perkembangan bidang Kebajikan dan Dasar Sosial membawa bersama mereka perkembangan bidang ilmu Kerja Sosial (*Social Work*), sebagai kemahiran-kemahiran atau metod-metod bagi menyampaikan intervensi sosial kepada masyarakat yang berhadapan dengan masalah sosial. Secara generiknya, bidang Kerja Sosial merujuk “kesejahteraan” sebagai intervensi sosial yang dilakukan dalam masyarakat untuk membantu ahli-ahlinya memenuhi keperluan hidup, meningkatkan kefungsan sosial dan menggalakkan keadilan sosial (Dubois & Miley, 2008). “Kesejahteraan” dalam Kerja Sosial juga merujuk kepada proses untuk membantu individu menyesuaikan diri dengan persekitaran, berfungsi dengan lebih baik dan membantu individu memenuhi keperluan hidup mereka (Segal et al., 2007). Selain itu, “kesejahteraan” dalam konteks Kerja Sosial juga merujuk kepada intervensi sosial yang berkait dengan proses atau

aktiviti memberi sokongan, memperkasakan, memandu, melindungi dan mempertahankan hak anggota masyarakat (Deweese, 2005).

Apabila dikhususkan kepada bidang Kerja Sosial Keluarga (*Social Work with Families*), “kesejahteraan” digunakan bagi merujuk kepada keadaan hidup keluarga yang harmoni, kemampuan anggota keluarga menjalankan fungsi mereka dengan baik, serta kemampuan anggota keluarga memenuhi keperluan hidup anggota mereka (Camfield et al., 2008; Collins et al., 2007). Justeru, bidang ini menginterpretasi keluarga yang sejahtera adalah keluarga yang harmoni, mampu berfungsi dengan baik dan dapat memenuhi keperluan hidup ahlinya (Collins et al., 2007). Keluarga yang sejahtera juga merupakan keluarga yang mempunyai hubungan keluarga yang baik, situasi ekonomi yang stabil, sihat, berada dalam persekitaran yang selamat dan mempunyai keteguhan agama (Noraini, Ghandi, Ismahalil & Saodah, 2012).

Konsep kesejahteraan sosial juga berkembang dan popular dalam bidang kesihatan. Konsep ini digunakan terutamanya dalam kajian-kajian epidemikologikal-sosial yang mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan kesihatan yang berpunca daripada faktor sosial seperti gaya hidup, amalan budaya dan nilai sosial (Statham & Chase, 2010). Menurut WHO, kesejahteraan adalah keadaan fizikal, mental dan sosial yang baik; tidak hanya bebas daripada penyakit atau keuzuran (Statham & Chase, 2010). Definisi yang diberikan oleh WHO pada tahun 1978 itu turut mengambil kira aspek kesejahteraan sosial (Statham & Chase, 2010). Sejak itu, kesejahteraan muncul sebagai sebuah konsep untuk menjelaskan kualiti hidup.

Konsep kualiti hidup telah digunakan secara meluas bagi merujuk kepada konsep kesejahteraan sosial (Haq & Zia, 2013; EPU, 2011). Kesejahteraan adalah

indikator utama kepada kehidupan yang baik (Haq & Zia, 2013). Dalam penulisan mereka, konsep kualiti hidup yang digunakan merujuk kepada kesejahteraan pelbagai dimensi (*multidimensional well-being*) yang merangkumi indikator kualiti hidup yang bersifat objektif (boleh diukur) dan subjektif (pandangan/tanggapan). Indikator-indikator utamanya ialah keadaan hidup, kesihatan, pendidikan dan keadaan ekonomi. Di Malaysia misalnya, keluarga yang sejahtera merupakan salah satu indikator dalam menentukan Indeks Kualiti Hidup (EPU, 2011). Keluarga yang sejahtera dalam laporan Indeks Kualiti Hidup di Malaysia merujuk kepada keluarga yang tidak mengalami konflik rumahtangga hingga mengakibatkan perceraian, anak-anak dalam keluarga tidak bertingka-laku delinkuen atau tidak terlibat dengan aktiviti jenayah, dan purata pendapatan isirumah yang tinggi (EPU, 2011). Ini menunjukkan perbincangan mengenai kualiti hidup tidak boleh mengelak dari membincangkan konsep kesejahteraan.

Secara umumnya, kesejahteraan lebih dikenali sebagai konsep yang mempunyai pelbagai perspektif memandangkan tiada pemahaman tunggal dalam memahami konsep kesejahteraan (Gabhainn & Sixsmith, 2005). “Pelbagai perspektif” dalam hal ini bermaksud definisi kesejahteraan mengambil kira perspektif dan keperluan pelbagai golongan misalnya lelaki dan wanita, dewasa, kanak-kanak, golongan kaya dan miskin. Kesejahteraan juga mempunyai fokus yang tersendiri dari perspektif penggubal dasar dan agensi-agensi yang bertanggungjawab menjaga kesejahteraan masyarakat.

Pendek kata, kesejahteraan sosial membawa maksud berada dalam keadaan sihat, gembira dan bebas mengikut kemahuan individu dan sesebuah masyarakat (Zimmerman, 1992). Mengaplikasi makna ini ke dalam kehidupan harian, Zimmerman seterusnya mengatakan kehidupan individu dilihat sebagai sejahtera apabila ia boleh

menjalankan peranannya dengan berkesan, bebas dari penyakit dan ancaman bahaya, serta bebas melakukan aktiviti harian tanpa banyak halangan. Kehidupan masyarakat pula dikatakan sejahtera apabila masyarakat tersebut hidup harmoni dalam persekitaran yang selamat di mana aspek kebajikan mereka dipelihara, dan dapat menghasilkan generasi yang produktif. Semua perkara tersebut boleh dicapai sekiranya kadar kemiskinan dan pengangguran dapat dikurangkan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dapat ditingkatkan serta pencapaian akademik generasi muda menunjukkan kemajuan.

Kruger (2011) berpendapat konsep kesejahteraan sosial bersifat subjektif. Ini kerana penilaiannya melibatkan pelbagai domain kehidupan seperti mempunyai keperluan yang mencukupi untuk hidup sihat dan gembira, keadaan kewangan yang baik, kerjaya dan perhubungan sosial yang baik (Kruger, 2011). Kesejahteraan sosial ialah keadaan hidup seharian individu atau masyarakat yang dinilai melalui pemenuhan suatu keperluan atau pencapaian suatu usaha dalam hidup.

Selain itu, Kruger (2011) juga mendapati yang konsep kesejahteraan sosial juga merangkumi ketiadaan faktor negatif dalam hidup seperti tekanan, kekecewaan dan kegagalan. Keadaan hidup menjadi tidak sejahtera apabila banyak perkara negatif seperti kekecewaan, pengangguran, dan tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup dan ancaman keselamatan berlaku dalam hidup. Sebaliknya, keadaan hidup yang sejahtera wujud apabila perkara-perkara yang positif seperti perasaan gembira, berjaya dalam kerjaya, mempunyai kesihatan yang baik, dapat meluangkan masa berkualiti bersama keluarga dan rakan berlaku dalam hidup.

Penjelasan Kruger mengenai makna dan liputan kesejahteraan sosial berkaitan rapat dengan maksud kesejahteraan sosial yang dinyatakan oleh Spiker (2008). Spicker

mengatakan kesejahteraan sosial adalah sinonim dengan kebajikan sosial. Beliau menjelaskan bahawa kesejahteraan sosial memberi fokus kepada keperluan manusia. Kesejahteraan sosial meningkat apabila keperluan manusia; khususnya keperluan asasi mereka dipenuhi (Spiker, 2008).

Sebelum Spicker menjelaskan kaitan antara kesejahteraan dan kebajikan sosial, Midgley (1995) mengatakan kesejahteraan sosial perlu dilihat dari aspek bagaimana masyarakat menguruskan kekurangan keperluan, menangani masalah sosial dan menyediakan peluang untuk ahlinya memajukan diri. Berdasarkan kepada pandangan ini, Midgley menyatakan kesejahteraan sosial tercapai apabila tiga keadaan berikut wujud dalam kehidupan sesebuah masyarakat:

- (i) Tidak wujud kekurangan keperluan hidup anggota masyarakat atau pun semua defisit keperluan yang wujud dalam masyarakat dapat dipenuhi,
- (ii) Masalah sosial yang mengancam keharmonian hidup masyarakat dapat ditangani dengan berkesan; dan,
- (iii) Terdapat pelbagai peluang untuk anggota masyarakat memajukan diri masing-masing.

Ketiga-tiga keadaan sosial tersebut boleh menentukan sama ada individu, keluarga mahupun masyarakat berada dalam keadaan sejahtera atau tidak. Berdasarkan pandangan Midgley, kesejahteraan boleh dicapai sekiranya semua defisit keperluan dapat dipenuhi, masalah sosial dapat ditangani dengan berkesan dan setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memajukan diri masing-masing. Namun, jika sebaliknya berlaku, kesejahteraan tidak dapat dicapai.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, pengkaji menyimpulkan yang konsep kesejahteraan sosial merujuk kepada keperluan hidup yang dapat dipenuhi, dapat berfungsi secara sosial dengan baik, keupayaan membuat penyesuaian dengan keadaan persekitaran yang mencabar, hidup dengan selamat, selesa, gembira, harmoni, bebas dari penyakit, mempunyai hubungan yang baik dengan individu di sekeliling, akses kepada pelbagai perkhidmatan yang diperlukan serta berada dalam sebuah masyarakat yang menjaga kebajikan ahli-ahlinya. Bagi konteks kajian ini, konsep kesejahteraan sosial digunakan bagi merujuk kepada keadaan di mana semua keperluan hidup dalam bentuk material dan bukan material dapat dipenuhi dan mempunyai hubungan keluarga yang baik.

2.3 Kesejahteraan Kanak-kanak (*child well-being*)

Kesejahteraan hidup kanak-kanak mempunyai beberapa tafsiran, bergantung kepada konteks penulisan dan bidang kajian (Bradshaw et al., 2006). Misalnya, kalau mengikut bidang Perkembangan Kanak-kanak (*Child Development*), kesejahteraan digunakan bagi merujuk kepada aspek kognitif, fizikal dan sosial, penyesuaian psikososial, pencapaian akademik, konsep diri yang positif dan status pemakanan (Camfield et al., 2008). Kesejahteraan dari aspek fizikal misalnya boleh diukur melalui pemenuhan keperluan material dan akses kepada perkhidmatan. Kesejahteraan dari aspek psikososial dan konsep diri pula boleh diukur melalui pemenuhan keperluan penglibatan, kualiti hubungan dan aspek kesejahteraan subjektif.

Dari sudut bidang Dasar Sosial pula, kesejahteraan kanak-kanak merujuk kepada sejauh mana kebajikan hidup kanak-kanak dicapai berdasarkan indikator-indikator kualiti hidup (Ben-Arieh, 2006). Kesejahteraan kanak-kanak dari sudut bidang ini juga

merujuk kepada sejauh mana keperluan hidup kanak-kanak dapat dipenuhi dan serangkaian perkhidmatan yang berhak diterima oleh kanak-kanak dapat diakses (Richardson, 2009). Kesejahteraan kanak-kanak dalam bidang Dasar Sosial juga dikaitkan dengan perihal kebajikan dan keadilan kepada golongan kanak-kanak selain perihal agensi yang bertanggungjawab menjaga kebajikan kanak-kanak.

Seterusnya, kesejahteraan kanak-kanak bagi konteks ekosistem kanak-kanak adalah merujuk kepada sumber dan faktor risiko yang berkait dengan kehidupan kanak-kanak dan persekitarannya (Bradshaw et al., 2006). Aspek material, kesihatan, keselamatan, pendidikan, hubungan keluarga, hubungan dengan rakan sebaya, kesejahteraan subjektif dan penglibatan dalam tingkahlaku berisiko mampu memberi impak besar kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kanak-kanak membesar dalam persekitaran keluarga yang bahagia, mempunyai keperluan hidup yang mencukupi dan terlindung daripada ancaman bahaya (Bradshaw et al., 2006).

Bradshaw, Bloor, Huby, Rhodes, Sinclair, Gibbs, Noble, McLennan & Wilkinson (2009) mengatakan kesejahteraan hidup kanak-kanak digambarkan melalui sejauh mana kanak-kanak bertingkah laku dalam pelbagai domain kehidupan mereka. Domain tersebut merangkumi kawasan dalam dan luar rumah, dan melibatkan individu di sekeliling kanak-kanak seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah dan komuniti. Tingkahlaku pula merujuk kepada tingkahlaku positif dan negatif; termasuk kebolehan untuk menyesuaikan diri dalam keadaan persekitaran dan memiliki kemahiran mengendalikan masalah atau konflik.

Dari satu sudut, kesejahteraan kanak-kanak merujuk kepada kesihatan kanak-kanak dan kesejahteraan yang berkait secara langsung dengan keupayaan keluarga untuk menyediakan keperluan fizikal, emosi dan sosial mereka (Schor, 1995 dlm Pollard & Lee, 2003). Dari aspek kesihatan, kanak-kanak yang sejahtera adalah kanak-kanak yang diberi imunisasi seperti yang sepatutnya, berpeluang mendapat rawatan di klinik/hospital apabila memerlukan, mengambil sarapan pagi dan memperoleh makanan yang seimbang dari segi zat dan vitamin.

Kesejahteraan kanak-kanak juga boleh dimaksudkan sebagai keupayaan untuk berjaya menjadi resilien, terlibat secara inovatif dalam rutin harian dan aktiviti dalam komuniti, serta mempunyai minda dan perasaan yang baik yang terhasil daripada penglibatan dalam aktiviti seharian (Weisner, 1998 dlm Pollard & Lee, 2003). Dalam hal ini, kanak-kanak yang sejahtera adalah mereka yang berpeluang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di peringkat keluarga, sekolah dan komuniti bagi membolehkan mereka hidup dengan sejahtera.

Selain itu, kesejahteraan kanak-kanak juga ditakrifkan sebagai sebuah konstruk yang bersifat multidimensi yang melibatkan elemen psikologikal, fizikal dan sosial (Columbo, 1986 dlm Pollard & Lee, 2003). Malah, ramai pengkaji (spt: Bastos, Fernandes & Passos, 2004; Bradshaw et al., 2007; Sanchez-Cantalejo et al., 2008; Ezzo & Young, 2012; Pampalon & Raymond, 2000; Swords et al., 2012) bersetuju bahawa kesejahteraan kanak-kanak bersifat multidimensi. Elemen psikologikal, fizikal dan sosial tersebut terangkum dalam aspek-aspek seperti material, pendidikan, kesihatan, risiko dan keselamatan, aktiviti dan penglibatan, persekitaran kediaman, sosioekonomi keluarga, kualiti hubungan perkahwinan, kualiti hubungan ibu bapa anak dan keperluan perkhidmatan serta aspek kesejahteraan subjektif.

Semua tafsiran di atas diberikan oleh individu dewasa; bukannya kanak-kanak. Kanak-kanak juga mempunyai persepsi dan definisi tersendiri mengenai kesejahteraan hidup mereka. Bagi kanak-kanak, kesejahteraan hidup mereka ialah apabila mereka mempunyai masa untuk bersama dengan keluarga yang bahagia, mempunyai ramai kawan baik dan boleh melakukan banyak perkara terutamanya aktiviti di luar rumah (IPSOS & Naim, 2011). Aspek-aspek yang membuatkan mereka merasa sejahtera seperti yang disebutkan di atas merupakan aspek yang menjadi keperluan dalam hidup mereka. Kanak-kanak juga berpandangan yang kesejahteraan hidup adalah satu perkara-perkara yang positif seperti kebahagiaan, keseronokan, ketenangan, keamanan dan keharmonian (Fattore, Mason & Watson, 2007). Maka, kanak-kanak yang sejahtera adalah kanak-kanak yang merasa bahagia, seronok dan selamat.

Selain daripada pandangan para saintis akademik dalam bidang kanak-kanak dan kanak-kanak sendiri, konsep kesejahteraan kanak-kanak juga cuba dijelaskan dari perspektif legislatif sosial. Antara legislatif sosial yang paling berpengaruh adalah legislatif yang berkaitan dengan hak kanak-kanak; iaitu Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Dari perspektif hak kanak-kanak, kesejahteraan kanak-kanak ialah kesedaran ke atas hak kanak-kanak seperti yang sepatutnya (Bradshaw et al., 2007). Pencapaian hak kanak-kanak boleh diukur dari aspek positif pada kanak-kanak manakala kesan negatif dan deprivasi merupakan penafian kepada hak kanak-kanak (Bradshaw et al., 2007). Kesejahteraan dan deprivasi dalam kehidupan kanak-kanak adalah umpama dua muka yang berbeza pada sekeping duit syiling (Bradshaw et al., 2007). Walaupun kesejahteraan dan deprivasi adalah dua situasi yang bertentangan, kedua-duanya berkongsi indikator yang sama iaitu keperluan untuk hidup. Kanak-kanak yang mempunyai keperluan yang mencukupi untuk hidup berada dalam keadaan

sejahtera. Sebaliknya, kanak-kanak berada dalam keadaan deprivasi atau tertekan jika keperluan hidup mereka tidak dapat dipenuhi.

Selain menerangkan maksud kesejahteraan kanak-kanak, Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) juga telah memberikan suatu kerangka normatif untuk memahami kesejahteraan kanak-kanak (Ben-Arieh, 2006; Bradshaw et al., 2007). Menurut kerangka normatif ini, kesejahteraan hidup kanak-kanak perlu dinilai berlandaskan kepada empat prinsip. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

- i. Tiada diskriminasi (Artikel 2) yang menjelaskan semua kanak-kanak perlu dilayan sama-rata dan menikmati setiap peluang hidup tanpa diskriminasi.
- ii. Kepentingan terbaik kanak-kanak (Artikel 3) yang menjelaskan apa pun keputusan yang diambil mengenai kehidupan kanak-kanak perlu terlebih dahulu mengutamakan kebajikan mereka.
- iii. Kehidupan dan perkembangan yang sihat (Artikel 6) yang memastikan kanak-kanak menerima kehidupan dan perkembangan yang baik.
- iv. Menghormati pandangan dan pendapat kanak-kanak (Artikel 12) yang memastikan pendapat dan pandangan kanak-kanak dihormati.

Keempat-empat prinsip tersebut perlu dijadikan landasan bagi membolehkan kanak-kanak menikmati hak mereka. Hak yang dimaksudkan ialah mendapat peluang sama rata untuk melibatkan diri atau penyertaan dalam politik, sosial, ekonomi dan budaya (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Hak-hak tersebut penting untuk dijaga kerana kesejahteraan hidup kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan peluang untuk mereka membesar dengan sempurna.

Maksud kesejahteraan kanak-kanak merangkumi kualiti kehidupan secara meluas; iaitu ia meliputi aspek situasi ekonomi, perhubungan dengan rakan sebaya, hak

politik dan peluang untuk membangunkan diri (Ben-Arieh & Frones, 2007). Kesejahteraan kanak-kanak merupakan suatu proses yang dinamik; iaitu akan mengalami perubahan sama ada dalam magnitud (arah) positif mahupun negatif. Ini kerana keadaan luaran (persekitaran) kanak-kanak berinteraksi secara berterusan dengan ciri peribadinya untuk memenuhi keperluan dan membina sumber psikologi, keupayaan dan interaksi yang positif agar mereka mampu berhadapan dengan dunia (Thompson & Aked, 2009). Sekiranya keadaan luaran tidak mampu memenuhi keperluan, maka kesejahteraan akan terjejas dan magnitud kesejahteraan adalah negatif. Sebaliknya, jika keadaan luaran berupaya memenuhi keperluan kanak-kanak, kesejahteraan berada di tahap yang baik dan magnitud perubahan adalah positif.

Berkaitan dengan magnitud positif dan negatif dalam menggambarkan kesejahteraan yang bersifat dinamik, Camfield et al. (2008) dan White (2007) menjelaskan bahawa kerangka kesejahteraan boleh membezakan individu dalam tiga perkara. Perkara pertama ialah membezakan antara individu yang mempunyai kehidupan yang baik dari aspek kebajikan, material dan piawaian kehidupan (*having a good life*) atau sebaliknya. Perkara kedua ialah membezakan individu yang berada dalam kehidupan yang baik dari segi nilai dan ideal (*living a good life*) atau sebaliknya. Perkara yang ketiga ialah membezakan kehidupan individu berdasarkan pengalamannya (*locating one's life*). Semakin menghampiri magnitud positif, maka semakin baik tahap kesejahteraan hidup individu. Sejahtera juga membawa maksud keadaan hidup yang baik dalam pelbagai aspek kehidupan.

Agama Islam juga mempunyai perspektif yang unik mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak. Islam amat menitikberatkan perlindungan ke atas kanak-kanak bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak bermula sejak dari peringkat janin (Sharifah

Zahrah, 1996). Islam juga amat mementingkan keperluan untuk kanak-kanak dari aspek mental, fizikal, spiritual dan material yang merupakan fitrah kepada manusia, malah keperluan yang dituntut oleh syarak (Sharifah Zahrah, 1996). Sharifah Zahrah (1996) yang mengkaji “Perlindungan Khusus untuk Kanak-kanak Dalam Islam” menggariskan enam keperluan yang perlu dipenuhi oleh individu yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak iaitu pengasuhan (spt. menjaga dan menguruskan keperluan harian seperti makan, minum, kebersihan diri, mendidik amalan baik), memberi nafkah (spt. menyediakan keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian), memberikan peluang pendidikan, sabitan kebapaan (memastikan kesihatan sebagai anak), faraid (bahagian waris daripada harta peninggalan si mati) dan perwalian (untuk urusan pernikahan).

Islam juga melihat yang keluarga dan setiap anggota dalam keluarga; khususnya ibu mempunyai peranan dan fungsi sosial yang kritikal dalam memastikan kesejahteraan hidup anak tercapai. Sejak janin di dalam kandungan, ibu bertanggungjawab untuk menjaga kandungan dengan menjaga pemakanan dan tingkahlaku kerana ia boleh mempengaruhi pembentukan fizikal dan akhlak anak yang bakal lahir (Sharifah Zahrah, 1996). Apabila anak lahir, ibu perlu menyusukannya manakala bapa dipertanggungjawabkan untuk urusan seperti menyediakan keperluan dan memastikan keselamatan anak (Sharifah Zahrah, 1996).

Berdasarkan kepada definisi-definisi, tafsiran-tafsiran serta perspektif-perspektif di atas, pengkaji menyimpulkan kesejahteraan kanak-kanak ialah ukuran mengenai keseluruhan kehidupan kanak-kanak dari aspek emosi, fizikal dan sosial, dan sejauh mana aspek yang menjadi keperluan hidup kanak-kanak dipenuhi. Kesejahteraan kanak-kanak itu boleh diukur dari aspek kesan yang dialaminya (Bradshaw et al., 2007). Kesan tersebut pula adalah hasil interaksi di antara faktor-faktor sumber dan risiko yang

berkait dengan situasi peribadi kanak-kanak, keluarga, kawan, sekolah dan konteks masyarakat yang lebih luas (Bradshaw et al., 2007). Kesejahteraan kanak-kanak boleh dicapai sekiranya aspek keperluan hidup mereka dapat dipenuhi, mencukupi dan berada dalam persekitaran yang penyayang dan menyokong.

Perspektif barat mempunyai cara tertentu untuk mengukur kesejahteraan kanak-kanak. Perspektif Islam juga mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap penentuan keperluan dan kesejahteraan kanak-kanak. Bagi menghasilkan indikator kesejahteraan kanak-kanak yang komprehensif, kajian ini akan mengambil kira kedua-dua perspektif tersebut. Setelah mengambil kira pengalaman pengkaji-pengkaji terdahulu, kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini dinilai dari perspektif kanak-kanak; iaitu berdasarkan pengalaman kanak-kanak itu sendiri. Ia diukur berdasarkan sejauh mana suatu indikator yang menjadi keperluan hidup kanak-kanak dapat dipenuhi. Sekiranya indikator yang menjadi keperluan kanak-kanak itu dapat dipenuhi, maka kanak-kanak itu dikatakan mengalami kesejahteraan hidup yang baik.

2.4 Perkembangan Bidang Kajian Kesejahteraan Kanak-kanak

Sejarah perkembangan bidang kajian dan indikator kesejahteraan kanak-kanak (*Child well-being Index*) ini dijelaskan dalam dua latar sosio-budaya-geografi; iaitu perkembangannya di peringkat antarabangsa dan peringkat tempatan.

2.4.1 Arena antarabangsa

Bidang kajian kesejahteraan kanak-kanak tercetus daripada perkembangan bidang kebajikan kanak-kanak apabila Alfred J. Kahn mula membuat kajian mengenai kebajikan kanak-kanak secara perbandingan merentasi negara pada tahun 1940an di

Amerika Syarikat dan Eropah (Ben-Arieh, 2010). Kajian tersebut bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan kebajikan kanak-kanak di antara satu negara dengan negara lain disebabkan perbezaan dasar sosial. Selain itu, kajian tersebut juga bertujuan untuk mengkaji keadaan dan sokongan ekonomi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sekiranya keluarga tidak mampu dari segi ekonomi atau memberi penjagaan, kerajaan perlu melakukan sesuatu untuk membantu keluarga dan masyarakat. Kahn membandingkan kesejahteraan dalam kalangan kanak-kanak miskin, kanak-kanak berisiko dan kanak-kanak yang tidak bernasib baik (Ben-Arieh, 2010). Semua kajian awal Kahn memberi implikasi kepada dasar sosial.

Kahn juga turut bekerjasama dengan *Citizen Committee for Children* di New York dalam kajian *State of children* untuk memperjuangkan isu kebajikan kanak-kanak (Ben-Arieh, 2006). Kajian tersebut juga bertujuan untuk memantau keadaan hidup kanak-kanak merentasi sempadan geografi. Perkara tersebut dilakukan pada awal pembabitannya dalam bidang akademik iaitu sekitar tahun 1950an. Ini menunjukkan bahawa isu kebajikan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak telah mula mendapat perhatian secara global seawal tahun 1950an lagi.

Selain di Amerika Syarikat, Kahn bersama Shiela B. Kamerman juga adalah antara perintis kepada kajian kebajikan kanak-kanak di negara Asia seperti Jepun, Australia dan Amerika Selatan seperti Uruguay dan Argentina. Semenjak tahun 1950an lagi, mereka telah melakukan pelbagai kajian mengenai kesan sosio-ekonomi kepada kebajikan kanak-kanak, serta isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan ekonomi, kemiskinan kanak-kanak, ketidakcukupan keperluan, situasi keluarga dan pengalaman hidup ke atas kehidupan kanak-kanak. Menerusi hasil penelitiannya dalam kajian-kajian yang prolifik dalam bidang kebajikan sosial di beberapa buah negara, Kahn telah

mendapati wujudnya tiga aspek penting yang memerlukan transformasi kepada bidang kebajikan sosial.

Pertama, Kahn berpendapat beberapa pelaksanaan dalam sistem pentadbiran seperti peruntukan kerajaan, tindakan mahkamah, rundingcara dan perkhidmatan kebajikan khususnya kepada kanak-kanak tidak dilakukan dengan baik (Kahn, 2010). Misalnya di negara Amerika Syarikat, dasar kerajaan yang lemah dan ketiadaan perkhidmatan yang tersusun untuk kanak-kanak pada masa tersebut menyebabkan ramai kanak-kanak dijadikan buruh manakala kanak-kanak miskin dan yatim pula tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya (McGowan, 2010). Maka, Kahn mencadangkan agar kepimpinan dalam perkhidmatan sosial awam, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, pengkaji dasar dan masyarakat berfikir secara strategik untuk menyusun semula dan melakukan penambahbaikan kepada sistem kebajikan kanak-kanak.

Aspek kedua, perkhidmatan sosial yang lebih tertumpu kepada kanak-kanak miskin dan menderitanya turut memerlukan transformasi daripada perkhidmatan yang bersifat selektif untuk sesetengah golongan kepada perkhidmatan yang lebih bersifat universal. Kahn berpendapat semua kanak-kanak memerlukan perkhidmatan sosial memandangkan mereka adalah populasi yang mudah terancam (*vulnerable population*). Maka, perkhidmatan sosial untuk kanak-kanak perlu diperluaskan kepada semua kanak-kanak untuk memastikan setiap kanak-kanak memperoleh kesejahteraan. Perkhidmatan yang ditawarkan pula bukan sekadar untuk menyelamatkan kanak-kanak dari kemiskinan atau penganiayaan, namun lebih kepada usaha-usaha perkembangan (*developmental*) untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Antara perkhidmatan untuk kanak-kanak yang telah ditawarkan pada ketika itu ialah seperti pemulihan, perlindungan dan program kebajikan kanak-kanak.

Seterusnya, aspek ketiga yang memerlukan transformasi menurut Kahn ialah dasar-dasar kerajaan yang terlalu berorientasikan defisit (*defisit-oriented*). Dasar tersebut bersifat selektif kerana memfokus kepada aspek kekurangan yang mana ini boleh menyisihkan hak individu lain dalam masyarakat. Tambahan pula, perubahan yang berlaku dalam masyarakat turut memberi kesan kepada peluang kepada kanak-kanak untuk besar membangun secara sejahtera. Maka, Kahn mencadangkan agar dasar tersebut ditransformasikan kepada dasar yang lebih bersifat universal. Dasar yang menggunakan model perkembangan (*development model*) amat sesuai dalam hal ini kerana ia mengambil kira hak perkembangan setiap individu.

Sebagai pelopor bidang yang sangat berpengalaman, pengkaji penuh yakin bahawa semua saranan Kahn amat penting dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji memberi perhatian dan mengambilkira aspek-aspek tersebut dalam menjalankan kajian ini.

Kahn (2010) berpendapat prinsip “Tiada kanak-kanak yang ditinggalkan” (*no child is left behind*) mampu mencipta suatu pendekatan baru untuk memperkasa generasi muda. Menurut prinsip ini, setiap kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mempelajari kemahiran dan menguasai kepakaran tertentu. Cara tersebut dapat mempertingkatkan persaingan generasi muda dalam pasaran kerja. Melalui prinsip tersebut juga, kualiti pendidikan dalam sesebuah negara boleh dipantau.

Selain Kahn, percambahan bidang kesejahteraan kanak-kanak turut diterajui oleh Brenda G. McGowan. McGowan banyak mengkaji masalah kanak-kanak dari sudut perspektif bidang Kebajikan Kanak-kanak (*Child Welfare*); seperti isu buruh

kanak-kanak, kanak-kanak imigran dan kanak-kanak terbiar. Menurut McGowan (2010), terdapat enam alasan mengapa bidang kesejahteraan kanak-kanak tercetus daripada bidang kebajikan kanak-kanak.

Alasan yang pertama ialah perubahan konsep kanak-kanak terutamanya yang berkait dengan hak dan perundangan. Penguatkuasaan undang-undang adalah perlu untuk melindungi kanak-kanak daripada teraniaya atau diperalatkan oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab. Intervensi kerajaan juga penting untuk mencegah atau memulihkan kanak-kanak dari sebarang bentuk penganiayaan dan pengabaian. Oleh yang demikian, akta berhubung perkara tersebut adalah perlu bagi memelihara hak kanak-kanak. Saranan McGowan mengenai intervensi tersebut juga pengkaji ambilkira dalam kajian ini.

Alasan yang kedua ialah kepentingan menyelamatkan kanak-kanak dan mengekalkan kestabilan keluarga. Kanak-kanak miskin dan terbiar misalnya, tidak mendapat sosialisasi yang baik daripada keluarga. Oleh yang demikian, mungkin wujud keperluan untuk meletakkan kanak-kanak tersebut di 'tempat selamat' bagi menyelamatkan kanak-kanak tersebut. Selain itu, intervensi sosial untuk memperkasakan institusi keluarga juga diperlukan bagi mengembalikan kestabilan keluarga. Mengambilkira saranan McGowan itu, pengkaji telah mencadangkan beberapa intervensi sosial yang boleh mengukuhkan institusi keluarga.

Alasan ketiga ialah pandangan yang berbeza mengenai tanggungjawab awam terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan aset negara yang seharusnya berpeluang untuk mendapat pendidikan dan melalui proses perkembangan yang sempurna. Maka, semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan peluang tersebut

dapat diberikan kepada kanak-kanak. Bagi kes-kes di mana keluarga tidak mampu untuk memenuhi semua keperluan tersebut, masyarakat perlu memainkan peranan atau mengambil-alih sementara peranan tersebut.

Alasan seterusnya ialah perubahan saiz dan komposisi kanak-kanak di sesebuah negara mahupun di peringkat dunia. Bilangan kanak-kanak semakin bertambah. Maka, suatu rangkaian sistem yang berkesan amat diperlukan bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk mereka.

Alasan kelima ialah perubahan ekonomi yang memberi kesan kepada kehidupan keluarga. Revolusi perindustrian misalnya telah banyak mengubah struktur dan aktiviti ekonomi keluarga dan masyarakat. Maka, keadaan sosioekonomi keluarga boleh memberi kesan kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Alasan terakhir ialah pandangan terhadap kuasa dan tanggungjawab di pelbagai peringkat dalam pentadbiran. Dasar sosial yang adil perlu untuk menyelaraskan kuasa dan tanggungjawab tersebut. Selain itu, proses pelaksanaan juga perlu dipantau bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan baik dan tiada salahguna kuasa berlaku.

OECD (*Organization for Economic Co-operation Development*) (2009) mempunyai alasan lain mengenai keperluan perkembangan bidang kesejahteraan kanak-kanak. Alasannya ialah perubahan konsep kelangsungan hidup kepada keperluan untuk meneliti faktor-faktor risiko ke atas kehidupan kanak-kanak berasaskan pendekatan *child-centered orientation*. Konsep kelangsungan hidup melihat kepada keperluan-keperluan asas untuk hidup dipenuhi pada tahap yang paling minimum. Indikator

kelangsungan hidup selalunya sesuai untuk mengkaji kanak-kanak di negara membangun kerana taraf hidup yang masih rendah. Dengan mengambil kira konsep yang lebih bersifat sejagat dan merentasi sempadan geografi, wujud keperluan untuk meneliti keseluruhan kehidupan kanak-kanak.

Bertitik-tolak daripada idea tersebut, maka tercetusnya idea untuk meneliti perkara-perkara yang melangkaui faktor-faktor risiko dalam kehidupan kanak-kanak. Faktor risiko bagi kanak-kanak adalah faktor yang boleh menghalang perkembangan mereka atau menghadkan peluang mereka untuk mengembangkan potensi diri (Ben-Arieh, 2006). Misalnya, kanak-kanak berisiko ialah kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga miskin, membesar dalam kemiskinan, berhadapan dengan pelbagai kekurangan sumber dan keperluan untuk hidup (Ben-Arieh, 2006). Faktor dan pengalaman hidup mereka itulah yang menjadi faktor risiko kepada mereka untuk melalui kehidupan yang seterusnya. Pendekatan kesejahteraan ini mengambil kira semua aspek positif dan negatif dalam kehidupan kanak-kanak (Ben-Arieh, 2006). Misalnya, kesihatan yang baik atau sakit, dan kegembiraan atau kesedihan.

Dahulunya, kajian kesejahteraan kanak-kanak jarang mengambil kira pandangan kanak-kanak atau memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyatakan pandangan mereka sendiri. Maklumbalas bagi pihak kanak-kanak hanya diperoleh melalui ketua keluarga atau ibu. Akibatnya, pelaksanaan dasar-dasar sosial tidak dapat memenuhi keperluan hidup kanak-kanak. Maka, perspektif baru ini memberi tumpuan kepada pengalaman kanak-kanak. *Child-centered orientation* ialah perspektif baru yang memberi tumpuan kepada pengalaman kanak-kanak dan fokus kepada kehidupan kanak-kanak itu sendiri (Ben-Arieh, 2006; OECD, 2009) Dalam perspektif yang baru ini, kanak-kanak dijadikan sebagai unit analisis; iaitu menemui mereka secara

bersemuka untuk bertanyakan tentang keadaan hidup mereka. Mereka juga diberi peluang untuk menyatakan sendiri perspektif mereka mengenai keperluan hidup mereka. Semua maklumat yang diperoleh dari kanak-kanak diambil kira dalam penggubalan dan pelaksanaan sesebuah dasar.

Perkembangan-perkembangan di atas kemudiannya mendorong kepada usaha-usaha untuk melakukan kajian-kajian yang bersifat saintifik mengenai indikator sosial kanak-kanak, kualiti hidup dan kemiskinan (Ben-Arieh, 2008; Camfield et al., 2008; Fattore et al., 2007). Kajian indikator kanak-kanak mula dilakukan secara meluas oleh saintis sosial dan agensi awam yang berkaitan kanak-kanak, bertujuan untuk memantau keadaan kanak-kanak secara berterusan (Ben-Arieh, 2006). Indikator kanak-kanak (*Child Indicators*) merujuk kepada ukuran objektif dan subjektif, elemen positif dan negatif yang menggambarkan kehidupan sebenar kanak-kanak dan pengalaman mereka.

Beberapa penulis terdahulu (spt. Camfield et al., 2008; Statham & Chase, 2010) mengatakan indikator kesejahteraan kanak-kanak berkaitan rapat dengan indikator kualiti hidup. Indikator kualiti hidup merujuk kepada ukuran objektif dan subjektif yang boleh menentukan pencapaian matlamat peribadi dan sosial seseorang (Statham & Chase, 2010). Ia juga merujuk kepada aspek perkembangan fizikal dan mental individu, kesihatan, kebajikan, ekonomi dan pemenuhan keperluan (Camfield et al., 2008). Contohnya, pendapatan isirumah, pendidikan, taraf kesihatan dan kebahagiaan. Ini kerana terdapat indikator tertentu untuk menentukan kualiti hidup seseorang mahupun sebuah masyarakat. Contohnya, Camfield et al. (2008) memetik kemiskinan sebagai salah satu indikator kualiti hidup. Membesar di dalam kemiskinan boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami keadaan kesihatan yang tidak baik, kurang peluang untuk memperoleh pendidikan berkualiti dan akhirnya boleh mengakibatkan mereka bekerja

dengan pendapatan yang rendah atau mengganggu. Dengan kata lain, keadaan miskin boleh menjejaskan kualiti hidup. Justeru, Camfield et al. (2008) menegaskan keperluan untuk memahami dan memantau kemiskinan.

Sebenarnya, kajian-kajian yang mengumpulkan indikator-indikator empirikal mengenai kualiti atau kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat atau kumpulan sosial dalam sesebuah masyarakat bermula dengan Raymond A. Bauer. Beliau merupakan individu pertama yang menggunakan perkataan “indikator sosial” iaitu pada tahun 1966 di dalam bukunya yang bertajuk ‘*Social Indicators*’ (Ben-Arieh, 2008). Bauer turut memberikan definisi indikator sosial di dalam buku tersebut. Menurutnya, indikator sosial merujuk kepada statistik, siri statistik dan semua bentuk bukti yang boleh membantu kepada penilaian sesebuah program, dan sewaktu menetapkan suatu matlamat atau keutamaan. Menurut Bauer lagi, indikator sosial juga boleh menggambarkan kekurangan atau limitasi yang berlaku dalam masyarakat.

Eleanor B. Sheldon dan Wilbert E. Moore’s kemudiannya menetengahkan indikator kesejahteraan objektif pada tahun 1968 (Ben-Arieh, 2008). Ukuran objektif tersebut merujuk kepada data dan laporan deskriptif terhadap pelbagai domain kehidupan; misalnya pencapaian dalam akademik, status kesihatan, kadar penglibatan dalam aktiviti komuniti. Indikator objektif juga merupakan petunjuk-petunjuk dalam bentuk angka atau yang boleh digambarkan dengan nilai wang. Indikator sosial menurut Sheldon dan Moore’s mampu dijadikan sebagai petunjuk kepada perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Namun, kelemahan indikator objektif adalah ia tidak boleh mengukur perkara yang abstrak atau yang tidak boleh digambarkan dengan nilai wang (Ben-Arieh, 2008).

Misalnya, pengalaman, perasaan, pengetahuan dan kemahiran. Ini kemudiannya mendorong Angus Campbell dan Philip E. Converse mengembangkan indikator subjektif kualiti hidup, pada tahun 1972 (Ben-Arieh, 2008). Berbeza daripada indeks objektif, indikator subjektif ini boleh mengenalpasti tahap kecenderungan suatu faktor atau elemen. Indikator sosial subjektif mengambilkira elemen yang abstrak seperti kegembiraan, inspirasi, harapan dan kepuasan hidup. Selain itu, indikator subjektif ini juga merangkumi dimensi-dimensi negatif dalam kehidupan seharian; seperti kekejaman, jenayah, penyalahgunaan dadah, perpecahan keluarga dan ketidaktenteraman awam yang boleh membawa masalah kepada masyarakat. Perpecahan keluarga misalnya, boleh membawa kepada perceraian dan keretakan pada hubungan di antara ahli keluarga. Ia merupakan amaran kepada paras bahaya dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Ini kerana perkara tersebut boleh memberi kesan kepada sosialisasi kanak-kanak dan seterusnya mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Pada awalnya, kajian indikator kanak-kanak digunakan oleh kumpulan advokasi kanak-kanak, penggubal dasar, pengkaji, media dan penyedia perkhidmatan untuk beberapa tujuan. Antaranya ialah menjelaskan keadaan kanak-kanak dan mengukur perubahan mengikut tren dan masa (Lippman, 2007). Maklumat tersebut sangat berguna untuk meletakkan kanak-kanak dalam agenda negara (Ben-Arieh, 2008). Selain itu, hasil kajian-kajian tersebut mampu memberi implikasi kepada aktiviti pemantauan ke atas pelaksanaan dan pemenuhan Hak Kanak-kanak (Ben-Arieh, 2008). Hasil kajian-kajian tersebut juga mampu mensasarkan matlamat baru untuk kesejahteraan kanak-kanak, misalnya dengan mengukur domain penting dalam hidup kanak-kanak yang tidak diberi perhatian sebelum ini (Ben-Arieh, 2008). Kajian-kajian awal indikator kanak-kanak telah menjadi sumber penting kepada proses penggubalan

dasar yang adil dan memenuhi keperluan kanak-kanak dalam usaha meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak (Lippman, 2007).

Kajian indikator kanak-kanak berkembang pesat apabila organisasi-organisasi supranasional seperti UNICEF, WHO, UN dan UNESCO mula berminat untuk mengkaji deprivasi sosial, kemiskinan kanak-kanak dari pelbagai dimensi dan kebajikan kanak-kanak daripada pelbagai domain kehidupan seperti kesihatan dan pendidikan (Ben-Arieh, 2010). Misalnya, Bradshaw bekerjasama dengan UNICEF dan WHO (2009) mengkaji kesejahteraan kanak-kanak di rantau Asia Pasifik. Sementara itu, UNICEF (2011) pula mengkaji kesejahteraan kanak-kanak di beberapa buah negara mundur seperti Vietnam, Mongolia dan Cambodia. Organisasi-organisasi ini membangunkan indikator kesejahteraan kanak-kanak (*child well-being*) sedia ada, bagi membolehkan penggunaannya untuk mengukur tahap kualiti hidup kanak-kanak di negara-negara membangun (Ben-Arieh, 2006).

Setelah bidang ini berkembang, indikator sosial telah dijadikan sebagai alat penting oleh para penggubal dasar untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak (Ben-Arieh, 2008). Hasil kajian UNICEF di negara-negara mundur pada tahun 2011 misalnya telah membawa kepada cadangan untuk penggubalan dasar yang memfokus kepada mengurangkan kemiskinan termasuk kemiskinan kanak-kanak dan memperjuangkan keadilan dan hak kanak-kanak.

2.4.2 Arena tempatan

Bagi konteks tempatan, bidang kesejahteraan kanak-kanak kurang diterokai oleh pengkaji sains sosial. Tidak banyak kajian di peringkat tempatan yang pengkaji temui untuk menyokong penulisan mengenai kesejahteraan kanak-kanak dalam tesis ini.

Namun demikian, isu berkaitan kesejahteraan kanak-kanak bukan satu isu baru di negara ini. Sejak dari zaman kolonial British lagi, kemiskinan dan kebajikan hidup kanak-kanak merupakan salah satu daripada isu sosial yang sering diberi perhatian.

Perbincangan mengenai perkembangan bidang kesejahteraan kanak-kanak dalam tesis ini dilihat dari aspek perkembangan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Ia merangkumi serangkaian perkhidmatan sosial untuk memenuhi defisit keperluan asasi kanak-kanak, perkhidmatan sokongan dan pengukuhan keluarga, dan hal-ehwal perundangan yang berkait dengan kebajikan kanak-kanak.

Penjelasan mengenai perkembangan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dalam konteks tempatan dibahagikan kepada dua fasa; iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka. Ia disusun mengikut kronologi tahun bagi menunjukkan bagaimana perkhidmatan-perkhidmatan tersebut mula diwujudkan dan berkembang mengikut keperluan semasa sehingga menjadi sebuah perkhidmatan yang mantap dalam menjaga dan memelihara kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

2.4.2.1 Sebelum merdeka

Pada zaman penjajahan British (1786-1941), pentadbiran British telah menerapkan amalan sistem kebajikan kanak-kanak yang diamalkan di England ke Tanah Melayu (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Sistem kebajikan kanak-kanak di England pada era tersebut adalah mengikut konsep *parens patriae*; iaitu kerajaan akan mengambil alih peranan menjaga kebajikan apabila rakyat tidak mampu menjalankan fungsi dan tanggungjawab mereka dengan baik. Mengikut sistem ini, kebajikan kanak-kanak; khususnya kanak-kanak miskin dan terbiar adalah di bawah tanggungjawab keluarga dan masyarakat setempat. Kerajaan hanya akan mengambil-alih peranan tersebut

sekiranya keluarga dan masyarakat tidak lagi mampu untuk menjaga kebajikan anak atau kanak-kanak dalam keluarga dan komuniti terlibat.

England pada kurun ke-14 telah mula memberi fokus kepada kebajikan kanak-kanak (Laybourn, 1995). Undang-undang *Elizabethan Poor Law* mendesak agar pemerintah memberi perhatian kepada kebajikan kanak-kanak miskin, kanak-kanak terdampar, anak yatim dan kanak-kanak yang berkeperluan. Namun, sebelum adanya campurtangan kerajaan, kebajikan kanak-kanak dijaga melalui sistem kedaerahan, kariah atau lokaliti (*parish system*); iaitu sistem kebajikan di kawasan penempatan (daerah) yang dikendalikan oleh kumpulan individu yang dilantik (Laybourn, 1995). Melalui sistem tersebut, pihak berkuasa daerah (*authorities of parishes*) akan mengumpulkan dana daripada orang ramai untuk membantu kanak-kanak miskin (Laybourn, 1995). Kanak-kanak yang memerlukan latihan kemahiran pula ditempatkan di “Rumah Kerja” (*Workhouse*). “Rumah Kerja” mengamalkan konsep hukuman dan kawalan kerana pada tahap awal ini masalah kanak-kanak terdampar, miskin dan terabai dilihat sebagai masalah peribadi. Penghuni turut diberikan latihan vokasional/kemahiran hidup sebagai bekalan untuk hidup berdikari apabila keluar dari institusi tersebut (Laybourn, 1995).

Begitu juga situasi kebajikan kanak-kanak di negara ini. Sebelum adanya sistem kebajikan formal yang diperkenalkan oleh Penjajah British, kebajikan kanak-kanak di negara ini dijaga oleh sistem kariah iaitu menyamai sistem kedaerahan (*parish system*) yang diamalkan di England. Rumah-rumah kebajikan untuk kanak-kanak telah diwujudkan oleh surau/masjid, badan bukan kerajaan dan pertubuhan sukarela. Sistem kebajikan sosial kanak-kanak di negara ini pada zaman pemerintahan British dimulakan oleh mubaligh Kristian dan pekerja sukarela wanita Inggeris yang aktif membuat kerja-

kerja derma-amal di Negeri-negeri Selat pada sekitar 1815 hingga 1845 (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Mereka memberi sumbangan dalam bentuk tenaga dan wang ringgit untuk program kebajikan sosial dan memberi fokus kepada kanak-kanak yatim dan miskin.

Dasar, perkhidmatan dan bantuan untuk kanak-kanak juga telah lama diwujudkan di England. Pada tahun 1903 misalnya, Suruhanjaya DiRaja Latihan Fizikal (*Royal Commission on Physical Training*) di Scotland telah mencadangkan agar pihak berkuasa pendidikan dan badan sukarela bekerjasama untuk menyediakan makanan percuma untuk kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berkemampuan di sekolah. Ini bagi memastikan semua kanak-kanak memperoleh makanan yang mencukupi dan berada dalam keadaan sihat. Kemudian, pemeriksaan kesihatan turut dilaksanakan ke atas pelajar sekolah bagi memastikan kesejahteraan kesihatan mereka. Pada tahun 1907, *The Notification of Birth Act* diperkenalkan bagi menangani masalah kadar mortaliti yang tinggi dalam kalangan bayi/kanak-kanak. Pada tahun 1908 pula, *Children's Act* diperkenalkan bagi memperkemas dan memantapkan sistem kebajikan kanak-kanak di England. Dengan adanya akta tersebut, isu penjagaan kanak-kanak telah diberi perhatian serius. Pelbagai penambahbaikan dilakukan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak. Akta tersebut juga menekankan kepada tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga kebajikan anak (Laybourn, 1995).

Apabila menjajah Tanah Melayu, British telah menerapkan sistem kebajikan kanak-kanak yang terdapat di England dalam responsnya terhadap masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak di Tanah Melayu. Dua perkhidmatan kebajikan untuk kanak-kanak yang diberi perhatian khusus oleh penjajah British ialah kesihatan dan pendidikan.

Berikut adalah penjelasan bagaimana aspek kesihatan mendapat fokus penjajah British. Pembukaan ladang dan lombong bijih timah secara meluas di Tanah Melayu mendesak kolonial British untuk membawa masuk ramai buruh asing ke negara ini. Buruh imigran dari India dibawa masuk untuk bekerja di ladang getah manakala buruh imigran dari China pula dibawa untuk bekerja di lombong bijih timah. Namun, pertambahan bilangan buruh asing telah meningkatkan masalah wabak penyakit seperti beri-beri, taun, cacing dan cacar air (Noraini, 2008). Bagi wabak beri-beri misalnya, sejumlah 11,953 kes telah dicatatkan dan 14.8 peratus daripadanya berakhir dengan kematian (Noraini, 2008). Penerokaan hutan yang tidak terancang pula telah meningkatkan masalah penyakit yang dibawa oleh nyamuk, khususnya penyakit malaria. Pada 1896 misalnya, sejumlah 6,108 kes malaria dicatatkan dan 405 kematian akibat malaria direkodkan di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (Noraini, 2008). Kesemua penyakit tersebut telah mengancam kesejahteraan hidup penduduk termasuk kanak-kanak. Parasit malaria dalam tubuh badan manusia boleh menyebabkan pembesaran limpa yang boleh menjejaskan kesihatan (Noraini, 2008). Pada tahun 1909 hingga 1912, sejumlah 1,312 kanak-kanak di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan telah dikesan mengalami pembesaran limpa (Noraini, 2008).

Pentadbiran British mula membina hospital di Perak dan menyediakan doktor untuk mengatasi penyakit-penyakit tersebut. Penubuhan hospital di Perak juga bertujuan untuk merawat pekerja lombong dan keluarga mereka. Pada awalnya, sebahagian besar doktor dibawa dari Eropah. Hospital pertama kerajaan iaitu Hospital Taiping didirikan pada 1878 (Abdul Majid, 2000). Kemudian, beberapa hospital lain turut dibina di Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Beberapa buah hospital kemudiannya mempunyai Pekerja Sosial terlatih untuk menguruskan aspek sosial

pesakit (Jones, 1958). Pegawai British juga membuat pemeriksaan kesihatan dari rumah ke rumah, pasar, ladang dan kilang bagi memperluaskan rangkuman perkhidmatan kesihatan (Noraini, 2008). Secara tidak langsung, perkembangan bidang kesihatan pada masa tersebut telah meningkatkan pembelaan terhadap kebajikan kesihatan kanak-kanak.

Lembaga Kebersihan Bandar turut ditubuhkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kesihatan awam dan kebersihan. Pada 1900 pula, Institut Penyelidikan Perubatan ditubuhkan ekoran merebaknya penyakit cacar air, anjing gila dan penyakit yang disebabkan kekurangan zat makanan. Institut tersebut berperanan untuk membuat kajian mengenai penyebab penyakit di negara ini dan mencipta kaedah untuk mengawal penyakit; terutamanya penyakit tropika (Abdul Majid, 2000). Rentetan itu, perkhidmatan imunisasi cacar air kepada kanak-kanak mula diwujudkan demi menjaga kebajikan kesihatan kanak-kanak. Perkhidmatan pergigian pula mula diwujudkan pada 1929 untuk memastikan rakyat termasuk kanak-kanak menikmati perkhidmatan pergigian yang lebih baik. Kerajaan pada masa itu telah dapat mengambil langkah pencegahan penyakit sedikit demi sedikit dan memajukan sistem perkhidmatan kesihatan (Abdul Majid, 2000).

Peningkatan sistem perkhidmatan kesihatan pada zaman pemerintahan British banyak dibantu oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (Jones, 1958). WHO telah menyediakan nasihat teknikal dan khidmat rundingan untuk menghasilkan sistem perkhidmatan kesihatan yang baik di negara ini. Perkembangan kebajikan sosial yang berkait dengan kesihatan telah memberi banyak manfaat kepada keluarga dan masyarakat. Perkhidmatan kesihatan keluarga yang mensasar kepada kanak-kanak menerusi program kesihatan ibu-ibu mengandung dan bayi telah menyumbang kepada

kesejahteraan kesihatan kanak-kanak. Menerusi program ini, kanak-kanak dibekalkan dengan susu dan rawatan perubatan untuk penyakit-penyakit tertentu (i.e., ubat cacing, batuk kokol, suntikan vaksin) secara universal (Jones, 1958). Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Kemasukan imigran buruh secara besar-besaran ke negara ini pada ketika itu juga telah memberi kesan kepada dasar di negara ini yang mana dasar-dasar tersebut sedikit sebanyak menitik beratkan kebajikan golongan kanak-kanak (Siti Hajar, 2002). Pada tahun 1912, Undang-undang Buruh yang pertama telah digubal. Dalam Akta tersebut, penjajah British menjaga hal-ehwal kebajikan buruh-buruh India (Siti Hajar, 2002). Pada tahun 1922 pula, Akta Emigrasi India digubal bagi meningkatkan kebajikan buruh India termasuk anak-anak mereka (Siti Hajar, 2002). Antaranya ialah memberi elaun bersalin kepada buruh wanita dan kemudahan sekolah untuk anak-anak buruh. Ini menunjukkan bahawa aspek kesejahteraan kanak-kanak telah diberi perhatian khusus pada waktu itu.

Lambakan imigran asing juga telah mendorong kepada terbentuknya kesatuan sekerja (Siti Hajar, 2002). Kelab Kapitan merupakan kesatuan sekerja pertama telah ditubuhkan pada 1894 (Siti Hajar, 2002). Antara perkara yang diperjuangkan oleh kelab tersebut ialah penyediaan tempat tinggal untuk pekerja, pampasan kecederaan, cuti sakit berbayar dan faedah cuti bersalin untuk pekerja wanita. Dari aspek kebajikan kanak-kanak pula, kesatuan tersebut mendesak majikan untuk menubuhkan sekolah Cina untuk kesejahteraan pendidikan anak-anak buruh (Siti Hajar, 2002). Apabila Dasar Keselamatan Sosial digubal pada 1951, perlindungan ekonomi dan sosial para pekerja dan keluarga mereka termasuk kanak-kanak yang lebih terjamin telah diwujudkan (Siti Hajar, 2002).

Dari segi kebajikan pendidikan untuk kanak-kanak pula, inisiatif awal penubuhan sekolah secara formal pada zaman penjajahan British dimulakan oleh kumpulan bebas dan pertubuhan agama. Ini kerana kebajikan pendidikan kurang difokuskan sebelum kedatangan British. Sebelum kedatangan British, pendidikan lebih bertumpu kepada sekolah pondok. Sekolah pondok melaksanakan pendidikan tidak formal terutamanya untuk pengajian agama (Islam) dan mempelajari Jawi. Kedatangan British telah membawa kepada penubuhan beberapa sekolah mubaligh. Antaranya adalah *Penang Free School* pada tahun 1816 dan *Malacca Free School* ditubuhkan pada tahun 1824 (Tajuddin, 2009). Sekolah-sekolah Inggeris lazimnya dihadiri oleh golongan elit dan bangsawan. Sekolah Melayu mula ditubuhkan pada tahun 1901 (Tajuddin, 2009). Kerajaan pada masa itu turut memberi perhatian kepada keperluan pendidikan kepada kaum Cina dan India yang mana sekolah untuk kaum-kaum tersebut juga mula ditubuhkan terutamanya di kawasan penempatan di lombong dan estet. Penyediaan sekolah untuk kanak-kanak pada ketika itu membuktikan bahawa penjajah British tidak mengabaikan aspek pendidikan terhadap kanak-kanak di negara ini.

Pada era tersebut, negara ini turut mengalami masalah buruh haram dan pelacuran yang melibatkan kanak-kanak. Kanak-kanak lelaki dijadikan buruh manakala kanak-kanak perempuan (gadis) diperdagangkan untuk tujuan pelacuran atau dipaksa melacur (Normila, 2012). Disebabkan desakan hidup pula, kebanyakan wanita dan kanak-kanak perempuan sanggup melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran semata-mata untuk mendapatkan makanan dan tempat tinggal (Normila, 2012). Bagi menjaga kebajikan golongan tersebut, Jabatan Perlindungan Orang Cina telah ditubuhkan bagi mengendalikan usaha menghapuskan kegiatan pelacuran sekaligus melindungi wanita dan gadis daripada penindasan (Fuziah, 2011). Kemudiaannya, kerajaan British

memperkenalkan Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 bagi melindungi mereka dengan menempatkan mereka di rumah perlindungan/kebajikan.

Namun demikian, segala perancangan dan pelaksanaan kerajaan British untuk perkhidmatan kebajikan tersebut seakan-akan terhenti atau berlangsung separuh jalan apabila British kalah di tangan Jepun dan Jepun mula menguasai Tanah Melayu pada 1941 (Tajuddin, 2009). Berdasarkan catatan Jones di dalam bukunya yang bertajuk *Social Welfare in Malaya* (1958), tidak banyak perkembangan kebajikan sosial yang berlaku di Tanah Melayu semasa zaman penjajahan Jepun; sebaliknya banyak masalah yang melanda kehidupan masyarakat.

Semasa pemerintahan Jepun, negara ini mengalami masalah kekurangan bekalan makanan yang teruk (Noraini, 2008). Pihak pemerintah telah menguatkuasakan catuan makanan (Noraini, 2008). Antara bekalan makanan yang dicatu ialah beras, gula, kopi, garam dan tepung gandum. Masalah kekurangan makanan menyebabkan keadaan kesihatan penduduk termasuk kanak-kanak menjadi teruk. Wabak penyakit seperti malaria, kepialu dan taun telah memburukkan lagi keadaan kesihatan penduduk (Noraini, 2008). Golongan kanak-kanak diabaikan kebajikannya hingga menyebabkan ramai kanak-kanak hidup mengemis, tiada tempat tinggal, kebuluran dan meninggal dunia (Normila, 2012).

Bagi bertindakbalas terhadap masalah tersebut, kerajaan Jepun mula mendirikan rumah kebajikan (*konsei-ryo*) di setiap negeri (Siti Hajar, 2002). Rumah yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kebajikan penduduk itu menempatkan orang dewasa termasuk kanak-kanak yatim, miskin dan terabai yang kekurangan zat makanan.

Penghuni rumah tersebut diberi bantuan makanan di samping latihan kemahiran bagi membolehkan mereka hidup berdikari (Noraini, 2008).

Di sebalik masalah yang wujud semasa pemerintahan Jepun, terdapat juga perubahan terhadap aspek kebajikan sosial yang memberi manfaat kepada kanak-kanak iaitu pendidikan dan aktiviti komuniti. Malah, sebahagian perubahan tersebut menjadi asas kepada amalan yang dipraktikkan oleh Malaysia sehingga ke hari ini. Dasar pendidikan yang diterapkan oleh pemerintah Jepun menekankan kesetiaan kepada Maharaja Jepun, kepatuhan kepada kerajaan Jepun dan kerelaan berkhidmat untuk negara Jepun (Tajuddin, 2009). Sistem pelajaran pada ketika itu disesuaikan dengan sistem yang sedang berlangsung di Jepun. Pendidikan berteraskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira diperkenalkan (Siti Hajar, 2002). Pendidikan Inggeris ditamatkan dan ditukar kepada Sekolah Jepun (Siti Hajar, 2002). Bahasa Jepun pula dijadikan sebagai bahasa perantaraan dalam semua urusan (Tajuddin, 2009). Pendidikan Jasmani dijadikan sebagai subjek wajib di sekolah. Ia bertujuan untuk melatih pemuda dan pemudi bersedia untuk rejim tentera. Selain itu, matapelajaran teknik dan kemahiran seperti perdagangan, perindustrian, perikanan, pertanian dan telekomunikasi (Tajuddin, 2009). Pelajar yang cemerlang pula diberi peluang melanjutkan pelajaran ke negara Jepun dengan biasiswa *Tokugawa* (Siti Hajar, 2002). Dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh pemerintah Jepun sedikit sebanyak menyumbang kepada kebajikan ilmu kanak-kanak di negara ini.

Berkait dengan aktiviti komuniti pula, di bawah dasar keselamatan nya, pemerintah Jepun di Tanah Melayu bekerjasama dengan komuniti untuk membentuk Pasukan Pertahanan Awam *Tokugawa* (Siti Hajar, 2002). Pasukan tersebut diwujudkan bagi menjaga keamanan dalam kawasan kejiranan. Selain itu, Pasukan Rukun Tetangga

turut diwujudkan bagi mengatasi kejadian rompakan yang tinggi pada ketika itu. Persatuan Kejiranan, Tentera Sukarela dan Pasukan Sukarela turut di wujudkan di kawasan penempatan bagi menjaga keselamatan penduduk. Sistem keselamatan dalam komuniti tersebut sekaligus dapat memelihara keselamatan kanak-kanak dan membendung kanak-kanak dari terlibat dengan jenayah.

Selepas melalui Perang Dunia Kedua (1939-1945), negara mengalami banyak masalah seperti kekurangan makanan, kebuluran, kehilangan tempat tinggal, dan lambakan bilangan anak yatim dan ibu tunggal akibat kematian kaum lelaki (sebagai bapa dan suami) dalam peperangan (Jones, 1958; Tajuddin, 2009). Jepun pula telah kalah dalam peperangan dan British kembali semula menguasai Tanah Melayu. Pada ketika itu, wujud keperluan yang mendesak untuk menjaga kebajikan sosial masyarakat termasuk golongan kanak-kanak.

Dari aspek kesihatan, pada tahun 1949 misalnya, terdapat 464 kematian akibat penyakit malaria direkodkan (Jones, 1958). Namun demikian, setelah tindakan kawalan secara semburan dilakukan, hanya 74 kematian akibat malaria direkodkan pada 1955 (Jones, 1958). Selain itu, penyakit *rabies* (anjing gila) turut mengancam kesihatan masyarakat. Namun, ia telah dapat dikurangkan dengan penguatkuasaan pendaftaran dan inokulasi terhadap anjing (Jones, 1958). Penyakit batuk kering juga adalah antara masalah kesihatan utama selepas zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu (Jones, 1958). Penyakit tersebut berpunca daripada kekurangan zat makanan, keadaan perumahan yang tidak terurus dan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan tertentu. Jabatan Kesihatan pada masa itu telah bekerjasama dengan pihak Perancang Bandar dan Perumahan untuk menyediakan kawasan penempatan khas untuk pesakit batuk kering (Jones, 1958). Ini kerana penyakit batuk kering mudah merebak melalui udara lalu

mengancam kesihatan masyarakat, terutamanya kanak-kanak. Kaedah pengasingan boleh mengawal penyakit tersebut daripada menular (Jones, 1958). Intervensi tersebut sekaligus dapat memelihara tahap kesihatan kanak-kanak di negara ini. Penempatan pertama untuk pesakit batuk kering ialah *The Lady Templer Hospital*, Kuala Lumpur yang dibina pada 1955 (Jones, 1958).

Selain itu, Kerajaan British turut mengawal penularan penyakit kusta (Jones, 1958). Pesakit kusta diasingkan di satu penempatan khas menyerupai kawasan perkampungan di Sungai Buloh (Abdul Majid, 2000). Di sana, pesakit kusta berpeluang menjalani kehidupan harian seperti bekerja dan berkahwin sesama mereka. Namun demikian, anak hasil perkahwinan mereka akan diasingkan kerana dibimbangi bayi tersebut dijangkiti kuman kusta. Kemudian, bayi tersebut diberikan kepada keluarga angkat untuk dijaga dan dibesarkan agar kesejahteraan hidup mereka lebih terjamin. Bagi menjaga kebajikan bayi tersebut, Akta Pengangkatan 1952 digubal.

Kerajaan British di Tanah Melayu turut memberi perhatian kepada pesakit mental. Buktinya, dua buah hospital sakit jiwa dibina iaitu di Tanjung Rambutan, Perak dan di Tampoi, Johor (Abdul Majid, 2000). Semua usaha tersebut membantu pesakit dan ahli keluarga termasuk kanak-kanak untuk berhadapan dengan situasi sukar. Walaupun strategi pelaksanaan menangani penyakit tidak memberi kesan langsung kepada kanak-kanak, namun kesejahteraan kanak-kanak boleh terjejas sekiranya ibu bapa mereka yang mengalami masalah kesihatan tersebut tidak dibantu.

Penjagaan dalam komuniti di negara ini boleh dibahagikan kepada dua sektor; iaitu sektor formal dan sektor tidak formal. Sektor formal disediakan oleh kerajaan, pihak swasta dan organisasi sukarela yang biasanya menyediakan khidmat profesional

(Faizah & Siti Hajar, 1998). Sektor tidak formal pula disediakan oleh ahli keluarga, saudara-mara dan rakan terdekat (Faizah & Siti Hajar, 1998). Dari segi kebajikan kanak-kanak, perkhidmatan dalam komuniti secara tidak langsung telah mengurangkan risiko pengabaian terhadap kanak-kanak apabila penyakit ibu bapa yang tidak serius dapat disembuhkan dan tidak perlu ditahan di wad. Ini kerana penjagaan dalam komuniti membantu ahli dalam masyarakat yang memerlukan penjagaan dan khidmat sokongan termasuk menjaga kanak-kanak (Faizah & Siti Hajar, 1998). Selain menjaga kanak-kanak ketika ibu bapa sedang sakit oleh penjaga tidak formal, sistem penjagaan dalam komuniti turut menyediakan khidmat jagaan untuk kanak-kanak termasuk kanak-kanak kelainan upaya (Faizah & Siti Hajar, 1998). Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang diwujudkan di setiap daerah bertujuan untuk memberi pendidikan dan kemahiran kepada kanak-kanak OKU yang tidak diterima untuk belajar di sekolah (Faizah & Siti Hajar, 1998). Bantuan ini membolehkan mereka hidup berdikari atau setidak-tidaknya mampu menguruskan diri sendiri tanpa banyak bergantung pada orang lain. Secara tidak langsung, perkhidmatan penjagaan dalam komuniti merupakan situasi yang menyokong kepada kesejahteraan kanak-kanak.

Bagi mewujudkan sistem kebajikan yang sistematik, pentadbiran British pada ketika itu, *British Military Administration* (BMA) telah menubuhkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaya (JKM) pada 10 Jun 1946 (Fuziah, 2011). Berkait dengan kesejahteraan kanak-kanak, JKJ ditubuhkan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak dan memenuhi keperluan kanak-kanak terabai, kematian bapa dan tidak mendapat layanan baik yang tidak dapat menjalani kehidupan yang *normal* di rumah (Jones, 1958). JKJ menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak, khususnya bagi menjaga dan melindungi mereka daripada ancaman yang memudaratkan keselamatan dan kehidupan mereka (Jones, 1958). Hal ini juga berkait dengan Skim Bantuan Burma/Siam yang

turut diperkenalkan pada 1946. Objektif skim tersebut ialah untuk membantu ahli keluarga mangsa yang terlibat dengan projek pembinaan jambatan keretapi yang menghubungkan Siam dan Burma. Dalam pembinaan 'Landasan Keretapi Maut' tersebut semasa pemerintahan Jepun, banyak nyawa yang terkorban (Tajuddin, 2009). Maka, skim tersebut melindungi anak yatim dan wanita yang kehilangan suami. Pada tahun 1947, dua buah institusi jagaan dan perlindungan kanak-kanak iaitu Sekolah Akhlak dan Pusat Kebajikan Kanak-kanak ditubuhkan bagi memenuhi keperluan tersebut (Jones, 1958). Bantuan jagaan institusi merupakan kaedah paling sesuai digunakan oleh kerajaan British pada ketika itu bagi menyelesaikan banyak masalah penempatan dan kemiskinan selepas pendudukan Jepun (Fuziah, 2011).

Selain itu, skim bantuan malnutrisi diwujudkan pada tahun yang sama (Fuziah, 2011). Program pemakanan tersebut diwujudkan kerana ramai kanak-kanak menderita akibat ketiadaan makanan dan program catuan beras yang tidak meluas (Fuziah, 2011). Bantuan susu yang disalurkan melalui sekolah dan klinik kesihatan juga adalah antara program di bawah skim tersebut. Matlamat skim bantuan malnutrisi adalah untuk menyelesaikan masalah tumbesaran dalam kalangan kanak-kanak.

Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak (JKK) ditubuhkan pada tahun 1949 menerusi Akta Mahkamah Juvana 1947 (JKKM, 2015). Ahli JKK pula dilantik dari kalangan anggota masyarakat setempat yang mempunyai pelbagai latar belakang, profesion, akademik. Antara peranan utama JKK ialah menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak serta kebajikan juvana dan orang muda, membantu pegawai akhlak menjalankan tugas-tugas mengurus juvana di pusat-pusat tahanan dan memantau juvana di pusat tahanan bagi memastikan

mereka mendapat perlindungan dan jagaan mengikut peruntukan Kaedah-kaedah Tempat Tahanan 1950.

Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM atau *The Malaysian Council For Child Welfare*) ditubuhkan pada 1954 (MKKM, 2009). MKKM merupakan badan bukan kerajaan yang ulung dalam membantu dan melengkapkan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini. Terdapat dua matlamat penubuhan MKKM. Matlamat yang pertama ialah untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak. Matlamat yang kedua ialah untuk membangunkan generasi sihat dan bermaklumat yang penyayang, beretika dan bersedia memainkan peranan efektif untuk pembangunan negara. Dalam mencapai matlamat tersebut, MKKM bertindak sebagai badan penyelaras yang menyelaras dan memantau program-program yang berkaitan kesejahteraan kanak-kanak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Berdasarkan sumber arkib dan sekunder seperti *Child and Youth welfare Sub-Committee* dan *Federation of Malaya Annual Report*, populasi kanak-kanak dilihat meningkat dari penghujung tahun 1940-an ke awal tahun 1950-an (Fuziah, 2011). Namun demikian, JKM di awal penubuhannya tidak mempunyai bahagian khusus untuk mengurus kanak-kanak. Malahan, tugas-tugas mengendali kes kesejahteraan kanak-kanak sangat terhad disebabkan tiada pegawai kanak-kanak terlatih pada ketika itu. Pegawai Kebajikan Tanah Melayu pertama ialah J.A. Harvey, dibantu oleh Kapten Mohamed Salleh, iaitu orang bumiputera pertama yang dilantik ke jawatan tersebut (Fuziah, 2011). Kemudian, bermula tahun 1953, JKM mula melantik pegawai khas kanak-kanak di negeri Johor dan Selangor (Jones, 1958). Antara tugas utama pegawai tersebut ialah mengurus institusi atau rumah perlindungan untuk anak yatim dan terbiar. Miss Enid M. L. Fernandes merupakan Pegawai Kebajikan terlatih yang

ditugaskan di Johor (Fuziah, 2011). Beliau melawat seluruh pelusuk negeri; memasuki kawasan kampung dan pedalaman, merupakan seorang yang mengambil berat hal kebajikan kanak-kanak, orang kelainan upaya dan Orang Asli (Fuziah, 2011). Aktiviti lawatan ke rumah pada masa tersebut merupakan asas kepada aktiviti *home visit* pada masa kini. Antara perkara yang dilakukan pada lawatan ke rumah pada ketika itu ialah menyasat kes-kes kebajikan misalnya ibu tunggal dan orang kelainan upaya, dan menyampaikan bantuan dan melakukan pertemuan bersemuka untuk memberi sokongan moral kepada kanak-kanak yatim dan kanak-kanak miskin (Fuziah, 2011).

2.4.2.2 Selepas merdeka

Selepas Tanah Melayu merdeka, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia terus beroperasi di bawah Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat (1956-1957) (JKMM, 2013d). Kebajikan sosial kanak-kanak turut menjadi salah satu fokus dalam bidang tugas jabatan tersebut. Pada tahap ini, Seksyen Kanak-kanak Persekutuan (*The Federal Children's Section*) ditubuhkan bagi memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak disediakan dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan (Jones, 1958). Matlamat akhirnya adalah untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak.

Dari segi khidmat pemeliharaan, Akta Pengangkatan 1952 telah digubal untuk mengelakkan pemerdagangan kanak-kanak daripada menjadi buruh kanak-kanak dan eksploitasi seksual (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Institusi jagaan juga diwujudkan bagi meletakkan kanak-kanak yatim, ditinggalkan ibu bapa dan terbiar sementara mereka diambil oleh keluarga angkat. Dari aspek perlindungan pula, Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 digubal bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang memerlukan serta meletakkan kanak-kanak di 'tempat

selamat' sekiranya berkeperluan. Berikutan itu, *Taiping Boys Home* yang merupakan institusi untuk anak-anak yatim lelaki telah ditubuhkan. Kemudian, Akta Mahkamah Juvana 1947 digubal. Berikutan itu, pusat pemulihan dan sekolah akhlak pula dibina bagi tujuan pemulihan dan menampung keperluan masalah delinkuen kanak-kanak. Sekolah Henry Gurney merupakan institusi pemulihan juvana untuk pesalah berusia 14 hingga 21 tahun. Sekolah Henry Gurney ditadbir mengikut model *BORSTAL system* di England; iaitu sebuah perkhidmatan sosial yang ditadbir urus oleh Jabatan Penjara bertujuan untuk memulihkan tingkahlaku para juvana yang terlibat dengan kesalahan delinkuen dan jenayah serius. Namun, sistem tersebut diubahsuai mengikut keperluan setempat. Pegawai Kebajikan Penjara turut dilantik bagi menguruskan kes pemulihan tersebut. Walaupun akta dan perkhidmatan berkaitan telah wujud sebelum merdeka, namun ia menjadi asas penting kepada perkembangan bidang tersebut selepas merdeka (Fuziah, 2011).

Sebuah sistem kebajikan kanak-kanak yang mantap hanya wujud selepas negara mencapai kemerdekaan. Perkhidmatan untuk kebajikan kanak-kanak di Malaysia telah dapat diwujudkan dengan lebih tersusun dan sistematik. Pelbagai bentuk program, skim bantuan dan perkhidmatan khusus untuk kanak-kanak telah berjaya diwujudkan. Pelaksanaan sistem kebajikan kanak-kanak di negara ini pula melibatkan beberapa kementerian. Perkhidmatan kebajikan kanak-kanak juga merangkumi program dan dasar yang berorientasikan perlindungan, penjagaan dan pembangunan kanak-kanak secara sihat (Normila, 2012). Ia menyediakan khidmat perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua jenis bahaya termasuk penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi (JKMM, 2013d). Di samping itu, penekanan khusus turut diberi kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, emosi dan mental agar

mereka dapat menjadi generasi dan pemimpin masa akan datang yang mempunyai nilai dan sikap yang baik (JKMM, 2013d).

Terdapat enam jenis perkhidmatan kebajikan untuk kanak-kanak di Malaysia; iaitu (Normila, 2012):

- i. Perkhidmatan perlindungan (*protective care services*),
- ii. perkhidmatan pemeliharaan dan penjagaan gantian (*preservation and substitute care services*),
- iii. Perkhidmatan pemulihan (*rehabilitation services*),
- iv. Perkhidmatan sokongan (*supportive services*),
- v. Perkhidmatan tambahan (*supplementary services*); dan
- vi. Perkhidmatan sepunya (*common services*).

2.4.2.2(a) Perkhidmatan Perlindungan

Perkhidmatan perlindungan bertujuan untuk mencegah dan membasmi keganasan terhadap kanak-kanak (Siti Hajar & Abd Hadi, 2009). Perkhidmatan perlindungan termasuklah menyediakan rumah/pusat perlindungan untuk kanak-kanak yang berada dalam keadaan risiko seperti terancam dan terabai.

2.4.2.2(b) Perkhidmatan Pemeliharaan Dan Penjagaan Gantian

Perkhidmatan pemeliharaan dan penjagaan gantian pula ditubuh bertujuan untuk memberi pemeliharaan dan penjagaan gantian kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa (anak yatim) atau diabaikan keluarga. Objektif penubuhan perkhidmatan tersebut ialah bagi memastikan kanak-kanak dapat terus membesar dan berkembang secara sihat dari segi fizikal, mental dan emosi dalam suasana keluarga yang tenteram dan harmoni (Normila, 2012). Perkhidmatan ini boleh dibahagikan

kepada dua jenis iaitu perkhidmatan keluarga ganti (*foster family*) dan keluarga angkat (*adopt family*). Perkhidmatan keluarga ganti diwujudkan bagi menggalakkan kanak-kanak bermasalah dan miskin meneruskan hidup dalam suasana keluarga yang penuh dengan kasih sayang dan perhatian. Perkhidmatan keluarga angkat pula ialah perkhidmatan yang ditawarkan kepada keluarga yang layak dan sanggup menjaga apabila kanak-kanak tersebut tidak dituntut oleh ibu bapa atau warisnya.

2.4.2.2(c) Perkhidmatan Pemulihan

Perkhidmatan pemulihan pula disediakan untuk kanak-kanak yang 'tidak terkawal', terlibat dengan masalah sosial atau jenayah. Mereka ini biasanya ditempatkan di institusi khas atau dipantau oleh Jawatankuasa kebajikan Kanak-kanak dalam komuniti. Antara institusi pemulihan untuk kanak-kanak ialah rumah kanak-kanak, sekolah tunas bakti, taman seri puteri dan asrama akhlak.

2.4.2.2(d) Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan sokongan merupakan perkhidmatan yang disediakan untuk kanak-kanak yang berada dalam jagaan keluarga. Antara perkhidmatan sokongan yang ada di Malaysia ialah bantuan untuk keluarga miskin yang bertujuan untuk meringankan beban keluarga sekaligus memelihara kesejahteraan kanak-kanak. Terdapat pelbagai bentuk bantuan sama ada dalam bentuk kewangan mahupun barangan yang disalurkan melalui perkhidmatan ini. Tanggungjawab yang diambil untuk memberi perkhidmatan sokongan pula merentas agensi.

Bantuan Kanak-kanak (BKK) merupakan bantuan di bawah skim bantuan kewangan untuk keluarga miskin di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMM, 2013f). BKK bertujuan membantu kanak-kanak miskin dan berkeperluan

supaya mereka dapat terus tinggal bersama keluarga masing-masing dan menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang sewajarnya. Syarat kelayakan untuk menyertai program tersebut ialah kanak-kanak miskin yang berada dalam umur persekolahan dan pendapatan bulanan keluarga tidak melebihi RM400. Peruntukan bantuan ialah RM100 sebulan untuk setiap anak, namun had maksimum BKK ialah RM450 untuk setiap keluarga.

Kerajaan Malaysia kemudiannya mewujudkan beberapa perkhidmatan untuk kanak-kanak terutamanya kanak-kanak dari keluarga miskin bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak dapat dicapai dan dipelihara. Antaranya ialah Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah (PSS) dan Tabung kumpulan wang amanah pelajar miskin (KWAPM).

Program RMT bertujuan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak sekolah agar mereka boleh menumpukan perhatian kepada aktiviti pembelajaran di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012c). Program ini mula diperkenalkan pada 1976 sebagai sebahagian Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) kelolaan Jabatan Perdana Menteri. Program yang berbentuk pembangunan masyarakat ini memberi tumpuan kepada kanak-kanak sekolah rendah di kawasan luar bandar. Pada awal 1980-an, Kementerian Pelajaran Malaysia mula mengambil alih pengurusan program ini. Rangkuman program kemudiannya diperluaskan ke seluruh negara dan syarat kelayakan untuk penerima bantuan RMT adalah berdasarkan taraf sosioekonomi keluarga iaitu pendapatan bulanan tidak melebihi RM400. Had minimum pendapatan untuk peraturan kelayakan tersebut disemak selang beberapa tahun selaras dengan peningkatan kos sara hidup rakyat. Kerajaan menetapkan kadar harga makanan untuk dihidangkan kepada kanak-kanak berdasarkan kos bahan mentah dan kadar tersebut

disemak selang beberapa tahun selaras dengan kenaikan kos. Program ini berlangsung sepanjang 190 hari persekolahan yang mana hidangan diuruskan oleh pihak kantin dan diberi pada waktu rehat. Garis panduan hidangan turut ditetapkan oleh pihak kementerian bagi memastikan kanak-kanak diberi makanan berkhasiat dan seimbang.

Program Susu Sekolah (PSS) dilaksanakan serentak dengan program RMT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012b). Program ini juga dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk kanak-kanak sekolah dari keluarga miskin atau bertaraf sosioekonomi rendah. PSS bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan kanak-kanak sekolah agar pertumbuhan fizikal dan kesihatan mental bertambah baik. Selain itu, PSS merupakan suatu program untuk menggalakkan tabiat suka minum susu dalam kalangan kanak-kanak. Syarat kelayakan bagi penerima bantuan PSS ialah pendapatan bulanan keluarga tidak melebihi RM400 dan keutamaan diberi kepada kanak-kanak luar bandar. Had minimum pendapatan untuk syarat kelayakan tersebut disemak selang beberapa tahun selaras dengan peningkatan kos sara hidup rakyat.

Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) merupakan satu lagi perkhidmatan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan. Tabung tersebut ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada 2003 di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012a). Penubuhan tabung ini juga selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang berkuatkuasa pada Januari 2003 di bawah Seksyen 29A Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Di bawah peruntukan tersebut, ibu bapa wajib menyekolahkan anak mereka mulai umur 7 tahun. Tabung ini bertujuan untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah. Hasrat

kerajaan ialah untuk membasmi masalah kanak-kanak tercicir persekolahan akibat kemiskinan dan mengurangkan jurang peluang pendidikan antara kanak-kanak bandar dan luar bandar. Antara syarat kelayakan penerima bantuan ini ialah kanak-kanak miskin yang bersekolah dari darjah 1 hingga tingkatan 1 di sekolah kerajaan, status kemiskinan (miskin atau miskin tegar) yang disahkan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Bantuan ini merangkumi bantuan am persekolahan (spt. pakaian sekolah dan keperluan persekolahan) dan bantuan bulanan (wang saku dan perbelanjaan harian kanak-kanak). Bantuan tersebut adalah dalam bentuk barangan, wang tunai dan/atau wang yang disalurkan terus ke akaun kanak-kanak.

Kerajaan turut memperkenalkan Skim Bantuan Tuisyen (SBT) sejak Mac 2004 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012d). SBT yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan untuk memberi peluang bimbingan tambahan secara berstruktur dan terancang kepada kanak-kanak miskin tahun 4, 5 dan 6 yang lemah dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Hasrat kerajaan adalah agar kanak-kanak dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matapelajaran berkenaan. Di bawah skim ini, keluarga kanak-kanak berkenaan diberi peruntukan bayaran tuisyen yang disalurkan melalui sekolah. SBT merupakan suatu pengupayaan kepada keluarga miskin bagi membolehkan anak mereka mendapat peluang mengikuti kelas tuisyen yang selama ini di luar kemampuan keluarga tersebut.

2.4.2.2(e) Perkhidmatan Tambahan

Perkhidmatan tambahan ialah perkhidmatan yang ditawarkan kepada keluarga bagi memperkemaskan lagi aspek penjagaan anak-anak. Contoh perkhidmatan tersebut ialah pusat jagaan harian, sama ada untuk kanak-kanak, ahli keluarga berkeperluan khas atau

warga emas. Perkhidmatan tersebut bertujuan untuk meringankan beban penjagaan kepada keluarga apabila penjaga perlu melakukan urusan di luar atau pergi bekerja. Pusat jagaan tersebut mengambil alih tugas penjagaan secara sementara yang beroperasi secara harian pada waktu yang ditetapkan. Penjaga perlu membawa pulang ahli keluarga di bawah jagaannya dan menghantarnya semula pada keesokan hari.

2.4.2.2(f) Perkhidmatan Sepunya

Perkhidmatan sepunya adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai sektor termasuk agensi sukarela untuk matlamat yang sama. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan untuk tujuan perkembangan dan pembangunan kanak-kanak. Perkhidmatan untuk pembangunan kanak-kanak pula disalurkan melalui program-program terancang yang disusun oleh beberapa agensi untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti dan penuh dengan nilai murni.

Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) merupakan salah satu perkhidmatan di bawah perkhidmatan sepunya (Normila, 2012). Penubuhan PAKK merupakan usaha kerajaan untuk membantu negara membendung kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak serta pelbagai aktiviti berisiko lain yang boleh menyebabkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan kanak-kanak (JKMM, 2103d). PAKK ialah pusat sehati untuk pelbagai aktiviti seperti pusat jagaan, khidmat kaunseling, kelas komputer, kelas tuisyen dan lain-lain program untuk perkembangan kanak-kanak.

Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang merupakan skim bantuan perumahan kerajaan untuk memenuhi keperluan tempat kediaman bagi keluarga berpendapatan rendah yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga merupakan salah satu contoh perkhidmatan sepunya untuk kesejahteraan kanak-kanak.

Ini kerana perumahan merupakan keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup sentiasa terpelihara (KPKT, 2013). Teras 1 dalam Dasar Perumahan Negara pula dengan jelas menyatakan "penyediaan perumahan yang mencukupi mengikut keperluan golongan yang memerlukan" misalnya golongan berpendapatan rendah seperti keluarga responden kajian ini. PPR merupakan perumahan yang berkonsepkan *people centric*, dilengkapi dengan kemudahan sosial dan rekreasi iaitu dewan masyarakat, taman permainan kanak-kanak, tadika, kedai, gerai, surau dan ruang letak kenderaan.

Selain Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Perumahan, terdapat beberapa kementerian lain yang berperanan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara ini. Bantuan komputer riba misalnya adalah inisiatif Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat termasuk kanak-kanak menikmati perkhidmatan jalur lebar yang membolehkan mereka mendapat akses kepada maklumat merentasi sempadan (Utusan Malaysia, 28 Mei 2010). Pemberian komputer riba secara percuma kepada rakyat berpendapatan rendah yang berpendapatan bulanan isirumah tidak melebihi RM3000 dengan syarat melanggan pakej perkhidmatan jalur lebar Telekom Malaysia. Pemohon harus melanggan secara kontrak selama 24 bulan. Bagi pelajar sekolah pula, yuran langganan bulanan dengan harga lebih rendah (RM20 berbanding RM38 untuk golongan lain).

Buat masa ini, Bahagian Kanak-kanak di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah agensi utama yang bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak dapat dipelihara. Namun demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perumahan adalah antara agensi kerajaan yang turut terlibat dalam memelihara kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Isu kebajikan kanak-kanak sentiasa mendapat perhatian dalam masyarakat. Satu siri seminar di peringkat tempatan yang diadakan pada 1978 memberi fokus kepada kebajikan kanak-kanak. Beberapa isu kebajikan kanak-kanak telah dibincangkan secara serius dalam seminar tersebut (Chong, 1978). Bertemakan ‘Kanak-kanak dan Kebajikan’, seminar tersebut menghasilkan beberapa pelan tindakan untuk menaiktaraf perkhidmatan kanak-kanak dan sekaligus memantapkan bidang kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Beberapa perkara penting telah diberi perhatian. Antaranya ialah meneliti perkhidmatan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan mencari jalan untuk mengawasi kanak-kanak yang banyak risiko hidup seperti miskin, memerlukan jagaan dan keselamatan, dinafikan haknya dan kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk menikmati hidup seperti kanak-kanak biasa. Resolusi seminar tersebut ialah mencadangkan Akta Kanak-kanak yang bertujuan untuk memelihara kebajikan kanak-kanak, mencadangkan rancangan kebajikan kanak-kanak yang lebih sistematik dan meletakkan tanggungjawab memikul pembelaan kebajikan kanak-kanak di bawah kerajaan pusat (Chong, 1978).

Sebagai tanda komitmen kepada pembelaan kebajikan kanak-kanak di Malaysia, Dasar Kanak-kanak Negara diwujudkan. Dasar Kanak-kanak Negara merupakan satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif (JKMM, 2013a). Matlamat dasar tersebut adalah untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni. Bagi mencapai matlamat, beberapa strategi telah disusun rapi.

Berhubung hak kelangsungan hidup, kerajaan berusaha untuk menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian, kasih sayang, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra untuk kanak-kanak. Kerajaan turut meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO serta masyarakat setempat dalam urusan penjagaan kesihatan, keselamatan dan pendidikan bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak. Selain itu, kerajaan turut menjaga kualiti perkhidmatan dan memperluaskan perkhidmatan yang disediakan kepada semua kanak-kanak termasuk anak yatim dan OKU. Bagi tujuan peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran demi kelangsungan hidup kanak-kanak, kerajaan turut memperluaskan akses untuk maklumat dan bahan bersesuaian daripada pelbagai sumber.

Berhubung aspek perlindungan, kerajaan menawarkan perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penyalahgunaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksploitan atau kanak-kanak tidak terkawal serta menyediakan rawatan pemulihan kepada pesalah kanak-kanak. Bagi kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen dan kanak-kanak tercicir misalnya, kerajaan menyediakan program khusus untuk membantu mereka berhadapan dengan situasi kepayahan tersebut. Bagi kanak-kanak mangsa bencana, eksploitasi dan pemerdagangan pula, kerajaan melindungi mereka dengan menyediakan rawatan untuk memulihkan, membangunkan diri dan mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat. Kerajaan juga memberi perlindungan kepada mangsa, pengadu dan keluarga mangsa daripada gangguan atau ancaman pihak tertentu. Selain itu, kerajaan turut memberi sokongan kepada keluarga yang berisiko tinggi agar hak kanak-kanak dalam keluarga tersebut terpelihara. Kerajaan juga telah menetapkan strategi untuk meningkatkan latihan kepada semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak supaya

mempunyai pengetahuan, kelayakan dan kemahiran yang mencukupi serta bersikap positif dalam mengendalikan kes kanak-kanak.

Bagi mencapai matlamat perkembangan pula, antara strategi pelaksanaan yang telah digariskan ialah menyediakan kemudahan prasarana dan persekitaran yang mesra kanak-kanak bagi membolehkan kanak-kanak berkembang secara optimum. Strategi lain ialah meningkatkan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak yang berkualiti, mudah diperolehi dan mampu dibiayai dalam persekitaran yang kondusif bagi merangsang perkembangan anak. Berhubung perkara tersebut, latihan dan pemantauan secara berterusan dilakukan bagi memastikan kanak-kanak memperoleh perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Kerajaan juga mempunyai beberapa strategi pelaksanaan bagi memastikan hak penyertaan kanak-kanak. Untuk tujuan tersebut, kerajaan memastikan agar kanak-kanak diberi akses kepada maklumat yang berkualiti dan bahan yang bersesuaian dari pelbagai sumber berhubung aktiviti yang berkaitan dengan mereka. Kerajaan turut menggalakkan media massa menyebarkan maklumat yang bersesuaian untuk dimanfaatkan oleh golongan kanak-kanak. Kerajaan juga menggalakkan kanak-kanak menyuarakan pendapat secara bertanggungjawab dan beretika sebagai input program yang berkaitan dengan kepentingan mereka.

Legislatif sosial yang paling penting dalam menjaga kebajikan hidup kanak-kanak adalah Akta Kanak-kanak 2001. Akta ini merupakan gabungan tiga akta sebelumnya iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Juvana 1947 (JKMM, 2013d). Akta Kanak-kanak mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002. Akta ini memberi penekanan kepada

kehidupan, perlindungan, pembangunan, peranan dan tanggungjawab keluarga serta penyertaan masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak. Penggubalan akta tersebut menggambarkan usaha kerajaan Malaysia untuk mewujudkan undang-undang yang lebih baik dan rapi untuk memelihara, melindungi dan memulihkan kanak-kanak demi kesejahteraan mereka (JKMM, 2013d). Perkhidmatan khusus untuk kebajikan kanak-kanak termaktub dalam Subseksyen 17 (1) akta tersebut. Penubuhan Majlis Penyelaras Perlindungan Kanak-kanak juga telah diperuntukkan dalam Seksyen 3 akta yang sama bagi menjalankan beberapa peranan seperti menasihati menteri mengenai aspek perlindungan kanak-kanak, membentuk sistem pengurusan perlindungan kanak-kanak yang cekap dan memantau tugas Pasukan Pelindung Kanak-kanak (JKMM, 2013d).

Selain Akta Kanak-kanak 2001, terdapat tiga belas akta lain berkait dengan kanak-kanak bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Akta-akta tersebut ialah:

- i. Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 (Akta 232)
- ii. Ordinan Mahkamah Juvana 1947
- iii. Kanun Acara Jenayah (Seksyen 173A, 293 & 294)
- iv. Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952
- v. Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)
- vi. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973
- vii. Akta Perlindungan Kanak-kanak 2001
- viii. Akta Keganasan Rumahtangga 1994
- ix. Akta TASKA (Pindaan) 2007
- x. Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007
- xi. Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007
- xii. Akta (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang Muda (Akta 350),
- xiii. Akta Pelajaran 1996 (Akta 550)

Malah, Malaysia turut menunjukkan komitmennya terhadap isu kebajikan kanak-kanak di peringkat antarabangsa apabila kerajaan meratifikasi pelaksanaan

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (*Convention on the Right of the Child*) pada 17 Februari 1995 (JKMM, 2013c). Konvensyen tersebut yang merupakan konvensyen bertaraf antarabangsa memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan (*protection*), perkembangan (*development*) dan penyertaan (*participation*). Hak kanak-kanak adalah hak asasi manusia untuk setiap kanak-kanak dan remaja di bawah usia 18 tahun tanpa mengira tempat kelahiran, bangsa, jantina dan kelas sosial. Kanak-kanak mudah terdedah kepada bahaya. Justeru itu, mereka memerlukan perhatian khusus seperti pemeliharaan, asuhan, kasih sayang dan perlindungan. Hal tersebut adalah bagi membolehkan kanak-kanak berpeluang untuk hidup, membesar dan dapat mencapai kemampuan penuh untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif (UNICEF, 2009).

Bagi memantapkan perkhidmatan yang memelihara kesejahteraan kanak-kanak, kementerian yang bertanggungjawab sentiasa memantau dan mengkaji semula dasar negara mengenai perlindungan dan kebajikan kanak-kanak (KPWKM, 2010). Kerajaan juga telah menyediakan banyak saluran intervensi bagi bertindakbalas terhadap keadaan risiko dan bahaya agar kesejahteraan kanak-kanak sentiasa terjamin. Antara intervensi tersebut ialah Pasukan Pelindung Kanak-kanak iaitu pasukan penyelamat kanak-kanak bergerak, Talian Nur 15999 untuk masyarakat atau mangsa membuat laporan sekiranya kesejahteraan kanak-kanak terancam dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak untuk memberi ruang kepada kanak-kanak menggunakan masa yang berfaedah di tempat yang selamat. Unit Pelindung Kanak-kanak Polis Diraja Malaysia turut ditubuhkan bagi melakukan intervensi untuk melindungi kanak-kanak dari ancaman bahaya keganasan, penderaan, eksploitasi dan pengabaian. Akta Pekerja Sosial yang dibentangkan di Parlimen pada 2011 bertujuan untuk menjaga kualiti perkhidmatan untuk kanak-kanak (KPWKM, 2010). Dengan adanya akta tersebut, kerajaan berharap agar kualiti perkhidmatan untuk

kanak-kanak sentiasa berada pada tahap yang baik dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia dapat dipertingkatkan.

Komitmen Malaysia terhadap kesejahteraan kanak-kanak juga telah ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia ke10. Dalam Rancangan tersebut, kerajaan turut memandang serius terhadap kepentingan untuk menyediakan peluang dan ruang untuk kesejahteraan kanak-kanak (KPWKM, 2010). Dalam Rancangan tersebut juga, setiap kanak-kanak dilihat sebagai sumber kepada pembangunan insan negara pada masa hadapan dan kerajaan berusaha untuk memastikan kejayaan setiap kanak-kanak (KPWKM, 2010). Malahan, bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama, kerajaan Malaysia sentiasa mengambil berat hal kebajikan kanak-kanak dengan menyediakan pelbagai peruntukan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka. Jadual 2.1 memaparkan ringkasan peruntukan dalam setiap Rancangan Malaysia Pertama hingga Kesepuluh yang melibatkan kesejahteraan kanak-kanak.

Kesimpulannya, isu kebajikan kanak-kanak yang bermula pada zaman kolonial telah mendorong kepada wujudnya sebuah sistem kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Sistem tersebut kemudiannya dimaju dan dimantapkan mengikut keperluan semasa. Penubuhan kementerian bertanggungjawab, kerjasama antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan, penggubalan dasar dan akta telah mengukuhkan lagi bidang kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

Jadual 2.1: Peruntukan yang melibatkan kesejahteraan kanak-kanak dalam setiap Rancangan Malaysia

Rancangan Malaysia	Aspek kesejahteraan kanak-kanak yang difokuskan
Pertama (1966-1970)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan pelajaran terutama untuk sekolah rendah. • Fokus kepada kesihatan ibu dan anak. • Penjagaan gigi kanak-kanak. • Penubuhan rumah perlindungan kanak-kanak. • Penubuhan rumah perlindungan wanita dan gadis.
Kedua (1971-1975)	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf sukatan pelajaran dan kemudahan bilik darjah, menambah bilangan guru bagi membolehkan semua kanak-kanak memperoleh peluang pendidikan dengan baik sekaligus mengurangkan kadar keciciran pelajar. • Mula membina sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara untuk memberi peluang pelajar miskin yang cemerlang belajar dengan selesa. • Perkhidmatan kesihatan di sekolah. • Fokus kepada kawalan penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesihatan kanak-kanak. • Penubuhan Sekolah Akhlak, Sekolah Budak-budak Laki-laki Taiping, pusat kanak-kanak cacat. • Penghapusan kawasan setinggan yang secara tidak langsung meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak.
Ketiga (1976-1980)	<ul style="list-style-type: none"> • Membasmi kemiskinan bandar yang secara tidak langsung meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak. • Memberi peluang bersekolah selama 9 tahun kepada semua kanak-kanak. • Meningkatkan kemudahan asrama sekolah terutama untuk keluarga miskin; bilangan sekolah berasrama penuh ditambah • Skim buku teks percuma untuk pelajar miskin. • Projek Amalan Makanan Dan Pemakanan: memberi makanan tambahan kepada bayi dan kanak-kanak kecil. • Mula membina tadika untuk pendidikan prasekolah. • Mula membina perpustakaan desa untuk meningkatkan pengetahuan penduduk luar bandar termasuk kanak-kanak.
Keempat (1981-1985)	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus kepada pendidikan agama kepada kanak-kanak. • Mengecilkan saiz kelas di sekolah bagi meningkatkan tumpuan guru kepada pelajar. • Bermulanya peluang pendidikan secara formal untuk kanak-kanak cacat. • Menaiktaraf perkhidmatan kesihatan keluarga yang secara tidak langsung telah meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak. • Menambah bilangan tadika terutamanya di luar bandar untuk pendidikan prasekolah.
Kelima (1986-1990)	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah bilangan tadika dan menaiktaraf sistem pendidikan prasekolah yang dilihat sebagai penting untuk memajukan kebolehan berfikir dan pembangunan sosial kanak-kanak. • Fokus kepada perkhidmatan pergigian untuk pelajar sekolah. • Meneruskan program memberi makanan tambahan kepada bayi dan kanak-kanak. • Projek Perumahan Kos Rendah (PPKR) yang boleh meningkatkan kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak dari aspek perumahan.
Keenam (1991-1995)	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus kepada isu penaniayaan kanak-kanak; merangka undang-undang, mewujudkan Majlis Penyelaras Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Pelindung Kanak-kanak. • Menambah bilangan rumah mampu milik untuk rakyat yang secara tidak langsung menjaga kebajikan golongan kanak-kanak. • Meluaskan pendidikan prasekolah.

Sambungan Jadual 2.1

Rancangan Malaysia	Aspek kesejahteraan kanak-kanak yang difokuskan
Ketujuh (1996-2000)	<ul style="list-style-type: none">• Merangka Pelan Tindakan Nasional (PINTAS) untuk mengatasi masalah sosial dalam keluarga dan masyarakat.• Menggubal Akta Kaunselor untuk melakukan intervensi terhadap keluarga yang bermasalah termasuk golongan kanak-kanak.• Merangka Akta Kanak-kanak untuk menjamin kehidupan, perlindungan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.
Kelapan (2001-2005)	<ul style="list-style-type: none">• Pelaksanaan PINTAS.• bermulanya Penguatkuasaan Akta Kanak-kanak.
Kesembilan (2006-2010)	<ul style="list-style-type: none">• Meneruskan agenda pembangunan sosial untuk kanak-kanak.• Merangka Akta Pekerja Sosial untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat termasuk kanak-kanak.
Kesepuluh (2010-2015)	<ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan persekitaran yang berkualiti: perumahan, pengangkutan awam, kemudahan awam, penjagaan kesihatan, komuniti selamat. Peruntukan ini secara tidak langsung mendatangkan manfaat kepada kebajikan kanak-kanak.

2.5 Indikator Kesejahteraan Kanak-kanak

Kesejahteraan merupakan suatu konsep yang memberi perspektif yang luas dan pelbagai dimensi untuk memahami kanak-kanak (Bradshaw et al., 2006). Ramai pengkaji (spt. Bastos et al., 2004; Bradshaw et al., 2007; Carmen et al., 2008; Ezzo & Young, 2012; Pampalon & Raymond, 2000; Polard & Lee, 2003; Swords et al., 2012) bersetuju bahawa kesejahteraan kanak-kanak bersifat multidimensi kerana kesejahteraan perlu mengambil kira aspek-aspek seperti material, pendidikan, kesihatan, risiko dan keselamatan, aktiviti dan penglibatan, persekitaran kediaman, sosioekonomi keluarga, kualiti hubungan perkahwinan, kualiti hubungan ibu bapa anak dan keperluan perkhidmatan. Bradshaw et al. (2006) turut menegaskan bahawa indikator kesejahteraan kanak-kanak juga perlu mengambil kira kehidupan kanak-kanak yang kompleks dan perhubungan mereka dengan individu di sekelilingnya.

Dari perspektif psikologi perkembangan, kesejahteraan kanak-kanak boleh dibahagikan kepada lima komponen iaitu psikologikal, fizikal, sosial, moral, dan spiritual yang mana kesemuanya memfokus kepada kehidupan kanak-kanak itu sendiri

(Ben-Arieh 2006; Furstenberg, Waller & Wang, 2003). Komponen psikologikal, moral dan spiritual merupakan aspek kesejahteraan subjektif. Aspek material dan pendidikan pula terangkum dalam komponen kesejahteraan fizikal. Komponen sosial pula melibatkan aspek perhubungan dan penglibatan. Keperluan material dan pendidikan yang mencukupi, kualiti perhubungan yang baik, tahap penglibatan yang baik, keadaan emosi dan mental yang stabil mendorong kepada keadaan kesejahteraan hidup yang baik kepada kanak-kanak. Namun, jika sebaliknya berlaku, kesejahteraan mereka boleh terjejas.

Berdasarkan indikator sosial pula, Giovannini, Hall dan d'Erole (2006) menjelaskan bahawa kesejahteraan kanak-kanak boleh dilihat daripada empat aspek iaitu keadilan, status kesihatan, kemampuan diri (*self-sufficiency*) dan kepaduan sosial (*social cohesion*). Keadilan menggambarkan pengagihan pendapatan isi rumah secara adil dan sejauh mana kesamarataan peluang dalam kalangan individu (Giovannini et al., 2006). Indikator kepada keadilan ialah kesamarataan pendapatan, kadar kemiskinan relatif, kemiskinan kanak-kanak dan jurang gender. Status kesihatan pula menggambarkan penyakit dan faktor sosial lain yang menyebabkan kematian dan kecacatan (Giovannini et al., 2006). Indikator kepada status kesihatan ialah jangka hayat, sihat ketika lahir dan kadar kematian bayi. Aspek kemampuan diri pula melihat penglibatan seseorang dalam masyarakat dan ekonomi dan sejauh mana seseorang boleh melalui kehidupan seharian (Giovannini et al., 2006). Indikator kepada kemampuan diri ialah penglibatan dalam pekerjaan. Indikator lain ialah dan prestasi akademik kanak-kanak pada usia 15 tahun dan purata tahun persekolahan kerana kedua-dua faktor tersebut memberi kesan kepada masa depan individu. Aspek kepaduan sosial melihat keadaan permaufakatan dan perpaduan di dalam masyarakat (Giovannini et al., 2006).

Antara indikator kepada kepaduan sosial sikap kesukarelaan dalam komuniti, kadar jenayah, pemangsaan dan bunuh diri.

Berkait dengan hak kanak-kanak, Ben-Arieh, Kaufman, Andrews, George, Lee dan Aber (2001) mengetengahkan enam domain kesejahteraan iaitu aktiviti, sumber ekonomi, sumbangan, kemahiran hidup, status fizikal dan keselamatan. Kesemua domain tersebut memberi kesan kepada dasar dan perkhidmatan untuk kanak-kanak. Keupayaan kanak-kanak perlu difahami dalam konteksnya. Interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya memainkan peranan aktif dalam membentuk kesejahteraan mereka.

Bradshaw et al. (2006) pula menggariskan dimensi-dimensi kesejahteraan berdasarkan perspektif ekologi iaitu kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif, kesihatan dan keselamatan, pendidikan, perhubungan keluarga dan rakan sebaya serta risiko dan tingkah laku. Penelitian terhadap pendapat-pendapat di atas menunjukkan bahawa penentuan kepada dimensi kesejahteraan kanak-kanak dilakukan berdasarkan fokus dan tujuan kajian masing-masing.

Kesejahteraan kanak-kanak boleh diukur (Camfield et al., 2008; Statham & Chase, 2010). Kesejahteraan boleh diukur melalui dua cara iaitu ukuran objektif dan ukuran subjektif (Haq & Zia, 2013; Polard & Lee, 2003; Statham & Chase, 2010; Thompson & Aked, 2009). Dalam mengukur kesejahteraan kanak-kanak khususnya, Ben-Arieh et al. (2001) menyarankan agar para pengkaji melihat beberapa aspek bagi mendapatkan gambaran yang lengkap tentang kehidupan kanak-kanak dalam struktur masyarakat yang lebih luas. Aspek-aspek tersebut ialah: Apa yang kanak-kanak lakukan? Apa yang kanak-kanak perlukan? Apa yang kanak-kanak ada? Apa yang

kanak-kanak fikir dan rasa? Dengan siapa mereka berhubung? Dan apa sumbangan mereka? Perkara yang kanak-kanak ada, lakukan, sumbangkan dan perlukan adalah ukuran yang lebih bersifat objektif. Sementara itu, perkara yang kanak-kanak fikir, rasa dan berhubung adalah ukuran yang lebih bersifat subjektif.

Dalam konteks agama Islam pula, Imam al-Syatibi membahagikan keperluan manusia/kanak-kanak yang dilihat sebagai *survival needs* kepada tiga peringkat (Hasbullah, 2011); iaitu:

(i) Keperluan *daruriyyah*

Keperluan asas bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Sekiranya keperluan ini tidak wujud/dipenuhi, maka sistem hidup manusia akan rosak dan boleh membawa kepada kehancuran. Misalnya, makanan; manusia akan mati jika tidak dapat makan. Contoh lain keperluan ini ialah agama, harta dan akal.

(ii) Keperluan *hajiyyah*

Keperluan yang penting bagi manusia untuk menjamin kelapangan hidup sekaligus menghilangkan kesempitan yang biasanya membawa kepada kesusahan. Apabila keperluan ini tidak diambilkira, maka banyak kesukaran akan dihadapi namun ia tidaklah sampai kepada kehancuran sistem hidup manusia. Contoh keperluan ini dalam kehidupan masa kini ialah seperti kenderaan dan televisyen.

(iii) Keperluan *tahsiniyyah*

Keperluan manusia terhadap perkara-perkara yang dianggap terpuji dalam adat kehidupan dan pergaulan seharian serta menjauhi suasana kurang baik yang dipandang rendah oleh akal sempurna dan matang. Misalnya, menjaga adab ketika makan dan menegakkan keadilan.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini akan mengambil kira semua aspek objektif (*tangible*) dan subjektif (*intangible*) yang melingkari dan mempengaruhi keadaan hidup seharian kanak-kanak. Atas asas ini, ukuran-ukuran atau indikator-indikator kesejahteraan kanak-kanak diklasifikasikan kepada dua jenis yang utama; iaitu:

- (i) Indikator kesejahteraan objektif kanak-kanak; dan
- (ii) Indikator kesejahteraan subjektif kanak-kanak.

Ukuran kesejahteraan kanak-kanak yang merangkumi kedua-dua jenis indikator ini mampu mewujudkan satu indeks kesejahteraan kanak-kanak yang lengkap.

2.5.1 Indikator kesejahteraan objektif kanak-kanak

Indikator kesejahteraan objektif ialah fakta yang boleh diperhatikan seperti pencapaian akademik, pendapatan keluarga, struktur keluarga dan status kesihatan (Haq & Zia, 2013; Statham & Chase, 2010; Thompson & Aked, 2009). Ukuran kesejahteraan objektif seperti pendapatan keluarga, taraf pendidikan dan jenis rumah yang didiami melibatkan perkara-perkara yang boleh diukur (boleh dinilai dalam bentuk angka) (Camfield et al., 2008). Selain perkara yang telah disebutkan tadi, kesejahteraan objektif juga termasuk rekod perubatan dan statistik negara mengenai perkara seperti kadar kematian bayi/kanak-kanak, rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah (Polard & Lee, 2003; Thompson & Aked, 2009).

Empat indikator kesejahteraan objektif yang selalu diukur adalah:

- (i) Keperluan material
- (ii) Keperluan kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial
- (iii) Keperluan pendidikan
- (iv) Keperluan kesihatan

2.5.1.1 Keperluan material

Kesejahteraan material merupakan kesejahteraan yang bersifat objektif. Dalam menilai kesejahteraan kanak-kanak dari aspek material, keperluan fizikal bagi membolehkan kanak-kanak dapat berkembang dengan baik dan pemilikan material terutamanya ke atas barangan keperluan wajar harus dipertimbangkan. Misalnya, kelengkapan persekolahan, bahan bacaan sendiri, wang saku, katil dan bilik tidur sendiri, pakaian baru dan peralatan sukan sendiri.

2.5.1.2 Keperluan kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial

Menurut Pedace (2008), aspek kesejahteraan juga perlu mengambil kira sejauh mana kanak-kanak dapat menikmati perkhidmatan yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka. Misalnya, pengangkutan ke persekolahan, perkhidmatan kesihatan dan penjagaan gigi, perpustakaan awam, pusat aktiviti kanak-kanak, kedai yang berdekatan dengan rumah, bekalan air bersih dan caruman skim perlindungan insurans.

2.5.1.3 Keperluan pendidikan

Aspek pendidikan merupakan salah satu keperluan untuk perkembangan. Setiap kanak-kanak berhak mendapat peluang pendidikan. Oleh yang demikian, kesejahteraan dari aspek pendidikan lazimnya dinilai dengan menentukan sama ada kanak-kanak diberi peluang bersekolah dan mendapat latihan kemahiran hidup pada usia persekolahan.

2.5.1.4 Keperluan kesihatan

Dimensi kesihatan dalam kesejahteraan kanak-kanak merangkumi perkara yang berkait dengan pemakanan seimbang, pengambilan makanan berkhasiat seperti buah-buahan, pengambilan vitamin dan bekalan ubat-ubatan di rumah sekiranya jatuh sakit.

2.5.2 Indikator kesejahteraan subjektif kanak-kanak

Indikator kesejahteraan subjektif pula adalah perkara yang berkait dengan pengalaman, perasaan dan pemikiran dari perspektif individu itu sendiri (Haq & Zia, 2013; OECD, 2009; Thompson & Aked, 2009). Ukuran kesejahteraan subjektif juga melibatkan perkara-perkara yang berkait dengan persepsi, perasaan dan pengalaman (Camfield et al., 2008). Kesejahteraan subjektif boleh dijuga dimaksudkan sebagai perasaan sendiri tentang material, keluarga, kesihatan, akademik dan lain-lain aspek kehidupan (Statham & Chase, 2010).

Tiga indikator kesejahteraan subjektif yang selalu diukur adalah:

- (i) Keperluan hubungan kekeluargaan
- (ii) Keperluan moral, psikososial, spiritual
- (iii) Keperluan penglibatan dalam aktiviti sosial

2.5.2.1 Keperluan hubungan kekeluargaan

Hubungan kekeluargaan merupakan salah satu elemen kesejahteraan subjektif. Ini kerana kualiti hubungan tersebut hanya boleh dinilai berdasarkan pengalaman, perasaan dan pemikiran individu yang mengalaminya. Perkara-perkara yang dinilai dalam hubungan antara ibu bapa dengan anak ialah seperti sikap hormat, pujian, bantuan, kata sepakat dan perasaan seronok. Setiap individu tidak boleh hidup sendirian dan memerlukan individu di sekeliling untuk memenuhi keperluan kasih sayang. Keperluan kasih sayang yang tidak dapat dipenuhi boleh menjejaskan kesejahteraan hidup seseorang.


2.5.2.2 Kesejahteraan moral, psikososal, spiritual

Kesejahteraan subjektif melibatkan aspek spiritual, moral dan psikososal yang merangkumi perasaan yang subjektif terhadap diri sendiri, keluarga, rakan sebaya dan anggota masyarakat yang lebih luas. Elemen yang positif ialah seperti gembira, sayang, suka dan layanan mesra. Elemen yang negatif pula ialah seperti benci, cemburu, rasa terpinggir, rasa ditipu dan tidak percaya.

2.5.2.3 Penglibatan dalam aktiviti sosial

Keperluan penglibatan juga salah satu keperluan untuk perkembangan dan pembangunan diri individu. Untuk memastikan kesejahteraan hidup tidak terjejas, setiap individu harus mempunyai peluang untuk terlibat dalam aktiviti bersama keluarga, rakan dan masyarakat. Bagi kanak-kanak dan remaja misalnya, aktiviti seperti berenang, menyertai aktiviti sukan, mengikuti kelas seni mempertahankan diri, beriadah bersama keluarga dan menyertai aktiviti dalam masyarakat penting dalam kehidupan mereka.

Kedua-dua indikator kesejahteraan objektif dan subjektif tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. Bagi menilai kesejahteraan hidup secara menyeluruh, kedua-dua jenis indikator ini perlu digunakan secara serentak. Penegasan yang diberi oleh Swords et al. (2012) dan Pedace (2008) mengenai situasi kemiskinan, ketidaksamarataan agihan pendapatan dan ukuran *standard* kehidupan mengukuhkan lagi keperluan untuk mengukur kesejahteraan dari kedua-dua aspek objektif dan subjektif. Ukuran kesejahteraan yang baik perlu merangkumi aspek objektif dan subjektif. Rajah 2.1 menggambarkan secara komprehensif indikator kesejahteraan hidup kanak-kanak.



Rajah 2.1: Ringkasan Komponen Indikator Kesejahteraan Kanak-kanak

2.6 Kesimpulan

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa bidang kesejahteraan kanak-kanak dicituskan daripada bidang kebajikan kanak-kanak. Perkembangan bidang kesejahteraan kanak-kanak di dalam dan luar negara pula telah menemukan pelbagai dapatan dan maklumat baru yang boleh dijadikan panduan untuk para pengkaji seterusnya memperkukuhkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Limitasi kajian terdahulu dan saranan pelopor bidang dan pengkaji terdahulu dalam bidang ini akan diambilkira dalam kajian ini bagi mengurangkan lompang yang wujud dalam usaha mempertingkatkan kesejahteraan kanak-kanak. Perkara-perkara tersebut ialah memantau kesejahteraan kanak-kanak untuk mengenalpasti cara untuk meningkatkannya, merangka atau menambahbaik dasar untuk mengukuhkan jaringan keselamatan dan mempertingkatkan kesejahteraan kanak-kanak termasuk menyediakan peruntukan khusus untuk kanak-kanak dan menggunakan

pendekatan *top-down*, mengurangkan faktor risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak, peka kepada perbezaan keperluan kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka dan mengambil kira indikator kesejahteraan objektif dan subjektif dalam mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Memandangkan kesejahteraan kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan keadaan atau status ekologi keluarga mereka, maka itu, kesejahteraan kanak-kanak perlu diukur di dalam konteks ekologi keluarga. Di dalam bab seterusnya, pengkaji menerangkan pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan kanak-kanak.

University of Malaya

BAB 3: KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

TEORI EKOLOGI MANUSIA

3.1 Pendahuluan

Penulisan di dalam bab ini adalah mengenai kerangka teoritikal kajian. Teori yang digunakan bagi menganalisis isu sosial yang dikaji oleh kajian ini adalah Teori Ekologi Manusia. Model Ekologi Keluarga yang digunakan dalam analisis ini berasal dan dikembangkan daripada teori ini. Penerangan mengenai teori dan model ini disusun seperti berikut:

- (i) Teori Ekologi Sosial/Manusia,
- (ii) Jenis-Jenis Sistem Ekologi Sosial/Manusia,
- (iii) Model Ekologi Keluarga; dan,
- (iv) Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak.

3.2 Teori Ekologi Sosial/Manusia

Perkataan “ekologi” berasal daripada Bahasa Greek iaitu *oikos* yang bermaksud habitat atau rumah (Bronfenbrenner, 1979). Ekologi merujuk kepada saling hubungan dan saling pergantungan antara organisma (i.e., manusia) dan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1979; Dale, Smith, Norlin & Chess, 2009).

Dalam menjelaskan konsep saling hubungan dan saling pergantungan dalam konteks kehidupan bermasyarakat, kebanyakan saintis sosial daripada aliran ekologi menggunakan paradigma A.G.I.L (*Adaptation-Goal attainment-Integration-Latency*) yang dipopularkan oleh Talcott Parsons. Menurut Parsons (1951), masyarakat

merupakan sebuah sistem sosial yang mengandungi beberapa subsistem (i.e., sistem keluarga, sistem agama, sistem politik, sistem ekonomi) di dalamnya. Sebagai sebuah sistem sosial, masyarakat mempunyai matlamat tertentu yang mana setiap subsistem akan mempunyai fungsi yang tersendiri. Gabungan fungsi subsistem-subsistem membentuk fungsi secara kolektif untuk mencapai matlamat masyarakat (Parsons, 1951). Untuk mengekalkan kestabilan dan keseimbangan sistem, setiap subsistem di dalam masyarakat perlu melakukan penyesuaian dan berintegrasi (Parson, 1951). Mengaplikasi paradigma tersebut, setiap subsistem dalam masyarakat perlu saling berhubungan, bergantung dan berintegrasi bagi mencapai keseimbangan sosial.

Saling pergantungan merupakan saling memerlukan antara satu komponen dengan komponen yang lain dalam sebuah ekosistem berhubung pelbagai aspek kehidupan (Bubolz & Sontag, 1993). Apabila berinteraksi dengan persekitarannya, keluarga tidak dapat mengelak daripada bergantung kepada komponen atau sistem lain dalam persekitarannya untuk melengkapkan atau menyokong fungsinya. Misalnya, keluarga memerlukan institusi pendidikan bagi membolehkan anak mendapat pendidikan formal. Sementara itu, sekolah memerlukan penglibatan ibu bapa melalui persatuan ibu bapa dan guru, untuk sama-sama memajukan sekolah. Selain itu, wujud juga saling pergantungan antara keluarga dengan sistem lain seperti kesihatan, pekerjaan dan ekonomi.

Saling pergantungan antara keluarga dan persekitaran juga boleh digambarkan dengan keadaan berikut. Tingkahlaku jenayah ahli keluarga; bapa misalnya, memberi kesan kepada individu lain yang berada di persekitaran keluarga (Collins et al., 2007). Namun begitu, persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan masalah dalam keluarga. Contohnya, tekanan ekonomi membuatkan keluarga menjadi

miskin (Collins et al., 2007). Untuk mengekalkan kestabilan sesebuah masyarakat, setiap ahli mesti menjalankan fungsinya dengan baik. Setiap komponen dalam masyarakat mempunyai sumbangan yang tersendiri untuk mencapai kestabilan tersebut. Setiap komponen dalam masyarakat juga perlu saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai kestabilan. Ringkasnya, ekologi merujuk kepada tempat yang mana individu-individu di dalamnya saling berinteraksi dan bergantung.

Di dalam arena akademik, konsep “ekologi” telah dipopularkan oleh Ernst Haeckel pada tahun 1866 (Bubolz & Sontag, 1993; Dale et al., 2009; DuBois & Miley, 2008). Haeckel mengamalkan pemikiran aliran fungsionalisme yang menekankan tentang pengekalan kestabilan sosial. Beliau juga menyokong idea mengenai kepentingan fungsi ekologi yang bagus bagi menjamin sebuah sistem sosial yang lancar. Beliau telah mencadangkan istilah *oekologie* sebagai ilmu yang mengkaji saling hubungan antara organisma dengan persekitaran (Dale et al., 2009). Beliau menganggap bahawa kehidupan dan persekitaran adalah bahagian-bahagian daripada suatu keseluruhan yang tidak dapat dipisahkan. Haeckel juga berpendapat bahawa manusia adalah produk yang terhasil daripada kerjasama antara persekitaran dengan baka organisma (i.e., manusia) (Bubolz & Sontag, 1993).

Dalam proses bermasyarakat pula, Max Weber dan Karl Marx yang sealiran dengan Haeckel berpendapat konflik merupakan elemen dalam masyarakat yang tidak dapat dielakkan. Namun, konflik merupakan proses yang boleh menggalakkan perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat khususnya ke arah mencapai kestabilan sosial. Konflik boleh mendorong kepada berlakunya penyesuaian terhadap suatu fungsi. Setelah penyesuaian dilakukan, lazimnya sistem akan menjadi lancar semula dan kestabilan sosial kembali dicapai.

Haekel juga mempelopori perkataan “ekosistem” yang kemudiannya menjadi asas kepada saintis berikutnya dalam memperkukuhkan bidang Ekologi Manusia. Pada awalnya, konsep ekosistem popular dalam bidang biologi untuk kajian tumbuhan dan haiwan (DuBois & Miley, 2008). Menurut Haekel, terdapat tiga komponen utama ekosistem iaitu pengeluar (*autotrophs*), pengguna (*heterophth*) dan pengurai atau pereput (*decomposer*) (DuBois & Miley, 2008). Setiap komponen mempunyai peranan dan fungsi masing-masing. Haiwan pengeluar misalnya menjadi sumber makanan kepada haiwan pengguna. Kekurangan haiwan pengeluar boleh menyebabkan kepupusan haiwan pengguna. Begitulah, saling bergantung antara kesemua komponen dalam ekosistem yang dijelaskan oleh Haekel.

Secara umumnya, perspektif ekologi mengutamakan perhubungan timbal-balik dan penyesuaian antara individu dengan persekitarannya (Collins Dictionary of Social Work, 2002). Perspektif ini melihat persekitaran sosial individu sebagai sebuah set persekitaran berpusat yang mana institusi sosial dan dinamik keluarga boleh meningkatkan atau mengurangkan peluang untuk mencapai kesejahteraan individu (Collins Dictionary of Social Work, 2002). Dengan kata lain, sistem yang berada di sekeliling individu dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam keluarga berupaya menambah atau mengurangkan peluang kepada individu untuk mencapai kesejahteraan hidup. Halangan atau kekurangan keperluan berisiko mengurangkan tahap kesejahteraan. Sementara itu, sistem persekolahan dan sokongan keluarga yang baik misalnya, boleh meningkatkan tahap kesejahteraan. Perspektif ini memberi pemahaman mengenai saling hubungan dan saling bertindakbalas di antara individu dengan persekitarannya untuk memenuhi keperluan masing-masing.

Perspektif ekologi melihat perkembangan manusia daripada konteks individu dalam persekitaran (*person-in-environment*) dengan memberi penekanan kepada prinsip bahawa semua pertumbuhan dan perkembangan berlaku dalam konteks perhubungan atau interaksi antara manusia dengan persekitarannya (Bruyere & Garbarino, 2010; Dale et al., 2009). Selain keupayaan diri sendiri, potensi manusia turut bergantung kepada keadaan persekitarannya. Interaksi dan hubungan yang baik antara individu dan persekitaran boleh menjamin perkembangan yang baik. Sebaliknya, interaksi dan hubungan yang lemah boleh menggugat perkembangan manusia.

Berkaitan rapat dengan tema asas “ekologi” yang dinyatakan di atas, tema “ekologi sosial” atau “ekologi manusia” merujuk kepada kajian mengenai perhubungan antara manusia dengan persekitaran semulajadi, sosial dan fizikal (Bubolz & Sontag, 1993). Menurut DuBois dan Miley (2008), ekologi manusia ialah perihal bagaimana manusia dan persekitaran boleh menyesuaikan diri antara satu sama lain. Ekologi manusia menurut mereka juga merujuk kepada proses saling hubungan dan penyesuaian di antara manusia dan persekitaran. Sekiranya wujud saling hubungan yang berkesan dan penyesuaian yang baik, sesebuah ekologi manusia akan berada dalam keadaan stabil dan sejahtera.

Teori Ekologi Manusia atau dipanggil juga sebagai Teori Ekologi Sosial telah diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner (1979). Teori tersebut memfokus kepada manusia sebagai organisma biologikal dan insan sosial yang berinteraksi dengan persekitaran. Segala proses yang berlaku ke atas individu mempunyai kaitan rapat dengan perkara dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran. Ini kerana interaksi dan saling pergantungan di antara manusia sebagai individu, kumpulan dan komuniti,

dengan persekitaran sentiasa berlaku. Di dalam sesebuah sistem ekologi akan wujud sebuah ekosistem. Maka dalam ekologi manusia, wujud satu ekosistem manusia.

Ekosistem ialah interaksi antara benda hidup (i.e., manusia) dengan persekitaran (Bubolz & Sontag, 1993). Ekosistem juga merujuk kepada keadaan di mana benda hidup dan persekitaran dalam sesebuah kawasan yang menjalankan fungsi masing-masing, dan dalam masa yang sama saling berhubung antara satu sama lain (Pickett, Burch, Dalton, Foresman, Grove & Rowntree, 1997). Dalam hal ini, sistem ekologi yang dirujuk ialah sistem ekologi manusia atau ekosistem manusia. Maka, benda hidup atau organisma yang dimaksudkan ialah manusia.

Ekosistem manusia adalah satu set persekitaran sosial yang terdiri daripada individu, keluarga, komuniti, masyarakat serta ekosistem manusia secara global iaitu sistem makro yang saling bergantung dan berinteraksi antara satu sama lain. (Bronfenbrenner, 1979; Bubolz & Sontag, 1993).

Interaksi sosial dalam perspektif ekosistem ini merujuk kepada keseluruhan proses yang mengambil tempat di antara individu dengan komponen lain dalam persekitarannya. Tingkah laku individu adalah disebabkan oleh orang lain atau persekitaran. Dalam masa yang sama, tingkahlaku individu juga boleh memberi kesan kepada orang lain atau persekitaran (DuBois & Miley, 2008; Schvaneveldt, 1981). Selain saling mempengaruhi, wujud juga saling penyesuaian antara individu dan persekitarannya yang mana kesemua itu berlaku melalui suatu proses yang berterusan (DuBois & Miley, 2008).

Interaksi ialah tingkah laku sosial yang melibatkan dua atau lebih individu yang saling merangsang antara satu sama lain dalam apa-apa bentuk komunikasi. Rangsangan yang wujud hasil interaksi pula boleh mengubah tingkah laku individu yang terlibat (Bubolz & Sontag, 1993). Di dalam keluarga misalnya, interaksi berlaku sesama ahli keluarga dan di antara keluarga dengan individu lain yang berada di persekitarannya (Bahr, 1989).


Apabila wujud interaksi sosial, maka akan berlaku juga proses pertukaran maklumat dan makna di antara individu-individu di dalam persekitaran tersebut. Setiap individu pula mempunyai peranan dan fungsi tertentu (Dale et al., 2009). Maka itu, dalam interaksi sosial akan wujud hubungan timbal balik. Hubungan timbal balik tersebut pula boleh menghasilkan pengaruh yang boleh mengubah struktur sosial sesebuah masyarakat (Dale et al., 2009). Antara bentuk interaksi sosial yang wujud dalam sesebuah ekosistem manusia ialah seperti kerjasama, penyesuaian, konflik, persaingan, akulturasi dan asimilasi.

3.3 Jenis-Jenis Sistem Ekologi Sosial/Manusia

Menurut Bronfenbrenner (1979), terdapat lima jenis sistem yang berada di dalam ekologi atau persekitaran manusia atau sosial; iaitu:

- (i) Sistem Mikro,
- (ii) Sistem Meso,
- (iii) Sistem Luaran,
- (iv) Sistem Makro; dan
- (v) Sistem Krono.

Rajah 3.1 berikut menggambarkan sistem-sistem yang terdapat di dalam ekologi manusia.



Rajah 3.1: Sistem-Sistem Dalam Ekologi Manusia

3.3.1 Sistem Mikro

Sistem mikro adalah pola aktiviti, peranan dan perhubungan interpersonal yang dialami oleh seseorang dalam latar yang mempunyai ciri fizikal dan material yang tertentu, yang kemudiannya membentuk identiti sosial individu yang berada di dalamnya (Bronfenbrenner, 1979). Di dalam latar keluarga misalnya, peranan keibubapaan dan keakraban hubungan kekeluargaan boleh menentukan identiti sosial seseorang ahli keluarga. Memandangkan pola peranan dan hubungan tersebut berlaku sangat kerap

dan sangat dekat dengan kehidupan anak, ianya mampu memberi kesan kepada pembentukan identiti sosial anak. Ibu bapa yang menjalankan peranan keibubapaan dengan baik berupaya membentuk anak yang mempunyai identiti sosial yang baik.

Persekitaran ini juga menjadi tempat spesifik bagi individu/keluarga untuk terlibat dalam kegiatan khusus sebagai sebahagian daripada peranan mereka (Bruyere & Garbarino, 2010). Dalam persekitaran keluarga misalnya, semua ahli keluarga terlibat dalam aktiviti keluarga seperti menjalankan tugas rumahtangga dan membuat keputusan dalam hal kekeluargaan. Setiap ahli keluarga mempunyai peranan masing-masing yang mana gabungan peranan tersebut akan melengkapi antara satu sama lain bagi membentuk peranan sebuah keluarga. Ringkasnya, persekitaran mikro adalah ruang untuk bapa, ibu dan anak menjalankan peranan masing-masing untuk melengkapkan sistem keluarga.

3.3.2 Sistem Meso

Sistem meso ialah saling hubungan beberapa latar sistem mikro di mana individu terlibat secara langsung. Misalnya, organisasi atau institusi yang membentuk struktur ekologi individu dan hubungan interpersonal (Bronfenbrenner, 1979). Dalam latar keluarga misalnya, pekerjaan ibu bapa, sistem persekolahan dan kawasan kejiranan adalah antara contoh sistem meso kepada ahli keluarga. Memandangkan keluarga kerap berhubungan dengan sistem-sistem tersebut, keluarga turut menerima kesan daripadanya. Ringkasnya, sistem meso adalah sistem-sistem mikro (*system of microsistems*).

3.3.3 Sistem Luaran

Sistem luaran ialah konteks sosial di mana individu tidak mempunyai peranan aktif; namun masih mempengaruhi kehidupannya (Bronfenbrenner, 1979). Dalam latar keluarga misalnya, pekerjaan ibu merupakan sistem luaran kepadanya. Anak tidak terlibat secara langsung dengan pekerjaan ibu bapa. Namun begitu, polisi pekerjaan ibu, beban tugas dan masa kerja ibu mempengaruhi kehidupan anak. Selain itu, sistem luaran juga boleh terdiri daripada struktur sosial yang meliputi sistem mikro yang melibatkan individu yang mempengaruhi cara individu berfungsi dalam sistem mikro.

3.3.4 Sistem Makro

Sistem makro pula melibatkan konteks budaya yang lebih luas seperti sikap dan ideologi budaya yang mempengaruhi cara hidup individu. Contoh komponen yang berada dalam sistem makro ialah kepercayaan agama yang diturunkan melalui generasi, undang-undang, adat resam dan budaya masyarakat. Sikap tidak sayang anak misalnya mempunyai kesan yang kritikal kepada keadaan kesejahteraan subjektif kanak-kanak.

3.3.5 Sistem Krono

Sistem krono pula adalah pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran di sepanjang hayat. Contoh sistem krono ialah perubahan masa, perubahan teknologi, perubahan politik dan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat mengikut peredaran masa. Persekitaran sistem krono penting terutama dalam kajian yang menggunakan perspektif perkembangan.

Dalam ekosistem keluarga, wujud saling interaksi antara paras-paras dalam sistem. Misalnya, perubahan tingkah laku individu atau kelompok kecil seperti keluarga pada paras sistem mikro boleh dirasai oleh paras sistem meso. Keluarga juga boleh mempengaruhi persekitarannya. Cara paling berkesan bagi keluarga mempengaruhi persekitarannya ialah melalui sosialisasi, iaitu proses pembentukan nilai dan sikap yang disalurkan terutamanya kepada anak. Maka, keluarga dianggap sebagai agen sosialisasi yang paling penting dalam masyarakat. Namun begitu, kerana wujudnya hubungan saling pergantungan antara sistem, perubahan yang berlaku kepada sistem ekonomi dan perundangan misalnya, boleh meninggalkan impak yang kritikal kepada kesejahteraan hidup keluarga dan kanak-kanak.

3.4 Model Ekologi Keluarga

Ekologi keluarga dianggap sebagai satu perspektif rentas disiplin (Connad & Novick, 1996). Ini kerana ia boleh dikaji melalui gabungan bidang ilmu sains tulen dan sains sosial (Connad & Novick, 1996). Dalam bidang sains, ekologi adalah salah satu cabang bidang yang memfokus kepada saling hubungan antara organisma dan persekitarannya (Dale et al., 2009). Manakala, dalam bidang Kerja Sosial Keluarga, ekologi menekankan hubungan timbal balik dan penyesuaian antara keluarga dengan persekitaran (Collins et al., 2007). Interaksi dan transaksi di antara manusia dan persekitaran adalah sumber kepada keperluan manusia (DuBois & Miley, 2008). Dalam masa yang sama juga, interaksi dan transaksi tersebut boleh menjadi pencetus kepada masalah sosial yang wujud dalam masyarakat (DuBois & Miley, 2008). Maka, bidang Kerja Sosial berperanan untuk menggalakkan interaksi dan transaksi yang boleh memaksimumkan pertumbuhan dan perkembangan dengan menghubungkan kapasiti manusia dengan sumber yang ada di persekitaran (DuBois & Miley, 2008).

Ekologi keluarga adalah kajian mengenai hubungan yang dinamik di antara keluarga dan konteks sosialnya. Keluarga berinteraksi dengan sistem-sistem lain di persekitarannya untuk melengkapkan fungsinya. Sementara itu, sistem-sistem di persekitaran keluarga juga berinteraksi dengan keluarga untuk melengkapkan fungsinya. Maka, wujud saling hubungan di antara keluarga dengan konteks sosial di sekeliling keluarga. Hubungan yang wujud dikatakan bersifat dinamik kerana berlaku perubahan dalam konteks keluarga dan persekitaran akibat pengaruh, rangsangan atau kesan interaksi tersebut.

Penjelasan di atas mengukuhkan kesesuaian penggunaan Model Ekologi Keluarga dalam bidang Kerja Sosial. Berdasarkan model tersebut, tingkah laku atau perubahan yang berlaku pada seseorang individu boleh difahami dengan meneliti persekitaran keluarga di mana tingkah laku tersebut berlaku (Dale et al., 2009). Ini berikutan wujudnya rangsangan, pengaruh atau kesan dalam persekitaran sosial yang mendorong kepada perubahan yang berlaku atau wujudnya suatu bentuk tingkahlaku. Maka, tidak dinafikan, persekitaran memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan atau mengekalkan masalah yang dialami oleh keluarga (Collins, Jordan, & Coleman, 2007). Oleh kerana itu, Model Ekologi Keluarga sering dijadikan sebagai model rujukan dalam kajian-kajian ekologi keluarga.

Model Ekologi Keluarga atau juga disebut sebagai ekosistem keluarga adalah bersandarkan kepada Teori Ekologi Manusia yang dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner; sepertimana yang telah diterangkan di dalam bahagian-bahagian terdahulu bab ini. Model tersebut juga terbina daripada andaian dan konsep ekologi manusia/sosial yang diketengahkan oleh Bronfenbrenner. Model Ekologi Keluarga memberi penekanan

kepada saling hubungan dan kesan timbal-balik di antara organisma (individu/keluarga) dengan persekitarannya/mereka.

Andaian asas ekologi manusia yang relevan dengan ekologi keluarga ialah mengenai penerusan hidup (*survival*), kualiti kehidupan dan cara keluarga beradaptasi dengan persekitaran (Schvaneveldt, 1981). Keluarga melambangkan salah satu cara utama populasi manusia yang tidak mampu kekal hidup sendirian, dapat menyusun aktiviti hidup dan melakukan adaptasi bagi mencapai matlamat, memenuhi keperluan serta merealisasikan nilai dalam persekitaran yang berbeza dan pelbagai (Bubolz & Sontag, 1993). Keluarga juga merupakan unit yang mampu mengubah nilai, matlamat dan peraturan etika bertindak terhadap perubahan dalaman dan persekitaran (Shehan, 2002). Ianya juga boleh mengambil tindakan untuk memenuhi keperluan dan matlamat hidup manusia (Shehan, 2002). Dalam beradaptasi, keluarga tidak hanya memberi reaksi kepada perubahan yang berlaku dalam persekitarannya (Bubolz & Sontag, 1993). Sebaliknya, keluarga juga mampu membuat perubahan yang mana persekitarannya perlu memberi reaksi terhadap perubahan tersebut (Bubolz & Sontag, 1993).

Secara umum, paradigma ekologi yang merupakan kerangka konseptual kepada ekosistem keluarga merujuk kepada pola persekitaran sosial dan perhubungan di antaranya dalam mempengaruhi pembangunan atau perkembangan manusia (Bronfenbrenner, 1979). Bubolz dan Sontag (1993) pula berpendapat bahawa secara konseptual, ekosistem keluarga adalah suatu kelompok manusia yang mempunyai pertalian berinteraksi dengan persekitarannya yang mana hasilnya akan mencorakkan pembangunan atau perkembangan manusia. Model ekosistem keluarga yang dipelopori oleh Bubolz dan Sontag (1993) memperlihatkan bagaimana persekitaran dan keluarga saling berhubungan dan mempengaruhi antara satu sama lain.

Model ekologi keluarga berupaya mengintegrasikan dan menggabungkan pelbagai isu berkaitan keluarga secara menyeluruh. Ini kerana ia menggunakan penilaian ekologi yang mampu memberi pemahaman tentang cara keluarga berfungsi di dalam persekitarannya (Collins et al., 2007). Penilaian ekologi juga mampu menilai elemen kekuatan dan kelemahan dalam keluarga (Collins et al., 2007). Selain itu, penilaian ekologi berupaya memberi suatu pemahaman mengenai interaksi keluarga dengan persekitarannya (Collins et al., 2007). Ini bermakna perspektif ekologi keluarga yang menggunakan Model Ekologi Keluarga mendorong kepada analisis mengenai isu berkaitan keluarga dilakukan secara komprehensif; berbanding mengkaji isu secara terasing dan tidak mengambil kira faktor lain yang berkemungkinan mempengaruhi keluarga (Connad & Novick, 1996).

3.4.1 Andaian asas Model Ekologi Keluarga

Amat terpengaruh dengan Teori Ekologi Sosial/ Manusia, Model Ekologi Keluarga mempunyai lima andaian utama berkaitan persekitaran keluarga dan kesejahteraan hidup individu.

Pertama, manusia boleh mengawal persekitarannya dan boleh memilih, mereka bentuk atau mengubah sumber dan persekitaran untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup ke tahap yang diinginkan (Dale et al., 2009). Ini bermakna manusia berperanan aktif dalam persekitarannya. Manusia boleh menggunakan pelbagai sumber dan persekitaran untuk memenuhi keperluan dan mencapai kesejahteraan hidup. Selain itu, manusia juga berupaya untuk bertindakbalas terhadap tekanan dan cabaran di persekitaran untuk mengekalkan kesejahteraan hidup mereka.

Kedua, keluarga bertindak membekalkan keperluan fizikal dan biologikal untuk perkembangan psikososial ahlinya yang bertujuan untuk kebaikan fungsi keluarga dan masyarakat. Keluarga merupakan sistem sosial paling asas dalam masyarakat yang berperanan untuk mengasuh dan membesarkan ahli-ahlinya dan memenuhi keperluan hidup ahlinya. Ini bagi membolehkan ahli-ahli keluarga menjalankan fungsi sebagai manusia yang akhirnya boleh memberi manfaat kepada masyarakat.

Ketiga, keluarga merupakan sebuah sistem. Maka itu, untuk mengkaji interaksi keluarga, sistem keluarga perlu difahami terlebih dahulu. Keluarga merupakan persekitaran yang berkuasa di mana individu membesar dan berkembang. Keluarga juga merupakan sebuah entiti kompleks yang mana tanpa organisasi yang baik, ia mudah untuk menjadi tidak stabil dan mengalami krisis. Keluarga juga merupakan sebuah sistem sosial yang mana setiap ahlinya adalah saling bergantung. Apabila berlaku sesuatu peristiwa atau masalah disebabkan oleh seorang individu, ahli-ahli lain dalam keluarga dan perubahan lain dalam keluarga perlu diteliti. Ini kerana peristiwa atau masalah yang berlaku itu mungkin dicetuskan oleh individu lain atau perubahan dalam keluarga yang akhirnya sangat terkesan kepada ahli tersebut hingga mewujudkan peristiwa atau masalah tersebut.

Keempat, keluarga merupakan sistem yang terbuka, bermatlamat, dinamik dan boleh beradaptasi. Dengan mengamalkan sistem yang terbuka, keluarga tidak menghalang berlakunya aliran keluar masuk maklumat dan sumber dari dalam mahupun luar keluarga. Selain itu, setiap keluarga mempunyai matlamat tertentu yang perlu dicapai. Bagi mencapai matlamat, keluarga perlu bersifat dinamik (boleh berubah) dan

beradaptasi dengan persekitarannya. Ini tidak menjadi kekangan kepada keluarga memandangkan keluarga mengamalkan sistem terbuka.

Kelima, keluarga adalah sebahagian daripada sistem sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Terdapat unsur-unsur lain dalam sebuah sistem sosial seperti keluarga luas, kejiranan, sekolah, masjid, sistem kebudayaan dan sistem pentadbiran kerajaan. Maka, keluarga merupakan subsistem kepada sebuah sistem sosial. Peranan dan fungsi yang dimainkan oleh keluarga pula akan melengkapi peranan dan fungsi masyarakat secara keseluruhan.

Selain itu, keluarga juga mengandungi tiga subsistem utama. Subsistem tersebut ialah subsistem perkahwinan (ibu bapa sebagai suami isteri), subsistem ibu bapa (ibu, bapa dan anak-anak) dan subsistem adik-beradik (dalam kalangan anak-anak) (Shehan, 2002). Sebagai sebuah sistem pula, setiap fungsi yang dimainkan oleh keluarga perlu berpandukan kepada suatu set peraturan atau garis panduan tertentu (Shehan, 2002). Set peraturan atau garis panduan merujuk kepada perkara seperti siapakah yang digolongkan sebagai ahli keluarga tersebut, ruang lingkup keluarga iaitu rumah dan fungsi keluarga yang universal seperti menghasilkan dan mensosialisasikan zuriat serta menyediakan keperluan asas ahli-ahlinya (DuBois & Miley, 2008).

Huraian di atas jelas menunjukkan kepentingan paradigma ekologi ke atas ekosistem keluarga. Zaman dan teknologi sudah berubah, namun usaha masih diperlukan untuk memenuhi keperluan asas manusia dan membantu manusia menyelesaikan masalah kehidupan seharian. Perspektif ekologi keluarga memberi penekanan kepada tanggungjawab untuk membentuk dan menggunakan ilmu

pengetahuan untuk membantu keluarga berusaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup (Collins et al., 2007).

3.4.2 Prinsip Model Ekologi Keluarga

Bubolz dan Sontag (1993) telah menggariskan empat prinsip asas Model Ekologi Keluarga atau juga disebut sebagai ekosistem keluarga. Prinsip tersebut memberi suatu pemahaman yang lebih mendalam mengenai kedudukan keluarga dalam persekitarannya dan bagaimana keluarga dan persekitaran saling berhubung, saling mempengaruhi dan saling memberi kesan antara satu sama lain.

Prinsip pertama ialah keluarga berinteraksi dengan persekitaran terdekatnya untuk membentuk sistem mikro. Keluarga melakukan aktiviti dan urusan seharian serta berhubung secara interpersonal dengan individu di sekeliling. Persekitaran tersebut merupakan persekitaran paling hampir yang memberi kesan langsung kepada keluarga. Ini kerana pola aktiviti dan perhubungan interpersonal yang berlaku setiap hari berupaya membentuk identiti sosial ahli-ahli keluarga tersebut apabila ianya berterusan dalam tempoh yang panjang.

Prinsip kedua ialah keluarga adalah unit sosial asas dan institusi utama dalam masyarakat yang menjalankan fungsi reproduktif, membekalkan keperluan fizikal, biologikal dan ekonomi serta fungsi sosioemosi serta asuhan. Setiap keluarga mungkin berbeza dari segi bentuk atau struktur. Walau apapun bentuk dan di mana keluarga berada, keluarga tetap berfungsi untuk memenuhi keperluan individu dan masyarakat.

Prinsip ketiga ialah persekitaran tidak menentukan tingkah laku manusia. Namun, ia boleh menghalang, menghadkan atau mengekang serta membuka pelbagai peluang dan kemungkinan kepada keluarga. Ini bermakna, keluarga mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan kualiti tingkahlaku ahli-ahli di dalamnya. Keadaan persekitaran hanya mampu meningkatkan atau mengurangkan potensi tingkahlaku tersebut. Berdasarkan prinsip ini juga, keluarga mempunyai darjah kawalan dan kebebasan yang tinggi terhadap interaksinya dengan persekitaran dan perolehan sumber.

Prinsip keempat ialah keputusan dan tindakan yang diambil oleh keluarga mempunyai impak ke atas masyarakat, budaya dan persekitaran semula jadi dan persekitaran buatan manusia. Kesejahteraan ekologi dunia bergantung kepada keputusan dan tindakan yang diambil oleh individu, keluarga, masyarakat dan negara. Misalnya, perceraian yang berlaku antara ibu bapa boleh memberi impak kepada anak-anak dari segi emosi, sosial dan fizikal. Masyarakat juga terkesan daripada tindakan tersebut apabila perlu membuat penyesuaian dan bertindakbalas terhadap kebajikan kanak-kanak tersebut. Sekiranya kanak-kanak tidak dapat perhatian sempurna, mereka berisiko untuk terlibat dalam masalah sosial atau jenayah, maka masyarakat perlu membantu kelompok ini agar masalah mereka dapat dikawal dan dibendung.

3.5 Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak

Kesejahteraan hidup kanak-kanak berlangsung dalam ekologi sosial di mana mereka membesar. Kanak-kanak sangat bergantung kepada persekitaran yang penyayang dan sumber ekonomi dan fizikal yang mencukupi (Bradshaw et al., 2007). Ini menunjukkan bahawa tempat di mana kanak-kanak dibesarkan boleh memberi impak yang besar dalam kehidupan mereka. Tempat di mana kanak-kanak membesar juga boleh menentukan kesejahteraan hidup mereka.

Mengikuti perspektif ekologi atau dikenali juga dengan nama perspektif ekosistem, keupayaan kanak-kanak perlu difahami dalam konteks perkembangan dan kesejahteraannya (Ben-Arieh, 2010). Terdapat perkara-perkara yang boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada kesejahteraan kanak-kanak. Perkara-perkara tersebut ialah seperti keperluan material, keperluan pendidikan, keperluan kesihatan dan keperluan hubungan kasih sayang (supra: Bab Dua, halaman 93-97). Selain itu, keupayaan kanak-kanak juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor di persekitaran mereka (Ben-Arieh, 2010). Antaranya ialah sosioekonomi, saiz dan struktur keluarga. Faktor-faktor tersebut boleh mempengaruhi tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran dan memainkan peranan aktifnya untuk mencapai kesejahteraan hidup (Ben-Arieh, 2010). Kanak-kanak berperanan aktif dalam menggunakan sumber yang terdapat di persekitaran, bertindakbalas terhadap keadaan tekanan dan menyeimbangkan faktor-faktor di persekitaran untuk mewujudkan kesejahteraan (Lippman, 2004). Misalnya, kanak-kanak terlibat secara langsung dalam aktiviti keluarga dan bebas menggunakan ruang dan kemudahan yang ada di dalam rumah. Dalam menjalankan kehidupan, kanak-kanak juga akan memberi reaksi tertentu sekiranya keperluan mereka disekat atau dinafikan. Selain itu, jika mereka merasakan yang mereka tidak mendapat perhatian daripada keluarga, mereka akan berusaha mendapatkan perhatian di luar keluarga terutamanya rakan sebaya sebagai cara untuk menyeimbangkan keperluan untuk memperoleh perhatian dan seterusnya mengekalkan kesejahteraan hidup mereka.

Walaupun begitu, apabila kanak-kanak terdedah kepada faktor-faktor ekologi yang tidak baik, ia boleh memberi kesan yang negatif kepada kehidupan mereka (Low

& Mulford, 2012). Antaranya ialah seperti sumber ekonomi yang tidak mencukupi, konflik dalam keluarga dan tinggal di kawasan yang tinggi kadar jenayah. Faktor-faktor tersebut mempengaruhi kanak-kanak secara bebas yang mana setiap faktor mempunyai magnitudnya sendiri atau berinteraktif iaitu gabungan faktor-faktor (Low & Mulford, 2012). Ini menunjukkan bahawa kesejahteraan kanak-kanak bersifat dinamik, iaitu boleh berubah akibat pengaruh faktor-faktor ekologi.

Pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan kanak-kanak adalah amat kritikal; memandangkan wujudnya saling-interaksi di antara kanak-kanak dengan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1979; Collins et al., 2007). Kajian ini memfokus kepada perspektif ekologi kerana kanak-kanak membesar dalam persekitaran keluarga. Kerangka ekologi adalah berdasarkan kepada bukti bahawa tiada satu faktor yang boleh menjelaskan suatu perkara (Low & Mulford, 2012). Sebaliknya, kerangka ini melihat suatu yang berlaku itu adalah hasil interaksi antara faktor-faktor dalam sfera ekologi keluarga. Kerangka tersebut memberi pemahaman mengenai bagaimana penyesuaian antara individu dan persekitaran dipengaruhi oleh faktor yang berada dalam ekologi keluarga sama ada pada paras mikro, meso, ekso mahupun makro (Low & Mulford, 2012).

Apabila meneliti sistem keluarga, perhatian juga perlu diberi kepada hubungan triangulasi; iaitu hubungan segitiga dan dua hala antara ibu, bapa dan anak. Dalam hubungan triangulasi, anak boleh berperanan sebagai perantara yang boleh meredakan ketegangan hubungan tersebut apabila ibu bapa berkonflik. Namun, dalam situasi yang berbeza, anak berisiko menjadi mangsa keadaan apabila ibu bapa berkonflik. Ini berlaku kerana ibu bapa yang berkonflik boleh mengabaikan tanggungjawab keibubapaan mereka seperti mengabaikan tanggungjawab terhadap anak, kurang

memberi perhatian atau memantau aktiviti anak. Kesannya, keibubapaan menjadi lemah dan ianya mungkin boleh berlaku secara tanpa disedari. Keibubapaan yang lemah pula boleh memberi kesan yang tidak baik kepada kesejahteraan hidup anak. Pendeknya, konflik dalam hubungan perkahwinan boleh memberi kesan buruk kepada anak melalui perhubungan ibu bapa–anak yang lemah. Begitulah kaitan perspektif ekosistem dalam menjelaskan cara satu subsistem memberi impak kepada subsistem lain mahupun keseluruhan sistem keluarga.

Sebagai unit analisis kajian, kanak-kanak adalah peserta aktif dalam ekosistem mereka (Bruyere & Garbarino, 2010; Fattore et al., 2007). Pendedahan kanak-kanak kepada pengaruh persekitaran menyebabkan perubahan kepada pemikiran, perasaan dan tingkahlaku (Bruyere & Garbarino, 2010). Dalam masa yang sama, kanak-kanak turut berperanan dalam memberi tindakbalas, membuat penyesuaian ke atas persekitaran mereka dan berupaya membentuk atau mengubah individu lain (Bruyere & Garbarino, 2010). Maka, selain persekitaran yang mempengaruhi kanak-kanak, kanak-kanak turut membawa perubahan kepada persekitaran (Bruyere & Garbarino, 2010). Bertepatan dengan prinsip ekosistem, memang wujud interaksi dua hala antara kanak-kanak dengan persekitarannya.

Persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak boleh diklasifikasi kepada empat sistem atau lapisan persekitaran; iaitu sistem mikro, sistem meso, sistem luaran, sistem makro (Bruyere & Garbarino, 2010). Kesemua lima jenis persekitaran tersebut berada dalam satu sfera yang digelar sebagai sfera ekologi keluarga (Supra: Bab 3, halaman 105-108).

3.5.1 Sistem mikro keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak

Sistem mikro ialah persekitaran terdekat yang mana kanak-kanak berada di dalamnya (Bruyere & Garbarino, 2010). Secara spesifik, sistem mikro adalah pola aktiviti, peranan dan perhubungan interpersonal yang dialami oleh seseorang dalam *latar* yang mempunyai ciri fizikal dan material yang tertentu dan membentuk identiti sosial kanak-kanak yang berada di dalamnya (Bronfenbrenner, 1979). Persekitaran ini juga menjadi tempat spesifik di mana individu/keluarga terlibat dalam kegiatan khusus sebagai sebahagian daripada peranan mereka (Bruyere & Garbarino, 2010).

Dalam persekitaran ini, kanak-kanak memainkan peranan sosial mereka dan membentuk perhubungan (Bruyere & Garbarino, 2010). Kanak-kanak memerlukan kasih sayang, perhatian dan keperluan fizikal daripada ibu bapa untuk hidup dengan sejahtera. Perubahan yang berlaku dalam persekitaran ini memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak (Bronfenbrenner, 1979). Ibu bapa yang mengabaikan kasih sayang terhadap anak misalnya, berisiko membuatkan anak rasa tidak dihargai. Kesannya, anak kurang sejahtera. Jelasnya, perubahan yang berlaku dalam persekitaran mikro memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak.

3.5.2 Sistem meso keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak

Sistem meso ialah saling hubungan beberapa latar sistem mikro di mana individu terlibat secara langsung misalnya organisasi atau institusi yang membentuk struktur ekologi individu dan hubungan interpersonal (Bronfenbrenner, 1979). Ringkasnya, sistem meso adalah sistem-sistem mikro (*system of microsistems*).

Dalam konteks kanak-kanak sebagai unit analisis kajian, jaringan sistem sekolah, institusi agama dan kejiwaan, dan hubungan antara sistem keluarga dan kejiwaan adalah contoh sistem meso yang melingkungi hidup kanak-kanak. Sistem-sistem tersebut mempunyai dasar, etika dan peraturannya yang tersendiri. Etika dalam kehidupan berjiran seperti membantu jiran yang memerlukan dan saling menghormati berupaya mempengaruhi sikap kanak-kanak dalam berinteraksi. Selain itu, institusi agama dan sistem persekolahan juga mempunyai dasar dan peraturannya yang boleh mempengaruhi hidup kanak-kanak secara tidak langsung. Maka, kewujudan jaringan organisasi yang melingkari ekosistem kanak-kanak turut berperanan membentuk norma sosial kanak-kanak. Oleh itu, aktiviti dalam persekitaran meso turut memberi kesan kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak.

3.5.3 Sistem luaran keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak

Sistem luaran ialah konteks sosial di mana individu tidak mempunyai peranan aktif namun masih mempengaruhi kehidupannya (Bronfenbrenner, 1979). Sistem luaran juga boleh terdiri daripada struktur sosial yang meliputi sistem mikro yang melibatkan individu yang mempengaruhi cara individu berfungsi dalam sistem mikronya.

Tempat kerja ibu bapa, persatuan ibu bapa dan guru di sekolah dan pihak berkuasa tempatan adalah contoh sistem sosial dalam sistem luaran dalam *latar* di mana kanak-kanak sebagai unit analisis. Aktiviti persekitaran luaran juga mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak walaupun secara tidak langsung. Kesibukan ibu bapa dengan kerjaya misalnya boleh mempengaruhi keakraban hubungan ibu bapa-anak akibat kurangnya masa berkualiti untuk diluahkan bersama. Kesannya, kesejahteraan

hidup kanak-kanak boleh terjejas. Sebaliknya, situasi pekerjaan yang tidak membebankan dan persatuan ibu bapa dan guru yang aktif membantu pelajar berupaya memberi kesan yang positif terhadap kesejahteraan kanak-kanak.

3.5.4 Sistem makro keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak

Sistem makro pula melibatkan konteks budaya yang lebih luas seperti sikap dan ideologi budaya, yang mempengaruhi cara hidup individu. Contoh komponen yang berada dalam sistem makro dalam latar di mana kanak-kanak sebagai unit analisis ialah kepercayaan yang diturunkan melalui generasi (i.e., berbuat baik akan mendapat balasan baik), undang-undang (i.e., Akta Kanak-kanak 2001), adat resam dan budaya masyarakat (i.e., nilai-nilai murni yang menjadi amalan masyarakat). Kesemua komponen yang berada dalam persekitaran makro mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak. Penggubalan Akta Kanak-kanak 2001 misalnya mampu membela kebajikan kanak-kanak dengan lebih baik yang mana matlamat akhirnya adalah untuk kesejahteraan kanak-kanak.

3.5.5 Sistem krono keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak

Sistem krono pula adalah pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran di sepanjang hayat. Contoh sistem krono dalam latar kanak-kanak ialah perubahan dari zaman kanak-kanak ke zaman remaja, perubahan sistem pendidikan dan kemajuan teknologi kesihatan untuk memantau tahap kesihatan kanak-kanak. Semua sistem krono tersebut mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak.

3.6 Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak

Kesejahteraan hidup kanak-kanak perlu diteliti mengikut konteks ekologi sosial di mana kanak-kanak hidup membesar (Bronfenbrenner, 1979; Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Ekologi sosial terbahagi kepada dua; iaitu ekologi sosial objektif dan ekologi sosial subjektif. Penelitian ke atas kedua-dua faktor ekologi sosial objektif dan subjektif dapat memberi pemahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Ekologi sosial objektif ialah faktor luaran yang mempengaruhi kesejahteraan hidup (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Komponen penting dalam ekologi sosial objektif adalah komuniti setempat, sekolah dan rakan sebaya (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Antara contoh ekologi keluarga objektif ialah pendapatan, struktur keluarga, pencapaian akademik dan status kesihatan (Stathnam & Chase, 2010). Semua komponen tersebut berperanan dalam membentuk keadaan fizikal, sosial, spiritual, emosi dan kognitif ahli keluarga (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Sekiranya semua komponen tersebut berbentuk positif, maka ahli keluarga akan mengalami perkembangan yang positif. Misalnya, status kesihatan yang baik dan situasi komuniti setempat yang rendah kadar jenayah boleh memberi kesan yang baik ke atas kesejahteraan kanak-kanak.

Ekologi sosial subjektif pula ialah perasaan individu terhadap perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian (Stathnam & Chase, 2010). Ekologi sosial subjektif juga merujuk kepada faktor dalaman seseorang yang merangkumi emosi, spiritual dan kognitif. Semua komponen tersebut berperanan dalam membentuk keadaan fizikal, sosial, spiritual, emosi dan kognitif ahli keluarga (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013).

Ekologi sosial subjektif ini berperanan dalam membentuk tingkahlaku seseorang. Emosi yang stabil, jiwa yang tenang dan hubungan kekeluargaan yang baik berupaya membentuk tingkahlaku yang positif.

Kajian ini menyelidik pengaruh ekologi keluarga ke atas kesejahteraan kanak-kanak. Kesejahteraan hidup kanak-kanak bersifat multidimensi dan boleh diukur dari pelbagai aspek seperti material, pendidikan, kesihatan, risiko dan keselamatan, aktiviti dan penglibatan, persekitaran kediaman, sosioekonomi keluarga, kualiti hubungan perkahwinan, kualiti hubungan ibu bapa anak dan keperluan perkhidmatan serta aspek kesejahteraan subjektif, (Bastos et al., 2007; Bradshaw et al., 2007; Carmen et al., 2008; Ezzo & Young, 2012; Pampalon & Raymond, 2000; Swords et al., 2012). Dalam kepelbagaian dimensi tersebut, kesejahteraan boleh dibahagikan kepada dua iaitu objektif dan subjektif (supra: Bab Dua, halaman 93-97).

Kesejahteraan hidup kanak-kanak boleh dijelaskan melalui perspektif ekologi memandangkan wujudnya saling-interaksi di antara individu dengan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1979; Collins et al., 2007). Oleh yang demikian, beberapa pembolehubah dalam ekologi keluarga di paras persekitaran mikro telah dikenalpasti pengaruhnya ke atas kesejahteraan kanak-kanak berdasarkan tinjauan literatur. Dishion (1990) misalnya, mengambil kira amalan pengurusan keluarga, struktur keluarga dan status sosioekonomi keluarga sebagai pembolehubah ekologi keluarga. Field dan Smith (1998) pula berpendapat faktor kemiskinan dan struktur keluarga perlu diambilkira dalam mengkaji ekologi keluarga. Freysteinsdottir (2004) menggariskan tiga pembolehubah utama dalam mengkaji ekologi keluarga; saiz keluarga, struktur keluarga dan interaksi keluarga. Menurut beliau lagi, interaksi keluarga perlu mengambil kira elemen sokongan, perhubungan perkahwinan dan perhubungan ibu bapa-anak. Swick

dan Williams (2006) pula mengambil kira elemen struktur, sokongan, dinamik dan perhubungan dalam kajian ekologi keluarga. Dalam kajian yang lebih terkini, Mackenzie et al. (2011) menyenaraikan lebih banyak perkara dalam mengkaji ekologi keluarga. Perkara tersebut ialah saiz keluarga, struktur keluarga, pendidikan ibu bapa, umur ibu, pendapatan keluarga dan penerimaan bantuan sosial.

3.6.1 Sosioekonomi keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak

Bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan hidup dalam kemiskinan, ia merupakan beban yang amat berat untuk ditanggung dalam usia kanak-kanak (Swords et al., 2012). Akibat kemiskinan misalnya, terdapat kanak-kanak yang pergi ke sekolah dalam keadaan lapar kerana keluarga kurang mampu memenuhi keperluan makanan dan tersisih daripada aktiviti harian seperti mengikuti rombongan sekolah kerana keluarga tidak mampu untuk membayar yuran lawatan (Swords et al., 2012). Kegagalan memenuhi pelbagai keperluan kehidupan dan perkembangan memberi kesan yang negatif terhadap kesejahteraan mereka (Swords et al., 2012). Oleh yang demikian, Swords dan rakan-rakan (2012) turut menyarankan agar pengalaman hidup kanak-kanak dan ekologi keluarga perlu diambilkira dan menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Dari aspek sosioekonomi, Bruyere dan Garbarino (2010) menyatakan bahawa kemiskinan merupakan toksik sosial yang mampu memberi kesan negatif kepada perkembangan anak. Beberapa kajian lain (i.e., Dishion, 2010; McMunn, Nazro, Marmot, Boreham & Goodman, 2001; Vanderwater & Lansford, 1998) turut mengaitkan faktor kemiskinan dan taraf sosioekonomi yang rendah dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Ini kerana kemiskinan boleh mendorong kepada

serangkaian faktor risiko lain seperti persekitaran di mana anak-anak dibesarkan, menurunkan kelas sosial sesebuah keluarga yang dikaitkan dengan pencapaian pendidikan ibu bapa yang rendah yang mana ia akan memberi kesan kepada amalan keibubapaan dan seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan anak (Ben-Arieh, 2010). Malah, ada kajian yang mendapati ketidakcukupan ekonomi boleh mendorong kepada serentetan masalah kesejahteraan kanak-kanak termasuk kehamilan luar nikah (Smith & Elander, 2006). Hal ini boleh berlaku kerana pendapatan keluarga yang tidak mencukupi berisiko kepada anak untuk mencari peluang hiburan dan kemewahan di luar rumah. Dalam situasi diri yang belum cukup matang ditambah dengan pengaruh negatif kawan, mereka mudah untuk terjebak dengan pelbagai salahlaku dan aktiviti jenayah.

Gutman, Brown, Akerman dan Obolenskaya (2010) dalam kajian mereka mendapati adanya beberapa faktor yang berkait dengan sosioekonomi yang berisiko menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak. Faktor-faktor tersebut ialah taraf pendidikan, ibu bapa dan pendapatan isirumah yang rendah. Terdapat ibu bapa yang bertaraf pendidikan rendah kurang memberi aspirasi pelajaran terhadap anak, kurang sensitif terhadap keperluan perkembangan anak dan kurang kompeten dan berkesan dalam menjalankan tugas keibubapaan, kesannya kesejahteraan anak boleh terjejas.

Dalam kajian-kajian ekologi keluarga yang pernah dijalankan (i.e., Mackenzie et al., 2011; McLoyd, 1998), faktor sosioekonomi merupakan salah satu faktor yang diambilkira dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, pengkaji berhasrat untuk mengkaji hubungan antara faktor sosioekonomi keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Perkara utama yang diambilkira dalam faktor sosioekonomi pula ialah taraf pendidikan bapa, taraf pendidikan ibu dan pendapatan keluarga.

3.6.2 Struktur keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa struktur keluarga tertentu memberi kesan yang negatif kepada perkembangan anak. McLanahan et al. (2012) misalnya, mendapati anak yang tinggal berasingan daripada bapa disebabkan perceraian atau kelahiran luar nikah akan mengalami kesan negatif terhadap perkembangan sosioemosinya dan berisiko menjadi remaja yang bermasalah seperti mengambil dadah dan melahirkan anak luar nikah. Kesan negatif yang dialami tersebut akan lebih serius sekiranya ketiadaan bapa sejak anak masih kecil (McLanahan et al., 2012). Dalam konteks kajian McLanahan et al. (2012), tinggal berasingan merujuk kepada keluarga induk tunggal yang diketuai oleh ibu, keluarga multigenerasi yang biasanya diketuai oleh datuk atau nenek, keluarga angkat dan keluarga kahwin semula.

Dalam satu kajian lain, keluarga yang bercerai, kahwin semula mahupun keluarga tiri dikaitkan dengan pencapaian akademik anak yang rendah (Mooney et al., 2009) dan tingkah laku anak yang bermasalah (Landsford et al., 2001) yang akhirnya boleh menjejaskan kesejahteraan anak (Fomby & Cherlin, 2007). Ini kerana terdapat keluarga induk tunggal dan keluarga tiri misalnya mempunyai paras sumber ekonomi sosial yang terhad iaitu pendapatan rendah, pencapaian akademik penjaga yang rendah, pengawasan keluarga yang rendah dan komunikasi dalam keluarga yang tidak baik berbanding keluarga lengkap (Rees, Bradshaw, Goswani & Keung, 2009). Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa terdapat keluarga yang diketuai oleh datuk/nenek kesan daripada ketiadaan bapa atau penceraian, yang mana ketua keluarga tersebut mempunyai tahap pendapatan dan pendidikan yang rendah (Swingle, 2000 dlm Sun,

2001). Kesemua faktor tersebut saling berinteraksi dan boleh memberi kesan negatif terhadap tingkah laku anak.

3.6.3 Saiz keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak

Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa saiz keluarga memberi implikasi kepada kesejahteraan kanak-kanak. Dalam kajian Rak dan Patterson (1996) misalnya, saiz keluarga yang besar dikaitkan dengan bilangan anak yang ramai boleh meningkatkan persaingan untuk mendapat keperluan hidup, ditambah dengan sumber ekonomi yang terhad, maka terdapat keperluan anak yang tidak dapat dipenuhi yang boleh menjejaskan tahap kesejahteraannya. Bilangan anak yang ramai juga boleh memberi persaingan dalam kalangan anak untuk mendapat kasih sayang, perhatian dan pengawasan ibu bapa yang memberi implikasi negatif ke atas kesejahteraan kanak-kanak (Lavee, Sharlin & Katz, 1996).

Berkait dengan faktor yang telah disebutkan di atas, kajian-kajian yang lebih terkini turut mengambil kira faktor saiz keluarga dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak. Antaranya ialah Ezzo dan Young (2012), Freysteinsdottir (2004) dan Mackenzie et al. (2011). Maka, kajian-kajian terdahulu menunjukkan saiz keluarga boleh mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak. Dengan itu, faktor saiz keluarga turut diambil kira dalam kajian ini sebagai salah satu pembolehubah dalam ekologi keluarga untuk ditentukan hubungannya dengan kesejahteraan kanak-kanak.

3.6.4 Hubungan perkahwinan ibu bapa dan kesejahteraan kanak-kanak

Acs (2007) pernah meneroka idea mengenai kesejahteraan kanak-kanak yang boleh dipertingkatkan dengan meningkatkan perhubungan perkahwinan ibu bapa. Acs (2007) juga telah meneliti bagaimana hubungan antara kesejahteraan kanak-kanak dengan susunan kehidupan (*living arrangement*) yang dikesani oleh kestabilan perkahwinan ibu bapa dan perubahan susunan kehidupan. Kanak-kanak yang hidup dalam keluarga yang lengkap mempunyai kehidupan yang lebih baik; berbanding dengan kanak-kanak yang hidup dalam struktur keluarga yang lain (Fomby & Cherlin, 2007; Lansford et al., 2001; McLanahan et al., 2012).

Parke (2003), penyelidik Centre of Law and Social Policy Amerika yang mengkaji kesan struktur keluarga ke atas kesejahteraan kanak-kanak turut mencatatkan hasil kajian McLanahan dan Sandefur (1994) yang mendapati kanak-kanak yang tidak tinggal dengan ibu bapa kandung secara kasarnya lebih cenderung untuk berada dalam kemiskinan, bermasalah tingkah laku dan psikologi. Secara umum, bagi kanak-kanak yang hidup dalam keluarga induk tunggal atau keluarga tiri misalnya, kesan negatif terhadap mereka berlaku melalui dua mekanisme iaitu sumber material dan pendapatan dan kualiti kehidupan keluarga (Acs, 2007).

Namun begitu, kanak-kanak yang dibesarkan dalam keluarga induk tunggal tidak semestinya mengalami kesan negatif. Tahap risiko yang dialami oleh jenis struktur keluarga tersebut adalah lebih tinggi berbanding anak yang dibesarkan oleh kedua ibu bapa kandung, misalnya kecukupan ekonomi, perhatian dan kasih sayang. Hal ini dibuktikan dengan satu kajian yang mendapati bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kesejahteraan kanak-kanak dengan kejadian perpecahan keluarga

(Mooney et al., 2009). Oleh yang demikian, terdapat pengkaji yang menjelaskan perhubungan keluarga lebih penting berbanding struktur keluarga dalam mengukur kesejahteraan kanak-kanak (Rees et al., 2009). Ini kerana, walaupun kanak-kanak berada dalam keluarga yang lengkap namun wujud konflik keluarga, kanak-kanak tidak akan gembira dan ini boleh menjejaskan kesejahteraan mereka (Rees et al., 2009). Hasil kajian tersebut turut disokong oleh hasil kajian Gutman et al. (2010) yang menunjukkan perhubungan keluarga yang positif berkait dengan peningkatan kesejahteraan kanak-kanak.

Sebaliknya, kanak-kanak yang hidup dalam keluarga yang lengkap juga boleh terjejas perkembangan dan kesejahteraannya. Ini terbukti dengan beberapa kajian terdahulu, misalnya Mooney et al. (2009) dan Rees et al. (2009) yang mendapati kanak-kanak yang hidup dalam keluarga lengkap turut terjejas kesejahteraannya apabila berada dalam persekitaran keluarga yang tertekan atau berkonflik. Selain itu, keadaan ibu bapa yang berkonflik juga boleh menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak (Rees et al., 2009). Hasil-hasil kajian turut menunjukkan bahawa hubungan perkahwinan ibu bapa yang tidak baik boleh menjejaskan kualiti keibubapaan dan seterusnya menjejaskan perkembangan anak dan akhirnya menghasilkan anak yang mempunyai tingkah laku yang negatif. Kajian Lucas-Thompson dan Clarke-Stewart (2007) menunjukkan bahawa ketidakharmonian dalam hubungan perkahwinan berupaya menjejaskan hubungan antara ibu bapa dan anak, dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan negatif anak.

Ini kerana dalam keluarga yang mengalami masalah perkahwinan, keluarga tersebut sukar untuk menjalankan fungsinya dengan sempurna (Sun, 2001). Kesannya persekitaran keluarga akan menjadi tidak kondusif untuk perkembangan anak dan anak-

anak mula menunjukkan tanda-tanda kehidupan yang tidak sejahtera seperti hidup tertekan, mengalami kemerosotan akademik, kurang kecekapan sosial, masalah kesihatan yang berpanjangan dan mengalami masalah tingkah laku (Mooney et al., 2009).

Selain itu, konflik yang wujud dalam hubungan perkahwinan juga boleh menyebabkan kualiti keibubapaan terjejas (McElwain & Volling, 1999) dan lemah (Jekielek, 1998). Tingkah laku keibubapaan yang tidak berkesan ini biasanya akan menjejaskan hubungan ibu bapa – anak dan mempengaruhi kesejahteraan emosi anak (Mooney et al., 2009).

Secara umum, masalah dalam kehidupan berkeluarga juga boleh menjejaskan penyesuaian anak di sekolah dan pencapaian akademiknya (Mooney et al., 2009). Hubungan perkahwinan yang tidak sejahtera dikaitkan dengan ketidaksejahteraan hubungan ibu bapa–anak dan seterusnya boleh membenihkan tingkah laku ganas dalam kalangan anak (Harrist & Ainslie, 1998). Dengan itu, ketidakharmonian yang wujud dalam institusi perkahwinan boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan tingkah laku dan boleh menjejaskan kesejahteraan anak.

Pendek kata, hasil kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa boleh mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Maka, faktor ini perlu diambilkira dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini.

3.6.5 Perhubungan ibu bapa–anak dan kesejahteraan kanak-kanak

Aufseeser et al. (2006) menyatakan bahawa ibu bapa adalah individu yang mencorakkan kehidupan anak. Kualiti perhubungan keluarga merupakan aspek paling asas dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak (Rees et al., 2009). Hubungan ibu bapa–anak yang erat, kemahiran keibubapaan yang bagus, perkongsian aktiviti dan model peranan ibu bapa yang positif akan memberi kesan yang baik kepada perkembangan anak (Aufseeser et al., 2006). Kanak-kanak sangat memerlukan perhubungan keluarga yang saling menyokong dan ibu bapa yang mempunyai perasaan yang positif terhadap mereka (Gutman et al., 2010). Kanak-kanak seronok hidup dalam persekitaran keluarga di mana adanya ibu bapa yang mengambil tahu dan mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka (Aufseeser et al., 2006). Kajian Gutman et al. (2010) menunjukkan kanak-kanak yang mempunyai perhubungan yang positif dengan ibu bapa mengalami peningkatan dari aspek kesejahteraan tingkah laku dan sosial. Perasaan ibu bapa terhadap anak merupakan antara penentu signifikan kepada kesejahteraan kanak-kanak.

Persekitaran keluarga yang bermasalah dicirikan oleh faktor seperti kurangnya sokongan dan tingkah laku negatif orang dewasa (Aufseeser et al., 2006). Persekitaran keluarga yang bermasalah seperti wujud konflik dalam keluarga dan perhubungan keluarga yang tidak mesra boleh menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak (Mooney et al., 2009). Dapatan kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan perhubungan keluarga yang baik dikaitkan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak yang baik manakala perhubungan keluarga yang tidak baik boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

3.7 Kesimpulan

Persekitaran sosial mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Jika kesejahteraan hidup kanak-kanak terjejas, ia mungkin berpunca daripada ekologi sosial yang mengganggu peluang kanak-kanak untuk hidup dengan sempurna. Atas perkaitan yang kuat antara kesejahteraan hidup kanak-kanak dengan persekitaran sosial yang didiami mereka, maka persekitaran atau ekologi sosial kanak-kanak perlu dikaji.

Banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji pelbagai pengaruh faktor dalam ekologi keluarga ke atas kesejahteraan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian sedia ada tidak mengambilkira perspektif ekologi sosial; khususnya model ekologi keluarga. Berbeza daripada kajian-kajian terdahulu yang banyak terdapat di arena akademik tempatan, kajian ini memberi fokus kepada pengaruh ekologi keluarga ke atas kesejahteraan kanak-kanak di peringkat sistem mikro, iaitu persekitaran yang paling hampir dengan kehidupan kanak-kanak. Oleh kerana sistem mikro merupakan persekitaran yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak, sudah tentu faktor-faktor atau komponen yang berada pada persekitaran tersebut memberi impak yang lebih hebat kepada kanak-kanak berbanding komponen lain yang berada dalam paras persekitaran yang lebih jauh dari kehidupan kanak-kanak. Di dalam bab seterusnya, pengkaji menerangkan metod yang digunakan bagi melakukan kajian ini.

BAB 4: METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Penerangan di dalam bab ini adalah mengenai metod yang digunakan bagi melakukan kajian ini. Ia meliputi penerangan mengenai rekabentuk kajian, teknik pengumpulan data yang digunakan bagi mengumpulkan data primer dan sekunder kajian, populasi kajian, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini, teknik persampelan yang digunakan bagi memilih sampel atau perwakilan kajian, instrumen kajian, serta teknik yang digunakan bagi menganalisis data yang terkumpul daripada kerja lapangan yang dilakukan.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan metod campuran penerangan berurutan (*explanatory sequential mixed-method*); iaitu gabungan rekabentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah survei yang disokong dengan rekabentuk kualitatif. Pendekatan metod campuran penerangan berurutan ialah suatu kaedah kajian yang membenarkan pengkaji melakukan kajian kuantitatif, dan kemudiannya menjelaskan secara terperinci data-data yang telah dianalisis; khususnya data-data yang menarik melalui kajian kualitatif (Creswell, 2007; Creswell & Clark, 2011; Ivankova, Cresswell & Stick, 2006). Metod campuran penerangan berurutan bermaksud pengkaji melakukan satu kaedah dan diikuti dengan kaedah yang satu lagi (Babbie, 2008; Creswell, 2007).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif terlebih dahulu dan kemudiannya diikuti dengan pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan

pendekatan kuantitatif untuk mencapai objektif kajian yang pertama dan kedua. Pendekatan kualitatif pula pengkaji gunakan sebagai pelengkap untuk memperincikan maklumat kajian yang diperoleh dalam objektif kedua dan mendapatkan maklumat bagi objektif ketiga kajian ini.

Dalam pendekatan metod campuran (*mix-method*) ini, pendekatan kuantitatif digunakan untuk menguji objektif kajian dan aspek teoritikal, manakala pendekatan kualitatif digunakan untuk menjelajah dan memahami secara mendalam sesuatu pembolehubah kajian (Creswell, 2007; Creswell & Clark, 2011; Ivankova et al., 2006). Pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan metod campuran kerana ia melibatkan integrasi di antara kedua-dua jenis data kuantitatif dan kualitatif yang mana ia boleh memberikan pemahaman yang lebih baik ke atas permasalahan kajian.

Sebagai permulaan, kajian metod campuran ini menggunakan teknik survei. Survei merupakan salah satu teknik pengumpulan data kuantitatif dalam membuat penyelidikan; terutama dalam bidang sains sosial (Babbie, 2008). Teknik survei adalah suatu jenis penyelidikan yang lazimnya didasarkan pada suatu sampel rawak yang telah dipilih daripada suatu populasi (Ahmad Mahdzan, 2007). Dalam kajian survei, pengkaji biasanya memilih suatu sampel dan mentadbir suatu set soal selidik ke atas setiap sampel (Babbie, 2008). Jika dirancang dan dilaksanakan mengikut amalan yang *standard*, prosedur tersebut mampu menghasilkan kesimpulan yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Mahdzan, 2007; Babbie, 2008). Teknik survei sesuai untuk kajian ini kerana bilangan responden yang ramai iaitu seramai 400 orang, dan ciri responden yang hampir sama iaitu semua responden merupakan keluarga yang miskin/berpendapatan rendah (Babbie, 2008).

4.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ialah kanak-kanak dari keluarga miskin. Had umur kanak-kanak mengikut definisi global (UNICEF & Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)) ialah individu yang berusia 18 tahun ke bawah. Had umur kanak-kanak dari sudut legislatif di Malaysia juga ialah individu 18 tahun ke bawah. Had umur kanak-kanak (pertengahan) dari sudut perkembangan pula ialah individu yang berusia 6 hingga 11 tahun (Jas Laile, 2002). Kajian ini mengambil kira umur 18 tahun ke bawah sebagai had umur kanak-kanak.

Statistik tahun 2012 menunjukkan terdapat sejumlah 108,000 bilangan isi rumah miskin di Malaysia. Oleh kerana satu isi rumah mengandungi sekurang-kurangnya satu keluarga dari segi kiraan kasar, maka terdapat sekurang-kurangnya 108,000 bilangan isirumah miskin yang mana jumlah pendapatan bulanan keluarga kurang daripada RM830.

Keluarga miskin dipilih untuk mengkaji hubungan ekologi keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak setelah mengambil kira konsep deprivasi sosial. Ini kerana terdapat ciri kemiskinan yang tidak dapat diukur secara objektif (Osman & Abd. Majid, 1988). Pengukuran kemiskinan juga tidak boleh dibataskan dengan hanya mengukur deprivasi material/kebendaan sahaja. Aspek-aspek yang tidak boleh diukur secara objektif juga perlu diambilkira (Chamhuri, 1988). Memandangkan kemiskinan juga mencerminkan kekurangan kebajikan, maka kemiskinan wajar diukur mengikut ukuran taraf hidup (Osman & Abd. Majid, 1988). Terdahulu, Townsend (1970 dlm. Osman & Abd. Majid, 1988) juga pernah mencadangkan agar ukuran kemiskinan bukan sahaja dilihat daripada pendapatan wang semasa, tetapi meliputi faedah keselamatan sosial,

harta, pendidikan, nilai pendapatan bukan wang dan faedah sampingan daripada pekerjaan, nilai perkhidmatan sosial awam yang diterima, pengeluaran untuk kegunaan sendiri, hadiah dan bantuan diterima.

Kajian ini menggunakan konsep deprivasi sosial untuk mengkaji kesejahteraan hidup kanak-kanak dari keluarga miskin. Deprivasi sosial adalah satu keadaan sosial di mana individu atau keluarga tidak dapat memenuhi keperluan hidup seperti makanan, perumahan, pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan keselamatan (Bassuk & Donelan, 2013). Seseorang yang mengalami deprivasi sosial lazimnya kurang bebas untuk membuat pilihan dan mendapat peluang, menyuarakan pandangan peribadi, serta mengalami banyak halangan dalam melibatkan diri dalam masyarakat (Bassuk & Donelan, 2013). Berpandukan kepada konsep deprivasi sosial ini, kanak-kanak dari keluarga miskin lebih cenderung untuk mengalami defisit keperluan, kurang peluang sosial dan kurang berpeluang untuk menikmati pembangunan diri (Bradshaw et al., 2006; 2007). Maka, mereka lebih berisiko untuk hidup dalam keadaan yang tidak sejahtera. Justeru, mengikut jejak kebanyakan kajian sedia ada di luar negara yang memfokus kepada kanak-kanak dalam keluarga miskin, kajian ini juga memilih keluarga miskin sebagai populasi kajian ini.

Kemiskinan di Malaysia didefinisi dan diukur mengikut taraf hidup di negara ini yang berdasarkan kepada konsep pendapatan untuk memperoleh keperluan minimum sebuah isirumah (EPU & UN, 2010). Maka, secara perbandingan, keluarga miskin adalah keluarga yang memperoleh pendapatan yang hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan minimum sebuah isirumah; berbanding keluarga yang berada di atas garis kemiskinan (Yayasan Basmi Kemiskinan, 2012). Keluarga miskin dalam kajian ini merujuk kepada keluarga yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan (PGK). PGK

terkini bagi Semenanjung Malaysia ialah RM763 (EPU, 2009). Berdasarkan kepada definisi dan ukuran kemiskinan yang dinyatakan, semua kanak-kanak dan ibu bapa yang datang dari keluarga yang berpendapatan RM763 ke bawah layak menyertai kajian ini.

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa program anti-kemiskinan bagi membantu keluarga miskin keluar daripada kemiskinan. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 hingga 1990, program pembasmian kemiskinan dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan (Rahmah, 1996). Namun demikian, program tersebut merupakan pelan jangka panjang dalam bentuk yang tidak terfokus kerana tiada program khusus untuk kumpulan sasaran tertentu sepanjang tempoh 20 tahun dasar tersebut berlangsung (Hasmiah, 1996).

Setelah tamat DEB, strategi pembasmian kemiskinan diteruskan melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN) (1991-2000). Kali ini, pelaksanaannya dalam bentuk yang lebih terfokus. Strateginya ialah untuk meningkatkan mobiliti sosial dengan menyediakan peluang pendidikan dan latihan pekerjaan (Rahmah, 1996). Setiap program yang dilaksanakan mempunyai kumpulan sasaran tertentu dan lokasi tumpuan (Rahmah, 1996). Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diperkenalkan pada 1987 misalnya, merupakan program yang memberi fokus kepada keluarga termiskin yang mana lokasi tumpuan adalah kawasan luar bandar (Hasmiah, 1996).

Dalam Rancangan Malaysia ke-10, kerajaan memperkenalkan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) pada tahun 2002 yang bertujuan untuk menambahbaik taraf hidup rakyat. Kumpulan sasaran skim ini adalah golongan miskin (KPKT, 2013). Skim tersebut merangkumi projek ekonomi, sosial dan fizikal, yang dilaksanakan menerusi pelbagai program. Antara program-program tersebut adalah

Program Bersepadu Desa Terpencil, Program Pembangunan Insan dan Program Bantuan Perumahan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mampu untuk meliputi semua keluarga miskin yang layak mendapat program-program tersebut. Kajian ini juga tidak meliputi semua program SPKR. Sebagai perwakilan, kajian ini hanya memilih keluarga miskin yang mendapat Program Bantuan Perumahan Awam. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terdapat 44,293 jumlah rumah PPR sehingga Disember 2012.

Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan skim bantuan perumahan kerajaan untuk menempatkan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman ke atas keluarga yang berpendapatan rendah (KPKT, 2013). PPR dahulunya dikenali sebagai Projek Awam Kos Rendah (PAKR) (KPKT, 2013). Terdapat beberapa perbezaan antara PAKR dan PPR. PAKR merupakan projek di bawah kendalian kerajaan negeri. Projek tersebut menjadi projek di bawah kendalian kerajaan persekutuan apabila skim tersebut bertukar kepada PPR. Berikutan itu, dasar dan strategi PAKR dan PPR juga berbeza, diubah mengikut keperluan semasa. Namun begitu, asasnya masih mengikut garis panduan yang disediakan oleh Dasar Perumahan Negara (KPKT, 2013). Fokus PAKR ialah untuk menyediakan perumahan yang selesa, kemudahan asas dan sosial serta meningkatkan kualiti hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah (KPKT, 2013). Strategi PPR pula ialah menyediakan kemudahan asas untuk golongan miskin, khususnya kelompok miskin di pusat dan pinggir bandar (KPKT, 2013). Syarat kelayakan dari pendapatan maksimum bulanan isirumah untuk mendiami rumah dinaikkan daripada RM1,500 di bawah skim PAKR kepada RM2,500 di bawah skim PPR. Selain itu, keluasan rumah PAKR ialah 600 atau 650 kaki persegi sahaja dengan 1 atau 2 bilik tidur manakala keluasan rumah PPR telah ditingkatkan kepada 700 kaki persegi dengan 3 bilik tidur (KPKT, 2013).

Kriteria utama pemilihan responden kajian ini ialah kanak-kanak dan ibu/bapa daripada isirumah yang mendiami PPR. Mereka juga mestilah merupakan warganegara Malaysia dan dalam entiti keluarga (keluarga yang tidak mempunyai anak & orang bujang tidak layak menyertai kajian ini). Kajian ini memilih keluarga yang menyertai program sosial ini kerana mereka telah dikenal pasti sebagai keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah atau miskin; berdasarkan kelayakan mendiami perumahan tersebut. Taraf sosioekonomi yang rendah pula boleh mendedahkan keluarga dan kanak-kanak kepada risiko lain yang boleh menjejaskan kesejahteraan mereka. Halangan dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan saiz populasi keluarga miskin yang mendiami kawasan PPR terpilih. Bilangan unit rumah PPR yang dihuni Di PPR Lembah Pantai ialah 1896 dan bilangan unit rumah PPR yang dihuni Di PPR Paya Nahu ialah 1472. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang disarankan ialah lima peratus daripada jumlah populasi. Dengan mengambil kira pendapat mereka dalam menentukan saiz sampel agar sampel kajian adalah representatif, jumlah responden kajian ini ialah seramai 100 keluarga dari kawasan bandar (5.3% dari jumlah populasi) dan 100 keluarga dari kawasan luar bandar (6.8% dari jumlah populasi) sebagai sampel kajian.

Unit analisis kajian ini ialah ibu/bapa dan anak (*dyad*). Anak diperlukan sebagai responden bagi mengenalpasti tahap kesejahteraan yang mereka sedang alami, dan mengenal pasti hubungan faktor hubungan keluarga dengan tahap kesejahteraan mereka.

Ibu atau bapa pula diperlukan sebagai responden bagi mendapatkan maklumat mengenai keadaan ekologi keluarga.

Sampel kajian kualitatif pula terdiri daripada lima orang ibu; iaitu penjaga kepada kanak-kanak. Ibu-ibu tersebut dipilih kerana mereka berupaya berkongsi pengalaman sebenar memandangkan mereka adalah individu yang terlibat secara langsung dalam proses pembesaran anak-anak.

4.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian terbahagi kepada dua kawasan iaitu bandar dan luar bandar. Pemilihan tersebut dilakukan setelah mengambil kira pandangan Chamhuri (1988) dan Wan Nor Azriyanti, Faizah, Noor Rosly dan Wang (2011) yang menyatakan terdapat perbezaan dari segi ciri kemiskinan bandar dan luar bandar. Kemiskinan bandar lazimnya berkisar mengenai isu keperluan perumahan dan pasaran kerja, berlaku disebabkan ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan, penggunaan yang tidak mencukupi, kegagalan memperoleh barang keperluan dan kemudahan, perumahan berkualiti rendah dan tempat tinggal yang terdedah kepada masalah seperti jenayah, kesihatan dan bencana alam, dan golongan tersebut biasanya kurang berpendidikan dan kurang berkemahiran dalam pasaran kerja serta berpendapatan rendah (Chamhuri, 1988; Wan Nor Azriyanti et al., 2011). Sebaliknya, kemiskinan luar bandar pula berkisar mengenai isu kekurangan kemudahan asas, berlaku akibat mobiliti tenaga kerja dari luar bandar ke bandar untuk mencari pendapatan yang lebih lumayan dan berpunca dari pekerjaan sara diri seperti pekebun kecil dan nelayan (Chamhuri, 1988).

Selain perbezaan ciri kemiskinan bandar dan luar bandar, pemilihan lokasi bandar dan luar bandar juga dilakukan setelah mengambil kira definisi kemiskinan relatif yang ditentukan oleh EPU (1999); iaitu keadaan di mana wujud ketidaksamaan pendapatan antara penghuni bandar dan luar bandar. Misalnya pada tahun 2010, pendapatan purata bagi penduduk bandar ialah RM4,705 manakala pendapatan purata bagi penduduk luar bandar ialah RM2,545. Perbezaan lain ialah penduduk bandar yang berpendapatan di bawah RM1000 ialah sejumlah 3.7 peratus manakala penduduk luar bandar ialah sejumlah 15.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Perbezaan tangga pendapatan antara bandar dan luar bandar lebih ketara bagi penduduk yang berpendapatan RM5000 ke atas iaitu 30.6 peratus bagi penduduk bandar dan 10.3 peratus bagi penduduk luar bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Hujah-hujah mengenai ketidaksamaan pendapatan antara bandar dan luar bandar mendorong pengkaji untuk membezakan sampel bandar dan luar bandar dalam kajian ini.

4.5 Teknik Persampelan

Pemilihan sampel kajian ini melibatkan dua teknik persampelan; yang mana sampel kajian dipilih secara berperingkat-peringkat. Kaedah pemilihan ini juga dikenali sebagai teknik persampelan pemeringkatan atau teknik persampelan pelbagai tahap (*multistage sampling*). Teknik persampelan pemeringkatan merupakan teknik persampelan yang digunakan dalam rekabentuk survei yang mana sampel dalam populasi disusun secara hierarki dan sampel dipilih secara berperingkat-peringkat (Babbie, 2008). Teknik ini juga digunakan kerana lokasi kajian yang luas dan elemen sasaran bertaburan dalam jarak yang agak jauh (Chua, 2006). Memandangkan tiada senarai keluarga mempunyai anak berumur antara 9 hingga 17 tahun yang menghuni perumahan rakyat yang boleh diperoleh di peringkat kementerian mahupun negeri, maka persampelan dalam kajian ini

tidak dapat dilakukan secara terus menerus daripada populasi. Faktor tersebut turut mendorong pengkaji memilih teknik persampelan pemeringkatan.

Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan melalui dua langkah atau peringkat, iaitu:

- (i) Teknik persampelan rawak mudah; dan,
- (ii) Teknik persampelan rawak sistematik.

4.5.1 Teknik persampelan rawak mudah

Teknik persampelan pertama yang digunakan ialah Teknik Persampelan Rawak Mudah (*simple random sampling*).

Teknik ini digunakan bagi memilih lokasi PPR yang terlibat bagi membolehkan unsur-unsur dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih (Ahmad Mahdzan, 2007; Babbie, 2008; Chua, 2006). Senarai PPR (rujuk Jadual 4.1) dibahagikan kepada dua kelompok iaitu bandar dan luar bandar. Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah cabutan untuk memilih satu lokasi mewakili bandar dan satu lokasi mewakili luar bandar. Maka, lokasi yang terpilih ialah PPR Lembah Pantai di Kuala Lumpur (bandar) dan PPR Paya Nahu di Kedah (luar bandar).

Jadual 4.1: Senarai Perumahan Projek Perumahan Rakyat

Negeri	Nama Projek	Bil. Unit
Kedah	PPR Paya Nahu	1,472
	PPR Taman Dahlia, Langkawi	422
	Jumlah	1,894
Selangor	PPR Lembah Subang I	3,004
	PPR Serendah KTM	300
	Jumlah	3,304
Sabah	PPR Batu 4, Sandakan	1,000
	PPR Balung I, Tawau	972
	PPR Kg. Warisan, K.Kinabalu	485
	PPR Balung II, Tawau	500
	PPR Telipok, K.Kinabalu	2,174
	PPR Telipok Ria, K.Kinabalu	2,400
	PPR Jln. Sagindai, Kinarut	500
	PPR Batu 4 ½ Jln. Tgh. Nipah, L. Datu	700
	PPR Gum-Gum, Sandakan	500
	PPR Beluran	400
	PPR Jalan Apas Tawau	900
	PPR Army Camp, Sandakan	500
	PPR Sri Semarak, Tawau	500
	Jumlah	11,531
	W.P. Kuala Lumpur	PPR Sg. Besi (PPR Desa Petaling)
PPR Taman Wahyu I (PPR Beringin)		1,896
PPR Taman Wahyu II (PPR Wahyu)		948
PPR Pekan Batu		632
PPR Kg Batu Muda (SPNB)		2,132
PPR Lembah Pantai, Kerinchi		1,896
PPR Pudu Hulu		948
PPR Taman Intan Baiduri		1,834
PPR Ampang Hilir (PPR Hiliran Ampang)		948
PPR KL Linear City I (PPR SERI ANGGERIK)		316
PPR KL Linear City II Fasa 1 (PPR PANTAI RIA)		1,264
PPR KL Linear City II Fasa 2 (PPR SERI CEMPAKA)		632
PPR Salak Selatan		632
PPR Seri Malaysia		632
PPR Sg. Bonus Air Jernih		632
PPR Seri Semarak		1,580
PPR Kg. Baru Air Panas		2,528
PPR Jln. Lapangan Terbang Lama Fasa 1(Seri Alam)		660
PPR Kg. Muhibbah, Jalan Puchong		2,844
PPR Jln Cochrane (PPR Laksamana & PPR Perkasa)		1,620
PPR Kg. Limau Pantai Dalam		632
PPR Malaysia Permai (PPR Raya Permai)		1,264
PPR Pekan Kepong		948
PPR Jln. Lapangan Terbang Lama Fasa 2 (Seri Alam 2)		920
PPR Bukit Jalil I		1,896
PPR Bukit Jalil II		1,896
Jumlah		32,762

Sumber: dipetik dari KPKT 2012

4.5.2 Teknik persampelan rawak sistematik

Langkah kedua ialah memilih keluarga yang mempunyai anak yang berumur di antara 9 hingga 17 tahun daripada senarai PPR Lembah Pantai dan Paya Nahu. Dalam situasi ini, teknik persampelan rawak sistematik (*systematic random sampling*) digunakan untuk memilih sampel kajian. Pengkaji mendapatkan maklumat isirumah daripada pejabat operasi atau wakil penduduk di setiap kawasan yang terlibat. Daripada senarai tersebut, pengkaji memilih keluarga yang berada dalam senarai nombor genap yang mempunyai anak berumur dalam lingkungan 9 hingga 17 tahun. Sekiranya keluarga yang terpilih tidak mempunyai anak berusia 9 hingga 17 tahun, pengkaji akan memilih nombor genap yang seterusnya sehingga cukup 100 keluarga untuk satu kawasan (PPR Lembah Pantai dan PPR Paya Nahu). Maka, jumlah keluarga yang terpilih menjadi sampel kajian untuk kedua-dua kawasan ialah 200 (Jadual 4.2). Dalam setiap keluarga yang terpilih, dua orang responden akan terlibat iaitu seorang mewakili kanak-kanak dan seorang lagi adalah ibu atau bapa.

Jadual 4.2: Kawasan PPR Terlibat

Kawasan geografi	Bandar	Luar bandar	Jumlah
Negeri	Kuala Lumpur	Kedah	-
Lokasi	PPR Lembah Pantai, Kerinchi	PPR Paya Nahu, Sg. Petani	-
Bilangan unit rumah	1896	1472	-
Bilangan isirumah/keluarga	100	100	200
Bilangan sampel	200	200	400

4.5.3 Teknik persampelan untuk kajian kualitatif

Untuk kajian kualitatif pula, Persampelan Bertujuan digunakan untuk memilih sampel kajian. Jenis persampelan tersebut merupakan jenis persampelan yang sesuai dalam pendekatan kualitatif, seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2007) dan Noraini

(2010). Ini kerana sampel untuk kajian kualitatif dipilih untuk fokus tertentu, mengikut kriteria tertentu dan bersesuaian dengan aspek yang dikaji (Noraini, 2010). PPR Lembah Pantai dipilih kerana lokasi tersebut berada di Kuala Lumpur, iaitu kawasan yang sedang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi (6891 orang per kilometer persegi) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Dari segi geografi, kawasan yang pesat membangun, penduduk yang ramai dan kepadatan penduduk yang tinggi lazimnya lebih berisiko untuk mencetuskan pelbagai cabaran dan desakan hidup. Tambahan pula, pengkaji percaya bahawa kawasan yang pesat seperti Kuala Lumpur mempunyai ciri kemiskinan yang unik. Kriteria utama pemilihan sampel ialah penjaga yang mempunyai anak yang berada di sekolah rendah atau menengah, dan rela hati memberikan kerjasama untuk menjawab soalan-soalan pengkaji. Seramai lima orang penjaga yang semuanya terdiri daripada ibu sukarela menyertai kajian kualitatif ini.

4.6 Teknik Pengumpulan Data

Data kajian yang dikumpulkan boleh dibahagikan kepada dua jenis; iaitu data primer dan data sekunder. Dalam kajian ini, proses pengumpulan data sekunder dilakukan terlebih dahulu. Data sekunder diperoleh dengan membuat rujukan perpustakaan dan menghubungi agensi tertentu. Maklumat data sekunder pula dihurai dan dipersembahkan dalam perbincangan sorotan literatur (Bab Dua). Data tersebut menjadi pendokong utama kajian bagi membentuk model kajian.

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan *mix-method*, terdapat dua kaedah utama bagi mendapatkan data primer. Data primer kuantitatif diperoleh melalui kaedah survei yang menggunakan borang soal selidik. Data primer kualitatif pula diperoleh melalui kaedah temubual bersemuka.

Maklumat kuantitatif kajian diperoleh dengan cara melakukan pertemuan bersemuka dengan responden. Pertemuan diadakan di rumah responden. Alat pengumpulan data pula ialah dengan menggunakan borang soal selidik. Sebelum menjawab borang soal selidik, kedua-dua responden ibu/bapa dan anak perlu mengisi dan menandatangani borang persetujuan sebagai ikrar bahawa mereka bersetuju dan rela hati menjadi responden kajian. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik secara langsung kepada responden. Pengkaji duduk bersama dengan responden sehingga borang soal selidik dilengkapkan. Pengkaji membacakan satu per satu soalan dan responden memberi jawapan untuk setiapnya sehingga kesemua soalan selesai dijawab. Responden juga diberi pilihan untuk membaca dan mengisi sendiri borang tersebut namun pengkaji ada bersama bagi bagi menjelaskan mana-mana soalan yang kurang difahami sehingga soal selidik selesai dijawab. Bagi responden yang mengalami kesukaran membaca, pengkaji membacakan satu persatu soalan kepada responden.

Teknik pengumpulan data kualitatif ialah dengan menggunakan teknik temubual mendalam dari jenis temubual separa berstruktur. Teknik temubual separa berstruktur ialah teknik di mana urutan soalan dan cara soalan diaju bergantung kepada reaksi dan maklumbalas responden (Noraini, 2010). Temubual mendalam ialah salah satu teknik untuk mengumpul data kualitatif yang pengkaji fikirkan sesuai untuk kajian ini. Teknik tersebut merupakan teknik yang berkesan untuk mendapatkan data kajian yang berbentuk pandangan secara lebih dekat dan mendalam daripada responden (Ahmad Mahdzan, 2007; Creswell, 2007; Noraini, 2010). Sebagai persediaan untuk melakukan temubual, tiga perkara yang penting perlu diberi perhatian ialah protokol temubual, pemilihan peserta untuk perbincangan dan alat rakaman (Babbie, 2008). Temubual dilakukan di rumah responden. Responden yang ditemubual ialah ibu. Temubual

dilakukan berpandukan protokol temubual (Lampiran C). Sebelum memulakan sesi temubual, pengkaji mendapatkan izin responden terlebih dahulu. Apabila responden bersetuju, mereka perlu mengisi dan menandatangani borang persetujuan sebagai ikrar bahawa mereka bersetuju dan rela hati menjadi responden kajian. Pengkaji merakam semua maklumat yang diperolehi dalam perbincangan tersebut dengan izin responden.

4.7 Instrumen Kajian

Data primer kajian kuantitatif dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Terdapat dua set borang soal selidik yang berlainan. Set pertama adalah untuk ibu/bapa manakala set kedua adalah untuk anak.

4.7.1 Borang soal selidik untuk ibu/bapa

Borang soal selidik untuk ibu/bapa bertajuk “Ekologi Keluarga” (Lampiran A). Borang soal selidik tersebut digunakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai sosiodemografi dan sosioekonomi keluarga.

Kesemua maklumat mengenai ekologi keluarga diperolehi daripada responden ibu/bapa. Hal ini memandangkan ibu/bapa merupakan individu dewasa dalam keluarga yang lebih layak dan lebih dipercayai keterangannya dalam memberi maklumat berkaitan keluarga. Selain itu, terdapat juga maklumat yang mungkin berada di luar pengetahuan kanak-kanak, misalnya mengenai pendapatan dan pendidikan ibu bapa sekiranya anak dipilih untuk mengisi maklumat tersebut. Selain itu, terdapat item yang merujuk kepada diri atau hal yang berkaitan dengan ibu/bapa sebagai penjaga.

Bahagian-bahagian dalam instrumen ini disusun seperti berikut:

(i) *Sosiodemografi keluarga (saiz keluarga & struktur keluarga) dan sosioekonomi keluarga (jumlah pendapatan keluarga & taraf pendidikan ibu bapa)*

- i. Bagi memilih indikator sosiodemografi dan sosioekonomi keluarga, pengkaji telah meneliti tiga instrumen yang mengukur indeks deprivasi keluarga. Instrumen pertama yang diteliti ialah *Family Deprivation Index* yang dibangunkan di Sepanyol oleh Sanchez-Cantalejo et al. (2008). Empat indikator yang diambil kira dalam instrumen tersebut ialah tiada pekerjaan, buta huruf, buruh tidak berkemahiran dan rumah tanpa kenderaan. Berdasarkan kajian Sanchez-Cantalejo et al. (2008), indikator-indikator tersebut boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak.
- ii. Instrumen lain deprivasi keluarga yang turut diteliti dalam kajian ini ialah *New Zealand 2006 Index of Deprivation*. Instrumen yang dibangunkan di New Zealand oleh Salmond, Crampton dan Atkinson (2007) menggunakan tujuh indikator untuk mengukur deprivasi iaitu tiada pekerjaan, tidak berkelayakan (akademik), pemilikan rumah (*occupancy*), keadaan rumah kediaman (*dwelling*), akses kepada kenderaan, akses kepada telefon dan keluarga induk tunggal. Pengkaji mengambil kira indikator-indikator mengenai pekerjaan, kelayakan akademik, akses kepada kenderaan dan telefon sebagai indikator ekologi keluarga kajian ini.
- iii. Negara Kanada juga mempunyai indeks deprivasi keluarga yang dibangunkan oleh Pampalon dan Raymond (2000). Instrumen tersebut mengandungi enam indikator iaitu pekerjaan, individu tanpa sijil sekolah tinggi, pendapatan purata, tinggal berseorangan, keluarga induk tunggal, individu yang bercerai. Pengkaji mengambil kira kesemua indikator dalam instrumen tersebut untuk dijadikan

panduan dalam membina indikator dalam konteks ekologi keluarga untuk ditentukan pengaruhnya ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak.

- iv. Latar sosiodemografi keluarga dalam kajian ini diukur melalui dua soalan khusus. Maklumat mengenai bilangan ahli keluarga digunakan untuk menentukan saiz keluarga. Maklumat mengenai status perkahwinan ibu bapa pula digunakan untuk menentukan struktur keluarga. Terdapat 2 item yang digunakan untuk menentukan status sosioekonomi keluarga responden iaitu pendidikan penjaga (ibu/bapa) dan pendapatan bulanan keluarga.

(ii) *Perhubungan perkahwinan*

Terdapat 19 item yang digunakan untuk mengukur kualiti hubungan perkahwinan. 14 item pertama digunapakai daripada *Revised Dyadic Adjustment Scale (RDAS)* (Busby, Christensen, Crane, Larson & Christensen, 1995). Instrumen tersebut yang menggunakan skala likert mengandungi 14 item terdiri daripada tiga subskala iaitu persetujuan, kepuasan dan kohesi. Contoh item tersebut ialah ‘berapa kerap melakukan aktiviti luar rumah bersama?’

Empat item berikutnya diadaptasi daripada *Kansas Marital Satisfaction Scale (KMSS)* (Schumm, Nichols, Schectman & Grigsby, 1983). Item tersebut menggunakan 6 skala likert yang menyediakan jawapan di antara amat puas hati hingga amat tidak puas hati. Contoh item tersebut ialah ‘sejauh mana berpuashati dengan perkahwinan tuan/puan?’

Item terakhir dalam bahagian ini dibina sendiri oleh penyelidik bagi mengetahui darjah kebahagiaan dalam hubungan perkahwinan responden ibu/bapa. Item-item tersebut dibina berdasarkan bacaan literatur akademik yang berkaitan dengan isu

kebahagian dan hubungan perkahwinan. Item tersebut menggunakan 6 skala likert dengan pilihan jawapan di antara sangat tidak bahagia hingga teramat bahagia. Kualiti perhubungan perkahwinan ditentukan berdasarkan skor keseluruhan. Semakin tinggi skor yang diperolehi, maka semakin baik tahap perhubungan perkahwinan responden. Maka, jumlah item untuk borang soal selidik ibu bapa ialah 23 item (Jadual 4.3).

Jadual 4.3: Item Dalam Borang Soal Selidik Ibu/Bapa

Bahagian	Bil. item
Faktor Ekologi Keluarga	
(i) Maklumat sosiodemografi dan sosioekonomi keluarga	4
(ii) Perhubungan perkahwinan	19
Jumlah	23

4.7.2 Borang soal selidik untuk anak

Borang soal selidik untuk anak bertajuk “Indikator Kesejahteraan Kanak-kanak” (Lampiran B). Borang soal selidik ini mengandungi 2 bahagian utama iaitu faktor ekologi keluarga (kualiti perhubungan ibu bapa – anak) dan indikator kesejahteraan kanak-kanak dari sudut pandang anak.

(i) *Perhubungan ibu bapa – anak (dari sudut pandang anak)*

Kualiti perhubungan ibu bapa - anak ditentukan dari sudut pandang anak. Ia diukur menggunakan *The Parent-adolescent Relationship Scale* (Hair, Moore, Garrett, Kinukawa, Lippman & Michelson, 2005) yang diadaptasi mengikut kesesuaian sampel kajian ini dan budaya Malaysia. Terdapat lapan item dalam instrumen tersebut yang digunapakai dalam membina indeks kesejahteraan kanak-kanak. Contoh item tersebut ialah ‘... memuji anak apabila dia melakukan perkara yang baik’. Sementara itu, dua item lagi diambil daripada *Ireland Child Deprivation Index* (Swords et al., 2012) yang mengukur perhubungan keluarga. Contoh item tersebut ialah ‘saya makan

tengahari/malam bersama ibu/bapa saya'. Maka, jumlah item dalam bahagian ini ialah 10 item. Kualiti perhubungan ibu bapa-anak ditentukan berdasarkan skor keseluruhan. Semakin tinggi skor, maka semakin baik tahap perhubungan keluarga responden.

(ii) *Indikator kesejahteraan kanak-kanak*

Terdapat enam kluster kesejahteraan iaitu:

- a) Material
- b) Kesihatan
- c) Pendidikan
- d) Akses kepada perkhidmatan
- e) Penglibatan
- f) Kesejahteraan moral dan spiritual

Tahap kesejahteraan kanak-kanak ditentukan berdasarkan sejauh mana suatu indikator yang menjadi keperluan kanak-kanak itu dipenuhi. Maka, mana-mana indikator yang dipilih sebagai keperluan, maka tahap kesejahteraan akan ditentukan berdasarkan kecukupan item tersebut dipenuhi.

Kajian ini membina sendiri indikator kesejahteraan kanak-kanak. Bagi menghasilkan sebuah pengukuran yang komprehensif, kajian ini mendapat inspirasi daripada tujuh instrumen sedia ada mengenai kesejahteraan kanak-kanak. Pengkaji telah mengambil-pakai beberapa kluster dan indikator dalam instrumen-instrumen tersebut dan tiga instrumen mengenai indikator kesejahteraan keluarga. Berikut ini adalah huraian pengkaji mengenai semua instrumen yang diteliti dan cara pengkaji mengubahsuai dan mengadaptasinya.

Instrumen pertama yang digunakan ialah *Child Deprivation Index* yang telah dibina di Ireland pada 2012 oleh Swords dan rakan-rakan. Instrumen tersebut mengandungi 49 indikator berkaitan dengan ukuran kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Indikator tersebut dikelompokkan kepada tiga komponen utama; iaitu kesejahteraan material, penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sosial dan keperluan perkhidmatan kanak-kanak. Contoh indikator yang digunapakai dalam kajian ini ialah ‘wang saku setiap minggu’, ‘berjumpa doktor/doktor gigi apabila sakit/memerlukan rawatan gigi’, ‘keluar bersiar-siar bersama keluarga sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun’.

Instrumen kedua yang digunakan ialah *Child Well-being Index* yang dipelopori oleh Bradshaw et al., (2007). Instrumen tersebut mengandungi lapan kluster, 23 domain dan 51 indikator. Lapan kluster tersebut ialah material, pendidikan, kesejahteraan subjektif, perhubungan, kesihatan, risiko dan keselamatan, penglibatan sivik dan perumahan. Contoh indikator yang digunapakai dalam kajian ini ialah ‘makan buah-buahan setiap hari’ dan ‘mengambil sarapan pagi’.

Instrumen ketiga yang disintesis dalam pembinaan instrumen kajian ini diambil daripada *UNICEF Child Well-being Index* yang dibina oleh Bradshaw et al. (2006). Instrumen tersebut mengandungi enam kluster iaitu material, pendidikan, kesejahteraan subjektif, perhubungan, kesihatan dan keselamatan, dan risiko dan tingkah laku. Pengkaji mengambil kira kesemua kluster dalam instrumen tersebut dalam menentukan kluster kesejahteraan kanak-kanak untuk kajian ini.

Kajian ini turut meneliti instrumen yang dibangunkan di Afrika Selatan iaitu *Index of Multiple Deprivation for Children* oleh Wright, Noble, Barnes dan Noble (2009). Instrumen tersebut mengambil kira lima kluster (12 item) untuk mengukur kecukupan kanak-kanak iaitu pendapatan dan material, pekerjaan, pendidikan, ibu bapa kandung dan persekitaran kediaman. Pengkaji tidak mengambil-pakai item-item di

dalamnya, namun mengambil kira kesemua lima kluster dalam instrumen tersebut dalam membina indeks kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini.

Child Deprivation Index yang dipelopori oleh Bastos et al., (2004) turut diteliti oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan dan asas dalam pembinaan instrumen. Pengkaji tidak mengguna-pakai item-item di dalamnya, namun mengambil kira kluster-kluster dalam instrumen tersebut iaitu kehidupan keluarga, perumahan, kesihatan dan pendidikan.

Instrumen keenam yang diteliti ialah *Child Maltreatment Risk Inventory* yang dibangunkan oleh Ezzo dan Young (2012). Instrumen tersebut mengambil kira lapan indikator iaitu faktor sejarah, kriteria keluarga, personaliti, perhubungan, faktor pelindung, faktor ekologi, persekitaran negatif dan penyalahgunaan dadah. Pengkaji mengambil kira kluster iaitu kriteria keluarga, perhubungan, faktor ekologi, persekitaran negatif dan penyalahgunaan dadah dalam membina indeks kesejahteraan kanak-kanak.

Seterusnya, *America's Child Key National Indicator of Well-being* yang dibangunkan oleh *Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics* (1997) turut diteliti. Instrumen tersebut mempunyai 26 indikator yang merangkumi aspek material, pendidikan, kesihatan dan keadaan berisiko. Pengkaji mengambil perhatian terhadap kluster-kluster dalam instrumen tersebut iaitu material, pendidikan, kesihatan dan keadaan berisiko dalam membina indeks kesejahteraan kanak-kanak. Jadual berikut (Jadual 4.4) merumuskan maklumat utama mengenai tujuh instrumen sedia ada yang dijadikan perbandingan dan panduan dalam membina instrumen untuk mengukur kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini.

Jadual 4.4: Perbandingan Indeks-indeks Kesejahteraan Kanak-kanak Sedia Ada

	1	2	3	4	5	6	7
Instrumen	<i>(IRELAND) CHILD DEPRIVATION INDEX</i>	<i>CHILD WELL-BEING INDEX</i>	<i>(UNICEF) CHILD WELL- BEING INDEX</i>	<i>SOUTH AFRICA INDEX OF MULTIPLE DEPRIVATION FOR CHILDREN</i>	<i>CHILD DEPRIVATION INDEX</i>	<i>CHILD MALTREATMENT RISK INVENTORY</i>	<i>AMERICA'S CHILDREN KEY NATIONAL INDICATOR OF WELL-BEING</i>
Pengarang	Swords et al.	Bradshaw et al.	Bradshaw et al.	Wright et al.	Bastos et al.	Ezzo & Young	Fed.Interagency Forum on Child and Fam.Stat.
Tahun	2012	2007	2006	2009	2004	2012	1997
Kluster 1	Material, keperluan perkhidmatan	Material	Material	Pendapatan & material, Pekerjaan			Kemiskinan kanak- kanak, keselamatan kanak, jaminan pekerjaan ibu bapa
2		Pendidikan	Pendidikan	Pendidikan	Pendidikan		Tamat persekolahan, kecekapan math dan membaca, pendidikan awal kanak-kanak.
3		Kesejahteraan subjektif	Kesejahteraan subjektif				
4		Kesihatan	Kesihatan & keselamatan		Kesihatan		Kesihatan
5		Risiko & keselamatan	Risiko & tingkah laku			Penggunaan dadah	Merokok, alkohol, dadah, didera/diabai, mangsa jenayah
6	Aktiviti	Penglibatan sivik					Limitasi aktiviti
7		Perumahan		Persekitaran kediaman	Perumahan, Persekitaran kediaman	Persekitaran negatif, Fakt. pelindung, Fakt. ekologiikal	Masalah perumahan
8				Ibubapa kandung		Sejarah, Ciri keluarga, Personaliti	

Daripada hasil penelitian dan perbandingan kesemua instrumen tersebut, pengkaji telah menggabung-jalin dan mengadaptasi kluster dan indikator sedia ada mengikut kesesuaian konteks negara Malaysia bagi membina satu instrumen yang komprehensif untuk mengukur kesejahteraan kanak-kanak. Hasilnya, indeks kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini mempunyai 6 kluster yang terdiri daripada kesejahteraan objektif (material, pendidikan, kesihatan dan akses terhadap perkhidmatan) dan subjektif (penglibatan dan kesejahteraan subjektif) yang terdiri daripada 130 item (indikator) (Jadual 4.6). Daripada indeks tersebut, tahap kesejahteraan kanak-kanak dapat ditentukan. Semakin baik pencapaian skor kesejahteraan, maka semakin baik tahap kesejahteraan kanak-kanak tersebut. Kesemua maklumat tersebut diperoleh daripada responden anak. Ini bagi memberi ruang kepada anak untuk menyatakan sendiri pengalaman dan persepsi mereka mengenai tahap kesejahteraan yang sedang mereka alami.

Jadual 4.5: Kluster Dalam Indeks Kesejahteraan Kanak-kanak

	Ukuran kesejahteraan	Kluster	Bilangan item
1	Kesejahteraan objektif	Material	32
2	Kesejahteraan objektif	Pendidikan	4
3	Kesejahteraan objektif	Kesihatan	9
4	Kesejahteraan objektif	Akses terhadap perkhidmatan	14
5	Kesejahteraan subjektif	Penglibatan	34
6	Kesejahteraan subjektif	Kesejahteraan moral & spiritual	37
	Jumlah		130

4.7.3 Soalan temubual untuk kajian kualitatif

Oleh kerana rekabentuk kajian ini adalah metod campuran penerangan berurutan, temubual yang dijalankan hanya memfokus kepada beberapa perkara daripada keseluruhan topik kajian untuk menyokong kajian kuantitatif. Temubual tersebut bertujuan untuk memperincikan beberapa maklumat yang diperoleh dalam kajian

kuantitatif. Temubual tersebut juga bertujuan untuk menjelajah dan memahami secara mendalam beberapa aspek kajian (Panduan Soalan Temubual – Lampiran C). Temubual yang dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai ‘mengapa kesejahteraan kanak-kanak bergantung kepada keadaan ekologi keluarga’? Soalan-soalan yang diajukan memfokus kepada keadaan ekologi subjektif keluarga yang mana maklumat tersebut sukar diperolehi menggunakan pendekatan kuantitatif.

Hasil kajian kuantitatif menggambarkan bahawa kanak-kanak yang berada dalam keluarga miskin seolah-olah dapat membezakan perkara atau barang yang menjadi keperluan hidup atau tidak. Penemuan tersebut mendorong pengkaji untuk melakukan kajian kualitatif bagi mendapatkan maklumat terperinci bagaimana ibu bapa memberi penjelasan kepada anak mengenai kesusahan hidup dan keperluan untuk hidup. Kajian kualitatif juga dilakukan bagi mengetahui dan memahami sejauh mana aspirasi pendidikan ibu bapa terhadap anak memandangkan kanak-kanak dalam kajian ini berada dalam usia persekolahan.

Hasil kajian kuantitatif juga menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini adalah berada pada tahap yang baik dan tahap kesejahteraan tersebut ada hubungan yang positif dengan kualiti perhubungan dalam keluarga. Maka, pendekatan kualitatif ini dilakukan bagi mendalami aspek perhubungan keluarga untuk mengenalpasti sejauh mana aspek tersebut menjadi faktor ekologi keluarga yang berpengaruh dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak. Beberapa elemen penting dalam perhubungan keluarga dikenalpasti iaitu; corak komunikasi, kepercayaan, peranan sosial, keganasan (jika berlaku), keterasingan (jika berlaku), keibubapaan (sokongan, kawalan & penglibatan).

4.8 Kajian Rintis

Borang soal selidik telah melalui kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahihan item-item yang terlibat. Ia dilakukan bagi mengenal pasti konsistensi antara item-item dalam alat ujian tersebut dan kesesuaian item-item terhadap responden kajian. Ujian kebolehpercayaan dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan (Pallant, 2001; Sekaran, 1992). Mengikut kaedah statistik, nilai *alfa* (α) yang semakin menghampiri nilai 1, nilai ketekalan dalaman akan semakin baik (Sekaran, 1992). Menurut Bloom, Fisher dan Orme (1995), nilai kebolehpercayaan tinggi (baik) jika nilai *alfa* (α) melebihi 0.8. Berdasarkan nilai tersebut, kesimpulan yang boleh dibuat ialah alat/himpunan item tersebut sesuai digandingkan bersama dan mampu meramal sebanyak 80 peratus daripada unsur dalam populasi (Salkind, 2000). Nilai *alfa* paling rendah yang boleh diterima dalam kajian-kajian sains sosial ialah di antara 0.6 (Sekaran, 1992).

Item yang menggunakan skala likert dalam instrumen kajian ini telah diuji kebolehpercayaannya dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan *Alfa Cronbach*. Bahagian-bahagian yang terlibat untuk ujian kebolehpercayaan ialah ‘kesejahteraan subjektif’, ‘perhubungan ibu bapa’-anak’ dan ‘perhubungan perkahwinan’. Item yang menggunakan skala dua pilihan dalam instrumen kajian ini telah diuji kebolehpercayaannya dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan *Kuder-Richardson*. Bahagian-bahagian yang terlibat untuk ujian kebolehpercayaan kluster keperluan kanak-kanak adalah material, kesihatan, akses kepada perkhidmatan dan penglibatan.

Hasil kajian rintis mendapati sebahagian besar item dalam instrumen kajian mempunyai nilai alfa yang tinggi. Item-item dalam kluster bagi keperluan kanak-kanak, perhubungan perkahwinan dan perhubungan ibu bapa–anak mempunyai nilai ketekalan dalaman yang baik. Nilai alfa yang tinggi juga menunjukkan himpunan item-item tersebut mengukur perkara yang sepatutnya diukur.

Jadual 4.6: Hasil Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis


	Kluster	Bilangan item	α pilot
i	Keperluan		
	<i>Material</i>	32	0.78
	<i>Kesihatan</i>	9	0.66
	<i>Akses kepada perkhidmatan</i>	14	0.82
	<i>Penglibatan</i>	34	0.88
ii	<i>Kesejahteraan Moral & spiritual</i>	39	0.75
	<i>Keluarga</i>	13	0.31
	<i>Rakan sebaya</i>	7	0.21
	<i>Spiritual</i>	5	0.52
	<i>Psikologi</i>	9	0.41
	<i>Hak kanak-kanak</i>	5	0.30
iii	Perhubungan perkahwinan	19	0.94
iv	Perhubungan ibu bapa –anak	10	0.73

Bagi komponen kesejahteraan subjektif, nilai alfa untuk keseluruhan adalah tinggi (0.75). Namun begitu, nilai alfa untuk sub-komponen agak rendah. Oleh yang demikian, item-item dalam komponen tersebut melalui proses semak semula. Bagi sub-komponen keluarga, setelah disemak semula dan berpandukan nilai *alpha if item deleted*, bilangan item dikekalkan 12 namun 2 item dirombak semula pernyataannya dan 1 item digugurkan. Item ‘rasa seperti orang luar’ ditukar kepada ‘rasa tidak dilayan seperti ahli keluarga’ kerana kanak-kanak sekolah rendah sukar memahami pernyataan tersebut. Selain itu, item ‘benci kepada ibu bapa dan adik beradik’ dipecahkan kepada ‘benci kepada ibu bapa dan ‘benci kepada adik-beradik’ Item ‘rasa ingin dibelai dan dimanja’ digugurkan kerana ia merupakan sebuah pernyataan harapan sedangkan item-

item lain merupakan pernyataan pengalaman. Bagi sub-komponen rakan sebaya pula, 1 item digugurkan ('rasa disisihkan kawan kerana keadaan hidup') kerana hampir sama dengan item no.3 ('rasa disisihkan kawan'). Maka, dari 7 pada asalnya dikurangkan kepada 6 item. Sub-komponen spiritual juga dikekalkan bilangan item (5). Namun, 1 item dirombak semula pernyataannya bagi meningkatkan kefahaman responden terhadap maksud item tersebut. Rombakan tersebut ialah dari 'rasa kepuasan hidup' kepada 'rasa hidup ini bermakna'. Bagi sub-komponen psikologi, 1 item digugurkan ('rasa janggal') kerana kanak-kanak sekolah rendah sukar memahami pernyataan tersebut. Maka, dari 9 item dikurangkan kepada 8 item. Sementara itu, item-item bagi sub-komponen hak kanak-kanak dikekalkan memandangkan maklumat setiap item penting kepada keputusan kajian ini. Secara keseluruhan, jumlah item untuk komponen kesejahteraan subjektif yang pada asalnya berjumlah 39 telah berubah kepada 37 setelah disemak semula.

4.9 Pembolehubah Kajian dan Teknik Analisis

Pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini ialah saiz keluarga, struktur keluarga, sosioekonomi keluarga, perhubungan perkahwinan, perhubungan ibu bapa-anak dan kesejahteraan anak. Pembolehubah bebas kajian ialah faktor ekologi yang terpilih iaitu jumlah pendapatan bulanan keluarga, taraf pendidikan ibu/bapa, saiz keluarga (bilangan ahli keluarga), struktur keluarga (lengkap/ induk tunggal), perhubungan ibu bapa-anak dan perhubungan perkahwinan ibu bapa. Rajah 4.1 berikut menggambarkan pembolehubah kajian yang terlibat serta arah magnitud perhubungan yang dijangkakan di antara setiap pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.



Rajah 4.1: Model Hubungan Antara Pembolehubah (Bebas Dan Bersandar)

Kesemua data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 21. Beberapa jenis analisis deskriptif dan inferensi terlibat dalam penganalisan data kajian ini.

Analisis deskriptif digunakan bagi menerangkan data tentang faktor saiz keluarga, struktur keluarga, sosioekonomi keluarga serta skor kualiti perkahwinan ibu bapa dan skor kualiti perhubungan ibu bapa-anak. Antara perkara yang dikenal pasti melalui analisis deskriptif ialah jumlah taburan (kekerapan), peratusan, nilai purata, sisihan piawai serta nilai minimum dan maksimum.

Penentuan tahap kesejahteraan kanak-kanak dilakukan melalui beberapa langkah. Langkah pertama ialah dengan mengenalpasti jawapan yang diberikan oleh responden. Sekiranya suatu item (indikator) itu dikelaskan sebagai keperluan oleh

responden kanak-kanak dan mereka memperolehnya dengan mencukupi, responden kanak-kanak tersebut mendapat skor sejahtera untuk indikator tersebut. Bagi skor individu, tahap kesejahteraan kanak-kanak adalah tinggi sekiranya semakin banyak indikator yang mereka kelaskan sebagai keperluan diperoleh secara mencukupi. Untuk skor keseluruhan sampel, tahap kesejahteraan ditentukan dengan menjumlahkan jawapan yang dikelaskan sebagai keperluan yang diperoleh secara mencukupi bagi setiap indikator. Jawapan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Oleh itu, semakin tinggi nilai peratusan bagi setiap indikator, semakin sejahtera kanak-kanak untuk indikator/dimensi kesejahteraan yang dianalisis. Garis panduan penentuan tersebut turut digunakan oleh banyak kajian kesejahteraan kanak-kanak di luar negara seperti Bastos et al. (2004), Bradshaw et al. (2009), Bradshaw et al. (2012), dan Wright et al. (2009). Kajian-kajian mereka meletakkan jawapan setiap indikator kepada dua jenis kategori iaitu; sejahtera dan tidak sejahtera (mengalami deprivasi). Himpunan skor bagi semua indikator pula akan membentuk indeks keseluruhan.

Berikut adalah senarai hipotesis (nul) kajian ini, yang diuji dengan menggunakan ujian statistik yang bersesuaian dengan sifat pembolehubah:

- (i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap kesejahteraan kanak-kanak antara responden bandar dan luar bandar.
- (ii) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara status sosioekonomi keluarga (jumlah pendapatan keluarga) dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.
- (iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status sosioekonomi keluarga (taraf pendidikan ibu/bapa) dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.
- (iv) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara saiz keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

- (v) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap kesejahteraan kanak-kanak berdasarkan struktur keluarga.
- (vi) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti perhubungan perkahwinan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.
- (vii) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti perhubungan ibu/bapa-anak dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji perkaitan antara pendapatan keluarga, saiz keluarga, kualiti hubungan perkahwinan dan kualiti perhubungan ibu bapa-anak dengan kesejahteraan kanak-kanak. Analisis korelasi digunakan untuk menjelaskan kekuatan dan arah hubungan linear antara dua atau lebih pemboleh ubah (Pallant, 2001).

Ujian *t* digunakan bagi menentukan kewujudan perbezaan kesejahteraan kanak-kanak mengikut lokasi kajian (bandar/ luar bandar). Ujian tersebut juga digunakan untuk menguji perbezaan kesejahteraan kanak-kanak berdasarkan struktur keluarga. Pada dasarnya, Ujian *t* dilakukan bagi membandingkan skor purata (min) bagi dua kumpulan yang berbeza (Pallant, 2001). Secara lebih terperinci, ujian *t* digunakan untuk menguji perbezaan satu pemboleh ubah bebas yang mempunyai dua kumpulan dengan satu pemboleh ubah bersandar (Chua, 2006). Secara umum, perbezaan besar antara min dua kumpulan akan memberi nilai *t* yang lebih tinggi besar dan kemungkinan hipotesis nul ditolak (Alias, 1997).

Analisis varians (ANOVA Sehalu) pula digunakan untuk menentukan perbezaan kesejahteraan kanak-kanak berdasarkan taraf pendidikan ibu/bapa. Analisis varians merupakan satu teknik statistik untuk menguji perbezaan min (purata) bagi tiga atau

lebih kumpulan secara serentak (Ahmad Mahdzan, 2007; Pallant, 2001). Ia juga merupakan satu ujian bagi menentukan sama ada perbezaan min kumpulan-kumpulan yang terlibat itu signifikan atau tidak secara keseluruhan (Alias, 1997). Ujian F dalam analisis tersebut penting untuk menentukan kesignifikanan perbezaan min dalam teknik analisis varians (Ahmad Mahdzan, 2007; Pallant, 2001). Penerimaan atau penolakan hipotesis nul ditentukan oleh variasi skor dan taburan F (Alias, 1997).

4.10 Kesimpulan

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran penerangan berurutan; yang mana kaedah survei (kuantitatif) diikuti oleh kaedah temubual (kualitatif) sebagai pelengkap. Sejumlah 200 kanak-kanak miskin dan 200 ibu/bapa mereka yang mendiami Projek Perumahan Rakyat telah dipilih menyertai kajian ini melalui teknik persampelan pemeringkatan iaitu persampelan rawak mudah dan persampelan rawak sistematik. Data kuantitatif dikumpul menggunakan dua set borang soal selidik untuk kanak-kanak dan ibu/bapa. Data kualitatif pula dikumpul melalui temubual berpandukan protokol temubual. Data (kuantitatif) kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS bagi menjawab objektif kajian dan menguji hipotesis kajian. Data yang telah dianalisis akan diperihalkan dalam Bab Lima dan Enam.

BAB 5: DAPATAN KAJIAN 1

TAHAP KESEJAHTERAAN HIDUP KANAK-KANAK DI MALAYSIA

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji memaparkan dapatan kajian bagi objektif pertama kajian ini; iaitu tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Bagi memudahkan pembacaan, bab ini disusun kepada empat subtopik utama berikut:

- (i) Maklumat latar belakang responden,
- (ii) Tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia secara umum,
- (iii) Tahap kesejahteraan objektif kanak-kanak Malaysia,
- (iv) Tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak Malaysia; dan,
- (v) Perbezaan tahap kesejahteraan kanak-kanak bandar dan luar bandar

5.2 Latar Belakang Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 200 orang ibu/bapa dan 200 orang anak (*dyad*); iaitu dari 200 keluarga terpilih yang menyertai Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kerinchi, Kuala Lumpur dan Paya Nahu, Sungai Petani. Daripada 200 keluarga tersebut, 100 keluarga di PPR Kerinchi mewakili responden bandar; manakala 100 keluarga di PPR Paya Nahu mewakili responden luar bandar. Maklumat daripada responden anak diperlukan untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan yang mereka sedang alami dan kualiti hubungan ibu bapa-anak. Maklumat daripada ibu atau bapa pula diperlukan untuk mengetahui keadaan ekologi keluarga; iaitu status sosioekonomi keluarga dan sosiodemografi keluarga serta tahap kesejahteraan anak dari sudut pandang ibu bapa.

Sejumlah 200 responden kanak-kanak yang terdiri daripada 44 peratus lelaki dan 56 peratus perempuan telah terpilih dalam kajian ini. Julat umur mereka pula ialah di antara 9 hingga 17 tahun yang mana purata umurnya ialah 13.05 (Sp. 2.71). Kanak-kanak dalam julat umur tersebut dipilih sebagai sampel kajian kerana mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan, mereka adalah kelompok yang wajib diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan formal di sekolah. Pengalaman yang sedang mereka lalui sangat penting dan bermakna untuk mengenalpasti sama ada mereka mendapat peluang yang sepatutnya untuk hidup dengan sejahtera. Umur 9 tahun dipilih sebagai had umur minimum yang ditetapkan dalam kajian ini kerana mengikut tahap perkembangan, kanak-kanak yang berumur 9 tahun telah mampu berfikir secara konkrit dan mampu membuat penilaian secara realistik; berbanding kanak-kanak yang lebih muda (Coon, 2003; Papalia, Olds & Feldman, 2004).

Daripada jumlah tersebut, 85 peratus responden berbangsa Melayu. Hal ini disebabkan ramai orang Melayu yang menyertai Program Perumahan Rakyat berbanding bangsa lain. Tambahan pula, kedua-dua kawasan kajian merupakan kawasan penempatan kaum Melayu. Walaupun tiada data khusus mengenai taburan isirumah mengikut bangsa di PPR yang didedahkan kepada umum, namun pemerhatian pengkaji di lokasi kajian mendapati majoriti penghuni memang berbangsa Melayu.

Bagi responden ibu/bapa pula, sejumlah 200 ibu/bapa yang terdiri daripada 39 peratus bapa dan 61 peratus ibu menyertai kajian ini. Julat umur mereka pula ialah di antara 25 hingga 65 tahun yang mana purata umurnya ialah 43.20 (Sp. 8.96). Peratusan yang tinggi diperoleh untuk responden ibu berbanding bapa. Hal ini disebabkan sejumlah 26.5 peratus responden ibu adalah surirumah. Selain itu, pengumpulan data

dilakukan di rumah responden dan kebanyakan data dikumpulkan pula adalah waktu siang hari bekerja yang mana kebanyakan bapa keluar bekerja. Bapa yang berada di rumah ketika kajian dijalankan merupakan mereka yang telah pulang bekerja dari shif malam, belum keluar bekerja untuk shif petang atau bapa yang sedang bercuti.

Data dalam Jadual 5.1 memaparkan maklumat mengenai latar demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 5.1: Latar Belakang Responden

Pembolehubah	Ibu/bapa (N=200)	Kanak-kanak (N=200)
Umur	Purata=43.20 Sp.=8.96 Julat=25-68	Purata=13.05 Sp.=2.71 Julat=9-17 tahun
Jantina		
Lelaki	78 (39.0%)	88 (44.0%)
Perempuan	122 (61.0%)	112 (56.0%)
Bangsa		
Melayu	170 (85.0%)	170 (85.0%)
India	14 (7.0%)	14 (7.0%)
Cina	11 (5.5%)	11 (5.5%)
Lain-lain	3 (1.5%)	3 (1.5%)

5.3 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Secara Umum

Kesejahteraan hidup kanak-kanak perlu mengambil kira semua aspek objektif (*tangible*) dan subjektif (*intangible*) yang melingkari dan mempengaruhi keadaan hidup seharian mereka. Atas asas ini, ukuran-ukuran atau indikator-indikator kesejahteraan kanak-kanak boleh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu indikator objektif dan indikator subjektif. Ukuran kesejahteraan kanak-kanak yang merangkumi kedua-dua jenis indikator ini mampu mewujudkan satu indeks kesejahteraan kanak-kanak yang menyeluruh dan lengkap.

Kaedah pengiraan peratus kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini adalah seperti yang digunakan dalam kajian-kajian terdahulu oleh Bradshaw et al., (2007), McLaren (2007), UNICEF (2013), UNICEF (2007), OECD (2009) dan Pedace (2008). Berdasarkan kajian-kajian tersebut, tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak disusun seperti berikut (Jadual 5.2).

Jadual 5.2: Skala Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak

Nilai skor (%)	Tahap kesejahteraan
≥81%	Sangat tinggi
75%-80%	Tinggi
41% - 74%	Sederhana
20%-40%	Rendah
≤19%	Sangat rendah

Secara keseluruhan, peratus kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini ialah 75.5 peratus (Jadual 5.3). Berdasarkan penentu aras, rekod dan penilaian dalam kajian-kajian yang telah disebutkan dalam perenggan di atas, tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia boleh disimpulkan sebagai berada pada tahap tinggi.

Jadual 5.3: Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak Yang Menyertai Kajian

Komponen kesejahteraan	Tahap Kesejahteraan (%)
1 Keseluruhan	75.5
2 Objektif	77.2
3 Subjektif	72.3

Data daripada UNICEF (2013) dan Bradshaw et al., (2007) menunjukkan tahap kesejahteraan kanak-kanak di dunia (Jadual 5.4). Walaupun Malaysia tidak termasuk dalam kajian mereka, penemuan kajian ini menggambarkan bahawa tahap kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia setanding dengan kanak-kanak di negara-negara yang disenaraikan dalam kedudukan lima teratas dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4: Tahap Kesejahteraan Kanak-Kanak Di Peringkat Antarabangsa

Kedudukan/kategori	Negara
1/tinggi	Belanda
2/tinggi	Norway
3/tinggi	Iceland
4/tinggi	Finland
5/tinggi	Sweden
6/ sederhana	German
7/ sederhana	Luxemburg
8/ sederhana	Switzerland
9/ sederhana	Belgium
10/ sederhana	Ireland

Sumber: UNICEF (2013) & Bradshaw et al. (2007)

Bagi kategori kesejahteraan pula, kajian ini juga mendapati yang tahap kesejahteraan objektif kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggi; iaitu 77.2 peratus (Jadual 5.3). Dapatan ini secara langsung memperlihatkan yang kanak-kanak Malaysia menikmati semua keperluan material, pendidikan, kesihatan dan akses terhadap perkhidmatan yang mereka perlukan. Dengan kata lain, tidak berlaku defisit atau kekurangan dalam memenuhi keperluan asasi berbentuk material/fizikal dalam kalangan kanak-kanak Malaysia.

Jadual 5.5 pula memaparkan kedudukan Malaysia bagi kesejahteraan objektif (untuk aspek material, kesihatan dan pendidikan) dalam kalangan negara rantau Asia Pasifik. Data pada tahun 2009 tersebut menunjukkan bahawa Malaysia berada pada julat kedudukan kelapan hingga ke sebelas bagi ketiga-tiga aspek objektif tersebut. Data tersebut, walau bagaimanapun, diambil daripada data OECD dan UNICEF yang terdapat beberapa limitasi seperti tidak menilai semua aspek kesejahteraan, bias kepada kanak-kanak yang lebih berumur/dewasa, melibatkan sampel yang kecil dan melibatkan negeri-negeri yang pelbagai di mana tahap perkembangan kanak-kanaknya tidak sama (Bradshaw, 2009).

Jadual 5.5: Tahap Kesejahteraan Objektif Kanak-kanak Di Negara Asia Pasifik

Kedudukan	Material	Kesihatan	Pendidikan
1	Jepun	Hong Kong	Singapura
.....
8			Malaysia
9			Thailand
10		Malaysia	
11	Malaysia	Vietnam	

Sumber: Bradshaw (2009)

Namun, berbanding dengan negara-negara mundur seperti Laos, Kemboja, Mongolia dan Filipina, situasi di Malaysia dalam konteks kajian ini adalah jauh lebih baik dari aspek kesejahteraan objektif. Kanak-kanak di negara-negara tersebut mengalami pelbagai kekurangan keperluan seperti makanan, kesihatan, pendidikan dan maklumat yang berisiko untuk menjejaskan tahap kesejahteraan mereka (UNICEF, 2011). Di Kemboja misalnya, 64 peratus kanak-kanak di negara tersebut mengalami kekurangan yang serius terhadap air bersih, 21 peratus kanak-kanak tidak memperoleh imunisasi, 10.8 peratus sekadar menamatkan sekolah rendah dan 8 peratus tidak pernah bersekolah (UNICEF, 2011). Berbeza dengan kanak-kanak di Malaysia, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua (100%) responden memperoleh bekalan air bersih dan tamat sekolah rendah dan 87 peratus memperoleh suntikan imunisasi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak yang menyertai kajian ini masih berada pada tahap sederhana; iaitu pada tahap 72.3 peratus (Jadual 5.3). Data daripada Bradshaw (2009) menunjukkan tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak di negara Asia Pasifik (Jadual 5.6). Dalam senarai tersebut, Malaysia berada pada kedudukan keenam. Aspek kesejahteraan subjektif yang diukur oleh Bradshaw (2009) ialah seperti perhubungan keluarga, perhubungan dengan

rakan sebaya, kesejahteraan peribadi dan kesejahteraan di sekolah. Bradshaw (2009) turut menjelaskan bahawa Malaysia berada di tempat keenam kerana data mengenai kesejahteraan di sekolah (*personal well-being at school*) yang diambil daripada *Trends in International Mathematics and Science* (TIMSS) pada tahun 2003 adalah rendah berbanding China, Vietnam dan Filipina. Dapatan tersebut adalah wajar kerana Malaysia sebagai negara yang lebih maju daripada negara seperti Vietnam dan Indonesia mempunyai sistem pendidikan yang lebih sistematik dan berstruktur yang mungkin boleh menimbulkan tekanan kepada kanak-kanak yang boleh menjejaskan tahap kesejahteraan mereka.

Jadual 5.6: Tahap Kesejahteraan Subjektif Kanak-kanak Di Negara Asia Pasifik

Kedudukan	Negara
1	China
2	Vietnam
3	Filipina
4	Indonesia
5	Taiwan
6	Malaysia
7	Australia
8	New Zealand
9	Singapura
10	Thailand


Sumber: Bradshaw (2009)

Secara tidak langsung, dapatan kajian ini menggambarkan bahawa tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak Malaysia mengatasi negara seperti New Zealand dan Singapura; namun, tidak mampu mengatasi negara seperti China dan Indonesia. Nilai Keluaran Dalam Negara Kasar Per Kapita (KDNK) pada tahun 2010 bagi Vietnam misalnya ialah AS\$1,155, Filipina (AS\$1325.9), Indonesia (AS\$899 bagi tahun 2005), China (AS\$4,422.7) dan Taiwan (AS\$18,488); berbanding Malaysia (AS\$7,755). Walaupun tinggal dalam negara yang mempunyai KDNK yang rendah daripada KDNK Malaysia, kanak-kanak di negara-negara tersebut mempunyai tahap kesejahteraan

subjektif yang lebih tinggi berbanding kesejahteraan subjektif kanak-kanak di Malaysia. Dapatan ini memperlihatkan yang kanak-kanak tinggal membesar di dalam negara yang baik pertumbuhan ekonominya tidak semestinya sejahtera aspek subjektif mereka (i.e. moral, sahsiah, kegembiraan). Begitu juga, tinggal membesar di negara-negara yang kurang membangun tidak bermakna tidak sejahtera aspek subjektif mereka. Faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak yang hidup di negara-negara berkenaan lebih sejahtera aspek subjektif mereka; berbanding kanak-kanak Malaysia, dinyatakan secara terperinci dalam sub-bahagian sub-bahagian seterusnya bab ini.

5.4 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Dari Aspek Kesejahteraan Objektif

Dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak, keperluan terhadap aspek tersebut perlu ditentukan terlebih dahulu. Ini kerana keperluan yang mencukupi atau telah dipenuhi dapat meningkatkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sebaliknya, keperluan yang tidak dapat dipenuhi boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Mengikut Hierarki Keperluan yang dipopularkan oleh Abraham Maslow, manusia harus memenuhi keperluan asasinya yang paling asas (rendah) sebelum memenuhi keperluan pada tingkat yang lebih tinggi (Rajah 5.1). Keperluan asasi manusia ialah keperluan fizikal dan fisiologi, misalnya makanan yang berzat dan mencukupi dan kesihatan yang baik. Keperluan asasi lain ialah keselamatan dan perlindungan, misalnya tempat tinggal yang selamat dan jaminan kewangan yang stabil. Berkait dengan indikator kesejahteraan, keperluan asasi merupakan indikator objektif bagi kesejahteraan yang perlu dipenuhi terlebih dahulu.



Rajah 5.1: Hierarki Keperluan Manusia Dan Kaitannya Dengan Indikator Kesejahteraan Hidup

Setelah keperluan untuk kesejahteraan yang bersifat objektif dipenuhi, manusia berusaha pula untuk mencapai kesejahteraan yang bersifat subjektif (Rajah 5.1). Indikator kesejahteraan subjektif mengikut Hierarki Keperluan Maslow ialah keperluan perkembangan diri dan keperluan kesempurnaan diri. Keperluan perkembangan diri ialah seperti kasih sayang, rasa diterima sebagai anggota keluarga dan masyarakat, rasa dihargai, keyakinan diri dan reputasi diri yang baik. Keperluan kesempurnaan diri pula ialah seperti keinginan untuk memajukan diri, kreatif, menggunakan potensi, menunjukkan bakat dan mempunyai perhubungan yang bermakna dengan individu di sekeliling.

Perspektif ekologi melihat perkembangan kanak-kanak berlaku hasil daripada interaksi mereka dengan persekitaran yang mereka alami (Bruyere & Garbarino, 2010; Dale et al., 2009). Ini bermakna, selain keupayaan diri sendiri, potensi kanak-kanak turut bergantung kepada keadaan persekitarannya. Dalam hal ini, ibu bapa, sekolah,

masyarakat dan kerajaan adalah pihak-pihak yang berperanan penting dalam memastikan sama ada keperluan kanak-kanak dapat dipenuhi atau sebaliknya. Ini kerana kanak-kanak tidak berkeupayaan untuk memenuhi semua keperluan mereka secara bersendirian. Sebaliknya, mereka bergantung kepada individu dewasa lain di persekitaran mereka untuk tujuan tersebut. Maka, tugas dan peranan individu dewasa di sekeliling kanak-kanak dalam menyediakan keperluan dan perkhidmatan kepada kanak-kanak menentukan sejauh mana kanak-kanak tersebut dapat hidup dengan sejahtera.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan di atas, langkah pertama yang diambil oleh pengkaji dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak ialah meminta kanak-kanak yang menyertai kajian ini menyatakan atau melaporkan sendiri sama ada keperluan-keperluan asasi mereka telah dipenuhi secukupnya atau tidak. Sekiranya suatu item itu dikelaskan sebagai keperluan oleh responden dan mereka memperolehinya secara 'mencukupi' atau 'melebihi', kehidupan responden tersebut untuk indikator tersebut dirumuskan sebagai sejahtera. Penentu aras ini telah digunakan dalam banyak kajian kesejahteraan kanak-kanak di luar negara. Kajian oleh Bastos et al. (2004) di Portugal, *Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics* (1997; 2009) di Amerika, dan Swords et al. (2012) di Ireland dan Wright et al. (2009) di Afrika Selatan menggunakan cara ukuran ini bagi mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak. Bagi skor individu, tahap kesejahteraan kanak-kanak adalah tinggi apabila semakin banyak indikator yang mereka kelaskan sebagai keperluan diperoleh secara 'mencukupi'. Untuk skor keseluruhan sampel, tahap kesejahteraan ditentukan dengan menjumlahkan jawapan yang dikelaskan sebagai keperluan yang diperoleh secara 'mencukupi' bagi setiap indikator. Jawapan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Oleh itu, semakin tinggi nilai peratusan bagi setiap indikator, maka semakin sejahtera kanak-kanak untuk indikator/kluster kesejahteraan yang dianalisis.

Komponen kesejahteraan objektif dalam kajian ini dikelompokkan kepada empat komponen; iaitu material, pendidikan, kesihatan dan akses kepada perkhidmatan. Item-item yang terdapat dalam komponen tersebut yang boleh diperhatikan adalah seperti memiliki kelengkapan persekolahan, menghadiri diri ke sekolah, mengambil sarapan pagi dan menerima bantuan (Haq & Zia, 2013; Statham & Chase, 2010; Thompson & Aked, 2009). Item-item dalam komponen tersebut juga melibatkan perkara-perkara yang boleh diukur atau boleh dinilai dalam bentuk angka (Camfield et al., 2008). Selain itu, kesejahteraan objektif juga boleh diketahui berdasarkan rekod atau laporan bertulis (Polard & Lee, 2003; Thompson & Aked, 2009).

Sepertimana yang telah dinyatakan di subtopik terdahulu, peratus keseluruhan bagi kesejahteraan objektif dalam kajian ini ialah 77.2 peratus; iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini menggambarkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini memperoleh keperluan fizikal dan material yang mencukupi sehingga membuatkan mereka mencapai tahap kesejahteraan yang tinggi. Bahagian berikut ini akan memperincikan komponen-komponen kesejahteraan objektif tersebut.

5.4.1 Kesejahteraan material

Mengikut Teori Hierarki Keperluan Manusia oleh Maslow, material merupakan salah satu keperluan asasi yang penting untuk kesejahteraan hidup individu. Keperluan material yang mencukupi mendorong kepada keadaan kesejahteraan hidup yang baik kepada kanak-kanak (Bradshaw et al., 2006). Kesejahteraan dari aspek material diukur berdasarkan sejauh mana responden kajian ini memperoleh keperluan-keperluan fizikal seharian secukupnya. Indikator-indikator untuk aspek material ialah seperti

kelengkapan persekolahan, kemudahan fizikal di rumah dan barang kegunaan harian yang membantu perkembangan kanak-kanak atau yang membolehkan mereka hidup dengan selesa.

Jadual 5.7: Keperluan Dan Kesejahteraan Material Kanak-kanak

	Indikator	Keperluan % (n)	Kesejahteraan %(n)
1	Wang saku.	99.0(198)	86.4(171)
2	Pakaian seragam, buku & kelengkapan sekolah.	95.0(190)	92.1(175)
3	Selimut dan bantal.	94.0(188)	91.4(172)
4	Set penjagaan diri	92.0(184)	86.4(159)
5	Pakaian sukan.	91.5(183)	89.1(163)
6	Bahan bacaan.	91.0(182)	88.4(163)
7	TV.	89.5(179)	97.2(174)
8	Bekalan ubatan di rumah.	88.5(177)	87.5(155)
9	Buku sendiri untuk dibaca.	87.0(174)	87.3(152)
10	Tempat selamat untuk bermain di luar rumah.	86.5(173)	84.4(146)
11	Pakaian baru.	86.5(173)	82.1(142)
12	Katil sendiri.	86.5(173)	78.0(135)
13	Barangan berjenama.	85.5(171)	76.0(130)
14	Wang untuk aktiviti sekolah / bersiar-siar.	83.0(166)	74.7(124)
15	Pakaian cantik untuk hari istimewa.	82.5(165)	89.1(147)
16	Makanan ringan untuk waktu petang & lapang.	82.5(165)	84.7(139)
17	Rak buku.	82.0(164)	84.8(139)
18	Telefon bimbit.	82.0(164)	83.5(137)
19	Bilik tidur sendiri.	82.0(164)	78.0(128)
20	Komputer.	78.0(156)	79.5(124)
21	Peralatan sukan sendiri.	76.5(153)	74.5(114)
22	Makanan dan minuman untuk kawan-kawan ketika mereka datang bermain di rumah.	76.0(152)	94.1(143)
23	Pakaian berfesyen.	76.0(152)	82.2(125)
24	Internet di rumah.	73.0(146)	93.8(137)
25	TV satelit (ASTRO).	68.5(137)	87.6(120)
26	Basikal.	67.5(135)	73.3(99)
27	Haiwan peliharaan.	60.0(120)	70.0(84)
28	Peralatan muzik	59.5(119)	83.2(99)
29	Jamuan hari jadi.	58.0(116)	80.2(93)
30	Perakam DVD.	58.0(116)	76.7(89)
31	Hadiah untuk hari jadi kawan.	55.5(111)	77.5(86)
32	Permainan komputer.	48.5(97)	62.9(61)
	<i>Purata keseluruhan</i>	78.8%	83.0%
	(N= 200)		

Dari segi keperluan material, hasil kajian menunjukkan ‘wang saku’ merupakan indikator paling diperlukan (99%) oleh kanak-kanak (Jadual 5.7). Majoriti responden sedang bersekolah dan ini menyebabkan wang saku sangat diperlukan untuk keperluan

harian dan persekolahan mereka. Jika dibandingkan dengan negara maju seperti Ireland, hanya 16.4 peratus sahaja kanak-kanak di sana meletakkan 'wang saku' sebagai keperluan utama (Swords et al., 2012). Peratusan yang tinggi terhadap keperluan wang saku dalam kajian ini disebabkan oleh beberapa faktor.

Faktor pertama, semua sekolah kerajaan (aliran kebangsaan) di Malaysia mempunyai masa pembelajaran sekitar 5 hingga 6 jam. Beberapa buah negeri termasuk Kuala Lumpur dan Kedah pula menyediakan sistem pendidikan agama untuk kanak-kanak beragama Islam yang berlangsung selama 3 jam. Maka, sebahagian responden dalam kajian ini bersekolah di kedua-dua sesi pagi dan petang untuk aliran kebangsaan dan agama. Waktu persekolahan yang panjang, dan tiada pula disediakan makanan percuma menyebabkan kanak-kanak yang bersekolah memerlukan wang saku bagi membeli makanan yang mencukupi untuk tenaga pada waktu persekolahan.

Faktor kedua, perkhidmatan makanan percuma iaitu Rancangan Makanan Tambahan (RMT) hanya diberikan kepada pelajar tertentu (termiskin) dan kebanyakan perkhidmatan tersebut tertumpu di sekolah luar bandar. Peningkatan kos sara hidup di negara ini turut meningkatkan kos harga makanan di kantin sekolah. Maka, semua situasi tersebut boleh menyebabkan wang saku menjadi keperluan utama kanak-kanak di Malaysia yang masih bersekolah, khususnya untuk membeli makanan dan minuman pada waktu persekolahan.

Selain itu, keperluan material yang berkaitan dengan persekolahan; iaitu pakaian seragam, buku dan kelengkapan sekolah menunjukkan keperluan yang kedua tertinggi. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian di Ireland yang mana peratus keperluan terhadap kelengkapan persekolahan ialah 98.9 peratus (Swords et al., 2012).

Memandangkan sampel kedua-dua kajian berada dalam usia persekolahan, maka adalah wajar untuk mereka meletakkan kelengkapan sekolah sebagai keperluan utama dalam hidup.

Walau bagaimanapun, barangan seperti permainan komputer, hadiah untuk hari jadi kawan, perakam DVD dan alat muzik bukan menjadi keperluan utama bagi responden kajian ini memandangkan peratus keperluan bagi perkara tersebut tidak mencapai 60 peratus. Dapatan tersebut seiring dengan dapatan kajian di Ireland yang mana peratus keperluan terhadap permainan komputer misalnya hanya 12.2 peratus dan peralatan muzik hanya 11.8 peratus (Swords et al., 2012). Peratus keperluan yang rendah terhadap perkara tersebut jelas menggambarkan ia bukan merupakan barang keperluan bagi kanak-kanak negara maju mahupun negara membangun.

Maklumat dalam Jadual 5.7 juga memaparkan peratus kesejahteraan keseluruhan (peratus purata) bagi kluster material. Peratus purata untuk kesejahteraan material ialah 83.0 peratus; iaitu sangat tinggi. Peratus kesejahteraan yang dicatatkan dalam kajian ini adalah baik dan setanding dengan peratus kesejahteraan yang dilaporkan di negara-negara maju. Berdasarkan laporan UNICEF pada 2013, peratus kesejahteraan material di negara seperti Sweden, Norway dan Finland ialah sekitar 90 peratus. Namun, peratus kesejahteraan adalah rendah di negara-negara seperti Romania, Latvia, Lithuania dan Amerika Syarikat (UNICEF, 2013). Walau bagaimanapun, laporan UNICEF pada 2007 dan 2013 mengesahkan bahawa tiada perkaitan yang signifikan antara pendapatan per kapita dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Ini berikutan negara maju seperti Amerika Syarikat juga mempunyai peratus kesejahteraan material yang rendah. Atas asas tersebut, tidak mustahil untuk negara membangun seperti Malaysia mempunyai tahap kesejahteraan material yang baik dalam kalangan kanak-kanaknya.

Tahap kesejahteraan material yang tinggi dalam konteks kajian ini boleh juga dipengaruhi oleh keadaan ekonomi negara. Pada tahun 2012 misalnya, kadar inflasi negara menurun kepada 1.6 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun 2011 (EPU, 2013). Keadaan ekonomi negara yang semakin baik ini telah meningkatkan kuasa membeli rakyat. Ini secara tidak langsung membolehkan ibubapa memenuhi keperluan material anak-anak. Berikut adalah dua lagi penunjuk kepada peningkatan keadaan ekonomi negara; pengurangan kadar kemiskinan dan peningkatan pendapatan isi rumah. Kadar kemiskinan di Malaysia semakin menurun. Berbanding tahun 2009, kadar kemiskinan iaitu sejumlah 3.8 peratus telah menurun kepada 1.7 peratus pada tahun 2012 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012b). Selain itu, pendapatan isi rumah bulanan purata juga telah meningkat dari RM4025 pada 2009 kepada RM5000 pada tahun 2012 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012b). Bertepatan dengan responden dalam kajian ini yang tergolong dalam keluarga berpendapatan rendah, berlaku juga peningkatan pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kumpulan pendapatan terendah 40 peratus dari RM1300 pada tahun 2009 kepada RM1686 pada tahun 2012 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012b).

Secara terperinci, terdapat beberapa aspek material yang mana peratus keperluan dan kesejahteraannya berada pada tahap yang tinggi. Antaranya ialah wang saku, pakaian seragam sekolah, selimut dan bantal, bahan bacaan dan bekalan ubat-ubatan di rumah. Semua keperluan material tersebut penting bagi membolehkan kanak-kanak berfungsi dengan baik dalam kehidupan seharian dan turut mendapat keutamaan di pihak ibu bapa untuk memenuhinya.

Namun demikian, terdapat juga keadaan di mana peratus keperluan lebih tinggi daripada peratus kesejahteraan. Misalnya, keperluan untuk barang berjenama (85.5%) lebih tinggi berbanding peratus kesejahteraannya (76%). Iklan yang dipromosikan oleh pelbagai medium media massa mendedahkan atau memperkenalkan kanak-kanak kepada pelbagai jenama barangan (i.e., Kiko, Guess, Padini, Levi's untuk pakaian, serta jenama Apple dan Samsung untuk barangan multimedia). Harga untuk barangan berjenama yang menjadi kegemaran kanak-kanak seperti pakaian, kasut dan beg adalah mahal; sedangkan kemampuan ekonomi keluarga mereka adalah terhad. Ini menyebabkan keperluan untuk barang-barang berjenama tidak dapat dipenuhi oleh ibubapa mereka.

Selain barangan berjenama, keperluan untuk mempunyai wang sendiri untuk aktiviti sekolah atau keluar bersiar-siar (83%) juga lebih tinggi berbanding peratus kesejahteraannya (74.7%). Hal tersebut juga disebabkan tahap kemampuan ekonomi keluarga responden yang rendah. Kekurangan kemampuan ekonomi keluarga menyebabkan ibu bapa kurang memberi perhatian kepada keperluan material ini.

Berdasarkan peratus keperluan dan kesejahteraan material yang dianalisis, terdapat juga keadaan di mana peratus kesejahteraan melebihi peratus keperluan. Misalnya pakaian berfesyen, internet, siaran televisyen berbayar, komputer dan pakaian cantik untuk dipakai pada hari istimewa (Jadual 5.7). Ini berlaku disebabkan wujud perbezaan keutamaan dalam memenuhi keperluan di pihak anak dan ibu bapa. Anak merasakan ia bukan merupakan keperluan utama namun ibu bapa berkeupayaan untuk memenuhi keperluan tersebut. Ibu bapa mempunyai keupayaan kewangan untuk memenuhi keperluan seperti pakaian berfesyen dan pakaian cantik memandangkan ia tidak semestinya melibatkan kewangan yang banyak untuk kedua-dua perkara tersebut.

Terdapat banyak premis pakaian di bandar mahu pun di luar bandar yang menawarkan barangan tersebut pada harga yang murah di negara ini.

Bagi *internet* pula, terdapat pelbagai pakej internet yang murah dan boleh dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah dan pelajar sekolah di negara ini. Malah, kerajaan turut menyediakan perkhidmatan *internet* secara atas talian dan tanpa wayar (*wifi*) secara percuma di kawasan tertentu bagi meningkatkan aksesibiliti rakyat kepada maklumat. Program kerajaan seperti Pusat Internet 1Malaysia menyediakan pusat perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di 100 buah kawasan PPR terpilih di bandar besar. Program yang dikhususkan untuk golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar itu menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk tempoh 3 tahun (2013-2015) (SKMM, 2013). Pusat jalur lebar ini menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan seperti kemudahan komputer, mencetak dan fotokopi bahan, dan program latihan termasuk perkhidmatan *wifi* untuk capaian penduduk sekitar. Bagi kawasan pinggir dan luar bandar pula, kerajaan menyalurkan perkhidmatan jalur lebar melalui penubuhan Komuniti 1Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia, 2014). Bagi kawasan penempatan yang mempunyai program tersebut, pusat perkhidmatan jalur lebar diwujudkan untuk meningkatkan aksesibiliti maklumat penduduk luar bandar termasuk kanak-kanak. Bagi siaran televisyen berbayar pula, ia bukan menjadi keperluan utama kanak-kanak. Oleh kerana itu, peratus keperluannya adalah pada tahap sederhana. Namun demikian, ia dilanggan oleh sebahagian besar keluarga responden kajian ini dan ia ada di kebanyakan rumah responden kerana ia adalah siaran yang jelas, boleh menonton pelbagai program yang ditawarkan oleh pelbagai stesen televisyen, serta menyajikan pelbagai rancangan yang berbentuk maklumat dan hiburan.

5.4.2 Kesejahteraan pendidikan

Dasar Pendidikan Malaysia menetapkan yang usia 7 hingga 17 tahun merupakan umur persekolahan wajib untuk semua kanak-kanak Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Penetapan sembilan tahun sebagai tempoh untuk kanak-kanak diberi peluang pendidikan asas merupakan salah satu strategi pelaksanaan Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Sama ada di sekolah kerajaan mahupun swasta, kanak-kanak yang berada dalam usia tersebut berhak mendapat peluang pendidikan.

Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), 1989 pula menyatakan setiap kanak-kanak berhak untuk mengembangkan potensi fizikal, mental dan sosial mereka. Hak tersebut penting untuk mereka mencapai potensi diri yang tinggi. Peluang pendidikan merupakan salah satu perkara yang perlu dipenuhi bagi membolehkan kanak-kanak mencapai hak tersebut. Artikel 28 CRC menyatakan:

“kanak-kanak berhak terhadap peluang pendidikan. Pendidikan rendah harus diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua kanak-kanak. Kanak-kanak juga berhak akses kepada pendidikan menengah dalam pelbagai bentuk termasuk pendidikan am dan vokasional.”

Atas fakta pendidikan sebagai salah satu keperluan pembangunan diri yang asasi untuk semua kanak-kanak, keperluan pendidikan telah dijadikan salah satu ukuran kesejahteraan hidup kanak-kanak. Keupayaan dan aksesibiliti kanak-kanak terhadap peluang untuk bersekolah atau tidak pada umur persekolahan sering diukur bagi menilai kesejahteraan hidup kanak-kanak. Selain itu, terdapat tiga lagi item kesejahteraan pendidikan iaitu aksesibiliti kanak-kanak kepada latihan kemahiran hidup, kelas tuisyen (berbayar) dan kelas agama.

Keperluan pendidikan yang mencukupi mendorong kepada keadaan kesejahteraan hidup yang baik kepada kanak-kanak (Bradshaw et al., 2006). Keperluan pendidikan dalam kajian ini diukur dengan menentukan sama ada kanak-kanak itu masih bersekolah (secara formal) atau tidak semasa berada di dalam umur persekolahan. Sejumlah 190 responden (95%) dalam kajian ini masih meneruskan persekolahan ketika kajian ini dilakukan. Sementara itu, seramai 10 responden (5%) sudah tidak bersekolah disebabkan beberapa alasan seperti tidak berminat dengan pelajaran dan ingin keluar bekerja.

Selain itu, indikator lain yang berada dalam kedudukan tertinggi senarai keperluan ialah latihan kemahiran hidup (90.5%). Latihan kemahiran hidup ini merujuk kepada latihan kemahiran yang diperoleh semasa sesi pembelajaran di sekolah mahu pun latihan kemahiran secara khusus melalui kursus atau program vokasional atau teknikal berstruktur. Contoh yang paling jelas adalah keperluan terhadap kemahiran hidup, kemahiran kerjaya dan latihan vokasional. Bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu 'memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu', latihan kemahiran hidup penting untuk kelangsungan hidup kanak-kanak. Latihan kemahiran hidup mampu melengkapkan kanak-kanak untuk menjadi individu yang berdaya-upaya berhadapan dengan pelbagai risiko ekonomi dan sosial luar jangkaan pada bila-bila masa (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013).

Jadual 5.8: Keperluan Dan Kesejahteraan Pendidikan Kanak-kanak

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Bersekolah	95.0(200)	95.0(190)
2 Latihan kemahiran hidup	90.5(181)	85.0(154)
3 Tuisyen	84.5(169)	64.5(109)
4 Kelas agama	82.5(165)	87.9(145)
Jumlah keseluruhan	88.1%	83.1%

(N= 200)

Maklumat daripada Jadual 5.8 memaparkan peratus kesejahteraan bagi kluster pendidikan. Peratus kesejahteraan pendidikan bagi kanak-kanak dalam kajian ini ialah 83.1 peratus; iaitu berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini menggambarkan yang tahap kesejahteraan pendidikan kanak-kanak Malaysia adalah sangat tinggi. Malahan, peratus kesejahteraan yang dicatatkan dalam kajian ini setanding dan tidak jauh berbeza dengan peratus kesejahteraan yang dilaporkan di negara maju. Laporan UNICEF (2013) menunjukkan negara seperti Belanda, Norway dan Finland mencatatkan peratus kesejahteraan pendidikan melebihi 80 peratus. Martorano, Natali, Neubourg dan Bradshaw (2013) turut melaporkan peratus kesejahteraan pendidikan yang tinggi di negara maju seperti Sweden (87.0%) dan Poland (92.7%).

Kesejahteraan pendidikan yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak Malaysia ini mempunyai perkaitan rapat dengan Dasar Pendidikan Negara. Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai beberapa strategi pelaksanaan. Antaranya ialah sentiasa meningkatkan mutu pendidikan melalui beberapa cara seperti meningkatkan kualiti guru, memantapkan kualiti kurikulum sekolah, menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia, meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah dan meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan pelajar (Muhyidin, 2012).

Strategi lain ialah menetapkan sembilan tahun sebagai tempoh untuk peluang pendidikan asas seperti yang dijelaskan di awal bahagian ini. Dari segi pencapaian pendidikan asas, pada tahun 2009 misalnya, sejumlah 99 peratus pelajar yang berdaftar tamat persekolahan rendah (EPU & UN, 2010).

Kemudahan dan prasarana pendidikan yang baik juga berupaya menyumbang kepada tahap kesejahteraan pendidikan yang tinggi di negara ini. Kerajaan telah

menyediakan sekolah bantuan penuh kerajaan hampir di setiap kawasan penempatan bagi memastikan semua kanak-kanak memperoleh peluang pendidikan. Buletin Perangkaan Sosial 2012 menunjukkan sebanyak 7,723 buah sekolah rendah dan 2,296 buah sekolah menengah telah dibina di negara ini setakat tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012a). Dua buah negeri yang menjadi lokasi kajian; Kuala Lumpur, terdapat 200 buah sekolah rendah dan 97 buah sekolah menengah manakala di Kedah, terdapat 539 buah sekolah rendah dan 180 sekolah menengah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012a). Bilangan sekolah yang banyak itu menunjukkan komitmen kerajaan melalui Dasar Pendidikan Negara untuk memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak di Malaysia.

Kerajaan juga melalui Kementerian Pelajaran telah memberi pendidikan percuma untuk semua murid bermula pada tahun 2008. Pemansuhan yuran tersebut diwartakan dalam Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 2007 dengan tajuk "Pemansuhan yuran dan garis panduan bayaran tambahan di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan." Bermula pada tahun 2008 juga, kerajaan telah memansuhkan yuran peperiksaan PMR dan SPM untuk meringankan beban rakyat. Pemansuhan yuran tersebut diwartakan dalam Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia Lampiran 9/Bilangan 1/2007 dengan tajuk "Calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dikecualikan daripada bayaran yuran peperiksaan."

Dalam Dasar Mendemokrasikan Pendidikan pula, kerajaan telah berusaha untuk mengagihkan peruntukan secara adil dan memberi perhatian khas kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari kawasan luar bandar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 misalnya, kerajaan telah memperuntukkan RM4.1 bilion untuk melengkapkan infrastruktur

sekolah termasuk mengubahsuai dan menggantikan bangunan lama terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 juga telah memperuntukkan agar program prasekolah diperluaskan yang mana 80 peratus daripada bilangannya akan didirikan di luar bandar bagi memberi peluang kepada kanak-kanak luar bandar mendapat pendidikan awal. Dalam pelan tersebut juga, sejumlah 321 projek pembinaan asrama baru dan penggantian asrama daif untuk pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah di luar bandar diperuntukkan.

Kerajaan juga turut memperkenalkan Skim Bantuan Tuisyen (SBT) sejak Mac 2004 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012d). SBT yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan untuk memberi peluang bimbingan tambahan secara berstruktur dan terancang kepada kanak-kanak miskin tahun 4, 5 dan 6 yang lemah dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Hasrat kerajaan adalah agar kanak-kanak dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matapelajaran berkenaan. Di bawah skim ini, keluarga kanak-kanak berkenaan diberi peruntukan bayaran tuisyen yang disalurkan melalui sekolah. SBT merupakan suatu pengupayaan kepada keluarga miskin bagi membolehkan anak mereka mendapat peluang mengikuti kelas tuisyen yang selama ini di luar kemampuan keluarga tersebut. Walau tiada seorang pun responden dalam kajian ini menyatakan yang mereka memperoleh SBT, ini tidak menghalang mereka daripada akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan yang lain.

Bagi menghasilkan kanak-kanak yang berpotensi, kerajaan turut memperkenalkan pendidikan kemahiran hidup bagi meningkatkan kebolehan murid dalam pelbagai bidang. Ilmu kemahiran hidup berguna untuk kanak-kanak meneruskan kelangsungan hidup. Pendidikan kemahiran hidup diadakan secara berstruktur di

sekolah rendah dan menengah. Matlamat pendidikan kemahiran hidup untuk sekolah menengah ialah untuk melahirkan insan yang boleh berdikari, faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Kemahiran yang diajar di sekolah menengah ialah rekabentuk dan teknologi yang merupakan kemahiran teras serta kemahiran pilihan seperti teknikal, pertanian dan keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Pendidikan kemahiran hidup untuk sekolah rendah pula diajar kepada murid tahap 2 sebagai satu mata pelajaran mulai tahun 1993 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Ia bertujuan untuk mengembangkan keupayaan dalam bidang reka bentuk dan teknologi serta perniagaan dan keusahawanan melalui penguasaan kemahiran praktis, pengetahuan dan pemupukan sikap positif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Antara amali untuk mengembangkan kemahiran murid ialah seperti menggunakan barang kitar semula, mengadakan aktiviti jual beli, menanam dan memelihara pokok, menjaga haiwan peliharaan, mempelajari asas jahitan dan mengenali komponen elektrik dan elektronik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Bagi latihan dan kemahiran vokasional, khusus untuk sekolah menengah atas (tingkatan 4 dan 5) pula, kanak-kanak yang tidak berminat dengan aliran akademik di sekolah biasa boleh menjuruskan bidang minat mereka di kolej vokasional. Sistem pendidikan teknik dan vokasional bertujuan untuk mewujudkan warganegara Malaysia yang berkemahiran dan terlatih (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Sistem ini termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952, iaitu serentak dengan pelaksanaan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia (di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia) yang diwujudkan pada tahun 1964 pula bertujuan untuk memastikan kesinambungan polisi pendidikan

dan perkembangan pendidikan termasuk pendidikan teknik dan vokasional di negara ini. Fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia memberi perhatian yang serius kepada pendidikan teknik dan vokasional.

Untuk pendidikan agama pula, inisiatif kerajaan (melalui Jabatan Agama Islam negeri) untuk membangunkan sekolah agama di negara ini dilihat turut menyumbang kepada tahap kesejahteraan hidup yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak Malaysia. Di Kuala Lumpur yang menjadi salah satu lokasi kajian misalnya, pendidikan agama dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). JAWI bertanggungjawab menyediakan kurikulum, memantau pengurusan akademik dan aktiviti pembangunan guru di seluruh Wilayah Persekutuan (JAWI, 2012a). Dari segi kurikulum, JAWI telah menetapkan sembilan mata pelajaran agama untuk dipelajari di sekolah rendah agama (SRA) misalnya Fekah, Akhlak, Tauhid dan Pengajian al-Quran. Dari segi prasarana pula, Statistik Bilangan Sekolah dan Murid SRA tahun 2008-2011 menunjukkan terdapat 74 buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur yang berada di bawah pengurusan JAWI yang boleh menampung seramai 33,117 murid sehingga November 2011 (JAWI, 2012b). Di kawasan Lembah Pantai sahaja, iaitu lokasi kajian ini, terdapat tiga buah sekolah rendah agama JAWI yang mana ia telah memberi kemudahan kepada kanak-kanak di kawasan tersebut memperoleh pendidikan agama. Ini merupakan faktor penyumbang kepada tahap kesejahteraan yang tinggi (87.9%) dalam aspek pendidikan agama.

Di negeri Kedah pula, pengurusan sekolah agamanya berbeza dengan Kuala Lumpur. Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) khusus untuk kanak-kanak sekolah rendah yang diajar pada waktu petang selepas sesi persekolahan kebangsaan. Ia berlangsung selama 3 hari seminggu. Sekolah Agama Rakyat (SAR) pula lebih kepada

pendidikan menengah rendah dan atas. Sekolah-sekolah agama di Kedah dipantau oleh Pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Agama Rakyat (Pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Rakyat Kedah, 2012). Pertubuhan tersebut bertanggungjawab memantau perkembangan dan keperluan kurikulum agama di seluruh negeri tersebut. Pendeknya, kemudahan pendidikan agama yang ada di negara ini memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak mempelajari ilmu agama untuk dijadikan sebagai bekalan dan panduan mereka menjalani kehidupan yang baik.

5.4.3 Kesejahteraan kesihatan

Kesihatan merupakan salah satu indikator objektif bagi kesejahteraan hidup kanak-kanak. Aspek kesihatan juga merupakan asas kepada perkembangan konsep kesejahteraan sosial (Statham & Chase, 2010). Kesejahteraan dari aspek kesihatan dalam kajian ini diukur berdasarkan sejauh mana responden memperoleh keperluan-keperluan berkaitan penjagaan kesihatan seperti membuat pemeriksaan kesihatan, mendapat bekalan air bersih, mengambil sarapan pagi, dan memperoleh hidangan seimbang secukupnya.

Bagi item-item keperluan kesihatan (Jadual 5.9), daripada sembilan keperluan kesihatan yang disenaraikan dalam borang soal selidik kajian ini, 94 peratus responden melaporkan yang tiga hidangan seimbang dalam sehari merupakan keperluan kesihatan utama yang mereka perlukan. Dapatan kajian ini hampir sama dengan penemuan kajian Swords et al. (2012). Swords dan rakan-rakannya telah meminta kanak-kanak Irish di Ireland menyatakan sama ada mereka memerlukan tiga hidangan seimbang dalam sehari atau tidak. Majoriti daripada kanak-kanak tersebut melaporkan yang keperluan terhadap ‘tiga hidangan seimbang dalam sehari’ adalah keperluan terpenting buat

mereka; berbanding keperluan terhadap aspek kesihatan yang lain. Ini menunjukkan keperluan untuk memperoleh makanan yang seimbang merupakan keperluan kanak-kanak bagi membolehkan mereka hidup sejahtera.

Keperluan lain yang mendapat *ranking* yang tinggi dalam kluster kesihatan ialah makan buah-buahan setiap hari (93.5%), mengambil sarapan pagi (93.5%) dan memperoleh bekalan air bersih (92.5%). Dapatan ini jelas menggambarkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak dalam kajian ini terhadap keperluan untuk menjaga kesihatan.

Jadual 5.9: Keperluan Dan Kesejahteraan Kesihatan Kanak-kanak

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Tiga hidangan seimbang.	94.0(188)	82.4(155)
2 Makan buah-buahan.	93.5(187)	85.0 (159)
3 Mengambil sarapan pagi.	93.5(187)	83.9(157)
4 Bekalan air bersih.	92.5(185)	75.6(166)
5 Berjumpa doktor/doktor gigi apabila sakit/memerlukan rawatan gigi.	87.0(174)	79.6(138)
6 Suntikan imunisasi/vaksin.	71.5(143)	86.7(124)
7 Pil vitamin/makanan tambahan.	65.5(131)	75.6(99)
8 Pemeriksaan kesihatan berkenaan penyakit kronik.	63.5(127)	80.3(102)
9 Ubat cacing.	60.0(120)	79.2(95)
Purata keseluruhan	80.1%	82.4%

(N= 200)

Seramai 87 peratus kanak-kanak dalam kajian ini menyatakan yang berjumpa dengan doktor gigi atau doktor apabila sakit merupakan satu keperluan. Berbeza sedikit dengan penemuan Swords et al. (2012), responden kanak-kanak dalam kajian mereka meletakkan peratus yang lebih tinggi terhadap keperluan berjumpa dengan doktor gigi atau doktor apabila sakit; iaitu 98.5 peratus. Data tersebut menggambarkan wujudnya perbezaan tahap kesedaran di antara responden kajian ini dengan kanak-kanak yang tinggal di negara maju mengenai keperluan kesihatan. Perkara tersebut tidak dapat

dinagikan. Namun, bagi mengatasi kelemahan tersebut, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan kesedaran kesihatan dan gaya hidup sihat melalui Pelan Strategik 2011-2015 Kementerian Kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Dalam mencapai usaha tersebut, antara strategi Kementerian Kesihatan ialah meningkatkan akses kepada pengetahuan penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat termasuk kanak-kanak, memberi motivasi kepada ahli masyarakat untuk memperoleh pengetahuan kesihatan dan meningkatkan peluang kepada ahli masyarakat mengamalkan hidup sihat di rumah, sekolah, tempat kerja dan sebagainya (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011).

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tiga item kesihatan yang dilaporkan sebagai tidak diperlukan sangat oleh kanak-kanak dalam kajian ini. Item yang pertama adalah vitamin. Hanya 65.5 peratus kanak-kanak dalam kajian ini menyatakan yang mereka memerlukan vitamin. Ini kerana mereka berada dalam keadaan sihat dan tahap kesejahteraan terhadap pengambilan makanan seimbang adalah tinggi (82.4%). Oleh kerana pengambilan makanan yang seimbang, mereka juga tidak mengalami malnutrisi iaitu keadaan yang berpunca dari diet yang tidak seimbang termasuk kekurangan nutrien dalam pemakanan yang diambil (Norimah, 2010). Tambahan pula, tubuh badan manusia terutama kanak-kanak hanya memerlukan kuantiti vitamin yang kecil dan ia boleh diperoleh dari diet yang makanan harian yang seimbang (Norimah, 2010). Sehubungan itu, insiden kekurangan vitamin dan malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia tidak begitu serius.

Namun begitu, kajian Keutamaan Nutrisi di Malaysia pada tahun 2009 menunjukkan masalah obesiti kanak-kanak semakin membimbangkan kerana KES obesiti meningkat dari 6.6 peratus kepada 13.6 peratus. Hasil kajian tersebut

mengukuhkan lagi bahawa kanak-kanak di Malaysia pada masa kini tidak terlalu bergantung kepada vitamin kerana telah memperoleh pemakanan yang seimbang, malah insiden obesiti pula yang muncul akibat makan melebihi keperluan.

Item yang kedua adalah pemeriksaan kesihatan. Hanya 63.5 peratus kanak-kanak dalam kajian ini menyatakan yang ia merupakan satu keperluan hidup. Kanak-kanak dalam kajian ini mempunyai kesedaran yang rendah terhadap hal ini. Sekali lagi, penemuan kajian mengenai kesedaran yang rendah berkait dengan kesihatan.

Seterusnya, item kesihatan yang paling kurang diperlukan oleh responden kanak-kanak dalam kajian ini adalah ubat cacing (60%). Hal ini mungkin disebabkan mereka sudah tidak memerlukan ubat cacing kerana sudah mengetahui untuk menjaga kebersihan dan dapat membebaskan diri dari masalah kecacingan. Tambahan pula, keperluan ubat cacing bagi kanak-kanak di Malaysia telah dipenuhi ketika mereka berada pada peringkat awal kanak-kanak. Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi program *posnatal* telah memberi dos ubat cacing kepada semua kanak-kanak yang menjalani rawatan *posnatal* di klinik kerajaan secara percuma.

Maklumat daripada Jadual 5.9 juga memaparkan peratus kesejahteraan keseluruhan (peratus purata) bagi kluster kesihatan. Peratus purata untuk kesejahteraan kesihatan ialah 82.4 peratus. Ini menunjukkan yang tahap kesejahteraan kesihatan kanak-kanak yang menyertai kajian ini adalah sangat tinggi.

Bagi tahap kesejahteraan mengikut item pula, peratus kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini yang memperoleh tiga hidangan seimbang dalam sehari ialah 82.4 peratus; iaitu berada pada tahap sangat baik. Secara logiknya, ia menggambarkan

yang kanak-kanak di Malaysia tidak menghadapi kesukaran untuk makan tiga kali sehari. Penemuan kajian ini dikukuhkan dengan statistik mengenai kanak-kanak yang mengalami kurang zat makanan iaitu hanya 0.6 peratus pada tahun 1995 dan 0.5 peratus pada tahun 2008 (EPU & UN, 2010). Namun, peratus kesejahteraan untuk 'tiga hidangan seimbang' rendah sedikit berbanding peratus kesejahteraan untuk indikator yang sama di Ireland (98.1%) (UNICEF, 2013). Bagi indikator 'makan buah-buahan' pula, peratus kesejahteraan yang dicatatkan dalam kajian ini (85.0%); iaitu lebih tinggi daripada negara Denmark (50%) (UNICEF, 2013). Peratus kesejahteraan untuk indikator 'mengambil sarapan pagi' dalam kajian ini (83.9%) pula tidak jauh berbeza dengan peratusan dilaporkan oleh UNICEF (2013). Dapatan ini menggambarkan tahap kesejahteraan kesihatan yang baik bagi responden dalam kajian ini setanding, malah lebih baik daripada tahap yang dicapai oleh kanak-kanak di negara maju.

Kesejahteraan kesihatan yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak Malaysia ini mempunyai perkaitan rapat dengan sistem perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak di negara ini. Statistik kesihatan yang menunjukkan beberapa kemajuan dari segi tahap kesihatan kanak-kanak menggambarkan bahawa sistem perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak di negara ini semakin mantap. Antara penunjuk kepada kemajuan dari segi kesihatan ialah penurunan kadar mortaliti bayi dari 6.5 peratus pada tahun 2010 kepada 6.4 peratus pada tahun 2013 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014).

Salah satu perkhidmatan yang paling berkait dengan kanak-kanak ialah perkhidmatan imunisasi. Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan (suntikan pelalian untuk mengelak dari penyakit) merupakan salah satu aktiviti utama yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 1950an (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2007). Imunisasi kanak-kanak di Malaysia bertujuan untuk

mengawal dan mencegah kanak-kanak daripada 12 penyakit berjangkit yang disebabkan oleh bakteria dan virus. Antara penyakit berjangkit tersebut ialah campak, batuk kokol dan kancing gigi. Antara imunisasi untuk bayi ialah campak, *Hepatitis B*, *Polio* dan DPT (Difteria, Pertusis & Tetanus). Imunisasi untuk kanak-kanak darjah 1 pula ialah *Polio*, *Booster Dose*, *Double Antigen*, *Booster*, *Measles*, *Mumps* dan *Rubella*. Kanak-kanak yang berada di tingkatan 3 pula dijadualkan untuk memperoleh imunisasi *Tetanus Toksoid*.

Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2007 misalnya menunjukkan bahawa liputan imunisasi untuk kanak-kanak di Malaysia ialah sebanyak 90 peratus dan ia telah memenuhi sasaran yang ditetapkan oleh *Universal Child Immunization*. Dengan kata lain, perkembangan perkhidmatan kesihatan sehingga tahun 2007 menunjukkan sebahagian besar kanak-kanak di Malaysia telah dipenuhi keperluan imunisasinya. Kemajuan dalam perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak semakin baik apabila statistik tahun 2013 menunjukkan peningkatan liputan imunisasi, misalnya BCG telah mencapai 98.6 peratus, Polio telah mencapai 96.9 peratus dan DPT telah mencapai 96.9 peratus.

Seterusnya, Program Kesihatan Pergigian Murid Sekolah yang dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia juga merupakan salah satu program yang menyumbang kepada kesejahteraan kesihatan yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Perkhidmatan pergigian di klinik dan pasukan pergigian bergerak untuk murid sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk memberi penjagaan gigi yang rapi. Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2002 misalnya menunjukkan liputan perkhidmatan pergigian untuk kanak-kanak sekolah rendah ialah 94.9% manakala sekolah menengah ialah 58.1 peratus. Data tahun 2010 menunjukkan peningkatan

liputan tersebut iaitu sejumlah 98 peratus untuk sekolah rendah dan 85 peratus untuk sekolah menengah. Data ini sekali lagi menunjukkan kemajuan dalam perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak di Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014).

Program Sekolah Sihat merupakan program bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2002). Program tersebut yang bermula pada 1997 bertujuan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, sihat dan berkualiti. Dalam program tersebut, pentadbir sekolah, pegawai perubatan dan jururawat sama-sama bertanggungjawab untuk melawat dan memantau keadaan sekolah. Laporan tahunan 2002 menunjukkan lebih 98 peratus sekolah telah dilawati oleh pegawai perubatan atau jururawat (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2002). Data tersebut menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kesihatan kanak-kanak sentiasa dipantau dan diberi perhatian. Dengan demikian, tidak mustahil jika kanak-kanak boleh mencapai tahap kesejahteraan kesihatan yang baik.

5.4.4 Kesejahteraan terhadap akses kepada perkhidmatan sosial

Kesejahteraan dari aspek perkhidmatan sosial diukur berdasarkan sejauh mana kanak-kanak dapat menikmati perkhidmatan yang berkait dengan kehidupan seharian mereka. Dari sudut bidang Dasar Sosial, kesejahteraan kanak-kanak dalam aspek ini merujuk kepada sejauh mana keperluan hidup kanak-kanak terhadap akses serangkaian perkhidmatan yang berhak mereka terima telah dipenuhi (Richardson, 2009).

Umumnya, perkhidmatan kanak-kanak tertumpu kepada dua perkara iaitu perkhidmatan untuk meningkatkan fungsi keluarga dan kanak-kanak, dan perkhidmatan

yang disampaikan untuk memenuhi keperluan khas (Dolgoft & Feldstein, 2000). Contoh perkhidmatan yang boleh meningkatkan fungsi keluarga dan kanak-kanak ialah bantuan biaya sekolah dan kaunseling. Manakala, contoh perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan khas kanak-kanak ialah perkhidmatan pengangkutan ke sekolah dan perkhidmatan susu percuma.

Perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di negara ini merangkumi perkhidmatan perlindungan dan penjagaan daripada semua jenis bahaya termasuk penyalahgunaan, penyiksaan, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Dalam konteks kajian ini, contoh perkhidmatan kebajikan yang sesuai untuk kanak-kanak sekolah rendah dan menengah ialah caruman insurans, perkhidmatan kaunseling dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan ke sekolah.

Selain itu, perkhidmatan untuk kanak-kanak turut memfokus kepada pembangunan kanak-kanak secara sihat dari segi fizikal, emosi dan mental (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Contohnya ialah seperti menyediakan perkhidmatan pusat aktiviti kanak-kanak dan perpustakaan.

Item-item bagi indikator kesejahteraan kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial telah dibina berdasarkan perkhidmatan sosial berkaitan kanak-kanak yang terdapat di Malaysia. Dalam menentukan keperluan, kajian ini mendapati item yang menjadi keperluan utama dalam senarai perkhidmatan untuk kanak-kanak dalam kajian ini ialah kedai yang berdekatan dengan rumah. Sejumlah 92.5 peratus responden merasakan kedai yang berdekatan dengan rumah merupakan keperluan dalam hidup mereka. Keperluan terhadap perkhidmatan tersebut juga adalah jauh lebih tinggi berbanding kanak-kanak di negara maju, misalnya di Ireland. Swords et al. (2012)

mendapati hanya 70.6 peratus kanak-kanak dalam kajian mereka memerlukan kedai yang berdekatan dengan rumah.

Perbezaan tahap keperluan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti amalan hidup seharian dan orientasi aktiviti kanak-kanak yang berbeza mengikut budaya dan negara. Dalam konteks Malaysia, kedai merupakan tempat untuk mendapatkan sebahagian besar keperluan harian seperti makanan dan alatulis. Makanan ringan dan beberapa jenis barang permainan iaitu perkara yang paling digemari kanak-kanak, juga mudah diperolehi di kedai. Ini diakui oleh seorang pekedai runcit dalam liputan akhbar mengenai “50 peratus kanak-kanak gemarkan makanan ringan” yang mengatakan bahawa 5 daripada 10 kanak-kanak berusia 4 tahun ke atas kerap membeli makanan ringan dari kedainya (Sinar Harian, 26 September 2014). Selain itu, amalan pergi ke kedai dalam kalangan kanak-kanak merupakan latihan dalam keluarga untuk membina keyakinan dan keberanian dalam kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran sosial dan kemahiran menggunakan wang.

Jadual 5.10: Tahap Kesejahteraan Kanak-kanak Terhadap Akses Perkhidmatan Sosial

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Kedai	92.5(184)	81.0(149)
2 Akaun bank	88.0(176)	71.0(154)
3 Perpustakaan	83.5(167)	65.3(125)
4 Bantuan biaya sekolah	83.0(166)	57.2(109)
5 Kaunseling	80.5(161)	80.1(129)
6 Komputer percuma	78.0(156)	37.2(58)
7 Caruman insurans	78.5(157)	68.8(108)
8 Pusat aktiviti	76.0(152)	68.4(104)
9 Akaun SSPN	70.0(140)	45.7(64)
10 Susu percuma	69.5(139)	53.2(74)
11 Perkhidmatan bas ke sekolah	68.0(136)	83.81(14)
12 Bantuan basikal	66.5(133)	34.6(46)
13 Rancangan makanan tambahan	64.0(128)	54.7(70)
14 Akaun saham	63.0(126)	41.3(52)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>75.8%</i>	<i>60.2%</i>

(N= 200)

Seterusnya, item yang berada dalam senarai kedua tertinggi perkhidmatan sosial yang diperlukan oleh kanak-kanak ialah kemudahan bank; termasuk memiliki akaun bank. Peratus keperluan terhadap kemudahan perkhidmatan bank ialah 88 peratus. Di dalam kalangan kanak-kanak di Ireland yang menyertai kajian Swords et al. (2012), hanya 66.4 peratus menyatakan kemudahan perkhidmatan bank sebagai keperluan. Jurang keperluan antara kedua-dua kelompok sampel kajian disebabkan oleh ciri sampel dan faktor perbezaan perkhidmatan yang menjadi amalan negara. Berbanding dengan latar keluarga responden dalam kajian Swords et al. (2012) yang datang dari kelompok yang bertaraf sosioekonomi yang lebih baik, semua responden kajian ini datang dari keluarga bertaraf sosioekonomi rendah yang melayakkan mereka memperoleh bantuan kerajaan. Sejumlah 166 daripada 200 responden (83%) menerima bantuan biaya persekolahan. Bantuan biaya persekolahan yang diberi dalam bentuk wang tunai pula akan dimasukkan terus dalam akaun kanak-kanak bagi memastikan kecekapan perkhidmatan dan atas faktor keselamatan. Oleh yang demikian, memiliki akaun bank merupakan salah satu keperluan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia, terutama kanak-kanak yang memperoleh bantuan kewangan.

Kanak-kanak dalam kajian ini juga menunjukkan yang mereka amat memerlukan akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber (80%). Ini menggambarkan keperluan yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak untuk mengakses maklumat dari pelbagai sumber sesuai dengan perkembangan era globalisasi masa kini. Pendekatan sekolah hari ini yang cenderung untuk menggalakkan para pelajar mencari maklumat menerusi pelbagai medium multimedia bagi tugas-tugas sekolah merupakan antara sebab utama yang diberikan oleh para responden mengapa mereka perlu akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber.

Namun, terdapat juga keperluan yang rendah misalnya mendapatkan khidmat guru di rumah (56.5%) dan mengikut kelas yang mengenakan bayaran (47%). Keperluan yang rendah tersebut menggambarkan bahawa responden kajian ini menyedari tentang tahap kemampuan mereka yang datang dari keluarga bertaraf sosioekonomi rendah. Sebagai maklumbalas kepada keperluan tersebut, kerajaan sebenarnya mempunyai Skim Bantuan Tuisyen (SBT) yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Skim tersebut bertujuan untuk memberi peluang bimbingan tambahan secara berstruktur dan terancang kepada kanak-kanak miskin tahun 4, 5 dan 6 yang lemah dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Hasrat kerajaan adalah agar kanak-kanak dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matapelajaran berkenaan. Di bawah skim ini, keluarga kanak-kanak berkenaan diberi peruntukan bayaran tuisyen yang disalurkan melalui sekolah. SBT merupakan suatu pengupayaan kepada keluarga miskin bagi membolehkan anak mereka mendapat peluang mengikut kelas tuisyen yang selama ini di luar kemampuan keluarga tersebut. Namun demikian, tiada seorang pun kanak-kanak dalam kajian ini mendapat akses kepada skim tersebut.

Secara keseluruhannya, sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.10, tahap kesejahteraan responden terhadap aspek perkhidmatan sosial masih berada pada tahap sederhana (60.2%). Secara relatif, peratus tersebut adalah lebih rendah berbanding dengan negara Ireland. Misalnya, peratus kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini untuk kemudahan perpustakaan hanya 57.2 peratus berbanding dapatan di Ireland iaitu 80.2 peratus. Berdasarkan skala tahap kesejahteraan dalam Jadual 5.2 juga, terdapat beberapa akses kepada perkhidmatan yang menunjukkan peratus kesejahteraan yang hanya pada tahap sederhana (40-74%). Antaranya ialah pusat

aktiviti kanak-kanak, perpustakaan, pemberian susu percuma dan bantuan makanan percuma di sekolah.

Sebahagian perkhidmatan yang disenaraikan dalam kajian ini adalah perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk individu yang berkecukupan. Misalnya, semua responden kajian ini tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Ia merupakan skim bantuan perumahan kerajaan untuk menempatkan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman ke atas keluarga yang berpendapatan rendah (Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990). Perumahan tersebut menyediakan persekitaran yang berkualiti, sihat, selesa dan kelengkapan yang mematuhi piawaian dan spesifikasi (Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990). Kawasan perumahan tersebut dilengkapi dengan kemudahan sosial dan rekreasi seperti dewan masyarakat, taman permainan kanak-kanak, tadika, kedai, gerai, surau dan ruang letak kenderaan yang memberi manfaat kepada semua golongan termasuk kanak-kanak. Namun begitu, realitinya kemudahan sosial yang disediakan tidak diselenggara dan dipantau dengan baik oleh pihak berwajib.

Begitu juga dengan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) yang disediakan oleh kerajaan khususnya di kawasan PPR. PAKK merupakan ruang aktiviti yang selamat dan dilengkapi dengan ruang bacaan dan alatan sukan untuk kanak-kanak berinteraksi dengan rakan sebaya dan mengembangkan potensi diri (JKMM, 2013b). PAKK didirikan atas usaha kerajaan untuk membantu negara membendung kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak serta pelbagai aktiviti berisiko lain yang boleh menyebabkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan kanak-kanak. PAKK pada dasarnya merupakan pusat sehati untuk pelbagai aktiviti seperti pusat jagaan, khidmat kaunseling, kelas komputer, kelas tuisyen dan lain-lain program untuk

perkembangan kanak-kanak. Namun realitinya, pelaksanaan di lokasi yang pengkaji kunjungi tidak seperti yang dikhabarkan. PAKK di lokasi kajian tidak diselenggara dengan baik dan kurang dipantau oleh pihak atasan. Kesannya, PAKK umpama bilik stor menyimpan buku-buku dan alatan sukan yang tidak seberapa dan sebahagiannya telah usang sehingga tidak menarik perhatian kanak-kanak untuk berkunjung ke tempat tersebut.

Satu lagi perkhidmatan yang bersifat selektif yang boleh diperoleh oleh kanak-kanak yang bergantung kepada kemampuan ekonomi ibu bapa ialah perkhidmatan susu percuma. Program Susu Sekolah (PSS) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pula merupakan perkhidmatan pemberian susu kotak percuma untuk kanak-kanak sekolah dari keluarga miskin atau bertaraf sosioekonomi rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012b). PSS bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan kanak-kanak sekolah agar pertumbuhan fizikal dan kesihatan mental bertambah baik. Oleh kerana semua keluarga dalam kajian ini berada dalam golongan berpendapatan rendah dan bersesuaian dengan syarat kelayakan kementerian, pengkaji menjangkakan bahawa semua kanak-kanak dalam kajian ini layak menyertai program tersebut. Namun demikian, tahap kesejahteraan yang sederhana terhadap perkhidmatan susu percuma (53.2%) menggambarkan kepincangan perkhidmatan tersebut kepada kanak-kanak di lokasi kajian pengkaji.

Pengkaji ingin memetik perkhidmatan untuk kanak-kanak yang bersifat universal. Bagi memenuhi keperluan kanak-kanak Malaysia yang berumur persekolahan, beberapa skim dan program disediakan secara percuma kepada semua kanak-kanak yang bersekolah. Antaranya ialah Skim Bantuan Buku Teks (SPBT) iaitu pemberian buku teks secara percuma untuk semua murid sekolah rendah dan menengah

di sekolah bantuan penuh kerajaan. Beberapa keperluan universal lain telah dijelaskan dalam bahagian kesejahteraan pendidikan dan kesejahteraan kesihatan memandangkan banyak perkhidmatan universal ditawarkan dalam kedua-dua aspek tersebut.

Berdasarkan Teori Keperluan Maslow, komponen kesejahteraan objektif merupakan komponen yang menjadi keperluan asasi kanak-kanak untuk hidup dengan sejahtera. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap kesejahteraan objektif kanak-kanak yang menyertai kajian ini berada pada tahap yang tinggi (77.2%). Ini bermakna, kanak-kanak dalam kajian ini dapat menikmati keperluan asasi berbentuk fizikal seperti material, pendidikan, kesihatan dan akses kepada perkhidmatan sosial yang mereka perlukan. Walaupun kanak-kanak yang menyertai kajian ini datang dari keluarga bertaraf sosioekonomi rendah, kesejahteraan objektif mereka adalah tinggi. Dengan demikian, mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang selesa.

5.5 Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Malaysia Dari Aspek Kesejahteraan Subjektif

Indikator kesejahteraan subjektif adalah perkara yang berkait dengan pengalaman, perasaan dan pemikiran dari perspektif individu itu sendiri (Haq & Zia, 2013; OECD, 2009; Thompson & Aked, 2009). Ukuran kesejahteraan subjektif juga melibatkan perkara-perkara yang berkait dengan persepsi, perasaan dan pengalaman (Camfield et al., 2008). Komponen kesejahteraan subjektif dalam kajian ini ialah penglibatan dan kesejahteraan dari aspek moral dan spiritual.

5.5.1 Kesejahteraan penglibatan

Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995 telah menetapkan hak penyertaan atau penglibatan untuk setiap kanak-kanak. Artikel 12 CRC menyatakan bahawa setiap kanak-kanak berhak menyatakan pendapat merreka secara bebas terutama yang menyentuh kebajikan hidup mereka. Artikel 31 pula menyatakan setiap kanak-kanak berhak mendapat rehat dan masa lapang, melibatkan diri dalam aktiviti permainan dan rekreasi yang sesuai dengan umur, menyertai secara bebas dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian. Maka, setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk turut serta dan melibatkan diri dalam perkara yang berkait dengan politik, sosial, ekonomi dan budaya (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013).

Hak-hak tersebut penting untuk dijaga kerana kesejahteraan hidup kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan peluang untuk mereka membesar dengan sempurna. Penglibatan juga merupakan salah satu keperluan untuk perkembangan dan pembangunan diri individu. Setiap individu harus mempunyai peluang untuk terlibat dalam aktiviti bersama keluarga, rakan dan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan hidup tidak terjejas. Bagi kanak-kanak dan remaja misalnya, aktiviti seperti berenang, menyertai aktiviti sukan, mengikuti kelas seni mempertahankan diri, beriadah bersama keluarga dan menyertai aktiviti dalam masyarakat penting dalam kehidupan mereka. Penglibatan kanak-kanak secara inovatif dalam rutin harian yang sihat boleh meningkatkan keupayaan untuk menjadi resilien, dan mempunyai tahap minda dan perasaan yang positif (Weisner, 1998 dlm. Pollard & Lee, 2003). Kanak-kanak yang berpeluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di peringkat keluarga, sekolah dan komuniti hidup dengan lebih sejahtera.

Kesejahteraan dari aspek penglibatan diukur berdasarkan sejauh mana responden kajian ini berpeluang untuk membangun dan mengembangkan potensi diri mereka seoptimum mungkin. Penglibatan mereka termasuk pelbagai aktiviti seharian yang dilakukan secara sendirian, bersama keluarga dan rakan sebaya serta penglibatan di peringkat sekolah dan komuniti.

Perbandingan secara umum menunjukkan responden kajian ini meletakkan peratus keperluan yang paling tinggi untuk kebanyakan aktiviti bersama keluarga (purata keseluruhan 93.1%). Kenyataan tersebut dibuktikan dengan data di mana peratus keperluan bagi empat daripada lima aktiviti bersama keluarga adalah melebihi 90 peratus. Misalnya, keperluan untuk pergi bercuti bersama keluarga ialah 94.5 peratus. Berbanding dengan negara Ireland misalnya untuk indikator yang sama, kanak-kanak di negara tersebut hanya meletakkan keperluan tersebut sebanyak 63.7 peratus. Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini masih mementingkan penglibatan dalam aktiviti keluarga.

Peratus keperluan kedua tertinggi diletakkan untuk penglibatan dengan rakan sebaya (purata keseluruhan 87%). Semua keperluan terhadap aktiviti bersama rakan sebaya adalah tinggi, iaitu menghampiri 90 peratus. Misalnya, keperluan untuk meluangkan masa bersama rakan sebaya dan keperluan untuk menyertai aktiviti sukan bersama rakan ialah ialah 89.5 peratus.

Peratus keperluan ketiga tertinggi diletakkan untuk penglibatan di sekolah (purata keseluruhan 77.1%). Semua keperluan terhadap penglibatan dalam aktiviti di sekolah berada di sekitar 70 hingga 85 peratus. Misalnya, keperluan untuk mengikuti rombongan sekolah ialah 85 peratus. Berbanding dengan negara Ireland misalnya untuk

indikator yang sama, kanak-kanak di negara tersebut hanya meletakkan keperluan tersebut sebanyak 74 peratus. Perbezaan ini menjelaskan wujudnya tahap keperluan yang berbeza di antara kanak-kanak satu negara dengan negara yang lain dan mempunyai latar keluarga yang berbeza. Sementara itu, keperluan untuk mengikuti aktiviti perkhemahan ialah 81 peratus. Peratus yang tinggi terhadap keperluan untuk kedua-dua aktiviti tersebut jelas menunjukkan kanak-kanak memang memerlukan dan menggemari aktiviti seumpama itu. Ini kerana ia boleh membantu kanak-kanak untuk bersosialisasi, memahiri kemahiran sosial dan mengembangkan potensi diri.

Keperluan untuk aktiviti secara bersendirian mempunyai peratus yang bervariasi. Keperluan untuk pergi berenang di kolam renang juga menunjukkan peratusan yang sederhana (64%). Untuk indikator yang sama, kanak-kanak di Ireland juga menunjukkan keperluan yang lebih rendah (48.1%). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai keutamaan tertentu dalam memilih aktiviti yang mereka ingini. Dapatan ini juga jelas menunjukkan bahawa tahap penglibatan berkait dengan jenis aktiviti yang mereka lakukan.

Apabila membandingkan peratus keperluan bagi penglibatan secara bersendirian dan berkumpulan, kanak-kanak lebih memerlukan aktiviti bersama rakan sebaya atau secara berkumpulan. Malahan, kanak-kanak dalam usia belasan tahun lebih memerlukan aktiviti yang melibatkan persaingan sesama rakan sebaya. Namun demikian, keperluan kanak-kanak untuk melibatkan dalam aktiviti komuniti boleh dikatakan sederhana sahaja. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak mempunyai keperluan yang tinggi untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan sahaja (89%). Aktiviti-aktiviti dalam komuniti yang lain menunjukkan tahap keperluan yang sederhana, misalnya menunjukkan bakat (76.5%), menyertai aktiviti keagamaan (75%)

dan menyertai aktiviti kempen penjagaan keselamatan (66.5%). Dapatan ini menjelaskan bahawa kanak-kanak memerlukan penglibatan dalam komuniti, namun mereka cenderung untuk memilih jenis aktiviti yang mereka gemar sertai.

Jadual 5.11 hingga 5.15 memaparkan peratus kesejahteraan bagi setiap indikator dalam kluster penglibatan. Secara terperinci, peratus kesejahteraan untuk kebanyakan indikator dalam kluster penglibatan juga berada pada tahap yang sederhana. Misalnya peratus kesejahteraan untuk menyatakan pendapat (71.2%), menyertai kem diri (63.9%), menyertai pertandingan debat/bersyair/berpantun (63.8%) dan menyertai komuniti untuk mengawal keselamatan di kawasan perumahan pada waktu malam (60.9%).

Terdapat juga indikator-indikator dalam kluster penglibatan yang menunjukkan peratus kesejahteraan yang lebih rendah terutamanya indikator yang berkait dengan aktiviti secara bersendirian (purata keseluruhan 57.9%) dan aktiviti dalam komuniti (purata keseluruhan 67.9%). Misalnya, kesejahteraan untuk menyertai aktiviti pertahanan (50%), mengikuti kelas berbayar (45.7%) dan menyertai aktiviti kesenian di kawasan perumahan (56.4%).

Jadual 5.11: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Diri Sendiri

Indikator	Keperluan% (n)	Kesejahteraan %(n)
1 Mendapat akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber.	80.0(128)	68.1(109)
2 Mengikuti aktiviti pertahanan diri (spt. silat, teakwando).	73.0(146)	50.0(73)
3 Menyatakan pendapat/pandangan sesuka hati dengan bebas.	66.0(132)	71.2(94)
4 Pergi ke kolam renang.	64.0(128)	64.3(83)
5 Mendapatkan perkhidmatan guru tambahan di rumah.	56.5(113)	47.8(54)
6 Mengikuti kelas (spt. berenang, gitar) yang mengenakan bayaran.	47.0(94)	45.7(43)
Purata keseluruhan	64.4%	57.9%

(N= 200)

Jadual 5.12: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Bersama Rakan

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Meluangkan masa bersama-sama rakan.	89.5(179)	89.4(160)
2 Menyertai rakan dalam aktiviti sukan.	89.5(179)	89.4(160)
3 Belajar secara berkumpulan.	87.0(174)	89.1(155)
4 Melakukan aktiviti kegemaran bersama rakan (cth: berbasikal, kereta kawalan jauh, <i>games</i>)	82.0(164)	80.5(132)
Purata keseluruhan	87%	87.1%

(N= 200)

Jadual 5.13: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Di Sekolah

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Mengikuti rombongan.	85.0(170)	71.2(121)
2 Mengikuti aktiviti perkhemahan pakaian beruniform.	81.0(162)	71.6(116)
3 Menyertai kempen-kempen penjagaan keselamatan/kesihatan.	79.5(159)	75.5(120)
4 Peluang untuk menunjukkan bakat.	79.0(158)	73.4(116)
5 Menyertai kem bina diri.	79.0(158)	63.9(101)
6 Mempunyai pangkat dalam badan uniform/persatuan/kelab (Presiden, Pen. Presiden, S/U, Bendahari, AJK).	75.5(151)	64.2(97)
7 Menjadi ketua kelas/pen. ketua kelas	73.0(146)	61.6(90)
8 Menyertai aktiviti kesenian (menari, berteater/menyanyi).	71.5(143)	61.5(88)
9 Menyertai pertandingan debat/kuiz/bercerita/bersyair/berpantun.	70.5(141)	63.8(90)
Purata keseluruhan	77.1%	67.4%

(N= 200)

Jadual 5.14: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Bersama Keluarga

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Makan bersama keluarga di rumah.	95.0(190)	92.6(176)
2 Keluar bersiar-siar bersama keluarga.	94.5(189)	86.2(163)
3 Makan di luar/restoran bersama keluarga.	94.0(188)	80.3(151)
4 Pergi bercuti bersama keluarga.	94.5(189)	71.9(136)
5 Mempunyai peluang untuk menyatakan pendapat dan bersuara dengan keluarga.	87.5(175)	78.3(137)
Purata keseluruhan	93.1%	81.9%

(N= 200)

Jadual 5.15: Keperluan Dan Kesejahteraan Penglibatan Dalam Komuniti

Indikator	Keperluan %(n)	Kesejahteraan %(n)
1 Menyertai aktiviti sukan.	89.0(178)	80.9(144)
2 Terlibat dalam kelab/ persatuan.	78.5(157)	78.3(123)
3 Peluang untuk menunjukkan bakat.	76.5(153)	69.3(106)
4 Menyertai pertandingan sukan untuk kawasan perumahan.	75.5(151)	70.2(106)
5 Menyertai aktiviti keagamaan di kawasan perumahan (spt. tahlil, doa selamat, bacaan yassin).	75.0(150)	74.7(112)
6 Menyertai aktiviti sukan peringkat daerah/ negeri/negara.	68.5(137)	57.7(79)
7 Menyertai kempen-kempen penjagaan keselamatan.	66.5(133)	68.4(91)
8 Menyertai aktiviti kesenian yang dianjurkan di kawasan perumahan (menari, menyanyi, berteater).	55.0(110)	56.4(62)
9 Menyertai mesyuarat untuk kawasan perumahan.	46.5(93)	62.4(58)
10 Menyertai komuniti mengawal keselamatan kawasan perumahan pada waktu malam.	46.0(92)	60.9(56)
<i>Purata keseluruhan</i>	67.7%	67.9%

(N= 200)

Namun demikian, peratus kesejahteraan untuk kebanyakan aktiviti bersama rakan sebaya (purata keseluruhan 87.1%) dan keluarga adalah tinggi (purata keseluruhan 81.9%). Misalnya, meluangkan masa bersama rakan (89.4%), menyertai aktiviti sukan bersama rakan (89.4%), belajar secara berkumpulan (89.1%), makan bersama keluarga (92.6%) dan keluar bersiar-siar bersama keluarga (86.2%).

Secara keseluruhan, peratus purata kesejahteraan dari perspektif kanak-kanak untuk kluster penglibatan ialah 64.6 peratus. Peratusan tersebut boleh dianggap sebagai sederhana jika dibandingkan dengan peratus kesejahteraan kanak-kanak di negara lain. Bagi indikator 'pergi ke kolam renang' misalnya, dapatan kajian ini merekodkan peratus kesejahteraan sebanyak 64.3 peratus berbanding dapatan kajian Swords et al. (2012) yang mencatatkan 74 peratus. Bagi indikator 'mengikuti rombongan', dapatan kajian ini ialah 71.2 peratus manakala dapatan kajian Swords et al. (2012) ialah 96.2 peratus. Begitu juga dengan indikator 'bercuti bersama keluarga', peratus kesejahteraan yang direkodkan dalam kajian ini ialah 71.9 peratus manakala dalam kajian Swords et al.

(2012) ialah 87.8 peratus. 'Penglibatan dalam aktiviti kelab/persatuan' juga menunjukkan perbezaan peratusan di antara kajian ini (78.3%) dan kajian di Ireland (83.8%).

Perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Walaupun aspek penglibatan yang dinilai merupakan aspek subjektif, namun sebahagian daripada penglibatan kanak-kanak tersebut bukan sahaja melibatkan keizinan dan persetujuan ibu bapa, malahan melibatkan kewangan. Dalam konteks Malaysia, aktiviti seperti mengikuti rombongan dan pergi bercuti melibatkan kos kewangan yang mana ia menjadi kekangan utama keluarga responden kajian ini yang rata-rata berpendapatan rendah. Selain itu, melakukan aktiviti berenang di kolam renang juga melibatkan memerlukan kos yuran perkhidmatan memandangkan tidak banyak kolam renang awam percuma terutama di kawasan PPR. Maka, dalam situasi ini, kekangan kewangan sedikit sebanyak menghalang kanak-kanak untuk melakukan aktiviti lain.

5.5.2 Kesejahteraan moral dan spiritual

Kesejahteraan moral dan spiritual diukur berdasarkan perasaan, tanggapan dan pengalaman individu. Dalam kajian ini, elemen-elemen kesejahteraan subjektif dinilai di dalam ruang lingkup yang paling hampir dengan kehidupan kanak-kanak (sistem mikro) iaitu keluarga dan rakan sebaya. Selain itu, kesejahteraan subjektif juga dinilai dari segi pengalaman kanak-kanak dalam memperoleh/menyuarakan hak mereka dalam menjalani kehidupan seharian seperti yang telah Malaysia persetujui dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak (UNICEF, 2009).

Jadual 5.16 hingga 5.20 memaparkan taburan jawapan bagi setiap indikator dalam kluster kesejahteraan moral dan spiritual. Responden diminta untuk menentukan kekerapan pengalaman atau perasaan mereka untuk setiap indikator. Julat kekerapan terletak di antara 'tidak pernah' hingga 'sangat kerap' (lima pilihan jawapan). Peratus kesejahteraan subjektif untuk indikator positif ditentukan dengan menjumlahkan frekuensi bagi jawapan 'kerap' dan 'sangat kerap'. Bagi indikator negatif pula, peratus kesejahteraan ditentukan dengan menjumlahkan jawapan 'tidak pernah', 'sekali-sekala' dan 'kadang-kadang'.

Peratus kesejahteraan moral dan spiritual bagi kanak-kanak dalam kajian ini berada pada tahap yang baik (80%). Dapatan ini menggambarkan bahawa pengalaman dan perasaan positif lebih banyak daripada yang negatif dalam ruang lingkup keluarga dan rakan sebaya. Kenyataan tersebut dibuktikan dengan data kajian. Misalnya, 67 peratus responden mengakui bahawa mereka tidak pernah merasa dipinggirkan keluarga dan 85 peratus responden mengakui bahawa mereka tidak pernah membenci ibu bapa. Dapatan tersebut menjelaskan bahawa sebahagian besar responden kajian ini mempunyai pengalaman yang positif bersama keluarga dan mempunyai perasaan yang positif terhadap ahli keluarga.

Secara keseluruhan, peratus kesejahteraan moral dan spiritual untuk kanak-kanak dalam kajian ini ialah 80 peratus. Ini merupakan suatu pencapaian yang baik dan hampir setanding dengan pencapaian di negara-negara maju. Tahap kesejahteraan subjektif yang berkait dengan kepuasan hidup yang dicatatkan oleh Austria ialah 88.1 peratus dan Sweden ialah 87.8 peratus (UNICEF, 2007). Peratus kesejahteraan subjektif yang dicapai oleh kanak-kanak di negara maju dalam kajian UNICEF tahun 2013 juga sekitar 85 peratus peratus. Malah, laporan kesejahteraan kanak-kanak

Bradshaw (2009) dalam kajiannya di rantau Asia Pasifik turut menunjukkan bahawa kesejahteraan subjektif bagi kanak-kanak di Malaysia adalah lebih baik berbanding negara seperti Singapura dan New Zealand.

Jadual 5.16: Kesejahteraan Responden Dari Aspek Hubungan Dengan Anggota Keluarga

	Tidak pernah n(%)	Sekali-sekala n(%)	Kadang-kadang n(%)	Kerap n(%)	Sangat kerap n(%)
1 Rasa tidak dilayan seperti ahli keluarga.	123(61.5)	44(22.0)	25(12.5)	5(2.5)	2(1.0)
2 Tidak mempercayai ibu bapa.	156(78.0)	22(11.0)	13(6.5)	1(0.5)	6(3.0)
3 Tidak dipinggirkan oleh ibu bapa.	134(67.0)	25(12.5)	15(7.5)	7(3.5)	17(8.5)
4 Rasa seperti ditipu oleh keluarga.	156(78.0)	23(11.5)	17(8.5)	2(1.0)	1(0.5)
5 Rasa dihina oleh keluarga.	162(81.0)	22(11.0)	13(6.5)	0	1(0.5)
6 Benci kepada ibu bapa.	170(85.0)	17(8.5)	9(4.5)	2(1.0)	0
7 Benci kepada adik-beradik.	157(78.5)	28(14.0)	12(6.0)	1(0.5)	0
8 Rasa ibu bapa berat sebelah antara saya dengan adik-beradik yang lain.	127(63.5)	46(23.0)	20(10.0)	6(3.0)	0
9 Rasa ibu bapa adik sayang pada saya.	60(30.0)	37(18.5)	24(12.0)	20(10.0)	52(26.0)
10 Rasa sering dibuli oleh adik-beradik.	141(70.5)	36(18.0)	17(8.5)	4(2.0)	1(0.5)
11 Suka melihat kejayaan adik-beradik.	48(24.0)	24(12.0)	41(20.5)	57(28.5)	58(29.0)
12 Tidak suka menghabiskan masa dengan ibu bapa.	150(75.0)	27(13.5)	18(9.0)	1(0.5)	3(1.5)
13 Tidak suka menghabiskan masa dengan adik beradik.	137(68.5)	37(18.5)	18(9.0)	3(1.5)	4(2.0)

(N= 200)

Jadual 5.17: Kesejahteraan Responden Dari Aspek Pergaulan Dengan Rakan Sebaya

	Tidak pernah n(%)	Sekali-sekala n(%)	Kadang-kadang n(%)	Kerap n(%)	Sangat kerap n(%)
1 Rasa seperti ditipu oleh kawan.	67(33.5)	80(40.0)	36(18.0)	10(5.0)	6(3.0)
2 Selalu dihina oleh kawan.	104(52.0)	64(32.0)	21(10.5)	5(2.5)	49(2.0)
3 Rasa seperti disisihkan oleh kawan-kawan.	95(47.5)	71(35.5)	23(11.5)	5(2.5)	5(2.5)
4 Rasa dibuli kawan-kawan.	108(54.0)	63(31.5)	20(10.0)	4(2.0)	4(2.0)
5 Cemburu melihat kejayaan kawan.	96(48.0)	47(23.5)	40(20.0)	6(3.0)	9(4.5)
6 Lebih suka menghabiskan masa dengan kawan-kawan	46(23.0)	50(25.0)	44(22.0)	35(17.5)	24(12.0)

(N= 200)

Jadual 5.18: Kesejahteraan Spiritual Responden

		Tidak pernah n(%)	Sekali-sekala n(%)	Kadang-kadang n(%)	Kerap n(%)	Sangat kerap n(%)
1	Rasa hidup ini bermakna.	30(15.0)	16(8.0)	31(15.5)	43(21.5)	79(39.5)
2	Tidak rasa aman.	116(58.0)	51(25.5)	25(12.5)	4(2.0)	2(1.0)
3	Tidak mempercayai Tuhan.	169(84.5)	7(3.5)	7(3.5)	2(1.0)	14(7.0)
4	Menyalahkan takdir.	166(83.0)	15(7.5)	9(4.5)	2(1.0)	6(3.0)
5	Berdoa kepada Tuhan apabila berada dalam kesusahan.	18(9.0)	16(8.0)	15(7.5)	50(25.0)	100(50.0)

Jadual 5.19: Kesejahteraan Psikologi Responden

		Tidak pernah n(%)	Sekali-sekala n(%)	Kadang-kadang n(%)	Kerap n(%)	Sangat kerap n(%)
1	Suka hadir ke sekolah.	12(6.0)	10(5.0)	20(10.0)	57(28.5)	101(50.5)
2	Rasa sunyi.	77(38.5)	64(32.0)	40(20.0)	9(4.5)	10(5.0)
3	Rasa kurang keyakinan diri.	76(38.0)	62(31.0)	47(23.5)	8(4.0)	6(3.0)
4	Suka buli orang untuk menghilangkan tekanan.	136(68.0)	31(15.5)	23(11.5)	7(3.5)	3(1.5)
5	Rasa seperti tertekan dengan hidup.	108(54.0)	56(28.0)	23(11.5)	11(5.5)	2(1.0)
6	Rasa tidak mendapat kepuasan dalam hidup dari segi harta-benda.	118(59.0)	46(23.0)	26(13.0)	6(3.0)	4(2.0)
7	Rasa kehidupan dari segi harta benda memuaskn (walaupun kurang mampu/hidup sederhana).	76(38.0)	34(17.0)	40(20.0)	31(15.5)	19(9.5)
8	Lebih suka hidup berseorangan tanpa kawan-kawan.	112(56.0)	43(21.5)	26(13.0)	9(4.5)	10(5.0)

(N= 200)

Jadual 5.20: Kesejahteraan Responden Dalam Menikmati Hak Hidup Sebagai Seorang Kanak-kanak

		Tidak pernah n(%)	Sekali-sekala n(%)	Kadang-kadang n(%)	Kerap n(%)	Sangat kerap n(%)
1	Mempunyai hak dalam membuat keputusan.	43(21.5)	33(16.5)	54(27.0)	42(21.0)	28(14.0)
2	Merasakan diri tidak pandai.	81(40.5)	59(29.5)	46(23.0)	9(4.5)	5(2.5)
3	Rasa seperti orang tidak berguna.	105(52.5)	49(24.5)	33(16.5)	9(4.5)	2(1.0)
4	Rasa seperti disisihkan oleh guru.	113(56.5)	55(27.5)	22(11.0)	10(5.0)	0
5	Rasa diri lebih pandai dari kawan.	111(55.5)	51(25.5)	23(11.5)	10(5.0)	5(2.5)

(N= 200)

Berdasarkan Teori Keperluan Maslow, komponen kesejahteraan subjektif merupakan keperluan kedua penting selepas keperluan asasi kanak-kanak dapat dipenuhi. Secara keseluruhan, komponen kesejahteraan subjektif berada pada tahap yang agak tinggi (72.3%). Ini bermakna sebahagian besar keperluan perkembangan diri dan kesempurnaan diri berjaya dipenuhi atau mampu diberikan kepada mereka. Hal ini juga akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Tujuh.

5.6 Perbezaan Tahap Kesejahteraan Kanak-Kanak Bandar Dan Luar Bandar

Beberapa pengkaji yang menulis mengenai kemiskinan seperti Chamhuri (1988) dan Wan Nor Azriyanti et al., (2011) menyatakan terdapat perbezaan dari segi ciri kemiskinan bandar dan luar bandar. Kemiskinan bandar lazimnya berkisar mengenai isu keperluan perumahan dan pasaran kerja, berlaku disebabkan ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan, penggunaan yang tidak mencukupi, kegagalan memperoleh barang keperluan dan kemudahan, perumahan berkualiti rendah dan tempat tinggal yang terdedah kepada masalah seperti jenayah, kesihatan dan bencana alam, dan golongan tersebut biasanya kurang berpendidikan dan kurang berkemahiran dalam pasaran kerja serta berpendapatan rendah (Chamhuri, 1988; Wan Nor Azriyanti et al., 2011). Sebaliknya, kemiskinan luar bandar pula berkisar mengenai isu kekurangan kemudahan asas, berlaku akibat mobiliti tenaga kerja dari luar bandar ke bandar untuk mencari pendapatan yang lebih lumayan dan berpunca dari pekerjaan sara diri (Chamhuri, 1988).

Selain perbezaan ciri kemiskinan bandar dan luar bandar, pemilihan lokasi bandar dan luar bandar juga dilakukan setelah mengambil kira definisi kemiskinan relatif yang ditentukan oleh EPU (1999); iaitu keadaan di mana wujud ketidaksamaan pendapatan antara penghuni bandar dan luar bandar. Misalnya pada tahun 2010,

pendapatan purata bagi penduduk bandar ialah RM4,705 manakala pendapatan purata bagi penduduk luar bandar ialah RM2,545. Perbezaan lain ialah penduduk bandar yang berpendapatan di bawah RM1000 ialah sejumlah 3.7 peratus manakala penduduk luar bandar pula adalah sejumlah 15.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Perbezaan tangga pendapatan antara bandar dan luar bandar lebih ketara bagi penduduk yang berpendapatan RM5000 ke atas iaitu 30.6 peratus bagi penduduk bandar dan 10.3 peratus bagi penduduk luar bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Hujah-hujah mengenai ketidaksamaan faktor kemiskinan antara bandar dan luar bandar mendorong pengkaji untuk membina hipotesis nul berikut: "Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak antara sampel bandar dan luar bandar".

Maka, ujian t sampel bebas dilakukan untuk menguji hipotesis di atas. Keputusan ujian statistik menunjukkan tahap kesejahteraan hidup di antara kanak-kanak bandar dan luar bandar berbeza secara signifikan ($t=2.47$, $k>0.05$) (Jadual 5.21).

Jadual 5.21: Perbezaan Kesejahteraan Kanak-kanak Berdasarkan Lokasi

Kesejahteraan kanak-kanak	n	Min.	Sp.	df	Nilai t	Aras keertian (k)
				175	2.47	0.01
Bandar	89	86.36	14.40			
Luar bandar	88	79.00	24.13			

Tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak bandar (min.=86.36) adalah lebih baik berbanding dengan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak yang tinggal di luar bandar (min.=79.00). Perbandingan kluster kesejahteraan, misalnya material, kesihatan dan pendidikan turut menunjukkan bahawa kanak-kanak di bandar lebih sejahtera daripada kanak-kanak luar bandar. Kesimpulannya, hipotesis nul tersebut berjaya ditolak.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa faktor pembangunan dan kemajuan berupaya membezakan ciri kemiskinan sesuatu kawasan. Dalam konteks kajian ini, keadaan hidup di bandar dan luar bandar mempengaruhi cara keperluan kanak-kanak dipenuhi dan seterusnya memberi kesan kepada pengalaman mereka untuk merasai kesejahteraan.

Kesukaran ekonomi, kadar pengangguran yang tinggi, ketidaksamaan pendapatan adalah antara kesan daripada pembangunan dan krisis ekonomi global. Keadaan ini telah mewujudkan satu dimensi masalah baru dalam negara iaitu kemiskinan bandar (Thai, 2009). Golongan yang terancam akibat keadaan tersebut ialah seperti pekerja tidak mahir, keluarga induk tunggal dan penganggur (Thai, 2009). Secara tidak langsung, ia memberi kesan kepada kehidupan kanak-kanak yang berada dalam keluarga tersebut. Ini kerana taraf pendidikan, bilangan anak di dalam sesebuah isirumah dan pekerjaan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kemiskinan bagi keluarga yang tinggal di bandar (Thai, 2009). Oleh yang demikian, kos sara hidup yang tinggi di bandar boleh menjadi halangan kepada kanak-kanak untuk memperoleh keperluan hidup kanak-kanak dan seterusnya mengancam kesejahteraan hidup mereka. Selain itu, kepadatan penduduk yang tinggi di bandar turut meningkatkan persaingan kanak-kanak untuk memperoleh keperluan berbanding dengan kanak-kanak yang tinggal di luar bandar.

Namun begitu, kelebihan kanak-kanak yang tinggal di bandar ialah mereka lebih hampir dengan pelbagai kemudahan dan pusat pentadbiran yang sedikit sebanyak membantu mereka untuk memperoleh keperluan hidup (Narimah, Yasin, Fatimah, Suriati dan Morsidi, 2012; Thai; 2009). Hasil kajian ini jelas menunjukkan aspek


kesejahteraan objektif iaitu material, pendidikan, kesihatan dan akses kepada perkhidmatan sosial bagi kanak-kanak di bandar adalah lebih baik daripada kanak-kanak di luar bandar. Ini dikukuhkan dengan kajian Narimah et al. (2012) yang mendapati kanak-kanak yang tinggal di luar bandar lebih sukar untuk mendapatkan keperluan dan kemudahan, misalnya makanan yang berkhasiat dengan harga yang murah berbanding kanak-kanak yang tinggal di bandar.

5.7 Kesimpulan

Kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini mengambil kira aspek objektif (*tangible*) dan subjektif (*intangible*) yang melingkari dan mempengaruhi keadaan hidup seharian kanak-kanak. Dalam menentukan kesejahteraan, aspek keperluan telah ditentukan terlebih dahulu berasaskan Hierarki Keperluan Maslow. Mengikut hierarki tersebut, manusia harus memenuhi keperluan asasi (keperluan objektif) sebelum memenuhi keperluan pada tingkat yang lebih tinggi (keperluan subjektif). Selain itu, keperluan yang mencukupi atau telah dipenuhi dapat meningkatkan tahap kesejahteraan. Sebaliknya, keperluan yang tidak dapat dipenuhi boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Grafik dalam Rajah 5.2 menunjukkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak bagi enam kluster yang dinilai dalam kajian ini iaitu material, pendidikan, kesihatan, akses terhadap perkhidmatan sosial, penglibatan, dan moral dan spiritual. Berdasarkan kepada Rajah 5.2 tersebut, terdapat tiga dapatan penting kajian ini yang berhubung dengan kesejahteraan kanak-kanak yang pengkaji ingin ketengahkan. Pertama, tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara ini adalah tinggi. Kedua, perbandingan komponen pula menunjukkan kesejahteraan objektif adalah lebih baik dari

kesejahteraan subjektif. Ketiga, walaupun tahap kesejahteraan objektif adalah tinggi, tahap kesejahteraan terhadap bantuan pendidikan; khususnya kelas tuisyen adalah jauh lebih rendah berbanding dengan keperluan terhadap perkara tersebut. Selain itu, tahap kesejahteraan terhadap aksesibiliti perkhidmatan sosial berada pada tahap sederhana. Selain itu, tahap penglibatan kanak-kanak terhadap aktiviti secara sendirian, bersama keluarga atau rakan, di sekolah atau dalam komuniti mempunyai beberapa variasi, bergantung jenis aktiviti.



Rajah 5.2: Tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak

Semua perkara tersebut akan menjadi sebahagian daripada fokus perbincangan dalam Bab Tujuh. Setiap perkara berkenaan akan diperhalusi dan dibincangkan secara terperinci dengan meneliti kaitannya dengan dasar dalam negara yang sedang berlangsung dan memberi contoh-contoh dasar/perkhidmatan/program luar negara yang telah berjaya dilaksanakan dan mencadangkan tindakan susulan bagi menambahbaik keperluan hidup kanak-kanak bagi menjamin kesejahteraan hidup kanak-kanak.

BAB 6: DAPATAN KAJIAN 2
PENGARUH FAKTOR EKOLOGI KELUARGA KE ATAS
KESEJAHTERAAN HIDUP KANAK-KANAK

6.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji membentangkan dapatan bagi objektif kedua kajian ini; iaitu untuk menentukan pengaruh faktor ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak. Lima pembolehubah faktor ekologi keluarga yang dikaji dalam kajian ini ialah sosioekonomi keluarga, saiz keluarga, struktur keluarga, kualiti perhubungan suami isteri dan kualiti perhubungan ibu/bapa-anak. Bab ini membincangkan penemuan kajian dengan mengait dan membandingkannya dengan dapatan kajian-kajian terdahulu. Perbincangan dapatan kajian juga dikaitkan dengan kerangka teoritikal kajian. Oleh kerana objektif kajian yang kedua ini melibatkan analisis inferensi, maka maklumat dipaparkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan hasil ujian statistik.

Bagi memudahkan pembacaan, perbincangan dalam bab ini disusun kepada lima subtopik berikut:

- (i) Hubungan antara status sosioekonomi (pendapatan dan taraf pendidikan) ibu bapa dan kesejahteraan kanak-kanak,
- (ii) Hubungan antara saiz keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak,
- (iii) Hubungan antara struktur keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak,
- (iv) Hubungan antara kualiti perhubungan perkahwinan ibu bapa dan kesejahteraan kanak-kanak,
- (v) Hubungan antara kualiti perhubungan ibu bapa-anak dan kesejahteraan kanak-kanak; dan,

6.2 Status Sosioekonomi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak

Kemiskinan merupakan toksik sosial yang mampu memberi kesan negatif kepada kehidupan anak. Beberapa kajian lain (spt. Dishion, 2010; McMunn et al., 2001; Vanderwater & Lansford, 1998) mendapati kemiskinan menyebabkan keluarga; terutamanya ibu bapa gagal atau tidak berkemampuan untuk menyediakan keperluan hidup yang secukupnya kepada anak-anak. Kekurangan keperluan hidup merupakan ancaman utama kepada tumbesaran fizikal dan mental anak.

Selain itu, kemiskinan juga boleh mendorong kepada kehadiran serangkaian faktor risiko lain (spt. kualiti kediaman dan kejiranan di mana anak-anak membesar, kedudukan kelas sosial keluarga, tahap pencapaian pendidikan ibu bapa, amalan keibubapaan) yang mempunyai kesan kritikal kepada kesejahteraan anak (Ben-Arieh, 2010). Pengkaji mengambil kualiti kediaman sebagai contoh. Kebanyakan keluarga miskin hanya mampu mendiami kediaman dan kawasan kejiranan yang dicirikan oleh keadaan-keadaan fizikal dan sosial berikut – kotor, sesak, miskin, ketiadaan prasarana fizikal yang sempurna, mutu rumah yang daif, keadaan kejiranan yang tidak harmoni dan komuniti kejiranan yang “menyokong” perlakuan antisosial (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Keadaan-keadaan tersebut tidak kondusif untuk pembesaran kanak-kanak kerana keadaan-keadaan tersebut meletakkan kehidupan kanak-kanak dalam risiko bahaya kepada pengaruh anasir negatif yang berpotensi tinggi untuk mempengaruhi pembentukan tingkah laku dan perwatakan mereka. Sebilangan besar kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran kediaman sebegini besar-membangun menjadi seorang delinkuen (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009).

Malah, ada kajian yang mendapati ketidakcukupan ekonomi boleh mendorong kepada serentetan masalah sosial kanak-kanak; seperti kehamilan luar nikah (Smith & Elander, 2006). Dalam konteks kajian Smith dan Elander (2006) terhadap kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja, ketidakcukupan ekonomi mempengaruhi tiga perkara. Perkara pertama ialah tahap pengetahuan dan kepekaan yang rendah mengenai seks. Perkara kedua ialah aspirasi pendidikan yang rendah iaitu kerap tidak hadir sekolah dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah. Perkara ketiga ialah sikap dan kepercayaan terhadap seks yang lebih terbuka dan longgar. Dalam situasi diri yang belum cukup matang, ditambah dengan pengaruh negatif kawan, kanak-kanak mudah untuk terjebak dengan pelbagai salahlaku dan aktiviti jenayah seperti penagihan alkohol, penagihan dadah, melakukan hubungan seks dan mencuri.

Status sosioekonomi keluarga dalam kajian ini menggunakan dua indikator. Indikator tersebut ialah pendapatan bulanan keluarga iaitu indikator yang bersifat objektif, serta taraf pendidikan ibubapa yang merupakan indikator subjektif.

6.2.1 Tahap pendapatan keluarga

Bagi pendapatan keluarga, kajian ini memegang kepada hipotesis ini – “tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak.” Data kajian menunjukkan lebih separuh daripada keluarga dalam kajian ini berpendapatan RM2500 ke bawah (Jadual 6.1). Semua responden kajian ini mendiami kawasan Perumahan Rakyat yang menjadikan tahap pendapatan keluarga sebagai syarat utama kelayakan pemilikan rumah ini; iaitu hanya keluarga yang berpendapatan tidak melebihi RM2500/sebulan layak membeli kediaman ini.

Namun begitu, julat jumlah pendapatan bulanan keluarga adalah di antara RM500 hingga RM9900. Variasi tersebut wujud disebabkan adanya pelbagai jenis struktur keluarga dalam sampel kajian ini. Misalnya, bagi keluarga induk tunggal, jumlah pendapatan adalah rendah secara relatif memandangkan sumber pendapatan hanya dari satu punca. Bagi keluarga yang anak-anak sudah bekerja namun masih tinggal serumah, jumlah pendapatan keluarga adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, purata pendapatan bulanan keluarga bagi sampel kajian ini ialah RM2431.02 (Sp. 1756.83).

Jadual 6.1: Taburan Jumlah Pendapatan Bulanan Keluarga Responden

Jumlah pendapatan bulanan keluarga	Bilangan (keluarga)	Peratusan (%)
Min.=RM2431.02, Sp. 1756.83		
RM500-2500	119	59.5
RM2501-5000	50	25
RM5000 ke atas	18	9
Tidak menjawab	13	6.5
Jumlah	200	100

Ujian normaliti (*test of normality*) dilakukan bagi mengenalpasti keadaan taburan data pendapatan bulanan keluarga. Oleh kerana data pendapatan keluarga bersifat selanjur, ujian normaliti boleh dilakukan. Ini kerana keadaan taburan data sama ada normal atau tidak normal menentukan jenis ujian statistik yang perlu dipilih untuk analisis inferensi bagi menentukan perkaitan antara pendapatan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Hasilnya, ujian ini mendapati nilai kecenderungan (*skewness*) ialah 1.43 (nilai *skewness* terletak di antara -2 dan +2) yang menandakan bahawa data masih bertabur secara normal walaupun terdapat 5 responden yang berada dalam kedudukan terasing (*outlier*) yang mana pendapatan mereka berada di antara RM7000 hingga 9900. Selain itu, nilai kelengkungan (*kurtosis*) pula ialah 2.49 (nilai *kurtosis* lebih daripada 2)

menandakan jarak taburan yang jauh. Hal tersebut disebabkan oleh pendapatan 5 responden yang disebutkan tadi. Hasil ujian normaliti menunjukkan data untuk pembolehubah jumlah pendapatan keluarga bertabur secara normal. Oleh yang demikian, pengkaji telah menggunakan ujian statistik korelasi Pearson untuk menentukan perkaitan jumlah pendapatan keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak.

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji kesignifikan hubungan antara jumlah pendapatan keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak yang mana maklumatnya diringkaskan dalam Jadual 6.2. Korelasi tersebut menunjukkan bahawa jumlah pendapatan keluarga tidak berkait secara signifikan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak ($r=.09$, $k>.05$); iaitu tahap pendapatan keluarga tidak mempunyai hubungan yang jelas dengan keadaan kesejahteraan hidup anak. Dengan kata lain, tahap kesejahteraan responden kajian ini tidak bergantung kepada tinggi atau rendah jumlah pendapatan bulanan keluarga responden. Kesimpulannya, hipotesis nul yang pertama gagal ditolak.

Jadual 6.2: Perkaitan Pendapatan Keluarga Dengan Kesejahteraan Kanak-kanak

	Pembolehubah	Min.	Sp.	r	k
				=.09	=.21
1	Jumlah pendapatan keluarga	2431.02	1756.83		
2	Tahap kesejahteraan kanak-kanak	82.70	20.13		

Lebih 70 peratus keluarga responden dalam kajian ini berada dalam kelompok pendapatan yang hampir sama. Malah, mereka boleh dikatakan berada dalam kelompok bertaraf sosioekonomi rendah. Walaupun tergolong dalam keluarga berpendapatan rendah, peratus kanak-kanak yang sejahtera dari aspek material ialah tinggi (83%). Kanak-kanak dalam kajian ini seperti memahami kemampuan kewangan ibu bapa mereka dan sedar tentang *standard* kehidupan mereka. Tafsiran ini digambarkan

dengan maklumbalas yang mereka berikan mengenai keperluan hidup mereka. Misalnya, 99 peratus responden kanak-kanak memerlukan wang saku, 95 peratus memerlukan keperluan persekolahan seperti buku dan pakaian seragam dan 94 peratus memerlukan keperluan untuk tidur iaitu bantal dan selimut. Manakala, hanya 48.5 peratus kanak-kanak dalam kajian ini memerlukan alat permainan komputer dan 58 peratus sahaja yang merasakan majlis hari jadi merupakan suatu keperluan dalam hidup mereka.

Hasil temubual yang dilakukan ke atas ibu mengukuhkan fakta bahawa anak-anak memahami kemampuan kewangan keluarga dan sedar mengenai *standard* kehidupan mereka. Ibu-ibu yang ditemubual mengatakan bahawa mereka sering menerangkan kepada anak-anak mengenai keadaan hidup mereka sekeluarga yang tidak mewah, serta sering mengingatkan anak-anak untuk membezakan antara keperluan dan bukan keperluan. Berikut menunjukkan petikan *verbatim* responden berhubung jawapan kepada soalan ‘bagaimana puan menerangkan mengenai keadaan hidup keluarga puan kepada anak?’:

Aminah: *“saya selalu beritahu anak-anak yang kita ni bukan orang senang... jika barang yang diminta adalah keperluan sekolah, saya akan belikan, jika masa tu takde duit, saya akan beritahu anak, bila ayah gaji nanti boleh beli”*

Aminah (37 tahun)/22 Ogos 2014/2 petang

Bedah: *“hidup saya sekeluarga sederhana saja, asal cukup makan dan pakai, lagipun suami sorang yang bekerja. Jika ada lebihan (wang), baru bawa anak-anak keluar, itu pun kat Mid Valley aje (mahu menunjukkan destinasi yang paling hampir dengan rumahnya), anak-anak pun faham”*

Bedah(45 tahun)/22 Ogos 2014/5 petang

Chah: *“jika tak cukup wang, saya usahakan mana-mana untuk pinjam (wang) untuk belikan barang keperluan anak”.*

Chah(43 tahun)/23 Ogos 2014/11 pagi

Dora: *“suami sorang yang kerja, kena pandai berbelanja. Saya beritahu anak-*

anak agar berbelanja untuk perkara yang perlu saja”

Dora(39 tahun)/23 Ogos 2014/3 petang

Endah: *“pendapatan suami cukuplah untung tampung kami sekeluarga, lagipun anak saya sorang saja”*

Endah(42 tahun)/24 Ogos 2014/12 tengahari

Kajian ini juga mendapati yang kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini tidak terjejas kerana perkara yang menjadi keperluan dalam hidup mereka telah dipenuhi. Cara keperluan tersebut dipenuhi pula tidak berkait dengan situasi ekonomi keluarga mereka. Berdasarkan temubual ke atas para ibu, mereka berusaha sedaya-upaya untuk memenuhi keperluan anak.

Selain itu, kebanyakan keperluan objektif kanak-kanak miskin (spt, kewangan, keperluan persekolahan dan bantuan makanan percuma) telah dipenuhi menerusi skim-skim bantuan sosial awam. Misalnya, Bantuan Kanak-kanak (BKK) merupakan bantuan kewangan untuk keluarga miskin yang bertujuan membantu kanak-kanak miskin dan berkeperluan supaya mereka dapat terus tinggal bersama keluarga masing-masing dan menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang sewajarnya. Program Susu Sekolah (PSS) pula merupakan perkhidmatan pemberian susu kotak percuma untuk kanak-kanak sekolah dari keluarga miskin atau bertaraf sosioekonomi rendah bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan kanak-kanak sekolah agar pertumbuhan fizikal dan kesihatan mental bertambah baik. Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pula adalah program pemberian makanan percuma di sekolah yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak sekolah agar mereka boleh menumpukan perhatian kepada aktiviti pembelajaran di sekolah.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan beberapa dapatan kajian terdahulu yang mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan

kesejahteraan kanak-kanak. Dishion (1990) misalnya yang mengkaji 206 keluarga melalui temubual dan pemerhatian di rumah dan penilaian di sekolah mendapati keadaan kehidupan kanak-kanak yang tidak sejahtera mempunyai kaitan rapat dengan tahap pendapatan keluarga yang berpendapatan rendah. Kanak-kanak yang datang dari keluarga bertaraf sosioekonomi rendah mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan bermasalah tingkahlaku. Keadaan tersebut boleh berlaku kerana pendapatan yang rendah misalnya berisiko untuk keluarga memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak, kesannya keciciran akademik boleh berlaku. Apabila tidak bersekolah, kanak-kanak mengisi masa lapang dengan pelbagai aktiviti termasuk aktiviti yang tidak berfaedah yang akhirnya terlibat dengan tingkahlaku antisosial.

Malah, Stansfeld, Head, Bartley dan Fonagy (2008) juga mendapati adanya hubungkait antara pendapatan keluarga yang rendah dengan tahap kesejahteraan hidup yang rendah dalam kalangan kanak-kanak. Kajian mereka ke atas keluarga yang mengalami tekanan ekonomi mendapati responden kajian turut mengalami diet yang tidak mencukupi, keadaan rumah yang kurang memuaskan dan tinggal di kawasan perumahan yang sesak, tercemar dan tinggi kadar jenayahnya. Kesan tekanan ekonomi tersebut pula mendorong ibu bapa menjadi tidak konsisten dalam caragaya keibubapaan mereka sehingga anak mengalami deprivasi material dan emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup mereka.

Selain itu, Bartlett dan Minujin (2009) dalam penulisan mereka telah membuat rumusan yang sama. Mereka membuat tafsiran tersebut berdasarkan penelitian mereka terhadap pembentangan-pembentangan dalam persidangan UNICEF 2008 berhubung isu kemiskinan, kanak-kanak dan dasar sosial. Pendapatan yang rendah boleh menyebabkan keluarga hidup dalam kemiskinan, akses kepada sumber air yang kurang

bersih, keadaan kesihatan yang kurang terjamin dan ketidakcukupan material. Keadaan hidup tersebut berupaya menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Namun begitu, responden kajian ini tidak berada dalam keadaan ekologi yang daif dan tidak mengalami defisit keperluan yang serius, seperti kanak-kanak miskin di negara Barat yang digambarkan dalam kajian-kajian terdahulu (i.e., Stansfeld et al., 2008; Vanderwater & Lansford, 1998). Semua responden kajian ini tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat, iaitu sebuah kawasan perumahan yang terancang oleh pihak kerajaan. Sejumlah 82.4 peratus responden pula telah dipenuhi keperluan diet seimbang. Semua kanak-kanak dalam kajian ini juga mendapat akses kepada kemudahan asas seperti air bersih dan bekalan elektrik. Kesejahteraan dari aspek material juga adalah tinggi iaitu 83 peratus. Keadaan-keadaan ini cukup untuk menjelaskan bahawa pendapatan keluarga yang rendah tidak semestinya menjejaskan tahap kesejahteraan kanak-kanak dalam kajian ini.

6.2.2 Taraf pendidikan ibu bapa

Hipotesis kedua kajian ini adalah “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara taraf pendidikan ibu/bapa dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak”. Taraf pendidikan bagi majoriti penjaga (ibu/bapa) dalam kajian ini ialah tamat sekolah menengah, iaitu sejumlah 76.5 peratus (Jadual 6.3). Jumlah kedua terbanyak pula ialah tamat sekolah rendah, iaitu 11.5 peratus. Dengan taraf pendidikan yang rendah, maka sebahagian mereka menceburi bidang pekerjaan kurang berkemahiran lalu mendapat pendapatan yang rendah. Taraf pendidikan yang dimiliki oleh responden penjaga bersesuaian dengan tingkat pendapatan yang mereka terima.

Jadual 6.3: Taraf Pendidikan Penjaga

Taraf pendidikan ibu/bapa	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Tidak bersekolah	5	2.5
Sekolah rendah	23	11.5
Sekolah menengah	153	76.5
Kolej/universiti	13	6.5
Tidak menjawab	6	3.0
Jumlah	200	100

Analisis ANOVA Sehal digunakan untuk menguji perbezaan tahap kesejahteraan kanak-kanak mengikut taraf pendidikan ibu/bapa. Taraf pendidikan ibu/bapa dalam analisis ini dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu; tidak bersekolah, bersekolah rendah, bersekolah menengah dan universiti. Hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan dari segi tahap kesejahteraan kanak-kanak mengikut taraf pendidikan ibu bapa mereka ($F[3,167]=.35, k>.05$) (Jadual 6.4). Ini menunjukkan bahawa bagi sampel dalam kajian ini, tahap kesejahteraan kanak-kanak, sama ada baik atau tidak, tidak tertakluk kepada taraf pendidikan yang dicapai oleh ibu/bapa. Kesimpulannya, hipotesis nul yang kedua gagal ditolak.

Jadual 6.4: ANOVA Sehal Perbezaan Kesejahteraan Kanak-kanak Berdasarkan Taraf Pendidikan

Sumber varian	Darjah kebebasan (df)	Jumlah kuasa dua (SS)	Min kuasa dua (MS)	F	Aras keertian (k)
Antara kump	3	421.18	140.39	.35	.79
Dalam kump	167	67446.37	403.87		
Jumlah	170	67867.55			

Dari segi taraf pendidikan ibu/bapa, lebih 75 peratus ibu/bapa responden kajian ini berpendidikan rendah; iaitu rata-ratanya belajar hanya setakat sekolah menengah sahaja. Namun, peratus kesejahteraan anak dalam aspek pendidikan ialah 83.1 peratus (Supra, Bab 5: halaman 182-188 dalam Jadual 5.8) manakala kesejahteraan anak dalam aspek kesihatan ialah 82.4% (Supra, Bab 5: halaman 189-195 dalam Jadual 5.9). Hasil

temubual ke atas ibu-ibu responden menunjukkan yang walaupun kebanyakan mereka berpendidikan rendah, mereka mempunyai aspirasi pendidikan yang tinggi terhadap anak-anak mereka. Mereka sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan pendidikan anak seperti menyediakan keperluan sekolah dan menghantar anak ke kelas tambahan di samping sentiasa memberi galakan kepada anak untuk berjaya dalam pelajaran. Mereka juga mengharapkan agar anak-anak mereka mempunyai masa depan yang lebih cerah dan mempunyai kehidupan yang lebih baik. Berikut adalah petikan *verbatim* berhubung soalan mengenai aspirasi pendidikan:

Aminah: *“Saya utamakan pendidikan anak-anak ... biar mereka berjaya dalam hidup”*

Aminah (37 tahun)/22 Ogos 2014/2 petang

Bedah: *“Saya memang harap anak-anak saya berjaya. Akak selalu cakap dengan diaorang...takkan dah besar nanti nak duduk dan tinggal kat tempat macam ni juga”.*

Bedah(45 tahun)/22 Ogos 2014/5 petang

Chah: *“Ilmu tu memang penting”*

Chah(43 tahun)/23 Ogos 2014/11 pagi

Dora: *“Saya tak paksa anak-anak untuk belajar...biar mereka fikir sendiri”*

Dora(39 tahun)/23 Ogos 2014/3 petang

Endah: *“Saya dah sediakan banyak keperluan dan kemudahan belajar, terpulang pada dia...saya dah jalankan tanggungjawab untuk beri dia pendidikan”*

Endah(42 tahun)/24 Ogos2014/12 tengahari

Dapatan ini menunjukkan bahawa tinggi atau rendahnya taraf pendidikan ibu/bapa tidak dapat menentukan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Dalam konteks Malaysia, kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam memastikan semua kanak-kanak dapat hidup dengan sejahtera. Kanak-kanak diberi peluang pendidikan asas selama sembilan tahun tanpa mengira tahap kemampuan sosioekonomi keluarga. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999). Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan program bagi memenuhi keperluan asas kanak-kanak seperti material, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan sosial untuk memastikan kanak-kanak hidup

dengan sejahtera. Dari segi pengukuran objektif, kanak-kanak yang datang dari keluarga yang ibu/bapa bertaraf pendidikan rendah lazimnya mempunyai kemampuan ekonomi yang rendah kerana ibu/bapa mereka hanya menjadi pekerja separuh mahir atau buruh kasar. Namun, inisiatif kerajaan kepada kanak-kanak seperti program penjagaan kesihatan di klinik kerajaan, memberikan pendidikan percuma di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, skim buku teks percuma, program wang bantuan persekolahan, Rancangan Makanan Tambahan telah membantu meringankan beban ekonomi keluarga untuk memenuhi keperluan objektif kanak-kanak. Oleh itu, taraf pendidikan ibu/bapa tidak dapat menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak bagi sampel dalam kajian ini.

Dapatan ini juga bertentangan dengan beberapa dapatan kajian terdahulu; terutamanya di negara barat. Keluarga yang berada dalam kelas sosioekonomi rendah dikaitkan dengan taraf pendidikan yang rendah (Bartlett & Minujin, 2009; Heinrich, 2014; Stansfeld et al., 2008). Pencapaian pendidikan ibu bapa yang rendah memberi kesan kepada amalan keibubapaan dan seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan anak (Ben-Arieh, 2010). Taraf pendidikan ibu bapa yang rendah dikaitkan dengan aspirasi hidup yang rendah dan kurang askes terhadap peluang pendidikan. Keadaan tersebut sedikit sebanyak menjadi faktor risiko untuk menafikan keperluan hidup kanak-kanak yang akhirnya boleh menjejaskan kesejahteraan hidup mereka (Heinrich, 2014). Taraf pendidikan yang rendah juga membuatkan ibu bapa kurang sensitif terhadap keperluan perkembangan anak dan kurang kompeten dan berkesan dalam menjalankan tugas keibubapaan, kesannya kesejahteraan anak boleh terjejas (Guttman et al., 2010).

Secara keseluruhannya, faktor sosioekonomi keluarga dalam kajian ini tidak berkait secara signifikan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Data-data kajian

yang telah dipaparkan dalam bahagian ini sudah memadai untuk menjelaskan hubungan tersebut. Dengan kata lain, tinggi atau rendah tahap kesejahteraan kanak-kanak bagi responden kajian ini tiada kaitan yang jelas dengan faktor sosioekonomi keluarga.

6.3 Saiz Keluarga Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak

Saiz keluarga merupakan faktor ekologi keluarga yang penting dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dalam kajian Rak dan Patterson (1996) misalnya, mereka mendapati yang saiz keluarga yang besar; iaitu mempunyai anak ramai menjejaskan kesejahteraan hidup anak, boleh meningkatkan persaingan untuk mendapat keperluan hidup, dan meningkatkan risiko di mana keperluan anak yang tidak dapat dipenuhi menjejaskan tahap kesejahteraan hidup anak.

Malah, dalam kajian yang lebih terkini seperti Ezzo dan Young (2012) dan Mackenzie et al. (2011) juga memperoleh penemuan yang sama. Mackenzie et al. (2011) mendapati kanak-kanak yang datang dari keluarga yang mempunyai lebih dari tiga orang anak lebih berisiko daripada kanak-kanak yang datang dari keluarga yang mempunyai kurang tiga orang anak untuk mengalami pengabaian atau penderaan. Pengabaian dan penderaan yang mereka alami pula boleh menjejaskan kesejahteraan hidup. Buktinya, Ezzo dan Young (2012) yang mengkaji kanak-kanak yang diabaikan dan kurang diberi perhatian oleh ibu bapa, mendapati mereka hidup tertekan, sukar membina hubungan baik dan terlibat dengan aktiviti antisosial seperti merokok dan mengambil dadah.

Dapatan kajian-kajian terdahulu telah mendorong pengkaji untuk membina hipotesis nul berikut:- “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara saiz keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak”.

Saiz keluarga dalam kajian ini merujuk kepada bilangan ahli keluarga nuklear yang tinggal serumah dengan responden yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak. Saiz keluarga bagi responden kajian ini berada dalam julat di antara 2 hingga 9 (Jadual 6.5). Namun begitu, purata saiz keluarga pula ialah 5.56 (Sp. 1.79). Dengan kata lain, sejumlah besar responden kajian mempunyai bilangan ahli keluarga di antara 5 hingga 6 orang.

Jadual 6.5: Taburan Saiz Keluarga Responden

Saiz keluarga	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
Min.=5.56, Sp. 1.79		
2	3	1.5
3	12	6.0
4	35	17.5
5	40	20.0
6	40	20.0
7	40	20.0
8	15	7.5
9	6	3.0
10	2	10.0
Tidak menjawab	7	3.5
Jumlah	200	100

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji signifikansi hubungan antara saiz keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak yang mana maklumatnya diringkaskan dalam Jadual 6.6. Korelasi tersebut menunjukkan bahawa saiz keluarga tidak berkait secara signifikan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak ($r=-.10$, $k>.05$). Dengan kata lain, tahap kesejahteraan hidup responden kajian ini tidak bergantung kepada jumlah ahli dalam keluarga mereka. Kesimpulannya, hipotesis nul yang ketiga gagal ditolak.

Jadual 6.6: Korelasi Saiz Keluarga Dan Tahap Kesejahteraan Kanak-kanak

Pembolehubah		Min.	Sp.	r	k
1	Saiz keluarga	5.56	1.79	-.10	.21
2	Tahap kesejahteraan kanak-kanak	82.70	20.13		

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa saiz keluarga yang besar yang dikaitkan dengan bilangan anak yang ramai tidak menghadkan keperluan setiap anak dan tidak menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Tidak dinafikan, saiz keluarga memberi implikasi kepada kesejahteraan kanak-kanak. Namun begitu, situasi dalam kajian ini agak berbeza. Kanak-kanak dari keluarga miskin biasanya memperoleh sekurang-kurangnya satu bantuan sosial awam dalam pelbagai bentuk sama ada kewangan atau material. Misalnya, sejumlah 27 peratus responden dalam kajian ini memperoleh bantuan kewangan, 54.7 peratus memperoleh makanan percuma di sekolah melalui RMT, 53.2 peratus memperoleh bantuan susu melalui PSS dan 37.2 peratus memperoleh bantuan komputer riba.

Tambahan pula, persaingan untuk mendapatkan bantuan tidak berlaku di negara ini memandangkan kebanyakan bantuan diberi secara perseorangan iaitu setiap anak mempunyai peruntukan bantuan yang tersendiri. Misalnya, peruntukan Bantuan Kanak-kanak ialah RM100 sebulan untuk setiap anak, namun had maksimum BKK ialah RM450 untuk setiap keluarga. Selain itu Program Susu Sekolah juga memperuntukkan susu percuma untuk setiap kanak-kanak. Begitu juga dengan Skim Buku Teks dan Wang Bantuan Persekolahan, diberikan kepada setiap murid tanpa mengambilkira datang dari keluarga yang sama. Dasar Kependudukan Negara juga tidak pernah menghadkan bilangan kelahiran bagi setiap keluarga. Malah, menggalakkan kelahiran bagi mencapai jumlah 70 juta penduduk menjelang tahun 2100 bagi menyediakan penduduk/rakyat yang bersedia untuk bersaing dalam perkembangan industri dan mampu menghasilkan barang keluaran tempatan (LPPKN, 2015). Oleh yang demikian,

bilangan anak yang ramai tidak menghadkan peluang kanak-kanak dari keluarga miskin untuk mendapatkan bantuan. Dengan demikian tahap kesejahteraan mereka tidak terjejas.

Perkaitan antara saiz keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak tidak signifikan dalam kajian ini juga disebabkan oleh faktor nilai yang dipegang oleh masyarakat di Malaysia. Saiz keluarga dikaitkan dengan bilangan anak. Masyarakat di Malaysia masih lagi menganggap kehadiran anak sebagai suatu yang bernilai dalam kehidupan berkeluarga walaupun membesarkan anak merupakan pengalaman yang mencabar (Arnold, Bulatao, Buripakdi, Chung, Fawcett, Iritani, Lee & Wu, 1975). Malah, masyarakat di Malaysia dan beberapa negara lain di Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia tidak menganggap anak sebagai suatu beban (Arnold et al., 1975). Keunikan masyarakat di Asia Tenggara ialah mereka mengambilkira aspek keagamaan dalam perhubungan keluarga dan tanggungjawab menjaga anak (Keats, 2000). Masyarakat di Asia Tenggara termasuk Malaysia masih memegang kuat kepada kepercayaan agama dalam tugas membesarkan anak. Kepercayaan tersebut pula tidak terbatas kepada agama Islam sahaja, malah beberapa agama lain seperti Buddha dan Hindu.

Malah, anak merupakan kurniaan Tuhan yang tidak ternilai dalam kehidupan masyarakat Islam (Yaacob, 1998). Masyarakat Islam percaya bahawa kehadiran anak merupakan suatu amanah dan rezeki. Beberapa dalil dalam al-Quran jelas menunjukkan bahawa kehadiran anak merupakan rezeki yang diberi oleh Tuhan dan perlu dihargai. Antaranya ialah firman Allah dalam Surah al-Isra': ayat 31 yang bermaksud "*...dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah pemberi rezeki kepada mereka ...*". Selain itu, Allah juga berfirman dalam Surah al-

Anfal: ayat 28 yang bermaksud “*dan ketahuilah harta benda dan anak kamu itu hanyalah ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jugalah pahala yang besar*”.

Hujah tersebut mengukuhkan penemuan kajian ini apabila hasil temubual mendapati keluarga menerima kehadiran setiap anak dan percaya bahawa setiap anak mempunyai rezeki masing-masing yang telah ditentukan oleh Tuhan. Berikut adalah petikan *verbatim* responden ibu apabila ditanya mengenai sejauh mana mereka menerima kehadiran anak dalam keluarga:

Aminah: *"Anak saya ramai. Yang pertama sekolah asrama...dapat biasiswa. Yang kedua darjah 5... bolehlah diharap untuk tolong kerja rumah. Yang ketiga (OKU)...dapat bantuan, yang paling kecil ni...baru lahir 15 hari ...(seolah-olah meluahkan rasa bangga dan bersyukur dengan kehadiran anak yang ramai)"*

Aminah (37 tahun)/22 Ogos 2014/2 petang

Bedah: *"Kita orang Islam...memang percaya yang setiap anak tu Allah akan titipkan rezeki"*

Bedah(45 tahun)/22 Ogos 2014/5 petang

Chah: *"Saya sentiasa ambil tahu (mengenai pergerakan dan aktiviti) anak saya kerana risau dia bercampur gaul dengan budak-budak nakal (menunjukkan dia sayang pada anaknya-menghargai kehadiran anak)"*

Chah(43 tahun)/23 Ogos 2014/11 pagi

Dora: *"Anak-anak semua sekolah lagi, memang banyak nak pakai duit"*

Dora(39 tahun)/23 Ogos 2014/3 petang

Endah: *"Suami saya sorang yang kerja tapi cukupkan untuk tampung kami sekeluarga...anak saya sorang saja"*

Endah(42 tahun)/24 Ogos 2014/12 tengahari

Arnold et al. (1975) menyatakan beberapa alasan mengapa keluarga tidak menganggap anak sebagai suatu beban sehingga boleh memudaratkan kesejahteraan kanak-kanak. Memiliki anak merupakan keperluan hidup berkeluarga, sebahagian daripada tuntutan agama Islam, mempunyai keuntungan peribadi dan mempunyai nilai ekonomi iaitu sebagai tempat bergantung apabila ibu bapa tua. Dengan demikian, saiz

keluarga yang besar atau bilangan anak yang ramai tidak semestinya menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

6.4 Struktur Keluarga Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa struktur keluarga tertentu memberi kesan yang negatif kepada perkembangan anak. Anak-anak yang datang dari keluarga induk tunggal berisiko untuk terjejas tahap kesejahteraannya (Fomby & Cherlin, 2007; Landsford et al. 2001; Mooney et al., 2009). Keluarga induk tunggal adalah keluarga yang diketuai oleh seorang induk sama ada bapa atau ibu. Anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga sebegini pada dasarnya tidak mendapat perhatian dan kasih sayang dari kedua-dua ibu bapa dan ketiadaan model untuk peranan sosial salah seorang induk. Fomby dan Cherlin (2007) misalnya mendapati bahawa keluarga induk tunggal kurang stabil dari beberapa aspek seperti ekonomi dan kefungsi keluarga dan ini boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan dan tingkahlaku anak.

Keluarga induk tunggal lazimnya terbentuk akibat daripada perceraian atau kematian salah seorang induk, sama ada bapa atau ibu. Tidak dinafikan, kanak-kanak yang dibesarkan dalam keluarga lengkap yang bahagia dan harmoni akan hidup dengan lebih sejahtera berbanding kanak-kanak yang hidup dalam keluarga induk tunggal yang berada kelas sosioekonomi yang rendah (Parke, 2003). Ini kerana keluarga yang bertaraf sosioekonomi rendah dikaitkan dengan keadaan hidup yang serba kekurangan sehingga boleh menyebabkan pencapaian akademik yang rendah, keciciran persekolahan dan masalah tingkahlaku dalam kalangan anak (Parke, 2003).

McLanahan et al. (2012) pula mendapati anak yang tinggal berasingan daripada bapa disebabkan perceraian akan mengalami kesan negatif terhadap perkembangan sosioemosinya dan berisiko menjadi remaja yang bermasalah. Kesan negatif yang dialami tersebut akan lebih serius sekiranya ketiadaan bapa sejak anak masih kecil (McLanahan et al., 2012). Hal tersebut boleh terjadi apabila ketiadaan bapa sebagai model peranan untuk dewasa lelaki dan ketiadaan kasih sayang daripada bapa pada ketika kanak-kanak melalui proses perkembangan emosi dan mental yang pesat.

Atas asas tersebut, salah satu objektif kajian ini adalah untuk menentukan perkaitan antara struktur keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak. Maka, Hipotesis 4 diwujudkan bagi menguji objektif tersebut. Hipotesis nul tersebut adalah “Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara struktur keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak”.

Sejumlah 90.5 peratus (181 keluarga) responden kanak-kanak dalam kajian ini datang dari keluarga lengkap iaitu keluarga yang dianggotai oleh bapa, ibu dan anak-anak (Jadual 6.7). Hanya 8 peratus responden datang dari keluarga induk tunggal, iaitu keluarga yang diketuai oleh ibu atau bapa sahaja.

Jadual 6.7: Struktur Keluarga Responden

Struktur keluarga	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
Keluarga lengkap	181	90.5
Keluarga induk tunggal	16	8.0
Tidak menjawab	3	1.5
Jumlah	200	100

Ujian *t* sampel bebas digunakan untuk menguji perbezaan kesejahteraan kanak-kanak mengikut struktur keluarga. Struktur keluarga dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu; keluarga lengkap dan keluarga induk tunggal. Keluarga induk tunggal dalam

kajian ini merujuk kepada keluarga yang diketuai oleh duda, janda atau balu. Keputusan ujian statistik tersebut menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kanak-kanak tidak berbeza secara signifikan dengan struktur keluarga ($t=-1.06$, $k>.05$) (Jadual 6.8). Ini menggambarkan bahawa tahap kesejahteraan kanak-kanak bagi sampel kajian ini tidak tertakluk kepada struktur keluarga, iaitu sama ada mereka datang dari keluarga lengkap atau keluarga induk tunggal. Kesimpulannya, hipotesis nul yang keempat gagal ditolak.

Jadual 6.8: Perbezaan Kesejahteraan Kanak-kanak Berdasarkan Struktur Keluarga

Kesejahteraan kanak-kanak	n	Min.	Sp.	df	Nilai t	Aras keertian (k)
				172	-1.06	.29
Keluarga lengkap	159	82.27	20.06			
Keluarga induk tunggal	15	88.06	21.22			

Dapatan kajian ini seiring dengan penemuan kajian Mooney et al. (2009) yang mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kejadian perpecahan keluarga dengan kesejahteraan kanak-kanak. Ini kerana Mooney et al., (2009) berpendapat bahawa perpecahan keluarga hanya salah satu daripada sejumlah faktor risiko yang mengancam kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sekiranya faktor pepecahan keluarga berinteraksi dengan lebih banyak faktor pelindung seperti kefungsian dan perhubungan keluarga yang baik, ancaman terhadap kesejahteraan tersebut dapat diminimumkan. Malah, penemuan kajian mereka menunjukkan faktor ekologi yang melibatkan kefungsian keluarga (spt. kualiti keibubapaan dan perhubungan keluarga) memberi impak yang lebih besar kepada kesejahteraan kanak-kanak berbanding struktur keluarga (keluarga lengkap/induk tunggal).

Beberapa kajian lain turut menyokong bahawa struktur keluarga kurang signifikan dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak. Antaranya ialah Gutman et

al., (2010) dan Rees et al., (2009). Hasil kajian Rees et al., (2009) misalnya mendapati kanak-kanak dari keluarga lengkap juga berhadapan dengan pelbagai konflik keluarga seperti perkahwinan ibu bapa yang tidak harmoni yang menyebabkan mereka tidak dapat hidup gembira. Ini seterusnya mengakibatkan kesejahteraan hidup mereka terjejas.

Sebaliknya, terdapat juga kanak-kanak yang membesar di dalam keluarga induk tunggal yang sejahtera hidup mereka. Kesan negatif perpecahan keluarga dalam keluarga induk tunggal dapat dikurangkan dengan adanya perhubungan keluarga yang baik, aktiviti keluarga yang sihat dan wujudnya ciri-ciri induk yang positif yang boleh dijadikan sebagai model peranan (Fomby & Cherlin, 2007; Landsford et al., 2001; McMunn et al., 2001). Perhubungan keluarga yang baik dan ciri-ciri induk yang positif (bertanggungjawab, memberi perhatian dan sokongan) merupakan keadaan ekologi keluarga yang baik untuk kehidupan kanak-kanak. Maka, faktor ekologi yang positif boleh memberi kesan yang baik kepada kesejahteraan kanak-kanak.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan daripada dapatan kajian terkini di luar negara. Lopoo dan Deleire (2014) misalnya mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara struktur keluarga dengan tahap kesejahteraan anak. Mereka mendapati kanak-kanak yang datang dari keluarga induk tunggal cenderung untuk mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang lebih rendah berbanding kanak-kanak yang datang dari keluarga lengkap kerana kurang stabil dari segi ekonomi dan kefungsiannya keluarga. Ini berikutan keluarga induk tunggal mempunyai satu induk sahaja.

Bagi konteks keadaan tempatan, perbezaan dapatan kajian ini boleh disebabkan oleh faktor budaya dan amalan dalam masyarakat. Amalan keluarga di Malaysia dalam

kes keluarga induk tunggal misalnya, tanggungjawab akan diambil sepenuhnya oleh induk tersebut untuk memenuhi keperluan dan menjaga kebajikan anak dalam pelbagai aspek kehidupan. Kajian tempatan juga menunjukkan bahawa ibu tunggal misalnya, lebih prihatin terhadap anak-anak dan ini memberi kesan positif ke atas pencapaian akademik dan penghargaan sendiri anak (Zarina, 2009). Hidup anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga induk tunggal yang mempunyai ciri-ciri positif tersebut juga kurang tertekan. Selain itu, kefungsiannya keluarga yang baik iaitu caragaya keibubapaan yang menyokong dan penguatkuasaan disiplin yang konsisten serta kualiti perhubungan yang baik mendorong kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak. Maka, kesejahteraan kanak-kanak tidak terjejas hanya disebabkan mereka dipelihara oleh seorang induk.

Selain itu, tiadanya perkaitan antara struktur keluarga dengan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini juga disebabkan wujudnya sistem sokongan sosial yang kukuh di sekeliling keluarga. Hal ini berikutan terdapat pelbagai bentuk bantuan yang diberikan kepada keluarga induk tunggal. Memandangkan keluarga induk tinggal lazimnya akan kehilangan tonggak pencari nafkah, kebanyakan bantuan yang diberikan bagi meringankan beban kewangan keluarga tersebut.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia (JKMM) juga menyediakan mempunyai beberapa bentuk bantuan untuk membantu keluarga induk tunggal. Bantuan tersebut pula diberi kepada induk dan anak. Anak-anak yatim dari keluarga induk tunggal yang miskin layak mendapat Bantuan Kanak-kanak. Bantuan tersebut diberikan bagi memastikan kanak-kanak tersebut dapat terus tinggal bersama keluarga dan menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang sewajarnya (JKMM, 2013d). Bantuan tersebut juga bertujuan untuk memelihara institusi keluarga supaya dapat berdikari dan terus menjaga anak-anak dengan sempurna. Bantuan wang secara bulanan diberikan

kepada setiap anak sehingga mereka berusia 18 tahun. Bagi anak-anak yang tercidir persekolahan, terdapat Bantuan Latihan Aperantis (BLA) untuk membantu mereka mendapatkan latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja. Pelatih akan menerima elaun bulanan sepanjang tempoh latihan tersebut.

Keluarga induk tunggal yang tidak berkemampuan juga layak memohon Bantuan Am Persekutuan (BA) (bagi Kuala Lumpur) (JKMM, 2013c). Bantuan wang secara bulanan tersebut bertujuan untuk meringankan kesulitan kewangan golongan yang kurang berkemampuan buat sementara waktu sehingga suatu jangka masa mereka dapat berdikari. Di negeri-negeri lain pula, bentuk bantuan tersebut dinamakan Bantuan Am Negeri. Namun, tujuan dan matlamatnya adalah hampir sama dengan Bantuan Am Persekutuan. Geran Pelancaran juga salah satu bentuk bantuan yang lazim ditawarkan kepada induk tunggal terutamanya golongan ibu. Geran yang diberi dalam nilai RM2,700 itu diberikan kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan kecil atau perusahaan. Geran tersebut merupakan galakan kepada golongan tersebut untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup.

Selain Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, terdapat juga agensi lain yang turut memberikan pelbagai bentuk bantuan kepada keluarga induk tunggal. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tekun Nasional misalnya memberikan bantuan dalam bentuk dana pinjaman kewangan, peralatan dan keperluan lain untuk induk tunggal memulakan atau mengembangkan perniagaan. Yayasan Bina Upaya pula memberi galakan dan sokongan kepada ibu tunggal untuk menceburi bidang perniagaan berdasarkan kemahiran dan keupayaan masing-masing.

6.5 Perhubungan Perkahwinan Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak

Kualiti rendah dalam perhubungan perkahwinan ibu bapa berisiko untuk menjejaskan tahap kesejahteraan hidup anak (kanak-kanak). Ketidakharmonian dalam hubungan perkahwinan berupaya menjejaskan hubungan antara ibu bapa dan anak, dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan negatif anak (Lucas-Thompson & Clarke-Stewart, 2007). Ini kerana ibu bapa yang mengalami masalah perkahwinan sukar untuk menjalankan fungsi keibubapaan dengan baik dan sempurna (Lucas-Thompson & Clarke-Stewart, 2007; Sun, 2001).

Konflik dalam perkahwinan turut menjejaskan keupayaan ibu bapa untuk mempamerkan peranan sosial yang baik kepada anak (Mooney et al., 2009). Apabila peranan keibubapaan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, ia akan memberi suatu persekitaran keluarga yang tidak sihat untuk perkembangan anak (Lucas-Thompson & Clarke-Stewart, 2007; Sun, 2001). Sun (2001) dalam kajiannya mengenai ibu bapa yang mengalami konflik perkahwinan, mendapati anak-anak daripada keluarga tersebut mempunyai prestasi akademik yang tidak memuaskan, mengalami masalah tingkahlaku dan tahap kesejahteraan psikologikal yang rendah.

Ibu bapa yang mengalami konflik dalam perkahwinan juga sering mengalami emosi negatif seperti mudah marah dan selalu dalam keadaan tertekan (Clavarino, Hayatbakhsh, Williams, Bor, O'Callaghan & Najman, 2011). Emosi yang negatif pula memberi kesan kepada tahap kesihatan mental dan mendorong ibu bapa untuk bersikap tidak rasional dalam tingkahlaku keibubapaan dan menjejaskan kualiti komunikasi dalam keluarga (Clavarino et al., 2011). Kesannya, persekitaran keluarga menjadi tidak kondusif dan anak berisiko untuk menunjukkan tanda-tanda kehidupan yang tidak

sejahtera seperti hidup tertekan, mengalami kemerosotan akademik, kurang kecekapan sosial dan mengalami masalah tingkah laku (Mooney et al., 2009).

Penemuan kajian-kajian lepas mendorong pengkaji untuk menguji hubungan kedua-dua pembolehubah tersebut dalam kajian ini. Hipotesis nul pengkaji dalam hal ini adalah: “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti perhubungan perkahwinan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak”.

Kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa diukur dengan menggunakan 19 item berskala *likert*. Maklumat tersebut diberikan oleh penjaga kepada responden kanak-kanak dari keluarga lengkap sahaja, iaitu sama ada ibu atau bapa. Kualiti perhubungan perkahwinan ditentukan berdasarkan skor keseluruhan. Semakin tinggi skor yang diperoleh, maka semakin baik tahap perhubungan perkahwinan ibu bapa.

Maklumbalas yang diberi menunjukkan skor purata kualiti perkahwinan ialah 88.38 (Sp. 122.75). Skor median ialah 88.50. Julat skor pula terletak di antara 38 hingga 111. Berdasarkan nilai-nilai tersebut, 50 peratus ibu/bapa responden mempunyai kualiti perhubungan yang baik.

Ujian normaliti (*test of normality*) dilakukan bagi mengenalpasti keadaan taburan data. Ini kerana keadaan taburan data sama ada normal atau tidak normal menentukan jenis ujian statistik yang perlu dipilih untuk analisis inferensi. Oleh kerana data perhubungan perkahwinan bersifat selanjur, ujian normaliti boleh dilakukan. Hasil ujian mendapati nilai *skewness* ialah -0.45 (nilai *skewness* terletak di antara -2 dan + 2) menandakan bahawa data masih bertabur secara normal. Selain itu, nilai *kurtosis* pula ialah 0.50 (nilai *kurtosis* terletak di antara -2 dan + 2) menandakan jarak taburan yang

selaras dengan taburan data yang normal. Hasil ujian normaliti menunjukkan data untuk pembolehubah perhubungan perkahwinan bertabur secara normal. Oleh yang demikian, ujian statistik untuk menentukan perkaitan perhubungan perkahwinan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak ialah korelasi *Pearson*.

Jadual 6.9: Skor Perhubungan Perkahwinan

	Purata	Sp.
1 Persetujuan mengenai hal ehwal agama.	5.13	0.92
2 Persetujuan mengenai cara meluahkan kasih sayang.	5.02	0.87
3 Persetujuan mengenai membuat keputusan dalam hal penting.	5.01	.099
4 Persetujuan mengenai hubungan kelamin.	5.04	1.09
5 Persetujuan mengenai tatatertib perlakuan	4.99	0.86
6 Persetujuan mengenai hal ehwal kerjaya.	4.85	1.11
7 Kekерapan berbincang mengenai penceraian/perpisahan	4.96	1.22
8 Kekерapan bertengkar.	4.50	1.04
9 Pernahkah menyesal berkahwin.	5.26	1.03
10 Berapa kerap saling menyakiti hati masing-masing.	4.57	1.01
11 Kekерapan melakukan aktiviti luar rumah bersama.	3.02	0.86
12 Kekерapan bertukar idea yang memberangsangkan.	4.09	1.48
13 Kekерapan bekerjasama dalam hal/aktiviti.	4.13	1.46
14 Kekерapan berbincang sesuatu secara aman.	4.34	1.51
15 Sejauh mana berpuashati dengan perkahwinan?	5.02	0.96
16 Sejauh mana berpuashati hubungan dengan pasangan?	4.95	1.04
17 Sejauh mana berpuashati suami/isteri sebagai pasangan?	5.11	1.05
18 Sejauh mana berpuashati luahan kasih sayang dlm perkahwinan?	4.91	1.04
19 titik yang paling menerangkan darjah kebahagiaan anda dalam hubungan anda dengan pasangan setelah mengambilkira semua aspek. (pilihan: 0->5)	3.52	.099
Purata keseluruhan	88.38	122.75

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji kesignifikanan hubungan antara perhubungan perkahwinan dengan kesejahteraan kanak-kanak yang mana maklumatnya diringkaskan dalam Jadual 6.10. Korelasi tersebut menunjukkan bahawa hubungan perkahwinan ibu bapa berkait secara signifikan dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak ($r=.22^{**}$, $k<.05$). Magnitud perkaitan adalah positif; iaitu kualiti perhubungan perkahwinan berkadar terus dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Keputusan kajian menunjukkan semakin baik kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa, maka semakin baik

tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Kesimpulannya, hipotesis nul yang dinyatakan berjaya ditolak.

Jadual 6.10: Korelasi Perhubungan Perkahwinan Dan Tahap Kesejahteraan Kanak-kanak

Pembolehubah	Min.	Sp.	1	2
1 Perhubungan perkahwinan	88.38	12.75	-	$r=.22^{**}$ $k=.00$
2 Tahap kesejahteraan kanak-kanak	82.70	20.13	$r=.22^{**}$ $k=.00$	-

$^{**}k<0.01$

Dapatan kajian ini seiring dengan beberapa dapatan kajian sebelumnya. Clavarino et al. (2011), Mooney et al. (2009), Rees et al. (2009), Thompson dan McLanahan (2012), Tremblay, Tremblay dan Saucier (2014) dan Vanderwater dan Landsford (1998) mendapati kesejahteraan kanak-kanak terjejas apabila berada dalam persekitaran di mana perhubungan perkahwinan ibu bapa mereka tertekan atau berkonflik.

Keluarga lengkap yang bahagia lazimnya menyediakan persekitaran sosial yang selesa untuk perkembangan anak (Amato & Keith, 1991). Sementara itu, persekitaran keluarga yang kurang kondusif, misalnya yang diwarnai oleh konflik ibu bapa berupaya menjejaskan kesejahteraan anak. Acs (2007) menyatakan bahawa kesejahteraan kanak-kanak boleh dipertingkatkan dengan meningkatkan kualiti perhubungan perkahwinan ibu bapa mereka. Dengan kata lain, persekitaran sosial yang diwarnai dengan keharmonian perkahwinan ibu bapa boleh meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak. Sebaliknya, bagi kanak-kanak berada dalam keluarga yang lengkap namun wujud konflik keluarga, mereka tidak akan gembira dan ini boleh menjejaskan kesejahteraan mereka (Gutman et al. 2010; Rees et al., 2009).

6.6 Perhubungan Ibu/Bapa-Anak Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak

Kualiti perhubungan keluarga merupakan komponen yang subjektif dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak (Rees et al., 2009). Kualiti perhubungan keluarga boleh diteliti daripada enam aspek. Aspek tersebut ialah corak komunikasi, kepercayaan, peranan sosial, keganasan fizikal (sekiranya berlaku), keterasingan dan keibubapaan (sokongan, kawalan & penglibatan) (Hair et al., 2005; Moore et al., 2004).

Aufseeser et al., (2006) mendapati hubungan ibu bapa-anak yang erat, corak komunikasi yang berkesan, kemahiran keibubapaan yang bagus, perkongsian aktiviti dan model peranan ibu bapa yang positif akan memberi kesan yang baik kepada perkembangan anak. Kesemua faktor ekologi keluarga positif tersebut merupakan persekitaran keluarga yang baik untuk perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak sangat memerlukan perhubungan keluarga yang erat dan ibu bapa yang mempunyai perasaan yang positif terhadap mereka (Gutman et al., 2010). Ini kerana perhubungan ibu/bapa-anak yang erat berupaya menyediakan persekitaran positif untuk perkembangan anak (Aufseeser et al., 2006). Kemahiran keibubapaan yang baik, iaitu yang dicirikan dengan elemen sokongan, kawalan dan penglibatan yang sesuai dengan keperluan anak berupaya menggalakkan perkembangan anak yang positif (Aufseeser et al., 2006). Model peranan ibu bapa yang positif pula memberi anak pembelajaran secara tak langsung mengenai tanggungjawab dalam keluarga (Aufseeser et al., 2006).

Kajian Gutman et al. (2010) menunjukkan kanak-kanak yang mempunyai perhubungan yang positif dengan ibu bapa mengalami peningkatan dari aspek kesejahteraan tingkah laku dan sosial. Dapatan tersebut mengukuhkan pendapat Gutman et al. (2010) bahawa perasaan ibu bapa terhadap anak merupakan antara

penentu signifikan kepada kesejahteraan kanak-kanak sama ada lelaki ataupun perempuan. Sebaliknya, perhubungan keluarga yang tidak mesra seperti kurangnya sokongan ibu/bapa dan wujudnya konflik boleh menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak (Aufseeser et al., 2006; Mooney et al., 2009).

Penemuan-penemuan tersebut mendorong pengkaji untuk menguji perhubungan kedua-dua pembolehubah tersebut dalam kajian ini. Hipotesis nul yang dibina berkaitan hal ini adalah “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti perhubungan ibu/bapa - anak dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak”.

Kualiti perhubungan ibu/bapa-anak diukur dengan menggunakan 10 item berskala *likert*. Skala tersebut pula terletak di antara 1 hingga 5. Maklumat tersebut diberikan oleh responden kanak-kanak. Kualiti perhubungan ibu bapa-anak ditentukan berdasarkan skor keseluruhan. Semakin tinggi skor yang diperoleh, maka semakin baik tahap perhubungan keluarga responden.

Jadual 6.11: Skor Perhubungan Ibu/Bapa-Anak

	Purata	Sp.
1 Saya menghormati ibu bapa.	4.62	0.75
2 Saya ingin menjadi seperti ibu bapa saya.	4.30	1.03
3 Saya memang seronok meluangkan masa bersama ibu bapa saya.	4.53	0.85
4 Ibu/bapa memuji saya apabila saya melakukan perkara yang baik.	4.02	1.09
5 Ibu/bapa kerap tidak bersetuju dengan saya.	2.64	1.31
6 Ibu/bapa membantu saya untuk melakukan perkara yang penting bagi saya.	3.83	1.22
7 Ibu/bapa menyalahkan saya di atas masalahnya.	2.09	1.38
8 Kebanyakan aktiviti harian saya ditentukan oleh ibu/bapa .	3.05	1.49
9 Saya makan tengahari/malam bersama ibu bapa.	3.88	1.19
10 Saya meluangkan masa bersama ibu bapa walaupun sekadar untuk berbual-bual.	4.00	1.03
<i>Purata keseluruhan</i>	39.44	5.27

Maklumbalas yang diberi menunjukkan skor purata kualiti perhubungan ibu/bapa-anak ialah 39.44 (Sp. 5.27); yang bermakna lebih 50 peratus responden kajian

mempunyai kualiti perhubungan ibu/bapa anak yang baik. Skor median ialah 39.00 Julat skor pula terletak di antara 22 hingga 50. Berdasarkan nilai-nilai tersebut, 49.5 peratus keluarga responden mempunyai kualiti perhubungan yang baik.

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji darjah signifikan hubungan antara perhubungan ibu/bapa-anak dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dari Jadual 6.12, korelasi menunjukkan bahawa perhubungan ibu/bapa-anak berkait secara signifikan dengan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak ($r=.31^{**}$, $k<.05$); iaitu semakin bagus kualiti hubungan ibu/bapa anak, maka semakin baik tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Magnitud perkaitan pula adalah positif. Kesimpulannya, hipotesis nul untuk ujian statistik ini berjaya ditolak.

Jadual 6.12: Korelasi Perhubungan Ibu/Bapa-Anak Dan Tahap Kesejahteraan Kanak-kanak

Pembolehubah		Min.	Sp.	r	k
1	Perhubungan ibu/bapa - anak	5.56	1.79	.31**	.00
2	Tahap kesejahteraan kanak-kanak	82.70	20.13		

** $k<.01$

Dapatan kajian ini seiring dengan beberapa dapatan kajian terdahulu. Racz dan McMahan (2011) misalnya mendapati ibu bapa yang tidak mempunyai hubungan yang erat dengan anak boleh menjejaskan kesejahteraan anak. Hubungan ibu/bapa-anak yang tidak erat dicirikan dengan sikap ibu bapa seperti kurang memberi perhatian kepada anak dan tidak mengambil berat tentang keperluan dan aktiviti anak. Dengan adanya ciri-ciri tersebut, ibu bapa lazimnya kurang memantau aktiviti anak dan kurang memberi perhatian kepada keperluan anak. Ini akan menjadi faktor risiko kepada anak untuk terlibat dengan tingkahlaku sosial atau jenayah sehingga boleh menjejaskan kesejahteraan hidupnya.

Heinrich (2014) dan McElroy dan Hevey (2014) turut mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara kualiti perhubungan keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Dengan kata lain, perhubungan keluarga yang baik menyediakan persekitaran keluarga yang baik dan selesa untuk perkembangan anak, kesannya kesejahteraan hidup mereka boleh meningkat.

Kajian kualitatif turut dilakukan bagi mendalami faktor-faktor dalam perhubungan ibu/bapa-anak yang mendorong kepada tahap kesejahteraan yang baik seperti yang ditemui oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Hasil temubual menunjukkan kualiti perhubungan yang baik dicirikan oleh corak komunikasi positif, wujud saling percaya antara ibu bapa dan anak, setiap ahli keluarga mengiktiraf peranan sosial ahli keluarga yang lain, anak tidak merasa terasing dalam keluarga, tingkahlaku keibubapaan yang dicorakkan dengan elemen sokongan, kawalan dan penglibatan seimbang.

Corak komunikasi positif: *"saya dan suami memang 'open' (bersikap terbuka) dengan anak-anak"*

Aminah (37 tahun)/22 Ogos 2014/2 petang

Rasa percaya: *"saya percayakan anak saya, ...saya tak mudah percaya dengan cakap-cakap jiran atau orang lain tentang anak saya.. saya akan bertanya sendiri dengan mereka."*

Chah(43 tahun)/23 Ogos 2014/11 pagi

Peranan sosial: *"saya dan suami tahu tanggungjawab masing-masing...suami cari nafkah, saya uruskan anak-anak dan rumahtangga."*

Dora(39 tahun)/23 Ogos 2014/3 petang

Elemen kawalan dalam keibubapaan: *"kat sini banyak masalah sosial, saya tak benarkan anak saya bercampur dengan budak-budak kat bawah. Jika dia nak keluar, saya akan pastikan dia balik pada masa yang dijanjikan, misalnya nak gi buang sampah, bukan jauh mana pun, jadi saya tahu lepas berapa lama mereka mesti naik ke rumah semula".*

Endah(42 tahun)/24 Ogos 2014/12 tengahari

Elemen penglibatan dalam keibubapaan: *"saya selalu ada bersama anak saya ketika dia buat kerja sekolah... jika ada perlu untuk ibu bapa ke sekolah..ambil report card ke, kursus motivasi ke.. kami akan pergi".*

Bedah(45 tahun)/22 Ogos 2014/5 petang

6.8 Kesimpulan

Kajian ini telah menguji secara statistik hubungan antara faktor ekologi keluarga dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak. Terdapat enam faktor ekologi yang dikaji iaitu pendapatan keluarga, taraf pendidikan, saiz keluarga, struktur keluarga, hubungan perkahwinan dan hubungan ibu bapa-anak. Hasil kajian menunjukkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak hanya dipengaruhi oleh dua faktor ekologi keluarga; hubungan perkahwinan ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak. Namun begitu, kesejahteraan hidup kanak-kanak tidak dipengaruhi oleh pendapatan keluarga, taraf pendidikan, saiz keluarga dan struktur keluarga. Dapatan-dapatan ini sekaligus menunjukkan yang ekologi keluarga masih merupakan persekitaran sosial yang mempengaruhi kualiti hidup kanak-kanak.

BAB 7: CADANGAN

INTERVENSI SOSIAL BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI KESEJAHTERAAN HIDUP KANAK-KANAK MALAYSIA

7.1 Pendahuluan

Dalam aspek tahap kesejahteraan kanak-kanak, kajian ini mendapati yang kanak-kanak Malaysia mempunyai kesejahteraan hidup yang tinggi; iaitu setanding dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara maju seperti Ireland dan Scotland. Kajian ini juga mendapati, berbanding dengan kesejahteraan objektif, kesejahteraan subjektif kanak-kanak Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Walaupun kesejahteraan kanak-kanak Malaysia berada pada tahap sangat tinggi, namun terdapat empat aspek kesejahteraan yang perlu diberi perhatian; iaitu:

- (i) kanak-kanak menyuasakan latihan terhadap kemahiran hidup sebagai item kesejahteraan pendidikan yang amat mereka perlukan,
- (ii) makanan seimbang dan bernutrisi merupakan item kesejahteraan kesihatan yang terpenting buat kanak-kanak,
- (iii) aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial yang berkaitan dengan keperluan mereka masih berada pada tahap sederhana; dan
- (iv) kanak-kanak menyatakan penglibatan dalam aktiviti keluarga dan rakan sebaya sebagai keperluan utama dalam aspek penglibatan.

Seterusnya, bagi aspek pengaruh ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak, kajian ini mendapati dua faktor ekologi keluarga mempunyai hubungan

yang signifikan dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dua faktor tersebut adalah keadaan hubungan perkahwinan ibu bapa dan kualiti hubungan ibu bapa-anak.

Bagi bertindakbalas dengan dapatan-dapatan tersebut, pengkaji ingin mencadangkan intervensi-intervensi berikut yang pengkaji yakin mampu meningkatkan lagi kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Setiap intervensi dibincangkan di dalam subtopik masing-masing. Intervensi-intervensi tersebut adalah:

- (i) pemantauan terhadap faktor-faktor risiko yang boleh mengancam kesejahteraan material kanak-kanak,
- (ii) program perlindungan sosial/ jaringan keselamatan (*social safety net*) khusus untuk kanak-kanak,
- (iii) kesejahteraan seimbang dan lestari untuk kanak-kanak,
- (iv) program memperkasakan hubungan keluarga; dan
- (v) pelaburan sosial (*social investment*) untuk melindungi ekologi sosial keluarga.

7.2 Pemantauan Terhadap Faktor-Faktor Risiko Yang Boleh Mengancam Kesejahteraan Material Kanak-Kanak

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia adalah tinggi setanding dengan negara maju khususnya tahap kesejahteraan objektif. Kesejahteraan untuk kluster material menunjukkan tahap yang sangat tinggi (83%). Namun begitu, kajian ini tidak melihat/mengawal beberapa elemen atau anasir ekonomi semasa yang berpotensi tinggi menggugat kemampuan keluarga dan masyarakat dalam menyediakan item material kanak-kanak. Ini kerana realiti yang berlaku dalam kehidupan hari ini begitu berisiko kepada kanak-kanak, terutamanya yang datang dari

keluarga miskin atau berpendapatan rendah, dalam memenuhi keperluan item material mereka.

Tidak dinafikan, wujud beberapa penunjuk kepada peningkatan ekonomi negara. Misalnya, pengurangan kadar kemiskinan (3.8% kepada 1.7% pada tahun 2012) dan peningkatan pendapatan isi rumah (RM4025 pada 2009 kepada RM5000 pada tahun 2012). Namun begitu, dalam masa yang sama, wujud beberapa elemen tekanan ekonomi yang boleh memberi kesan kepada kemampuan ekonomi keluarga dan menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Antaranya ialah kenaikan harga barangan pengguna yang tidak seiring dengan peningkatan gaji/upah ibu bapa. Dalam hal ini misalnya, harga barangan meningkat secara dinamik selang bulan. Namun, kenaikan gaji penjawat awam hanya mengalami kenaikan dalam selang tahun yang lebih lama, misalnya lima tahun.

Selain barangan pengguna seperti makanan dan minuman, harga perkhidmatan turut meningkat secara mendadak. Misalnya, kos rawatan dan perubatan di klinik/hospital swasta, kos untuk pendidikan (cth: buku sekolah, pakaian seragam sekolah) dan pengangkutan (cth: tambang bas sekolah). Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang tidak seiring dengan kenaikan gaji atau pendapatan keluarga/ibu bapa sebenarnya telah menyebabkan kuasa beli keluarga mengecut. Apabila kuasa beli keluarga mengecut, keupayaan mereka untuk membeli dan memenuhi keperluan material anak sudah pasti terjejas. Ketidakupayaan memenuhi keperluan material ini sudah pasti meletakkan kesejahteraan material kanak-kanak dalam risiko.

Apabila nilai barangan melebihi nilai matawang, kadar inflasi akan meningkat. Statistik terkini menunjukkan kadar inflasi negara ini meningkat daripada 1.6 peratus

(2012) kepada 2.1 peratus (2013) (EPU, 2013). Dengan kenaikan kadar inflasi, ditambah lagi dengan kegagalan kerajaan menganjalkan tingkat pendapatan rakyat, ia boleh mengancam kesejahteraan ekonomi keluarga. Kesannya, banyak keluarga menjadi miskin kerana tidak mampu memenuhi keperluan asas hidup disebabkan harga barangan dan perkhidmatan yang tinggi akibat penyusutan nilai matawang negara. Keadaan ini boleh menggugat kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Pengkaji ingin mengambil contoh pengalaman negara Britain dalam bertindakbalas dengan kenaikan kadar inflasi bagi memastikan rakyatnya tidak jatuh miskin. Kerajaan Britain memberi fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan keluarga dan meningkatkan taraf hidup rakyat agar mereka menerima kesan inflasi secara paling minimum (Social Mobility & Child Poverty Commission, 2013). Pelbagai skim dan insentif diberikan bagi menggalakkan lebih ramai ibu bapa melibatkan diri dengan pekerjaan dan memajukan diri dalam pekerjaan (cth: *Job Seekers' Allowance*, *The Universal Credit & Employment Support Allowance*). Britain berpendapat, tingkat pendapatan keluarga yang disokong dengan bantuan kerajaan dapat mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan nilai matawang; sekaligus mengurangkan risiko rakyat untuk menjadi miskin.

Selain itu, kadar pengangguran dan kelembapan pertumbuhan ekonomi yang sedang berlangsung di negara ini turut mengancam pendapatan ibu bapa. Statistik terkini menunjukkan kadar pengangguran di negara ini meningkat daripada 3.1 peratus (2011) kepada 3.2 peratus (2012) (EPU, 2012) yang mana keadaan ini boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pengangguran yang wujud kerana kurangnya peluang pekerjaan memberi impak negatif kepada pendapatan purata rakyat dan berisiko mengurangkan kuasa beli keluarga. Apabila kuasa beli rendah, ibu bapa

perlu menghadkan perbelanjaan keluarga dan keadaan ini boleh berisiko untuk merendahkan peluang untuk memenuhi keperluan kanak-kanak. Secara tidak langsung, keadaan ekonomi semasa negara boleh mengancam kesejahteraan kanak-kanak.

Semua perkara tersebut perlu dipantau bagi memastikan keadaan ekonomi semasa tidak menggugat kesejahteraan hidup kanak-kanak. Pengkaji mencadangkan agar inisiatif ekonomi dilakukan bagi tujuan tersebut, misalnya dengan mengawal harga barangan dan perkhidmatan, penetapan gaji yang bersesuaian dengan kos sara hidup dan menggalakkan pasaran buruh. Pengkaji bukanlah seorang yang arif dalam bidang ekonomi. Dengan itu, pengkaji tidak dapat mencadangkan sebarang intervensi yang berkaitan dengan ekonomi. Namun demikian, pengkaji berharap agar inisiatif ekonomi dapat digerakkan oleh pihak yang berkenaan kerana keadaan ekonomi semasa mempengaruhi dasar-dasar sosial dalam negara. Ini kerana keadaan ekonomi misalnya, boleh memberi kesan kepada kemampuan kerajaan untuk membina program kebajikan sosial, menyediakan bantuan sosial awam dan menyediakan pelbagai manfaat kepada rakyat yang memerlukan.

Walaupun pengkaji tidak terlatih dalam bidang ekonomi, pengkaji ingin mengesyorkan intervensi-intervensi dalam bidang dasar sosial (*social policy*). Selain daripada pemantauan berterusan terhadap faktor-faktor risiko yang boleh mengancam kesejahteraan material kanak-kanak, pengaruh faktor-faktor risiko yang dinyatakan dalam bahagian ini boleh diredakan menerusi tiga intervensi berikut:

- (i) program pembasmian kemiskinan khusus untuk kanak-kanak,
- (ii) mempelbagaikan bentuk bantuan sosial untuk kanak-kanak; dan,
- (iii) menambahbaik sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak.

7.2.1 Program pembasmian kemiskinan kanak-kanak

Kemiskinan merupakan salah satu pencetus risiko untuk kanak-kanak menjadi tidak sejahtera. Kemiskinan dapat dihapuskan dengan adanya program pembasmian kemiskinan yang berkesan. Program anti-kemiskinan yang sedia ada di Malaysia merujuk kepada program pembasmian kemiskinan yang disasarkan dalam Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000). Program pembasmian kemiskinan penting bagi memastikan kesejahteraan hidup anggota masyarakat berada pada tahap baik kerana program tersebut dapat meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan, dan menyediakan peluang pendidikan dan latihan pekerjaan kepada rakyat yang memerlukan.

Pengkaji ingin mengambil contoh usaha-usaha di beberapa negara maju dalam mengatasi kemiskinan dan sekaligus memelihara kesejahteraan kanak-kanak. Britain dan Scotland misalnya memberi bantuan kewangan dan material kepada rakyatnya bagi mengeluarkan rakyat negara mereka dari kemiskinan. Ini kerana mereka ingin melihat kanak-kanak di negara mereka hidup dengan sejahtera. Di Britain, sejumlah 30 peratus kanak-kanak hidup dalam kemiskinan di sekitar tahun 1970an (Social Mobility & Child Poverty Commission, 2013). Selain itu, jumlah kanak-kanak yang tinggal dalam keluarga berpendapatan kurang separuh dari nilai pendapatan purata negara telah meningkat dua kali ganda (Social Mobility & Child Poverty Commission, 2013). Bagi bertindakbalas dengan masalah tersebut, kerajaan Britain telah melakukan pelbagai usaha untuk membela nasib kanak-kanak. Empat usaha penting yang dilakukan pada masa tersebut ialah meningkatkan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, menyediakan sistem sokongan kepada ibu bekerja, menangani jenayah remaja dan mewujudkan Akta Kanak-kanak iaitu *The Child Act 1989* (Fauth, Renton & Solomon,

2013). Kerajaan Britain turut memperkukuhkan sistem perkhidmatan kanak-kanak dengan menyediakan beberapa perkhidmatan penting seperti pendidikan awal kanak-kanak, penjagaan sosial, pengangkatan, sokongan keluarga, sokongan untuk kanak-kanak berkeperluan khas dan perkhidmatan untuk membasmi kemiskinan kanak-kanak (Fauth et al., 2013).

Strategi pembasmian kemiskinan dalam kalangan kanak-kanak di Britain tidak terfokus kepada golongan kanak-kanak sahaja. Ini kerana selain memberi perhatian kepada kanak-kanak sebagai aset kepada masyarakat, kerajaan Britain turut memberi perhatian kepada sumber luaran iaitu keluarga dan komuniti sekeliling yang menaungi kanak-kanak. Ini kerana, menurut perspektif ekologi, kanak-kanak perlu membesar dalam persekitaran keluarga yang penyayang, selamat dan bebas dari penganiayaan yang mana ia penting untuk kesejahteraan mereka. Selain persekitaran sosial yang kondusif, kanak-kanak turut memerlukan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal daripada individu yang menjaga mereka. Justeru, selain memberi pelbagai bentuk bantuan dan perkhidmatan kepada kanak-kanak, fokus turut diberi kepada usaha untuk menaikkan taraf hidup keluarga dan mengambil pelbagai langkah pencegahan untuk mengelakkan kanak-kanak miskin menjadi dewasa miskin. Antara bantuan tersebut ialah *Employment Support Allowance*, iaitu elaun bantuan kepada ibu/bapa/penjaga yang kurang bernasib baik yang baru memulakan pekerjaan. Selain itu, *The Universal Credit*, iaitu bantuan kepada ketua keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan atau tidak mempunyai pekerjaan tetap yang melakukan kerja sukarela juga disediakan untuk keluarga berisiko. *Job Seekers' Allowance* pula adalah elaun yang diberi kepada individu yang aktif mencari pekerjaan, iaitu hadir ke pusat tenaga kerja untuk mencari pekerjaan. Pelaksanaan program-program dan pemberian bantuan tersebut telah menyumbang kepada penurunan kemiskinan relatif kanak-kanak daripada 21 peratus pada tahun 2004/2005 kepada 17 peratus pada tahun 2011/2012.

Selain Britain, Scotland turut melakukan usaha berterusan untuk menangani kemiskinan kanak-kanak. Ini kerana terdapat 19 hingga 22 peratus kanak-kanak miskin di Scotland pada tahun 2013 (Clackmannanshire Council, 2015). Sama seperti di Britain, strategi pembasmian kemiskinan kanak-kanak di Scotland juga tidak terfokus kepada golongan kanak-kanak sahaja. Antara usaha terkini kerajaan Scotland untuk menangani masalah tersebut ialah dengan beberapa strategi (Clackmannanshire Council, 2015). Strategi pertama ialah meningkatkan jaminan pekerjaan dan memastikan pekerja mendapat pendapatan yang bersesuaian. Dalam strategi tersebut, kerajaan Scotland telah mengenalpasti bahawa pendapatan yang rendah dan pekerjaan yang tidak terjamin ialah salah satu punca utama kemiskinan. Maka, kerajaan memperkenalkan beberapa bentuk bantuan misalnya *Child Tax Credit* dan *In-work Emergency Fund Payment*. *Child Tax Credit* ialah pemberian manfaat tunai kepada keluarga yang mempunyai anak di bawah 16 tahun atau 20 tahun jika anak menyambung pelajaran atau mendapat latihan pekerjaan. *In-work Emergency Fund Payment* ialah bayaran insentif kepada ibu bapa yang baru memulakan pekerjaan, memulakan perniagaan atau beralih dari kerja makan gaji kepada bekerja sendiri.

Strategi kedua ialah menyediakan manfaat keselamatan sosial yang mencukupi bagi memastikan kanak-kanak tidak mengalami kemiskinan. Antara bantuan yang diperkenalkan ialah *Child Benefit* (manfaat tunai kepada penjaga tinggal bersama-sama anak dan menjaga mereka), *Child's Special Allowance* (manfaat tunai kepada ibu/bapa yang telah bercerai namun menjaga anak selagi penjaga tersebut belum berkahwin lain), *Maternity Allowance* (elaun untuk ibu hamil yang tidak bekerja, bekerja sendiri atau bekerja namun tidak mendapat sebarang bentuk manfaat sebagai ibu), *Guardian's Allowance* (elaun kepada penjaga yang membesarkan kanak-kanak setelah ibu/bapa

kanak-kanak tersebut meninggal dunia), *Back To Work Bonus* (elaun kepada ibu bapa yang kembali bekerja) dan *Housing Benefit* (menyediakan kawasan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan asas).

Strategi ketiga ialah menyediakan perkhidmatan penjagaan anak yang mampu bayar memandangkan ramai ibu terlibat dalam sektor pekerjaan formal. Sebagai sokongan kepada keperluan penjagaan anak, kerajaan turut memperkenalkan *Free Early Education and Child Care* kepada kanak-kanak berusia 3 hingga 4 tahun selama 15 jam seminggu selama 38 minggu setahun. Selain itu, terdapat juga *Child Care Grant* kepada pelajar yang mempunyai anak yang belajar di institusi pengajian tinggi, iaitu sebanyak £150 untuk seorang anak dan £257 untuk dua orang anak atau lebih.

Strategi keempat ialah menghapuskan halangan-halangan kewangan terhadap peluang pendidikan. Antara skim bantuan yang ditawarkan menerusi strategi tersebut ialah *Free School Meals*; iaitu bantuan makanan percuma di sekolah dan *School Clothing Grants*; iaitu bantuan pakaian sekolah kepada keluarga berpendapatan rendah (Clackmannanshire Council, 2015).

Ringkasnya, kerajaan memainkan peranan yang penting dalam membantu keluarga menyediakan keperluan kanak-kanak agar kesejahteraan mereka terpelihara. Namun demikian, usaha yang berterusan dan perancangan yang rapi perlu dilakukan bagi memastikan kanak-kanak, iaitu peneraju masa depan negara dapat terus hidup sejahtera.

Bagi konteks Malaysia, antara program anti-kemiskinan yang ditujukan khusus untuk kanak-kanak miskin adalah seperti Bantuan Kanak-kanak, Tabung Wang Amanah

Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan. Program yang difokuskan kepada keluarga miskin pula ialah seperti Program Perumahan Rakyat. Namun begitu, terdapat beberapa limitasi dalam program tersebut. Misalnya, tidak semua kanak-kanak yang layak itu berpeluang memperoleh bantuan yang ditawarkan. Antara sebabnya ialah peruntukan tidak mencukupi, maklumat tidak sampai ke pengetahuan pemohon dan permohonan yang tidak diproses disebabkan ketidakcekapan perkhidmatan. Strategi untuk mengatasi halangan-halangan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bahagian 7.4.2.

Tidak dinafikan, kedua-dua program pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi secara jelas telah menurunkan kadar kemiskinan dan meningkatkan ekonomi di negara ini. Buktinya, kadar kemiskinan sebanyak 49.3 peratus pada tahun 1970 telah berkurang pada tahun 17.1 peratus pada tahun 1990 dan terus menurun kepada 1.7 peratus tahun 2012 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Pendapatan perkapita sebenar bagi Malaysia pula telah meningkat dari RM13,753 pada tahun 2001 kepada RM18,294 pada tahun 2010 (EPU, 2011). Penurunan kadar kemiskinan dan peningkatan ekonomi pula membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak.

Setelah hampir 45 tahun (1970-2015) Malaysia melaksanakan program pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi, kemiskinan yang menjadi salah satu pencetus faktor risiko kepada kesejahteraan kanak-kanak telah dapat dikurangkan. Ini menunjukkan bahawa program tersebut berkesan. Namun demikian, insiden kemiskinan masih berlaku di negara ini disebabkan pelbagai faktor seperti kesan ekonomi global dan peningkatan taraf hidup yang mengecutkan nilai matawang rakyat lalu mengekang rakyat untuk memenuhi keperluan hidup. Terdapat juga jurang yang

besar antara Pendapatan Garis Kemiskinan (RM860 pada tahun 2012) dan pendapatan purata isirumah (RM5000 pada tahun 2012). Jurang tersebut jelas menunjukkan insiden kemiskinan di negara ini perlu terus diberi perhatian walaupun taraf hidup sebahagian rakyat telah meningkat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012b).

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar kerajaan meneruskan kedua-dua program pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi demi manfaat dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Ini kerana negara yang maju seperti United Kingdom dan Scotland juga masih meneruskan program anti-kemiskinan. Dalam program tersebut, pengkaji mencadangkan agar kerajaan mengalihkan tumpuan kepada program bantuan yang berbentuk latihan kemahiran dan pelaburan pendidikan kerana bentuk bantuan tersebut lebih berkesan dalam membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup mereka. Dengan kata lain, kerajaan perlu membantu keluarga miskin untuk melakukan pekerjaan produktif. Misalnya, latihan kemahiran yang diterima oleh peserta program keusahawanan mampu meningkatkan pengetahuan, keupayaan dan kecekapan mereka untuk menceburi bidang perniagaan. Kemahiran yang dimiliki juga boleh membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup walau di mana mereka berada. Dengan demikian, mereka boleh terus berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan. Ini sekaligus dapat mengeluarkan mereka dari cengkaman kemiskinan. Program berbentuk pelaburan pendidikan seperti biasiswa persekolahan dan bantuan kelengkapan sekolah turut memberi manfaat yang tinggi kepada golongan yang memerlukan. Sekiranya faktor kemiskinan dapat dikawal, ancaman terhadap kesejahteraan kanak-kanak dapat dikurangkan.

7.2.2 Mempelbagaikan bentuk bantuan sosial untuk kanak-Kanak

Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam Bajet 2015 misalnya kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan. Antaranya ialah menaikkan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) daripada RM650 (tahun 2014) kepada RM950 (tahun 2015) kepada keluarga berpendapatan bulanan kurang dari RM3000 sebulan, bersesuaian dengan peningkatan kos sara hidup. Selain itu, kerajaan juga meneruskan bantuan persekolahan pada tahun 2015 sebanyak RM100 kepada semua kanak-kanak yang bersekolah rendah dan menengah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM540 juta. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM1.2 bilion untuk bantuan kepada keluarga miskin, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan warga emas.

Namun begitu, pengkaji berpendapat pemberian bantuan dalam bentuk kewangan secara tahunan tidak begitu efektif dalam membantu golongan tersebut keluar dari kepompong kemiskinan. Sebaliknya, pengkaji mencadangkan agar Malaysia memberi fokus kepada bantuan bukan kewangan seperti yang diamalkan di negara maju seperti makanan percuma di kantin sekolah setiap hari, pakaian seragam sekolah percuma, subsidi tuisyen dan bantuan sokongan kepada ibu bapa untuk mencari pekerjaan atau menambah pendapatan keluarga. Bentuk bantuan tersebut lebih memberi manfaat kepada kanak-kanak terutama dalam keadaan ekonomi di mana kadar inflasi yang tinggi. Selain itu, kerajaan perlu mengawal harga barangan dan mengurangkan cukai jualan dan perkhidmatan bagi meningkatkan kuasa beli pengguna. Peningkatan kuasa beli pengguna pula dapat meningkatkan kemampuan keluarga untuk memenuhi keperluan kanak-kanak. Dengan melaksanakan langkah-langkah tersebut,

pengkaji yakin bahawa ancaman terhadap kesejahteraan kanak-kanak dapat dikurangkan.

Tidak dinafikan, Malaysia turut menyediakan beberapa bantuan bukan kewangan kepada kanak-kanak miskin. Pengkaji ingin mengambil contoh amalan di beberapa negara maju dalam memberikan bantuan sosial awam secara komprehensif kepada kanak-kanak miskin. Britain misalnya, memperkenalkan *Healthy Start Vouchers* yang merangkumi aspek keperluan objektif dan subjektif iaitu kewangan, material, latihan kemahiran dan khidmat sokongan kepada ibu bapa. Amerika Syarikat pula memperkenalkan *Food Stamp Program*, iaitu program pembekalan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah dan *Temporary Assistance For Needy Families* (TANF), iaitu bantuan sara hidup kepada keluarga di mana ibu/bapa hilang pekerjaan, kanak-kanak dalam keluarga tersebut mengalami deprivasi atau ketiadaan ibu bapa. Scotland pula melaksanakan program *Free School Meals*, iaitu bantuan makanan percuma di sekolah dan *School Clothing Grants*, iaitu bantuan pakaian sekolah kepada keluarga berpendapatan rendah.

Dengan mengambilkira keadaan ekonomi semasa Malaysia, pengkaji berpendapat bahawa variasi bantuan kewangan yang ditawarkan oleh kerajaan setakat ini sudah memadai untuk memenuhi keperluan minimum kanak-kanak yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. Namun, pakej pemberian bantuan boleh diperkemaskan lagi dengan menggabungkan bantuan dalam bentuk kewangan, material, pendidikan, kesihatan dan latihan kemahiran. Kanak-kanak dari keluarga miskin misalnya layak menerima biasiswa, bantuan pakaian sekolah, makanan percuma di kantin sekolah dan peluang yang tinggi untuk mendapatkan latihan kemahiran. Kaedah ini dapat meringankan beban kewangan keluarga sekaligus mengelakkan kanak-kanak

daripada mengalami ketidakcukupan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup mereka.

7.2.3 Menambahbaik sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji berpendapat sistem kebajikan kanak-kanak secara keseluruhan perlu dipantau bagi merendahkan risiko untuk kanak-kanak menjadi tidak sejahtera. Ini kerana pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa jenis bantuan sosial awam yang tidak diterima oleh kanak-kanak dalam kajian ini sedangkan dari segi peraturan kelayakan, mereka layak menerimanya. Selain itu, terdapat juga responden kajian yang tidak mengetahui mengenai jenis bantuan sosial awam yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, sistem kebajikan kanak-kanak perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi membolehkan semua bantuan sampai ke tangan penerimanya. Dengan kata lain, sistem penyaluran maklumat dan bantuan haruslah cekap, telus dan sistematik bagi membolehkan semua kanak-kanak miskin yang layak, sama ada di bandar atau luar bandar dapat menikmati bantuan tersebut. Ini sekaligus dapat mengurangkan risiko yang boleh mengancam kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Dalam kes lain, wujud juga pertindihan bantuan. Dengan kata lain, terdapat kanak-kanak miskin yang menerima pelbagai jenis bantuan dari pelbagai pihak sementara sekelompok kanak-kanak miskin tidak menerima sebarang bantuan. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji mengesyorkan agar saluran bantuan dilakukan secara bersepadu. Maka, syarikat korporat, badan bukan kerajaan dan para dermawan yang berhasrat memberi bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan boleh berurusan dengan penyelaras bagi mengelakkan pertindihan bantuan sekaligus membolehkan

bantuan diberi secara meluas dan samarata. Dalam konteks Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sesuai dipilih menjadi penyelaras bantuan ini.

Pengkaji berpendapat sistem kebajikan kanak-kanak di negara ini perlu ditambahbaik. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap beberapa sistem kebajikan di luar negara seperti Sweden, Denmark, United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat, sistem kebajikan kanak-kanak yang bagus seharusnya mengandungi tiga ciri utama berikut:

- (i) menyediakan sumber kewangan yang mencukupi

Kerajaan pemerintah perlu menyediakan dana yang mencukupi untuk membina infrastruktur fizikal bagi memenuhi keperluan kanak-kanak misalnya pusat jagaan, sekolah, perpustakaan, taman permainan dan pusat aktiviti (European Union, 2012; Nordfeldt & Larrson, 2013). Selain itu, kerajaan juga perlu bersedia dengan pelan pelaburan sosial yang efisien yang mampu memberi masa depan yang lebih cerah kepada kanak-kanak di samping mendatangkan manfaat kepada pihak kerajaan (European Union, 2012).

- (ii) memberikan perkhidmatan yang berkualiti

Perkhidmatan untuk kanak-kanak pula perlulah berkualiti dan mesra kanak-kanak (European Union, 2012). Bagi kes penderaan dan pengabaian misalnya, perkhidmatan perlindungan kanak-kanak yang cekap dan pantas dalam memberi maklumbalas amat diperlukan bagi melindungi kanak-kanak tersebut dari mengalami trauma atau kecederaan yang lebih teruk atau kehilangan nyawa (Bragdon, 2012; NSW Government, 2009). Untuk menjadi sebuah sistem kebajikan kanak-kanak yang baik juga, bilangan kanak-kanak yang berada di rumah perlindungan dan keluarga angkat sepatutnya sedikit (Bragdon, 2012). Ini sekaligus menggambarkan bahawa perkhidmatan yang efisien

dalam sistem kebajikan kanak-kanak yang bagus telah berjaya menjadikan keluarga sebagai sebuah ekologi yang selamat, stabil, kondusif dan harmoni untuk kehidupan kanak-kanak (Bragdon, 2012). Namun demikian, bagi kanak-kanak yang perlu diselamatkan dan terpaksa tinggal di rumah perlindungan, pihak pemerintah harus memastikan rumah perlindungan tersebut menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kanak-kanak dan kanak-kanak mendapat penjagaan yang berkualiti (Bragdon, 2012).

(iii) kanak-kanak diberi peluang sama rata untuk kehidupan selaras dengan CRC

Sistem kebajikan kanak-kanak yang baik juga perlu memastikan semua kanak-kanak memperoleh hak kehidupan seperti yang telah dinyatakan dan Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) (Bragdon, 2012; European Union, 2012). Oleh yang demikian, perkhidmatan yang melibatkan keperluan asasi kanak-kanak seperti pendidikan dan kesihatan seharusnya bersifat universal (NSW Government, 2009). Dengan kata lain, semua kanak-kanak di negara tersebut berhak memperolehnya tanpa mengambilkira latar belakang keluarga. Misalnya, di Denmark, semua kanak-kanak berusia 26 minggu hingga 6 tahun berhak mendapat kemudahan pusat jagaan harian (European Union, 2012). Di Sweden juga, semua kanak-kanak layak untuk memasuki prasekolah tanpa mengambilkira ibu mereka terlibat dalam sektor pekerjaan atau tidak (Nordfeldt & Larrson, 2013). Kerajaan Denmark menyediakan *Youth Guidance Centre* untuk memberi peluang golongan muda mendapatkan maklumat mengenai peluang melanjutkan pelajaran dan peluang kerjaya agar mereka lebih bersedia memasuki pasaran buruh pada masa akan datang (European Union, 2012). Di Australia, sistem penjagaan kesihatan dan pendidikan awal kanak-kanak diberikan secara universal kepada semua kanak-kanak (NSW Government, 2009). Bagi penjagaan kesihatan, Malaysia mempunyai sistem perkhidmatan yang boleh dibanggakan. Pemeriksaan

antenatal termasuk suntikan vaksin diberikan secara percuma di klinik kerajaan dan layak untuk semua kanak-kanak.

Matlamat akhir sistem kebajikan kanak-kanak adalah untuk memastikan kanak-kanak dapat hidup dengan sejahtera (Nordfeldt & Larrson, 2013). Maka, semakin baik sistem kebajikan, kesejahteraan hidup kanak-kanak semakin terjamin. Oleh yang demikian, tiga ciri yang telah dijelaskan di atas perlu dipertimbangkan dalam menambahbaik sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di negara ini.

7.3 Memperkukuhkan Program Jaringan Keselamatan Sosial (*Social Safety Net Programmes*) Khusus Untuk Kanak-Kanak

Selain daripada memantau faktor-faktor risiko luar kawalan yang mampu menggugat kesejahteraan material kanak-kanak, anggota masyarakat; khususnya kerajaan yang merupakan *parens patriae* kepada kanak-kanak perlu mengambil inisiatif mewujudkan satu skim perlindungan sosial (*social security schemes*) untuk kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak dari keluarga miskin. Kewujudan program ini penting bagi memastikan tahap kesejahteraan atau kualiti hidup kanak-kanak boleh dijamin berada pada tahap yang baik walaupun anasir-anasir risiko hadir.

Program perlindungan sosial mempunyai dua objektif utama; iaitu mengurangkan beban ekonomi yang ditanggung oleh keluarga kesan dari gangguan sumber pendapatan dan mencegah/mengurangkan/menghapuskan kemiskinan (Siti Hajar, 2007). Pada dasarnya, perlindungan sosial mesti mempunyai empat elemen penting; iaitu (1) setiap individu mempunyai hak sosial untuk dilindungi daripada segala bentuk ancaman yang boleh menyebabkan kebajikan hidupnya terganggu, (2)

program disediakan secara kolektif dengan berasaskan semangat sukarela, (3) melindungi individu daripada risiko yang tidak dijangka, dan (4) merangkumi bantuan kewangan, material dan manfaat asas lain seperti kesihatan, pendidikan dan perumahan (Siti Hajar, 2007). Keempat-empat elemen tersebut perlu menjadi asas dalam perancangan mana-mana skim jaringan keselamatan sosial untuk kanak-kanak, khususnya kanak-kanak berisiko.

Pengkaji ingin mengambil contoh amalan negara-negara OECD dalam program perlindungan sosial yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan. Mereka melakukan tiga kaedah iaitu melalui pemberian manfaat tunai, elaun khusus atau pengecualian cukai untuk keluarga dan menyediakan perkhidmatan sosial keluarga (spt. penjagaan anak, perumahan & pengangkutan) (Richardson, 2012). Dari segi manfaat tunai, elaun diberi kepada keluarga untuk memberi sokongan ekonomi kepada kos membesarkan anak. Denmark adalah salah satu negara yang mempunyai amalan pemberian manfaat tunai yang bagus (Richardson, 2012). *Child Support Payment* yang diamalkan di negara tersebut merupakan pembiayaan untuk menjalankan tanggungjawab penjagaan anak yang dibayar kepada ibu bapa secara berkala sehingga anak berusia 18 tahun bagi memastikan semua kanak-kanak di Denmark mempunyai sokongan kewangan untuk sara hidup dan membesar dengan sejahtera. Selain itu, terdapat juga manfaat dari segi cuti bergaji kepada ibu bapa (misalnya *maternity leave*, *paternity leave* dan *extended home care leave*) bagi menyokong keluarga dalam urusan penjagaan anak. Elaun khusus atau pengecualian cukai untuk keluarga pula merupakan skim manfaat pekerjaan di mana kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada keluarga dikurangkan bagi setiap anak, serta mengikut keperluan umur anak.

Selain itu, perkhidmatan yang disediakan dalam program perlindungan sosial di negara-negara OECD juga memfokus kepada perkhidmatan penjagaan anak dan perkhidmatan jagaan selepas sesi persekolahan. Sebagai sokongan kepada keluarga dalam meringankan beban kewangan dan membantu keluarga dari mengalami deprivasi, perkhidmatan tersebut ditawarkan dengan harga subsidi atau diberikan secara percuma. Dalam amalan ini, Sweden terkehadapan dalam perkhidmatan penjagaan anak (Richardson, 2012). Negara tersebut merupakan negara yang menawarkan yuran penjagaan anak yang paling rendah dalam kalangan negara-negara OECD. Polisi penjagaan anak di Sweden juga direkabentuk untuk menyokong keluarga yang berisiko, mengurangkan beban penjagaan anak, menyokong perkembangan anak dan memberi kelonggaran kepada ibu bapa yang bekerja untuk menjaga anak.

Gassman-Pines dan Hill (2013) turut mengkaji program-program jaringan keselamatan sosial di Amerika Syarikat dan kesannya terhadap kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak. Mereka telah meneliti empat program jaringan keselamatan sosial iaitu *Earned Income Tax Credit* (EITC), *Supplement Nutrition Assistance Program* (SNAP), *Children's Health Insurance Program* (CHIP) dan *Child Subsidies*. EITC merupakan manfaat tunai yang dipotong daripada cukai yang dapat meningkatkan keadaan ekonomi keluarga. SNAP pula merupakan program bantuan pemakanan berkhasiat berupa sarapan pagi, makan tengahari dan minum petang yang diberikan kepada kanak-kanak berisiko (cth: *Hispanic, Latino, Africa-American*) di sekolah dan pusat-pusat sehenti bagi tujuan mengurangkan risiko kanak-kanak kepada pengambilan makanan yang kurang berkhasiat. CHIP pula merupakan program insurans kesihatan yang memberikan kemudahan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan pengesanan penyakit kronik dalam kalangan kanak-kanak. Seterusnya, *Child Subsidies* merangkumi baucer atau peruntukan kewangan yang diberikan kepada

keluarga berpendapatan rendah untuk membayar kos penjagaan anak. Keempat-empat program tersebut berkesan dalam memperbaiki keadaan ekonomi keluarga, meningkatkan kefungsian keluarga dan seterusnya memberi kesan positif kepada perkembangan kanak-kanak yang akhirnya meningkatkan kesejahteraan hidup mereka (Gassman-Pines & Hill, 2013).

Bohn dan Danielson (2012) pula meneliti program jaringan keselamatan sosial di California, Amerika Syarikat. Program tersebut ialah *California's Food Stamp Program* (CalFresh), program subsidi perumahan, *Earned Income Tax Credit* (EITC) dan *California Welfare program* (CalWORKs). CalFresh merupakan program bagi meningkatkan keselamatan pemakanan, program subsidi perumahan pula merupakan usaha kerajaan untuk mengurangkan kepadatan penduduk di kawasan sesak dengan membuat penempatan semula perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan EITC merupakan manfaat tunai yang diberi bagi membantu keluarga memenuhi keperluan. Berdasarkan analisis Bohn dan Danielson (2012), kesemua program tersebut telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan kanak-kanak.

Britain juga telah melaksanakan program keselamatan sosial untuk membasmi kemiskinan bagi membantu kanak-kanak miskin (Clackmannanshire Council, 2015). Antaranya ialah melaksanakan *Healthy Start Vouchers* yang merangkumi program makanan percuma di sekolah, menyediakan pengangkutan percuma dari rumah ke sekolah, menawarkan 15 jam perkhidmatan penjagaan secara percuma beserta pendidikan prasekolah berkualiti tinggi dan latihan dalam bekerja kepada kanak-kanak berusia 16 tahun ke atas sebagai persediaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan bagi yang tidak mampu atau tidak berminat untuk meneruskan bidang akademik. Ringkasnya, program tersebut memberi perlindungan kepada kanak-kanak terhadap

pelbagai keperluan penting untuk hidup seperti makanan, pendidikan, perkhidmatan pengangkutan ke sekolah, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan latihan pekerjaan.

Sekiranya amalan-amalan di atas dapat diterapkan ke dalam sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di Malaysia, menerusi sistem perkhidmatan bersekutunya dengan skim-skim sosial keluarga di tempat kerja, perkhidmatan kanak-kanak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan kelas-kelas tadika oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), serta pengusaha-pengusaha tadika dan pusat-pusat asuhan, beban kos penjagaan anak serta kesulitan keluarga menjaga anak-anak ketika waktu mereka keluar bekerja dapat dikurangkan. Begitu juga, amalan sebegini memberi peluang untuk ketua keluarga dari keluarga-keluarga berisiko; khususnya keluarga-keluarga yang diketuai oleh ibu atau bapa tunggal keluar bekerja dan boleh berjimat dalam kos penjagaan anak. Bagi kanak-kanak pula, skim-skim sokongan sosial sebegini amat bermakna dalam tumbesaran mereka.

Berdasarkan contoh beberapa skim sosial yang dinyatakan di atas juga, pengkaji berpendapat program perlindungan / jaringan keselamatan sosial dapat membantu kanak-kanak miskin memenuhi keperluan hidup yang mendorong kepada peningkatan kesejahteraan hidup mereka. Selain itu, program jaringan keselamatan sosial kanak-kanak juga perlu meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti kewangan, makanan, kesihatan, pendidikan dan penyediaan perkhidmatan. Program-program jaringan keselamatan sosial sekomprensif begini mampu menjamin-pulihara kesejahteraan hidup kanak-kanak sepanjang masa; khususnya dalam tempoh masa malapetaka sosial (cth: kemiskinan, kematian pencari nafkah keluarga, pengangguran ketua keluarga, keuzuran, inflasi ekonomi) berlaku.

Walaupun pengkaji memetik beberapa contoh amalan dari negara luar, ini tidak bermakna yang Malaysia tidak memberi perhatian kepada aspek perlindungan sosial kanak-kanak. Negara kita juga, sejak sebelum menjadi negara anggota Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak, telah berusaha mewujudkan dan membangunkan beberapa skim jaringan sosial untuk kanak-kanak nya. Sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak (*child welfare services*) yang terdapat di dalam negara tidak kurang hebatnya dalam membantu memastikan kehidupan kanak-kanak di Malaysia berada pada tahap yang baik. Menurut Pathmanathan dan Siti Hajar (2013), perkhidmatan kebajikan kanak-kanak merujuk kepada aktiviti mempromosi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga mereka serta menambahbaik/membekalkan bantuan kepada ibu bapa yang mempunyai masalah untuk berfungsi dengan sewajarnya. Perkhidmatan tersebut termasuklah perkhidmatan perlindungan, pemeliharaan, dan penjagaan gantian, pemulihan, sokongan, perkhidmatan tambahan dan perkhidmatan sepunya (Normila, 2012).

Antara contoh perkhidmatan kebajikan kanak-kanak yang penting dalam konteks Malaysia adalah perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak. Beberapa kemajuan dari segi tahap kesihatan kanak-kanak yang dicapai, misalnya penurunan kadar mortaliti bayi (6.5 pada tahun 2010 kepada 6.4 pada tahun 2013) menggambarkan bahawa sistem perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak di negara ini semakin mantap. Kerajaan terus menunjukkan komitmen terhadap aspek kesihatan dalam bajet 2015. Sejumlah RM23.3 bilion diperuntukkan untuk memantapkan sektor kesihatan bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Antaranya ialah membina lebih banyak hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian dan klinik 1Malaysia serta melaksanakan program pencegahan denggi. Usaha-usaha tersebut secara tidak langsung mampu memelihara tahap kesihatan yang baik dalam kalangan kanak-kanak dan melindungi

mereka dari bahaya penyakit. Usaha tersebut juga sekaligus mampu mengekalkan kesejahteraan kanak-kanak pada tahap yang baik.

Dari aspek pendidikan pula, kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan subsidi untuk meningkatkan peluang pendidikan kepada kanak-kanak. Ini kerana pendidikan merupakan salah satu cara bagi keluarga dan masyarakat keluar dari kemiskinan dan menuju kesejahteraan. Terkini, kerajaan menunjukkan komitmen dalam usaha untuk memantapkan prestasi sekolah dan profesionalisme perguruan dengan memperuntukkan sebanyak RM56 bilion dalam bajet 2015. Antara agenda utama untuk bidang pendidikan pada tahun 2015 ialah membangun dan menyelenggara kemudahan pendidikan (dengan peruntukan sebanyak RM800 juta) dan mengurus perdanakan pendidikan teknik dan latihan vokasional (dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion). Ini boleh menjamin tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak yang tinggi secara berterusan pada masa akan datang.

Sistem kebajikan yang melingkari kehidupan kanak-kanak berisiko boleh menyebabkan hidup mereka menjadi sejahtera. Salah satu daripadanya ialah sistem perlindungan. Konsep perlindungan insurans sosial meliputi perlindungan daripada risiko seperti kesihatan, tingkahlaku, peluang dan persaingan dalam pendidikan dan latihan, pencemaran, perubahan struktur dan gaya hidup institusi sosial di mana individu membesar (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Program perlindungan insurans merupakan strategi kebajikan sosial yang penting untuk menjamin dan melindungi kebajikan masyarakat. Negara-negara maju seperti Sweden, Norway dan Britain mempunyai sistem insurans sosial yang spesifik untuk kanak-kanak mereka. Sistem insurans sosial ini disediakan secara universal untuk semua kanak-kanak mereka; dengan penumpuan lebih terperinci kepada kanak-kanak berisiko. Di Sweden misalnya,

sistem perlindungan sosial merangkumi sistem perlindungan kanak-kanak dalam hal-hal sosial seperti pendidikan wajib, perkhidmatan sosial, perubatan dan perlindungan daripada diskriminasi, penyesihan sosial dan ekonomi, penderaan, jenayah dan pemeliharaan hak. Di Britain pula, sistem caruman insurans untuk kanak-kanak dikuatkuasakan melalui pelaksanaan Dasar Amanah Saham Kanak-kanak. Menurut sistem tersebut, kanak-kanak yang lahir mulai September 2002 diberi wang pendahuluan antara £250-500. Kanak-kanak yang kurang mampu, misalnya kanak-kanak dari keluarga miskin menerima nilai wang pendahuluan yang lebih tinggi. Ibu bapa pula dikehendaki membuka akaun khas untuk anak bagi tujuan pendepositan. Arahannya ini secara tidak langsung telah menjadikan semua kanak-kanak memiliki akaun bank. Akaun tersebut akan ditahan selama 18 tahun iaitu sehingga kanak-kanak mencapai usia matang.

Sistem perlindungan insurans yang boleh dipraktikkan di Malaysia perlu dilihat dari perspektif pelaburan-pencegahan (*investment-prevention perspective*), iaitu sistem pencegahan yang melibatkan perkongsian tanggungjawab semua anggota komuniti dalam menjaga kebajikan kanak-kanak. Sebenarnya, Malaysia turut melaksanakan sistem caruman insurans menerusi skim simpanan pendidikan. Skim tersebut ialah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) iaitu skim simpanan pendidikan yang diiringi dengan manfaat insurans dan beberapa manfaat lain. Skim tersebut boleh dipohon oleh semua rakyat Malaysia sejak di peringkat bayi. Antara manfaat kepada pencarum skim tersebut ialah kelayakan untuk memohon pembiayaan pendidikan (PTPTN) kepada pendeposit, pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM6000 setahun bagi keluarga, perlindungan takaful (kematian/iltal kekal) kepada pendeposit yang berusia 18 hingga 65 tahun dan Geran Sepadan (pemberian wang) untuk pendeposit yang berjaya masuk ke institusi pengajian tinggi (bagi keluarga

berpendapatan RM200 ke bawah) serta dividen (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara, 2015). Namun, skim tersebut tidak diwajibkan kepada semua kanak-kanak di Malaysia. Oleh yang demikian, sekiranya kerajaan Malaysia mengambil serius berhubung perkara ini, dasar untuk pencarum SSPN boleh disemak semula dan mengambilkira dasar saham kanak-kanak yang dipraktikkan di Sweden dan Britain sebagai panduan untuk menambahbaik sistem pencaruman SSPN.

Pendek kata, kesejahteraan hidup kanak-kanak di mana-mana negara pun banyak bergantung kepada sistem jaringan keselamatan sosial awam yang disediakan oleh pemerintah untuk kanak-kanak masing-masing. Inisiatif-inisiatif mewujudkan program-program perlindungan sosial yang spesifik untuk kanak-kanak dan memperkukuhkan program-program tersebut agar tidak terganggu dengan perubahan sosial yang berlaku perlu berlaku secara berterusan bagi memastikan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak sentiasa berada pada paras yang baik.

7.4 Program Kesejahteraan Seimbang Dan Lestari Untuk Kanak-Kanak

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan objektif dan kesejahteraan subjektif kanak-kanak di Malaysia tidak seimbang. Tahap kesejahteraan objektif (77.2%) lebih tinggi berbanding kesejahteraan subjektif yang masih berada pada tahap sederhana (72.3%). Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pembangunan diri kanak-kanak. Secara luaran, kelihatan mereka dapat menikmati semua keperluan hidup. Namun, sebenarnya, dari segi dalaman mereka mengalami pelbagai defisit. Contohnya, sahsiah diri dan kemahiran hidup. Dalam jangka masa panjang, impak kesejahteraan yang tidak seimbang ini boleh menjejaskan usaha negara untuk menyediakan generasi yang berdaya saing dan mampu meneraju negara pada masa akan datang.

Ketidakseimbangan antara kesejahteraan objektif dan subjektif boleh menjajaskan matlamat negara untuk melaksanakan Dasar Sosial Negara mahupun mencapai Wawasan 2020. Pada dasarnya, pihak kerajaan memang mengambil berat mengenai pembangunan insan seimbang. Buktinya, kerajaan dalam wawasannya menjelang tahun 2020 telah mensasarkan untuk mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi objektif dan subjektif iaitu mempunyai ciri-ciri seperti progresif, maju dalam ekonomi, bermoral dan beretika dan penyayang. Dasar Sosial Negara turut menekankan pembangunan yang seimbang iaitu memastikan keperluan asas anggota masyarakat dipenuhi dan memastikan mereka memperoleh peluang untuk mengembangkan potensi diri secara optimum (JKMM, 2013b).

Tidak dinafikan, kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan kesejahteraan objektif kanak-kanak di Malaysia. Terdapat bantuan kewangan seperti BKK dan KWAPM bagi merendahkan risiko keluarga miskin terhadap tekanan kewangan sekaligus membantu mereka memenuhi keperluan objektif kanak-kanak. Terdapat juga bantuan seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) yang bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan kanak-kanak sekolah agar mereka boleh menumpukan perhatian kepada aktiviti pembelajaran di sekolah. Selain itu, kerajaan juga telah mengambil banyak inisiatif untuk mengurangkan beban keluarga terutamanya dalam memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak; misalnya Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dan pemansuhan yuran persekolahan. Kerajaan juga telah melakukan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan taraf kesihatan kanak-kanak. Antara bukti kepada inisiatif tersebut ialah pengurangan kadar mortaliti (kematian ketika lahir) dari 23.8 peratus pada tahun 1980 kepada 6.7 peratus pada tahun 2010 (Ng, Noran, Ng & Adeeba, 2014). Malah,

pencapaian dalam aspek kesihatan negara ini pada tahun 2012 setanding dengan negara-negara membangun yang lain (Ng et al., 2014).

Di Malaysia, inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan subjektif menjadi salah satu fokus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam tempoh rancangan tersebut, usaha membangunkan modal insan giat dijalankan. Antara strategi pembangunan modal insan yang memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak ialah pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan bagi menghasilkan perkhidmatan yang seragam dan berkualiti, akses pendidikan prasekolah diperluas, mengkaji semua aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum bagi memastikan pembangunan kompetensi teras bersesuaian dengan keperluan semasa kanak-kanak, meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan dengan menasaskan guru berijazah di sekolah menengah dan rendah dan melaksanakan Program Pembestarian Sekolah bagi menghasilkan modal insan yang mahir menggunakan teknologi. Usaha membangunkan modal insan turut diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Antara strategi tambahan yang memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak ialah penubuhan sekolah berprestasi tinggi bagi menghasilkan modal insan minda kelas pertama. Strategi lain ialah mengarusperdanakan pendidikan teknikal bagi merealisasikan potensi berdasarkan kecenderungan dan bakat untuk menghasilkan modal insan yang boleh memenuhi keperluan industri.

Pendek kata, usaha-usaha dan intervensi yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memastikan kanak-kanak yang hidup membesar dalam ekologi keluarga miskin di negara ini berada dalam keadaan yang terkawal. Walaupun keluarga responden dalam kajian ini berpendapatan rendah, bertaraf pendidikan rendah atau mempunyai saiz keluarga yang besar, inisiatif dan

intervensi kerajaan telah merendahkan risiko dalam persekitaran keluarga yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan tadi daripada memberi kesan negatif kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam keluarga tersebut terutamanya dari aspek objektif.

Dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap kesejahteraan objektif dan subjektif kanak-kanak yang menyertai kajian tidak seiring mendorong pengkaji untuk mencadangkan agar kita mengambil langkah proaktif untuk menyeimbangkan kesejahteraan objektif dan subjektif dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Dengan kata lain, pemenuhan keperluan fizikal dan material perlu seiring dengan pemenuhan keperluan peribadi, moral dan spritual.

Pengkaji ingin mengambil contoh amalan di beberapa negara luar dalam memastikan kanak-kanak nya menikmati kualiti hidup yang seimbang. Rata-ratanya, kerajaan pemerintah di negara-negara yang mempunyai Dasar Kebajikan Kanak-kanak yang bersifat mesra kanak-kanak (*child-friendly*) menyediakan perkhidmatan *tangible* seperti menyediakan bantuan sosial, mewujudkan polisi keselamatan kewangan keluarga dan menyediakan pusat jagaan kanak-kanak untuk kanak-kanak secara langsung mahupun tidak langsung (Downs et al., 2010). Bagi perkhidmatan *intangible* pula, mereka menyediakan pelbagai program pembangunan modal insan seperti latihan kemahiran dan vokasional, program sokongan kepada keluarga, program pengukuhan keluarga, program pendidikan keibubapaan (Desai, 2010; Power & Maluccio, 1998). Perkhidmatan *tangible* dan *intangible* ini diusahakan bagi memastikan kanak-kanak memperoleh kesejahteraan yang seimbang dari segi objektif dan subjektif.

Mencerap praktis di negara-negara berkenaan, pengkaji ini mencadangkan tiga strategi utama berikut dalam sebarang intervensi sosial kanak-kanak bagi menyeimbangkan kesejahteraan hidup mereka:

- (i) menggalakkan penglibatan/penyertaan sosial kanak-kanak,
- (ii) memperkasakan aksesibiliti kanak-kanak kepada semua perkhidmatan dan program sosial yang dibina untuk mereka, dan
- (iii) memperkukuhkan aset moral dan spiritual kanak-kanak.

7.4.1 Menggalakkan penglibatan/penyertaan sosial kanak-kanak

Hasil kajian ini mendapati tahap penglibatan kanak-kanak terhadap aktiviti secara sendirian, bersama keluarga atau rakan, di sekolah atau dalam komuniti mempunyai beberapa variasi, bergantung kepada jenis aktiviti yang terdapat dalam komuniti yang mereka anggotai. Dari segi tahap penglibatan, hanya penglibatan dalam kebanyakan aktiviti bersama keluarga menunjukkan peratus paling tinggi. Ini kemudiannya diikuti oleh penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti bersama rakan sebaya. Variasi penglibatan dalam aktiviti di sekolah dan dalam komuniti pula bergantung kepada jenis aktiviti yang diikuti.

Penyertaan atau penglibatan dalam aktiviti seharian merupakan sebahagian daripada keperluan manusia (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013). Sebaliknya, individu yang tidak menyertai sebarang aktiviti sosial dilihat sebagai tidak sihat. Levasseur, Richard, Gauvin dan Raymond (2010) mengkaji taksonomi penyertaan sosial. Mereka telah mengenalpasti tujuh dimensi dalam menjelaskan makna penyertaan sosial. Dimensi tersebut ialah siapa, bagaimana, apa, di mana, bila, dengan siapa dan mengapa. 'Siapa' merujuk sama ada individu, kumpulan sosial atau masyarakat. 'Bagaimana'

merujuk kepada bagaimana terma penyertaan sosial dilihat dari pelbagai bidang, misalnya penglibatan sosial atau penghubung sosial. 'Apa' pula merujuk kepada jenis aktiviti yang dilakukan. Dimensi 'di mana' bermaksud ruang sosial dan fizikal di mana aktiviti dilakukan. 'Bila' pula merujuk kepada kekerapan suatu aktiviti dilakukan. Akhir sekali, 'mengapa' merujuk kepada kepentingan dan manfaat kepada individu yang terlibat. Dalam konteks kebajikan kanak-kanak, mereka biasanya melibatkan diri sekiranya ia membabitkan hal-ehwal kebajikan mereka. Penglibatan tersebut pula dilihat sebagai komitmen kanak-kanak terhadap kesejahteraan hidup mereka (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013).

Dari segi aktiviti yang disertai pula, Levasseur et al. (2010) menentengahkan taksonomi aktiviti. Terdapat 6 tahap dalam taksonomi tersebut. Tahap 1 ialah aktiviti berkait dengan keperluan asasi/pelanjutan dan aktiviti seharian yang menghubungkannya dengan individu lain. Tahap 2 pula melibatkan aktiviti yang wujud menerusi jaringan atau medium maya. Tahap 3 pula merujuk aktiviti berhubungan dan mempunyai sosial dengan individu lain menerusi pelbagai medium. Tahap 4 merujuk kepada aktiviti yang memerlukan kerjasama dan mencapai kata sepakat. Tahap 5 melibatkan aktiviti menolong orang lain manakala aktiviti Tahap 6 pula melibatkan sumbangan individu kepada masyarakat. Berkaitan kepada skala ini, peratus penglibatan kanak-kanak dalam kajian ini yang cenderung kepada aktiviti bersama keluarga dan rakan sebaya jelas menunjukkan kanak-kanak lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti di mana mereka dapat memenuhi keperluan, dapat menjalinkan hubungan sosial dengan individu yang mereka suka dan boleh menyumbang secara aktif dalam aktiviti yang dilakukan.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin mencadangkan dua strategi yang boleh dilakukan bagi meningkatkan tahap penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti di peringkat keluarga, sekolah mahupun komuniti. Strategi-strategi berikut digariskan setelah mengambilkira dua perkara utama iaitu CRC dan Dasar Kanak-kanak Negara. Artikel 31 CRC telah menyatakan bahawa kanak-kanak wajar diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang bersesuaian dengan umur mereka (UNICEF, 2009). Hak penyertaan dalam Dasar Kanak-kanak pula telah menetapkan bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang menyertai aktiviti berkaitan dengan hal-ehwal mereka dan pendapat mereka perlu diambilkira dalam merangka program yang berkaitan dengan kepentingan mereka (JKMM, 2015). Dua strategi tersebut ialah:

- (i) Mewujudkan rasa autoriti dalam diri kanak-kanak; dan,
- (ii) menyediakan persekitaran sosial yang baik.

7.4.1.1 Mewujudkan rasa autoriti dalam diri kanak-kanak

Strategi pertama ialah mewujudkan rasa autoriti dalam diri kanak-kanak terhadap program/aktiviti yang diadakan. Strategi ini mampu menggalakkan penyertaan aktif mereka. Menurut Bessell (2010), kanak-kanak mampu menyertai suatu aktiviti secara aktif sekiranya mereka diberitahu dengan cara yang sewajarnya, diberi tugas merancang, mengurus dan membuat keputusan berkaitan dengan aktiviti tersebut. Tugas yang diberikan mampu mencetuskan rasa autoriti dalam diri mereka. Selain itu, tugas yang diberikan mampu meningkatkan nilai dan martabat diri, menanamkan sikap tanggungjawab dan menanamkan nilai menjaga kepentingan orang lain (Bessell, 2010).

Bagi mencapai matlamat ini, kanak-kanak perlu didedahkan dengan pelbagai peluang untuk menerajui program-program berstruktur yang terdapat dalam komuniti. Program berstruktur ialah program spesifik yang dirangka untuk memenuhi keperluan kanak-kanak (Halpern et al, 2000 dlm Siti Hajar, 2006). Dalam program tersebut, kanak-kanak diberi peluang merancang dan menguruskan aktiviti. Pengalaman yang dilalui oleh kanak-kanak dapat meningkatkan tahap kematangan dan rasa autoriti mereka.

Selain memberi pendedahan dan peluang untuk menerajui program-program yang berkaitan dengan mereka, kaedah lain untuk mewujudkan autoriti diri ialah melalui latihan modifikasi sikap dan tingkahlaku dalam program pembangunan diri. Di luar negara, usaha memupuk rasa autoriti dalam diri kanak-kanak banyak dilakukan dalam program pembangunan diri, program kepimpinan dan program mengasah bakat dan minat. Dalam *Self-enhancement Program* di Amerika Syarikat, kanak-kanak didedahkan dengan pembinaan peribadi yang baik melalui program yang berstruktur dan komprehensif (National Research Council on Community Program, 2003). Walaupun pada awal pelaksanaannya, ia merupakan program pencegahan keganasan untuk kanak-kanak, namun ia telah diperluaskan dalam pelbagai latar (*setting*) apabila ia dilihat berkesan dalam membina peribadi kanak-kanak. Di Hong Kong pula, autoriti diri diterapkan ke dalam diri kanak-kanak di dalam program kepimpinan, *Leadership Program for Kids* (Mindquest Group, 2012). Selain autoriti, terdapat nilai-nilai kepimpinan lain yang turut diterapkan kepada kanak-kanak seperti keyakinan, integriti, komitmen, bekerja secara berkumpulan dan berkomunikasi secara berkesan. Semua nilai tersebut dilatih melalui empat modul iaitu modul nilai (*value*), modul sikap (*attitude*), modul perhubungan (*relationship*) dan modul keputusan (*decision*) (Mindquest Group, 2012). Program tersebut mendapat maklumbalas yang positif terutamanya daripada ibu

bapa yang mengakui bahawa terdapat perubahan positif dalam diri anak mereka setelah menghadiri program tersebut (Mindquest Group, 2012).

Dalam konteks masyarakat Malaysia, contoh program yang boleh membina autoriti diri mengikut keperluan golongan kanak-kanak ialah seperti bengkel kemahiran sosial, bengkel teknologi, kem kepimpinan dan ceramah kerjaya. Selain menanamkan rasa autoriti dalam diri, program-program sebegini juga dapat memupuk nilai positif dan tingkahlaku prososial dalam diri peserta program. Kaedah untuk mewujudkan rasa autoriti juga boleh diasuh dalam program memperkukuhkan kemahiran sosial yang diperjelaskan dalam Bahagian 7.4.3.

7.4.1.2 Menyediakan persekitaran sosial yang baik

Strategi kedua ialah menyediakan persekitaran sosial yang baik. Dari perspektif ekologi, penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial yang berlangsung dalam persekitaran yang melibatkan pelbagai sektor dan agensi mampu mempertingkatkan perkembangan peribadi yang bersifat positif kepada kanak-kanak. Pelbagai nilai, tanggungjawab, peranan, dan fungsi sosial setiap agensi/sektor mampu membina suatu ikatan sosial yang membuatkan kanak-kanak rasa mempunyai dan dipunyai lantas menghargai individu di sekeliling. Selain itu, penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sosial boleh memberi mereka ilmu dan kemahiran sosial yang penting untuk kehidupan. Dalam pada itu, sektor yang terlibat dengan aktiviti bersama kanak-kanak juga perlu sensitif, mesra, mempunyai empati dan menyokong proses tersebut.

Bagi mewujudkan sebuah persekitaran sosial yang baik untuk tumbesaran atau perkembangan positif kanak-kanak, pendekatan pencegahan-pelaburan (*prevention-investment approach*) yang diperjuangkan oleh sekelompok para advokat kebijakan

kanak-kanak di Amerika Syarikat mungkin boleh dipertimbangkan aplikasinya. Pendekatan pencegahan-pelaburan telah diaplikasi dalam banyak aspek kehidupan.

Sebagai contoh, pelaburan dalam pendidikan prasekolah telah meningkatkan kadar literasi masyarakat, khususnya golongan kanak-kanak (Temple & Reynolds, 2007). Ini kerana perkhidmatan prasekolah yang berkualiti dapat mempercepatkan kanak-kanak untuk melakukan asas membaca, mengira dan menulis (3M). Pendedahan awal 3M di peringkat awal kanak-kanak telah memudahkan proses penyesuaian apabila mereka masuk ke sekolah rendah. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan kesejahteraan mereka khususnya dari aspek pendidikan.

Dalam konteks yang lain, pendekatan pencegahan-pelaburan turut digunakan dalam menangani masalah HIV/AIDS (Schwartlander, Stover, Hallett, Atun, Avila, Gouws & Bartos, 2011). Sistem pengurusan maklumbalas HIV/AIDS yang menggunakan pendekatan pencegahan-pelaburan itu disifatkan sebagai lebih strategik kerana mampu menyediakan persekitaran sosial dan fizikal bagi meningkatkan keberkesanan terhadap aktiviti pencegahan, rawatan, penjagaan dan khidmat sokongan berhubung HIV/AIDS. Walaupun Amerika Syarikat perlu mengeluarkan kos sebanyak USD22 juta setahun, namun negara tersebut dijangka dapat menyelamatkan 12.2 juta jangkitan baru HIV dan 7.4 juta kematian disebabkan HIV di antara tahun 2011 hingga 2020 (Schwartlander et al., 2011).

Selain itu, Amerika Syarikat turut mempunyai program *Youthbuild USA*. Program tersebut mula diwujudkan pada 1990an apabila terdapat 5.4 juta kes keciciran akademik di negara tersebut (Youth Build USA, 2014). Kanak-kanak yang mengalami keciciran akademik ditawarkan dengan program pendidikan dan latihan kemahiran

sepanjang 12 hingga 18 bulan. Dalam tempoh tersebut, selain diberi peluang untuk meneruskan pendidikan, kanak-kanak juga dilatih dengan pelbagai kemahiran pembangunan diri, teknikal dan praktikal (Youth Build USA, 2014). Kanak-kanak turut dibayar upah atas setiap tugas praktikal yang dilakukan, misalnya termasuk membina rumah untuk golongan gelandangan (Youth Build USA, 2014). Program tersebut berkesan kerana sejumlah 89 peratus daripada peserta program berjaya memperoleh pencapaian akademik hingga ke peringkat diploma dan 85 peratus daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan.

Di Filipina pula, program KIDS IN SHAPE yang mula dilaksanakan pada tahun 2008 merupakan program yang mengumpulkan kanak-kanak berusia 6 hingga 15 tahun yang keciciran akademik. Di dalam program tersebut, kanak-kanak dilatih untuk mengembangkan sosial dan moral yang baik agar menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat yang berguna melalui aktiviti seperti bersukan dan aktiviti riadah fizikal (Aman, 2015).

Mengambil contoh-contoh di atas, pendekatan pencegahan-pelaburan juga boleh diaplikasi di negara ini dalam mewujudkan persekitaran sosial yang baik bagi menjamin kesejahteraan hidup kanak-kanak. Inisiatif ini seharusnya dipikul oleh agensi pemberi perkhidmatan atau pihak berwajib. Penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) iaitu pusat sehenti untuk pelbagai aktiviti kanak-kanak merupakan suatu perkhidmatan yang menggunakan pendekatan pencegahan-pelaburan. Ini kerana kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah dana untuk membina pusat tersebut dan menempatkan staf yang menyelenggara perkhidmatan yang ditawarkan. Namun, ianya merupakan suatu pelaburan yang mampu memberi keuntungan kepada negara sekiranya insiden masalah sosial dan jenayah dapat dikurangkan, sebaliknya kanak-kanak berpeluang untuk

mengasah bakat dan minat serta memupuk budaya positif seperti perbincangan interaktif, membaca dan bersukan. Sekiranya agensi penaung kanak-kanak ingin mengambil serius perkara ini, penyelenggaraan PAKK sedia ada perlu ditambahbaik dan PAKK perlu diwujudkan dengan lebih banyak lagi bagi memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak.

7.4.2 Memperkasakan aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan dan program sosial

Hasil kajian ini menunjukkan peratus kesejahteraan terhadap aksesibiliti perkhidmatan sosial untuk kanak-kanak ialah 60.2 peratus, iaitu pada tahap yang sederhana. Malah, peratus kesejahteraan yang dicatatkan dalam kluster ini adalah paling rendah berbanding tiga komponen kesejahteraan objektif yang lain, iaitu pendidikan, kesihatan dan material. Pengkaji ingin menarik perhatian beberapa perkhidmatan yang menjadi keperluan yang tinggi bagi kanak-kanak, namun tahap kesejahteraan terhadap perkhidmatan tersebut tidak tinggi (sederhana/rendah). Antaranya ialah perpustakaan; tahap keperluan ialah 83 peratus namun tahap kesejahteraan hanya 57.2 peratus. Selain itu, bantuan biaya sekolah; tahap keperluan ialah 83.5 peratus manakala tahap kesejahteraan hanya 65.3 peratus. Bagi perkhidmatan pemberian komputer percuma pula, tahap keperluan ialah 78 peratus manakala tahap kesejahteraan hanya 37.2 peratus.

Tahap kesejahteraan yang kurang memuaskan terhadap aksesibiliti perkhidmatan tersebut boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kurangnya aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan yang ditawarkan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang kurang cekap. Faktor-faktor tersebut menyebabkan ramai kanak-kanak tidak dapat mengakses perkhidmatan, jauh untuk pergi ke lokasi

perkhidmatan atau tidak mendapat perkhidmatan yang sepatutnya mereka dapat pada masa yang mereka perlukan.

Menurut Allard dan Cigna (2008), aksesibiliti dalam konteks perkhidmatan sosial merujuk kepada aspek perkhidmatan mudah diakses, jarak untuk memperoleh akses yang tidak menyusahkan klien perkhidmatan dan perkhidmatan yang dapat dinikmati oleh semua individu yang memerlukan di dalam satu-satu kawasan. Terdapat beberapa faktor yang boleh menghalang aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial. Sebahagian pusat pemberi perkhidmatan hanya terletak di bandar atau pekan (Belanger & Stone, 2008). Faktor jarak ini menjadi halangan kepada penduduk yang tinggal di luar bandar untuk mengakses perkhidmatan yang mereka perlukan (Allard & Cigna, 2008; Belanger & Stone, 2008). Oleh kerana jarak yang jauh, ia akan melibatkan keperluan pengangkutan dan kos (wang dan masa) untuk datang ke pusat perkhidmatan (Allard & Cigna, 2008). Bagi kanak-kanak khususnya, faktor keselamatan juga perlu diambilkira dan mereka memerlukan pengawasan daripada ibu bapa untuk pergi ke tempat tersebut.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengambil contoh perkhidmatan perpustakaan. Dari segi perancangan, setiap kawasan PPR dan luar bandar dilengkapi dengan perpustakaan. Namun demikian, perpustakaan di semua lokasi yang terlibat dalam kajian ini hampir tidak wujud atau jauh dari kawasan kediaman responden. Perkara tersebut tidak mampu menarik minat, tidak kondusif dan tidak selamat bagi kanak-kanak untuk mengunjungi perpustakaan. Contoh lain yang berkait dengan halangan aksesibiliti dalam kajian ini ialah skim pemberian komputer percuma. Pemberian komputer riba secara percuma yang diamalkan di Malaysia ialah ia diberikan kepada rakyat berpendapatan bulanan isirumah tidak melebihi RM3000 dengan syarat

mereka melanggan pakej perkhidmatan jalur lebar (internet) Telekom Malaysia. Syarat yang dikenakan ke atas pemohonan komputer riba percuma boleh menghalang peluang individu yang layak daripada memperolehnya. Ini kerana terdapat individu yang mahu melanggan perkhidmatan jalur lebar dengan syarikat telekomunikasi yang lain. Terdapat pelbagai syarikat telekomunikasi yang menawarkan perkhidmatan jalur lebar di negara ini, malah dengan kadar yuran bulanan yang lebih murah berbanding Telekom Malaysia.

Terdapat tiga strategi yang boleh dilakukan bagi meningkatkan aksesibiliti kanak-kanak kepada perkhidmatan sosial mereka; iaitu:

- (i) Meningkatkan kebolehdapatan perkhidmatan sosial,
- (ii) Perkhidmatan yang mudah akses; dan,
- (iii) Tawaran perkhidmatan sejajar dengan permintaan dan keperluan kumpulan sasaran.

7.4.2.1 Meningkatkan kebolehdapatan perkhidmatan sosial di kawasan klien yang memerlukan perkhidmatan tersebut

Lokasi pusat pemberi perkhidmatan sebaiknya mudah dikunjungi atau terletak berhampiran dengan kawasan tempat tinggal klien. Ini sekaligus dapat menyelesaikan masalah pengangkutan, mengurangkan kos untuk datang dan merendahkan risiko keselamatan dalam kalangan kanak-kanak. Bagi perkhidmatan perpustakaan misalnya, sekiranya setiap kawasan Perumahan Rakyat mempunyai satu perpustakaan, maka kanak-kanak tidak perlu keluar dari kawasan tersebut untuk mengakses perpustakaan.

Di Sweden misalnya, penyedia perkhidmatan sosial untuk kanak-kanak tidak terhad kepada agensi kerajaan sahaja (Nordfeldt & Larsson, 2013). Terdapat pihak

swasta dan badan sukarela yang turut menawarkan perkhidmatan tersebut. Dengan adanya penyedia perkhidmatan sosial yang banyak dan pelbagai, maka saluran penyedia perkhidmatan boleh diperluaskan ke hampir setiap kawasan penempatan. Ini telah meningkatkan kebolehdapatan perkhidmatan sosial di Sweden yang menyumbang kepada wujudnya sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak yang bagus (Nordfeldt & Larsson, 2013).

7.4.2.2 Perkhidmatan yang mudah diakses oleh kanak-kanak

Skim pemberian komputer riba secara percuma yang diamalkan di Malaysia ialah ia diberikan kepada rakyat berpendapatan rendah dengan syarat mereka melanggan pakej perkhidmatan jalur lebar Telekom Malaysia. Ini merupakan salah satu ciri perkhidmatan bantuan yang tidak mudah diakses kerana ia menjadi kekangan kepada sebahagian keluarga yang layak menerima sekiranya mereka memilih untuk melanggan perkhidmatan jalur lebar dari syarikat lain. Perkara ini sedikit sebanyak menjejaskan pemberian bantuan sekaligus menggugat kesejahteraan kanak-kanak kerana keperluan untuk memiliki komputer riba secara percuma tidak dapat dipenuhi.

Pemberian komputer percuma kepada kanak-kanak lazimnya dipraktikkan di negara-negara miskin seperti Kenya, Nigeria dan Gambia (Global Partnership for Education, 2015). Ia diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah bagi memudah dan menggalakkan kanak-kanak tersebut mengakses maklumat dan pengetahuan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran mereka (Global Partnership for Education, 2015). Bagi negara maju seperti Amerika Syarikat, bantuan komputer kepada kanak-kanak yang memerlukan bukan menjadi tanggungjawab kerajaan. Sebaliknya, bantuan komputer percuma atau pembelian komputer dengan harga murah dikelolakan oleh badan-badan amal di dalam komuniti (C4K, 2014). Oleh yang demikian, kerajaan perlu

menimbangkan semula syarat pemberian komputer riba percuma kepada golongan sasaran bagi membolehkan semua individu yang layak dan memerlukan dapat mengakses perkhidmatan tersebut.

Di negara-negara maju seperti Sweden, Jerman dan Britain, perkhidmatan sosial untuk kanak-kanak dibina dalam komuniti agar mudah diakses oleh kumpulan sasar program; iaitu kanak-kanak sendiri. Perkhidmatan jalur lebar (*internet*) di negara-negara maju misalnya, diberikan secara percuma. Ini kerana ia telah menjadi keperluan masa kini seiring dengan keperluan terhadap bekalan air bersih dan elektrik. Namun begitu, perkhidmatan jalur lebar secara percuma di negara ini masih terhad dan agak sukar untuk diakses oleh kanak-kanak. Maka, kanak-kanak terpaksa melanggan perkhidmatan jalur lebar berbayar bagi memenuhi keperluan seharian mereka. Oleh yang demikian, kerajaan pemerintah perlu menimbangkan untuk memberikan perkhidmatan jalur lebar secara percuma terutamanya di kawasan tempat tinggal. Strategi ini dapat membantu meningkatkan aksesibiliti kanak-kanak terhadap perkhidmatan sosial yang mereka perlukan.

7.4.2.3 Penawaran perkhidmatan mampu menampung populasi yang memerlukan

Perkhidmatan atau bantuan sosial yang disediakan oleh pemerintah atau komuniti perlu dapat diberikan kepada semua kanak-kanak yang berkelayakan. Dalam konteks kajian ini, Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) misalnya, merupakan satu perkhidmatan bantuan yang ditawarkan oleh kerajaan kepada kanak-kanak yang datang dari keluarga berpendapatan rendah atau kurang berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah. Dengan kata lain, bantuan ini berbentuk selektif kerana penerimanya dihadkan dengan syarat tertentu. Bantuan ini merangkumi bantuan am persekolahan (spt. pakaian sekolah dan keperluan persekolahan) dan bantuan bulanan

(wang saku dan perbelanjaan harian kanak-kanak). Namun, hanya 65.3 peratus sahaja kanak-kanak dalam kajian ini dapat menikmati bantuan tersebut sedangkan keluarga mereka merupakan golongan berpendapatan rendah dan layak menerima bantuan (kerana layak mendiami PPR). Data kajian menggambarkan bahawa skim bantuan yang ditawarkan tidak dapat memenuhi keperluan golongan yang layak memohon bantuan tersebut. Hal ini sedikit sebanyak telah menjejaskan tahap kesejahteraan hidup mereka.

Pengkaji mencadangkan dua cara bagi mengatasi penawaran perkhidmatan yang tidak mampu menampung jumlah populasi yang memerlukan:

- (i) Apabila perkhidmatan secara selektif tidak memadai untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang layak memperoleh bantuan seperti yang telah ditentukan dalam peraturan kelayakan, perkhidmatan berbentuk universal wajar dipertimbangkan. Ini bagi memberi peluang sama rata kepada semua kanak-kanak untuk menikmatinya.
- (ii) Peruntukan untuk suatu program atau perkhidmatan bantuan pula perlu ditambah bersesuaian dengan jumlah populasi yang memerlukan. Dalam pada itu, bilangan kanak-kanak miskin yang layak menerima bantuan juga perlu dipantau dari semasa ke semasa. Setelah peruntukan ditambah sesuai dengan populasi yang memerlukan, sistem penyampaian bantuan tersebut pula perlu dipantau agar bantuan yang disalurkan sampai ke tangan penerima.

7.4.3 Memartabatkan modal insan kanak-kanak berisiko

Hasil kajian ini mendapati tahap kesejahteraan moral dan spiritual kanak-kanak dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Namun demikian, apabila dilihat dalam ruang

lingkup yang lebih luas, dapatan ini seolah-olah tidak konsisten dengan peningkatan kejadian masalah sosial dan kejadian jenayah dalam kalangan kanak-kanak yang semakin membimbangkan saban hari. Kejadian pembuangan bayi misalnya, semakin menjadi-jadi setiap tahun. Statistik pembuangan bayi yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia pada tahun 2000 ialah sebanyak 65 kes manakala pada tahun 2008 meningkat kepada 83 kes (Harian Metro, 5 Disember 2010). Itu hanya sebahagian kecil kerana pengkaji percaya bahawa lebih banyak lagi kejadian yang tidak direkodkan.

Satu lagi masalah sosial yang kian meruncing ialah kehamilan luar nikah. Kelahiran luar nikah pula menyebabkan kanak-kanak yang lahir menjadi tidak sah saraf yang akhirnya boleh menggugat kesejahteraan hidup mereka. Sebanyak 16,100 anak tidak sah taraf yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2007 dan bilangan tersebut meningkat kepada 17,303 pada tahun 2009 (Harian Metro, 5 Disember 2010). Sebahagian besar kes anak tidak sah taraf ini adalah hasil kehamilan dan kelahiran luar nikah.

Kejadian jenayah juvana di negara ini juga perlu diberi perhatian yang serius. Pada tahun 2013 misalnya, sejumlah 7,816 kes juvana telah dilaporkan yang mana 47 peratus daripadanya melibatkan kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun (Berita Harian, 5 April 2014). Daripada data tersebut juga, terdapat peningkatan sebanyak 57 peratus bagi kes yang melibatkan pelajar sekolah berbanding tahun sebelumnya (Berita Harian, 5 April 2014). Keseriusan masalah sosial dan jenayah juvana secara tidak langsung menggambarkan tahap kesejahteraan moral dan spiritual yang rendah bagi sebahagian kanak-kanak Malaysia.

Penunjuk yang diperoleh dalam kajian ini tidak seiring dengan gambaran keseluruhan kesejahteraan moral dan spiritual kanak-kanak Malaysia. Hal ini terjadi boleh disebabkan oleh beberapa perkara seperti pendidikan agama, pengaruh media dan pengaruh rakan sebaya. Maka, faktor-faktor tersebut perlu ditangani dengan sewajarnya bagi membendung masalah sosial dari terus bertambah serius. Usaha-usaha berterusan perlu dilakukan bagi memperkukuhkan aset moral dan spiritual kanak-kanak. Matlamat akhir strategi-strategi ini adalah untuk menjamin kesejahteraan kanak-kanak.

Pertama, pendidikan agama dilihat dapat membantu meningkatkan kesejahteraan moral dan spiritual kanak-kanak. Kanak-kanak dalam kajian ini, sebahagian besarnya beragama Islam yang tinggal di Kedah dan Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan agama di institusi pendidikan agama. Kedua-dua negeri tersebut pula mempunyai sistem pendidikan agama yang sistematik. Faktor ini menyumbang kepada tahap kesejahteraan moral dan sosial yang baik bagi kanak-kanak dalam kajian ini. Namun begitu, setiap negeri mempunyai sistem pendidikan agama yang berbeza kerana sistem pendidikan agama tertakluk kepada pentadbiran agama di negeri masing-masing. Ini boleh menjadi faktor keberkesanan pendidikan moral dan spiritual kepada kanak-kanak sekaligus memberi kesan kepada kesejahteraan moral dan spiritual mereka. Oleh yang demikian, kurikulum pendidikan agama yang sistematik boleh dilaksanakan secara bersepadu di setiap negeri khususnya bagi kanak-kanak beragama Islam.

Faktor lain ialah pengaruh media. Era dunia tanpa sempadan yang seiring dengan kemajuan teknologi telekomunikasi telah membuatkan kanak-kanak mudah mendapat akses kepada pelbagai media maya. Walaupun Malaysia mempunyai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) yang berperanan mengawal selia kandungan paparan dan hal berkaitan media maya, namun ia masih lagi tidak mampu

mengawal sepenuhnya semua akses kepada kanak-kanak. Ini kerana peranannya terhadap kepada kuasa yang termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kesannya, kanak-kanak yang masih belum matang pemikirannya mudah terpengaruh dengan pelbagai unsur negatif di dalam media tersebut untuk ditiru dan dicuba yang berisiko membinasakan diri dan kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, kerajaan memerlukan mekanisme yang efektif untuk membendung golongan muda ini daripada terpengaruh dengan anasir negatif yang datang dari sumber media. Antaranya ialah mengenakan sekatan tertentu atau peraturan yang lebih ketat untuk mereka mengakses sumber dari internet yang mana peranan tersebut boleh dimainkan oleh SKMM. Selain itu, semua pihak terutama ibu bapa dan sekolah perlu berganding tenaga untuk meningkatkan kesedaran kepada kanak-kanak tentang pengaruh negatif media.

Di samping itu, kanak-kanak juga perlu diasuh dan dididik secara berterusan dengan akhlak dan nilai yang baik bagi mengukuhkan jati diri mereka. Ibu bapa merupakan peneraju utama untuk menjalankan tugas ini. Pengkaji akan menjelaskan lebih lanjut mengenai kaedah ini di dalam modul kemahiran keibubapaan di akhir bab ini. Matlamat akhir kepada pelan-pelan penyelesaian ini ialah agar kanak-kanak lebih matang dalam membezakan perkara yang baik dan yang tidak baik untuk kehidupan mereka.

Pengaruh rakan sebaya juga merupakan pengaruh yang hebat dalam kehidupan kanak-kanak. Dapatan dalam kajian ini juga jelas menunjukkan keperluan rakan sebaya dalam hidup kanak-kanak. Sejumlah 87 peratus kanak-kanak memerlukan rakan sebaya untuk melakukan pelbagai aktiviti dan 87 peratus juga kanak-kanak merasa sejahtera

apabila melakukan aktiviti bersama rakan sebaya. Maka, sekiranya mereka bergaul dengan rakan sebaya yang rendah nilai moral dan spiritualnya, mereka juga akan terikut-ikut dengan nilai tersebut. Oleh yang demikian, individu yang menaungi kanak-kanak perlu mengambil langkah untuk meningkatkan daya tahan mereka bagi mengelakkan diri dari terpengaruh dengan perkara negatif rakan sebaya misalnya ponteng sekolah, merokok, berpelesenan dan bergaul secara bebas. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan kanak-kanak, sangat berpengaruh dalam membawa perubahan kepada diri kanak-kanak. Beberapa pengetahuan dan kemahiran mengendalikan anak untuk panduan ibu bapa akan diperjelaskan di dalam modul cadangan pengkaji.

Sebagai intervensi untuk memartabatkan modal insan, beberapa kemahiran boleh diberikan kepada kanak-kanak untuk membentuk mereka menjadi modal insan yang berkualiti dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Kemahiran-kemahiran tersebut juga boleh dijadikan sebagai faktor pelindung untuk mereka bertindakbalas terhadap pengaruh negatif di persekitaran sosial. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah:

(i) Kemahiran sosial

Kanak-kanak perlu didedahkan dengan nilai-nilai sosial yang positif seperti bersikap adil, bertimbangrasa dan berhati mulia serta nilai-nilai positif lain seperti yang telah dinyatakan di Bahagian 7.4.1.1 (cara mewujudkan autoriti diri). Ini kerana, melalui kaedah tersebut, kanak-kanak secara tidak langsung telah diasuh dengan nilai-nilai sosial yang mampu membentuk sahsiah diri yang baik. Sahsiah diri yang baik boleh dijadikan sebagai faktor pelindung kepada pengaruh negatif di persekitaran mereka. Program kemahiran sosial yang diadakan di sekolah atau di dalam komuniti dan dikendalikan oleh individu yang mahir mendekati kanak-kanak boleh menjamin keberkesanan program tersebut dan memberi hasil yang positif.

(ii) Kemahiran berdaya tahan terhadap tekanan persekitaran

Kanak-kanak juga perlu ditanamkan dengan elemen ketegasan dalam diri seperti berani, berdisiplin, tidak melakukan kezaliman, yakin pada diri sendiri dan boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk. Elemen-elemen ini penting dalam mewujudkan kemahiran daya tahan terhadap tekanan negatif persekitaran. Sama seperti kemahiran sosial, kemahiran berdaya tahan boleh diterapkan ke dalam diri kanak-kanak dalam latar (*setting*) sekolah dan komuniti. Bengkel-bengkel interaktif yang menggabungkan kaedah seperti ceramah, soal jawab, lakon semula dan tayangan video contoh dijangka memberi hasil yang positif.

(iii) Penerapan asas agama yang kukuh

Tidak dinafikan, asas agama yang kukuh merupakan faktor pelindung yang baik untuk kanak-kanak. Asas agama yang kukuh juga berupaya menjadikan kanak-kanak itu modal insan yang berkualiti. Maka, tugas menerapkan asas agama adalah tanggungjawab ibu bapa selain sokongan daripada pihak sekolah dan komuniti setempat dalam memberikan pengukuhan terhadap asas agama yang telah kanak-kanak perolehi di rumah. Penerapan asas agama tidak memerlukan program yang formal atau berstruktur. Ini kerana ibu bapa boleh menerapkannya secara tidak langsung melalui asuhan dan didikan yang dilakukan seharian di rumah ketika berurusan dengan anak. Selain itu, pihak sekolah dan komuniti turut bertanggungjawab untuk menyokong tugas ibu bapa. Sekolah dan komuniti perlu memastikan kepercayaan dan amalan keagamaan yang diterapkan di rumah dan di sekolah mahupun dalam komuniti adalah seiring. Namun begitu, tugas tersebut banyak bergantung kepada individu dewasa di sekeliling yang menaungi kanak-kanak, terutamanya individu dewasa yang berada dalam persekitaran terdekat mereka. Contoh ikutan yang baik membolehkan apa yang kanak-kanak lihat seiring dengan apa yang mereka pelajari.

7.5 Memperkasakan Ekologi Keluarga

Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa faktor ekologi keluarga yang bersifat subjektif; khususnya kualiti perhubungan perkahwinan ibubapa dan kualiti perhubungan ibu/bapa-anak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Ini bermakna, kualiti perhubungan keluarga yang baik mendorong kepada tahap kesejahteraan hidup yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Berlandaskan kepada hubungan yang signifikan ini, usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi memperkasakan ekologi keluarga.

Dalam bidang Kerja Sosial Keluarga (*Family Social Work*), asas intervensi khusus untuk memperkasakan institusi keluarga boleh dikelompokkan kepada tiga (Collins et al, 2007), iaitu:

(i) Intervensi modifikasi tingkahlaku (*Behavioral modification intervention*)

Intervensi ini dilakukan bagi mengubah tingkahlaku individu dalam keluarga. Misalnya untuk mengubah tingkahlaku anak yang bermasalah, ibu bapa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membina hubungan positif dengan anak, memahirkan diri dengan konsep ganjaran dan hukuman untuk menghapuskan tingkahlaku negatif dan mewujudkan tingkahlaku positif, serta kemahiran untuk mengawal persekitaran bagi mengawal tingkahlaku anak. Intervensi yang menggunakan pendekatan pembelajaran sosial ini lazimnya dilakukan secara *case by case* kerana tidak semua keluarga mempunyai masalah yang sama.

(ii) Latihan kemahiran keibubapaan (*Parenting skills training*)

Latihan kemahiran keibubapaan bertujuan membantu ibu bapa untuk berhadapan dengan kerenah anak-anak dengan lebih berkesan. Intervensi jenis ini biasanya

melibatkan tiga fasa, iaitu; (1) penjelasan mengenai kemahiran, (2) demonstrasi kemahiran dan (3) peserta program membuat praktis secara lakon peranan (*role-play*) bagi memahiri kemahiran yang telah dipelajari. Latihan kemahiran keibubapaan lazimnya dilakukan secara berkumpulan.

(iii) Intervensi psikopendidikan keluarga (*Family psychoeducational intervention*)

Intervensi jenis ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman keluarga mengenai hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan dan akhirnya dapat meningkatkan keharmonian keluarga dan masyarakat. Intervensi ini lazimnya menggabungkan komponen pengetahuan, teknik mempelajari kemahiran dan intervensi sokongan sosial seperti memberi khidmat perundingan. Kaedah pelaksanaan intervensi jenis ini dilakukan dalam satu siri seminar atau bengkel yang melibatkan sekumpulan individu.

Dalam skop perbincangan ini, pemerksaan merujuk kepada usaha yang berbentuk pembangunan pengetahuan dan latihan untuk membantu seseorang berhadapan secara aktif dan yakin dengan cabaran di persekitaran mereka (McWhirter, McWhirter, McWhirter & McWhirter, 1998). Program pemerksaan ekologi keluarga telah terbukti menyelesaikan banyak masalah dalam keluarga; termasuk masalah tingkahlaku kanak-kanak (Lindsay, Strand, Cullen, Cullen, Band, Davis, Conlon, Barlow & Evans, 2010) dan menyelamatkan kanak-kanak berisiko daripada keciciran, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan jenayah (Cohen, 1998).

Terdapat beberapa program berunsur pemerksaan keluarga di Malaysia yang dikendalikan oleh kerajaan. Antaranya ialah Kursus Praperkahwinan, Modul *Smartstart*, Modul Belaian Kasih, Modul Mutiara Kasih dan Modul Pancaran Kasih. Kursus Praperkahwinan merupakan program praperkahwinan yang diselaraskan oleh

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan agensi perunding keluarga untuk individu beragama Islam yang bakal berkahwin merupakan program yang menggunakan pendekatan pencegahan (JAKIM, 2012). Penyertaannya pula adalah wajib kepada individu Islam yang akan berkahwin. Modul *Smartstart* pula program persediaan alam perkahwinan dan kekeluargaan yang dikendalikan oleh LPPKN (LPPKN, 2015). Penyertaan untuk program tersebut adalah secara sukarela. Program pascaperkahwinan seperti Modul Belaian Kasih, Modul Mutiara Kasih dan Modul Pancaran Kasih pula dikendalikan oleh LPPKN (LPPKN, 2015). Setiap modul mempunyai fokus dan kumpulan sasaran yang berbeza. Modul Belaian Kasih misalnya adalah modul untuk suami isteri yang memfokus kepada pengetahuan dan kemahiran keluarga untuk berurusan dengan cabaran perkahwinan ketika anak masih kecil. Modul Mutiara Kasih Kasih pula adalah modul untuk suami isteri yang memfokus kepada pengetahuan dan kemahiran keluarga untuk berurusan dengan cabaran perkahwinan ketika anak meningkat remaja. Modul Pancaran Kasih direka khusus untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kebapaan kepada para bapa. Dari segi penyertaan, semua program yang dikendalikan oleh LPPKN terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat walaupun keutamaan diberikan kepada kelompok sasaran. Namun demikian, setelah membuat penelitian, pengkaji mendapati maklumat mengenai program anjuran LPPKN tidak meluas lalu tidak dapat dimanfaatkan oleh sebahagian anggota masyarakat.

Pengkaji juga ingin mengambil contoh beberapa usaha di negara lain dalam memperkasakan ekologi keluarga. *Marital Relationship Skills* merupakan sebuah program untuk mengukuhkan hubungan perkahwinan (Desai, 2010). Kumpulan sasar bagi program ini ialah pasangan suami isteri. Program ini memberi panduan berguna kepada pasangan suami isteri untuk memperkukuhkan kemahiran bagi mengeratkan

hubungan suami isteri. *Family Life Education* pula merupakan program yang memberi fokus kepada pengukuhan dinamik keluarga dan kesejahteraan keluarga (Desai, 2010). Program ini mensasarkan keluarga yang memerlukan khidmat rundingan dan tunjuk ajar daripada pakar dalam bidang keluarga. Program ini memberi khidmat berkaitan pelbagai aspek kehidupan keluarga kepada keluarga dalam pelbagai bentuk seperti siri seminar, sesi pertemuan bersemuka dan lawatan ke rumah. Dalam melaksanakan program ini, pakar dalam Kerja Sosial Keluarga adalah agen perubahan sosial yang paling sesuai menjalankan tugas-tugas ini. *Parenting Education* merupakan program kemahiran keibubapaan dan berkomunikasi dengan anak telah dilaksanakan di Amerika Syarikat. Kumpulan sasar program ini ibu bapa. Ketiga-tiga program-program tersebut berkesan dalam membantu pasangan suami isteri meningkatkan keharmonian perkahwinan mereka dan meningkatkan kemahiran ibu bapa untuk berhadapan dengan kerenah anak dan isu perkembangan anak yang pelbagai (Desai, 2010).

Satu lagi program yang memfokus kepada pemerksaan ekologi keluarga ialah *Parenting Early Intervention Program* di Britain. Program tersebut merupakan program induk yang mengandungi 5 subprogram di bawahnya (Lindsay et al., 2010). Lima subprogram tersebut adalah (1) *Families and school together: increase protective factors for child*, (2) *Treatment and prevention for child behavior problem*, (3) *Strengthening families program: decrease alcohol and drug abuse during adolescence*, (4) *Strengthening families strengthening communities* dan (5) *Positive parenting program*. Antara fokus bagi semua subprogram ialah meningkatkan faktor pelindung dalam keluarga untuk kanak-kanak melalui kerjasama antara keluarga, sekolah dan komuniti dan program rawatan untuk kanak-kanak bermasalah tingkahlaku. *Positive Parenting Program (Triple P)* iaitu salah satu subprogram tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta keyakinan ibu bapa untuk

mengendalikan anak. Program yang berasal dari Australia ini yang kemudiannya diadaptasi dan dipraktikkan di Britain (Lindsay et al., 2010). Dari segi hasilnya, *Positive Parenting Program* dan empat lagi subprogram *Parenting Early Intervention Program* dianggap berkesan dalam mengukuhkan institusi keluarga (Lindsay et al., 2010). Ini berdasarkan beberapa penunjuk yang diteliti sendiri oleh Lindsay et al. (2010), misalnya wujud perubahan positif dari segi caragaya keibubapaan, peningkatan kesedaran ibu bapa untuk meningkatkan sokongan kepada anak dan meningkatkan perhatian kepada perubahan tingkahlaku anak dalam kalangan peserta yang telah mengikut program tersebut. Malahan, program tersebut turut berkesan kepada ibu bapa tanpa mengira peringkat umur (Lindsay et al., 2010).

Program-program yang disebut di atas mempunyai beberapa ciri yang boleh membantu memperkukuhkan ekologi keluarga. Ciri yang pertama ialah memberi fokus kepada faktor risiko yang boleh menggugat keharmonian keluarga yang seterusnya boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Ciri yang kedua ialah memberi menguatkan faktor pelindung dalam keluarga.

7.5.1 Pemerkasaan hubungan perkahwinan ibu bapa kanak-kanak

Hasil kajian menunjukkan perhubungan perkahwinan ibubapa berkait secara signifikan dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Aspek perhubungan merupakan perkara yang subjektif kerana ia berkait dengan pengetahuan, pengalaman, perasaan dan pemikiran. Perkara-perkara tersebut pula boleh berubah mengikut situasi pengalaman hidup dan perubahan yang dialami oleh seseorang. Kajian ini mendapati 50 peratus daripada responden ibu/bapa mempunyai kualiti hubungan perkahwinan yang baik. Analisis inferensi menunjukkan arah hubungan yang positif dengan tahap kesejahteraan hidup

kanak-kanak. Dengan kata lain, semakin baik hubungan perkahwinan ibubapa, semakin baik tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dapatan ini boleh digunakan oleh pengkaji untuk merumuskan bahawa kualiti hubungan perkahwinan yang baik dalam kalangan ibubapa mendorong kepada tahap kesejahteraan hidup yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.

Perkaitan signifikan antara perhubungan perkahwinan dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak boleh disebabkan oleh beberapa elemen. Perhubungan perkahwinan melibatkan elemen-elemen seperti peranan sosial, komunikasi, kepercayaan, kemesraan, sokongan dan penglibatan bersama suami isteri. Walaupun semua elemen tersebut hanya melibatkan ibu dan bapa kepada kanak-kanak, namun ia memberi kesan secara tidak langsung kepada kehidupan kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa tersebut. Ini kerana, sikap saling percaya dan sokongan yang wujud antara suami dan isteri misalnya, akan menghasilkan kualiti perhubungan perkahwinan yang baik. Perkara tersebut pula boleh mencetuskan emosi yang positif kepada kedua-dua pasangan tersebut. Kualiti perhubungan perkahwinan boleh mempengaruhi emosi, sikap dan tingkahlaku ibu/bapa dalam kehidupan sehariannya. Secara tidak langsung, ketiga-tiga elemen tersebut boleh memberi kesan kepada peranan sosial mereka sebagai ibu/bapa untuk mensosialisasikan anak. Emosi dan sikap positif boleh memberi kesan yang positif ke atas peranan sosial dan berupaya menyediakan persekitaran sosial yang kondusif untuk anak. Sebaliknya, emosi dan sikap yang negatif akibat kualiti perhubungan perkahwinan yang bermasalah berisiko memberi kesan negatif ke atas peranan sosial yang akhirnya boleh menghasilkan persekitaran sosial yang tidak sihat untuk kehidupan kanak-kanak. Kesimpulannya, kualiti perhubungan perkahwinan menjadi salah satu faktor ekologi keluarga yang boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Bagi bertindakbalas dengan elemen-elemen yang berisiko dan memastikan hubungan perkahwinan ibu bapa menjadi faktor ekologi yang boleh memberi pengaruh yang positif ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak, sesebuah program pengukuhan perkahwinan harus mengandungi elemen-elemen berikut:

- (i) memperkukuhkan pengetahuan suami/isteri mengenai asas-asas penting perkahwinan seperti peranan sosial, kepercayaan, kemesraan dan sokongan,
- (ii) mempertingkatkan kemahiran suami/isteri mengenai komunikasi, mengendali konflik dan mengeratkan perhubungan dengan pasangan, dan
- (iii) menyelaraskan pengetahuan dan kemahiran tersebut dengan ajaran agama agar kerana asas agama yang kuat dapat meningkatkan kualiti hubungan perkahwinan.

7.5.1.1 Pelan intervensi program pengukuhan perkahwinan

Pengukuhan perkahwinan merupakan program psikopendidikan yang direka untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran suami isteri bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi, emosi dan sosial mereka dan seterusnya mengukuhkan keharmonian perkahwinan (Guerney & Maxson, 1990). Pengukuhan perkahwinan boleh juga didefinisikan sebagai penonjolan potensi sedia ada/tidak disedari/belum dikembangkan, menunjukkan ciri-ciri komitmen, penglibatan dan perkongsian, dan boleh berkomunikasi secara terbuka serta bijak mengurus konflik (Mace & Mace, 1974 dlm. Hof & Miller, 1980). Maka, program pengukuhan perkahwinan sangat berfaedah dan banyak memberi manfaat kerana ia boleh membantu suami isteri untuk meningkatkan pengetahuan mengenai selok-belok perkahwinan, menonjolkan

potensi/kelebihan diri, meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam menghadapi kehidupan perkahwinan yang serba mencabar.

Secara umum, program pengukuhan perkahwinan adalah perlu bagi membantu mengekalkan kestabilan perkahwinan untuk menjadikan ia lebih kuat dan kukuh walaupun terpaksa menghadapi banyak kesukaran dan cabaran (Hawley & Olson, 1995). Program ini juga bertujuan untuk mengekalkan perhubungan supaya lebih bermakna (Brehm, Miller, Perlman & Campbell 2002). Pendekatan program pengukuhan perkahwinan ialah mengenal pasti isu yang berpotensi menjadi masalah dalam perkahwinan kelak selain menyediakan pasangan dengan kemahiran tertentu dan berpengetahuan untuk menangani kesukaran di masa hadapan (Hawley & Olson, 1995). Walaupun struktur, pengisian dan *setting* adalah pelbagai, kesemua program seumpama ini berkongsi beberapa tujuan yang sama (Guernsey & Maxson, 1990). Antaranya ialah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, kehidupan emosi dan perhubungan intim pasangan dengan mengetengahkan kekuatan yang ada dalam perkahwinan dan peningkatan diri serta potensi individu dalam mengekalkan perkahwinan (Desai, 2010). Walau apapun corak program yang dikendalikan, fokus utama adalah kepada perhubungan pasangan suami isteri (Desai, 2010).

Program pengukuhan perkahwinan biasanya dilaksanakan dengan kerjasama antara institusi pembangunan keluarga dan institusi keagamaan. Malahan, beberapa institusi keagamaan memainkan peranan penting dalam program seumpama ini (Brehm et. al., 2002). Pelaksanaan program dalam bentuk kerjasama tersebut dapat meningkatkan keberkesanan program kerana adanya gabungan input mengenai pembangunan keluarga dan nilai keagamaan yang memberi manfaat kepada peserta. Ia jelas terbukti dengan terbentuknya beberapa program pengukuhan perkahwinan yang

populer di barat yang dilaksanakan dengan kerjasama institusi keagamaan. Misalnya, *Islamic Marriage Education Programs* merupakan program berbentuk pencegahan berlandaskan syariat Islam yang memberi pengetahuan dan kemahiran kepada individu berkahwin mengenai komunikasi, kaedah berkesan menangani konflik dan kaedah untuk memperkukuhkan perkahwinan khusus bagi komuniti Islam di Amerika Syarikat (Institute for Social Policy and Understanding, 2014). Program tersebut digerakkan oleh sukarelawan yang terdiri dari Pekerja Sosial dan ahli agama. *Islamic Post-Marital Education Program* dan *Islamic Marriage Counseling* juga merupakan program pengukuhan perkahwinan yang diusahakan oleh agensi agama untuk komuniti Islam di sekitar Virginia dan Michigan, Amerika Syarikat (Rahmaa Institute, 2014). Bagi agama-agama lain, *Christian Marriage Enrichment Retreat* merupakan program pengukuhan perkahwinan yang bertujuan untuk membantu pasangan memfokus kepada perhubungan personal dengan matlamat membantu pasangan berada di sudut yang positif mengenai perhubungan dengan mengintegrasikan nilai keagamaan dalam kehidupan (Brehm et. al., 2002). *The Jewish Marriage Encounter* juga program pengukuhan perkahwinan, namun fokus program tersebut ialah kepada perasaan, diri sendiri dan realiti kehidupan perkahwinan moden dengan mendekati peserta kepada konsep ketuhanan (Brehm et. al., 2002).

Amalan di Malaysia, program pengukuhan perkahwinan biasanya terbahagi kepada dua; iaitu program praperkahwinan dan program pascaperkahwinan. Namun, kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama; iaitu bagi membolehkan semua pasangan suami isteri mempunyai hubungan perkahwinan yang bahagia dan harmoni. Dalam konteks kajian ini, ia penting untuk menjadi faktor ekologi keluarga yang baik untuk perkembangan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Program Praperkahwinan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk individu beragama Islam yang bakal berkahwin merupakan program yang menggunakan pendekatan pencegahan (JAKIM, 2012). Ini kerana bakal suami dan isteri dibekalkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran sebagai persediaan untuk memasuki alam rumahtangga bagi mengurangkan risiko ketidakharmonian dalam perkahwinan yang boleh menyebabkan perceraian. Seperti yang telah dibincangkan mengenai faktor ekologi keluarga di Bab Tiga, struktur keluarga yang disebabkan oleh perceraian boleh menggugat kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dalam program tersebut, peserta didedahkan dengan ilmu mengenai kehidupan perkahwinan seperti hukum agama, perundangan keluarga, kesihatan, sosial dan psikologi, dan kemahiran seperti meningkatkan kemesraan suami isteri dan kemahiran keibubapaan (JAKIM, 2012). Dari segi penyertaan, kerajaan telah memainkan peranan yang tegas, iaitu mewajibkan semua individu Islam menghadiri program tersebut sebelum berkahwin (JAKIM, 2012). Dengan demikian, semua orang Islam di negara ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perkahwinan dan kekeluargaan sebelum berkeluarga (JAKIM, 2012). Dari segi aksesibiliti pula, program tersebut diadakan hampir setiap minggu, malah JAKIM turut melantik syarikat-syarikat perunding yang bertauliah untuk mengendalikan program tersebut. Pengaturan program yang sebegini memberi peluang kepada semua individu Islam untuk mengikutinya sebelum mereka berkahwin. Malah, terdapat inisiatif untuk meluaskan program seumpama itu kepada peserta bukan Islam, namun sehingga kini masih tiada keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Selain terhad kepada peserta yang beragama Islam, limitasi program ini ialah tempoh program yang singkat iaitu dua hari, sedangkan banyak isu harus dibincangkan. Kesannya input yang diberikan kurang mendalam dan ini boleh mengurangkan keberkesanan program. Limitasi lain ialah pengendalian program yang dilakukan secara sehala, iaitu tidak

interaktif. Kesannya, peserta boleh menjadi bosan dan ini juga boleh mengurangkan keberkesanan program. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dan limitasi, program tersebut dianggap berkesan apabila dapat menurunkan kadar perceraian pasangan Islam di Malaysia (Sadatul Mashiran, Azman, Hashnan & Saiful Haizan, 2005).

Sesungguhnya, program pengukuhan perkahwinan berupaya memberikan pengetahuan dan kemahiran berguna dalam melahirkan suami dan isteri yang berdaya tahan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan perkahwinan. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari boleh membantu mereka mengharungi kehidupan berumah tangga dengan lebih baik. Ini sekaligus dapat menjadikan mereka ibu bapa yang cemerlang dan cekap dalam mengendalikan anak dan mampu membina hubungan yang baik dengan anak. Berdasarkan keperluan ibu bapa dalam kajian ini yang disesuaikan dengan program-program sedia ada, pengkaji mencadangkan program pengukuhan perkahwinan berikut.

Nama Program: PENGUKUHAN PERKAHWINAN

Matlamat: membantu meningkatkan lagi keharmonian perkahwinan bagi menyediakan ekologi keluarga yang sihat dan kondusif terutama dari aspek subjektif untuk perkembangan positif kanak-kanak.

Kumpulan sasaran: ibu dan bapa dari keluarga yang berisiko misalnya, miskin, taraf sosioekonomi rendah dan tinggal di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi.

Kaedah pengendalian: dua modul utama dibahagikan kepada dua sesi; sesi 1 untuk Program Semarak Cinta manakala sesi 2 untuk Modul Kemahiran Mengendali Konflik. Setiap sesi akan berlangsung selama 3-4 jam.

Tempoh program: tidak ditetapkan, namun jarak antara Sesi 1 dan Sesi 2 tidak digalakkan terlalu lama. Peserta yang telah menyertai Sesi 1 dan Sesi 2 dianggap telah berjaya menamatkan program. Namun, mereka boleh mengikuti semula program tersebut mengikut keperluan mereka.

Senarai Modul:

Modul 1: Program Semarak Cinta. Kumpulan sasaran kepada program ini ialah pasangan suami isteri yang ingin menyemarakkan lagi hubungan perkahwinan. Metodologi penyampaian pula adalah melalui ceramah, video demonstrasi dan perbincangan. Antara objektif utama program tersebut ialah menekankan kepada peserta tentang kepentingan memelihara hubungan perkahwinan yang baik, memberi panduan yang praktikal kepada peserta untuk sentiasa menghangatkan hubungan suami isteri. Antara kandungan utama modul adalah input berhubung dengan cinta dan kasih sayang, psikologi perkahwinan, hubungan perkahwinan berkualiti dan keluarga bahagia.

Modul 2: Kemahiran mengendali konflik perkahwinan. Objektif modul ini ialah memberi kemahiran pengurusan konflik yang berkesan kepada pesertanya. Dalam modul ini, peserta akan didedahkan dengan cara mengendali konflik yang biasa dilakukan oleh pasangan suami isteri dan kesannya; sama ada positif atau negatif ke atas perhubungan perkahwinan. Di samping itu, peserta juga akan didedahkan dengan teknik atau strategi pengurusan konflik yang berkesan semasa berhadapan dengan konflik bersama pasangan.

7.5.2 Pemeraksanaan hubungan di antara ibu/bapa dengan anak

Perkaitan signifikan antara perhubungan ibu/bapa-anak dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Sama seperti perhubungan perkahwinan, perhubungan ibu/bapa-anak juga melibatkan perkara-perkara umum dalam perhubungan sosial seperti corak komunikasi, kepercayaan dan peranan sosial (Hair et al., 2005; Moore et al., 2004). Hubungan ibu bapa-anak yang erat, corak komunikasi yang berkesan, kemahiran keibubapaan yang bagus, sikap saling percaya dan model peranan ibu bapa yang positif akan memberi kesan yang baik kepada perkembangan anak (Aufseeser et al., (2006). Selain itu, aspek keibubapaan yang dicirikan oleh sokongan, kawalan dan penglibatan juga perlu diambilkira. Ini kerana gaya keibubapaan yang baik, iaitu yang dicirikan dengan elemen sokongan, kawalan dan penglibatan yang sesuai dengan keperluan anak berupaya menggalakkan perkembangan anak yang positif (Aufseeser et al., 2006).

Kualiti perhubungan ibu/bapa-anak yang baik merupakan persekitaran sosial keluarga yang menjadi ruang dan menyediakan peluang untuk anak hidup dengan sejahtera (Rees et al., 2009). Sebagai contoh, corak komunikasi yang positif antara ibu/bapa dengan anak ditambah lagi dengan sikap ibu bapa yang menyokong dan melibatkan diri dalam aktiviti anak namun dalam masa yang sama membimbing dan mengawal tingkahlaku anak supaya tidak menyalahi peraturan agama dan norma sosial berupaya mewujudkan perhubungan yang berkualiti. Persekitaran sosial yang kondusif ini mampu memenuhi keperluan perkembangan diri dan kesempurnaan diri seperti kasih sayang dan rasa kepunyaan kanak-kanak. Ini membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Berdasarkan keperluan ibu bapa dalam kajian ini dan setelah

mengambil kira program-program sedia ada, pengkaji mencadangkan pelan intervensi pemerkasaan perhubungan keluarga.

7.5.2.1 Pelan intervensi program pemerkasaan perhubungan keluarga

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa faktor ekologi keluarga subjektif mampu memberi impak signifikan kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif untuk mencadangkan program pemerkasaan perhubungan keluarga yang terfokus kepada usaha-usaha mensejahterakan kehidupan kanak-kanak.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap program sedia ada (telah dijelaskan dalam Bab Satu, halaman 19), kelemahan program-program sedia ada ialah mempunyai tujuan yang spesifik yang mana sebahagiannya tidak memfokus kepada kesejahteraan kanak-kanak, penyertaan berbentuk sukarela yang mana penyertaannya tidak dikuatkuasakan oleh polisi kerajaan, dan hebahan program yang tidak menyeluruh menyebabkan ada keluarga yang memerlukannya namun tidak berpeluang menyertainya.

Dalam pernyataan Wawasan 2020, institusi keluarga termasuk kanak-kanak merupakan fokus utama negara dalam usaha untuk mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat penyayang (Portal 1Klik, 2015). Sementara itu, Dasar Keluarga Negara adalah dasar yang mengutamakan perspektif keluarga dalam usaha pembangunan sosioekonomi bagi melahirkan generasi berkualiti (LPPKN, 2015). Matlamat Dasar Keluarga Negara juga adalah membangunkan keluarga yang sejahtera (LPPKN, 2015). Dalam pada itu, Malaysia juga amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak

(LPPKN, 2015). Ini kerana kanak-kanak merupakan generasi pewaris negara pada masa hadapan (LPPKN, 2015). Maklumat-maklumat tersebut jelas menunjukkan negara ini amat menggalakkan usaha dan inisiatif mensejahterakan keluarga.

Dalam Dasar Keluarga Negara, ada disebutkan mengenai ‘membangunkan program, untuk mendayaupayakan keluarga bagi membolehkan keluarga menjadi sebagai landasan untuk pembangunan insan’. Maka, seiring dengan tumpuan dan matlamat dalam Dasar Keluarga Negara dan Dasar Kanak-kanak Negara dan mengambilkira maklumat daripada hasil kajian ini, pengkaji telah merangka satu modul pemerksaan keluarga.

Modul pemerksaan keluarga ini dinamakan Program Pengukuhan Keluarga. Matlamat modul tersebut adalah untuk menghasilkan ekologi keluarga yang sihat dan kondusif terutama dari aspek subjektif untuk perkembangan positif kanak-kanak. Ini kerana keadaan ekologi keluarga objektif telah banyak disokong oleh program kerajaan. Kumpulan sasaran modul tersebut ialah keluarga yang berisiko misalnya, miskin, taraf sosioekonomi rendah dan tinggal di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi.

Dua kandungan utama modul tersebut ialah pemantapan perhubungan keluarga dan pengukuhan kemahiran keibubapaan. Komponen yang akan diberi dalam aspek perhubungan keluarga ialah komunikasi dan dinamik keluarga seperti peranan, tanggungjawab, kepercayaan dan hormat. Komponen yang akan diberi penekanan dalam kemahiran keibubapaan ialah sokongan, kawalan dan penglibatan (diperincikan dalam kotak di bawah).

Dari segi pengendaliannya, program tersebut akan diadakan di kawasan komuniti, iaitu di kawasan tempat tinggal peserta (diperincikan dalam kotak di bawah). Program tersebut dirancang untuk dibahagikan kepada 2 sesi yang mana setiap sesi akan berlangsung selama 3 hingga 4 jam. Program pula dirancang untuk berlangsung pada waktu malam ketika hari bekerja atau pada waktu siang pada hari cuti. Ini setelah mengambilkira pelbagai faktor seperti kekangan masa, penjimatan kos dan komitmen peserta terhadap pelbagai tugas dan tanggungjawab mereka. Mekanisme pengendalian dirancang sebegini bertujuan untuk meningkatkan peluang dan memberi ruang serta menggalakkan penyertaan dalam program ini.

Nama Program/Modul: PENGUKUHAN KELUARGA

Matlamat: menghasilkan ekologi keluarga yang sihat dan kondusif terutama dari aspek subjektif untuk perkembangan positif kanak-kanak.

Kumpulan sasaran: ibu dan bapa dari keluarga yang berisiko misalnya, miskin, taraf sosioekonomi rendah dan tinggal di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi.

Kaedah pengendalian: tiga tajuk besar dibahagikan kepada dua sesi; sesi 1 untuk Tajuk 1 dan 2 manakala sesi 2 untuk Tajuk 3. Setiap sesi akan berlangsung selama 3-4 jam.

Tempoh program: tidak ditetapkan, namun jarak antara Sesi 1 dan Sesi 2 tidak digalakkan terlalu lama. Peserta yang telah menyertai Sesi 1 dan Sesi 2 dianggap telah berjaya menamatkan program. Namun, mereka boleh mengikuti semula program tersebut mengikut keperluan mereka.

Ringkasan pengisian program: Dua kandungan utama modul dalam program tersebut ialah pemantapan perhubungan keluarga dan pengukuhan kemahiran keibubapaan. Komponen yang akan diberi dalam aspek perhubungan keluarga ialah komunikasi dan dinamik keluarga seperti peranan, tanggungjawab, kepercayaan dan hormat. Komponen yang akan diberi penekanan dalam kemahiran keibubapaan ialah sokongan, kawalan dan penglibatan.

7.6 Pelaburan sosial Untuk Melindungi Ekologi Sosial Keluarga

Ekologi sosial kanak-kanak adalah persekitaran yang melibatkan semua sistem mikro, meso, ekso dan makro yang melingkari hidup kanak-kanak. Semua sistem tersebut mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Strategi pelaburan sosial boleh digunakan untuk melindungi ekologi sosial keluarga bagi mampu menghasilkan kesejahteraan hidup kanak-kanak yang memuaskan.

Strategi pelaburan sosial mementingkan pelaburan modal insan untuk pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat dan negara (Siti Hajar, 2007). Modal insan merupakan aset sosial dan sumber manusia yang memiliki nilai moral, agama dan budaya yang mampu menjana keuntungan dari segi ekonomi, sosial dan politik kepada negara. Maka, strategi pelaburan sosial melibatkan usaha-usaha mendayaupayakan aset dalaman individu (Siti Hajar, 2007). Untuk tujuan tersebut, kualiti seperti pendidikan, pengetahuan, latihan dan kemahiran harus diberi perhatian. Kerajaan pemerintah harus memperuntukkan sejumlah dana untuk memantapkan kualiti seperti pendidikan, pengetahuan, latihan dan kemahiran bagi memastikan strategi pelaburan sosial ini mendatangkan manfaat kepada negara. Ini merupakan intervensi peringkat makro yang melibatkan dasar kerajaan dan sumber ekonomi negara.

Perkara yang perlu diberi perhatian dalam merangka/melaksanakan pelan pelaburan sosial berasaskan prinsip ekologi (Bogenschneider, 1996):

- (i) Mengenalpasti faktor risiko yang boleh menggugat ekologi keluarga,
- (ii) Mensasarkan matlamat untuk memerangi faktor risiko tersebut,

- (iii) Melibatkan pelbagai paras ekologi (*microsystem, mesosystem, exosystem & macrosystem*),
- (iv) Bekerjasama dengan ketua masyarakat dan badan sukarela dalam komuniti,
- (v) Bersedia dengan kemungkinan perubahan yang berlaku pada suatu sistem apabila sistem lain berubah,
- (vi) Mengambil kira kepelbagaian agama, etnik dan budaya masyarakat, dan
- (vii) Melakukan pemantauan terhadap program dari masa ke semasa.

Dalam konteks negara ini, strategi pelaburan sosial dilaksanakan melalui beberapa dasar seperti Dasar Sosial Negara, Dasar Keluarga Negara dan Dasar Kanak-kanak Negara. Strategi pelaburan sosial merujuk kepada sebelas strategi yang termaktub dalam Dasar Sosial Negara yang mana matlamat akhirnya adalah untuk memperkasakan modal insan dan melahirkan insan yang seimbang dari aspek kuantitatif (spt. kemajuan ekonomi) dan kualitatif (nilai moral & tahap intelektual) (JKMM, 2013b).

Dasar Keluarga Negara diwujudkan bagi mendayaupayakan keluarga dengan bagi menyediakan sokongan dari segi program, perkhidmatan dan infrastruktur yang berkaitan (LPPKN, 2015). Dasar tersebut menumpukan kepada kesejahteraan keluarga secara menyeluruh termasuk kanak-kanak. Kesejahteraan tersebut pula merangkumi aspek fizikal, mental, sosial, ekonomi, psikologikal dan kerohanian. Kerajaan mengakui bahawa keluarga merupakan unit asas yang menyediakan landasan untuk pembangunan modal insan bagi menggerakkan pembangunan negara. Oleh itu, membantu keluarga untuk memenuhi keperluan asas untuk hidup merupakan suatu bentuk pelaburan sosial yang akhirnya akan memberi manfaat kepada negara.

Dasar Kanak-kanak Negara pula diwujudkan bagi memastikan kanak-kanak dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif (selesa) (JKMM, 2013a). Kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif terutama kepada keluarga miskin atau bertaraf sosioekonomi rendah. Pelbagai skim bantuan dan intervensi telah diperkenalkan untuk tujuan tersebut. Ini juga merupakan suatu bentuk pelaburan sosial untuk menghasilkan generasi masa depan yang maju, mampu berdaya saing dan dapat terus memacu ekonomi negara serta menjaga kestabilan sosial pada masa akan datang.

Setelah mengambilkira dasar-dasar sosial sedia ada dan panduan pelan pelaburan sosial yang berasaskan prinsip ekologi, pengkaji ingin mencadangkan intervensi berikut (telah dibincang dalam subtopik sebelumnya):

- (i) memperkasakan pendidikan latihan vokasional dan kemahiran hidup yang mampu menjadi bekalan berguna kepada kanak-kanak untuk menjana sumber ekonomi atau mencari peluang kerjaya.
- (ii) memperkasakan sahsiah dan jati diri kanak-kanak dengan pelbagai program sosial bagi menghasilkan modal insan yang berakhlak tinggi dan bermoral.
- (iii) memperkasakan infrastruktur fizikal yang boleh mengancam kesejahteraan individu misalnya menyediakan persekitaran kediaman yang selamat.

7.7 Kesimpulan

Bab ini menggariskan pelan intervensi di pelbagai paras; dari *microsystem* hingga ke *macrosystem*. Semua pelan intervensi yang dinyatakan adalah realistik dan wajar untuk dilaksanakan memandangkan semua perencanaannya telah mengambilkira pelbagai faktor termasuk keadaan ekonomi negara, keadaan sistem perkhidmatan sedia ada di negara ini dan contoh amalan negara-negara lain yang mempunyai sistem kebajikan kanak-kanak yang mendapat pujian dunia. Maltamat akhir pelan intervensi yang disenaraikan dalam bab ini adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup kanak-kanak.

University of Malaya

BAB 8: PENUTUP

Kajian ini adalah mengenai pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin di Malaysia. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak, menentukan hubungan ekologi keluarga ke atas kesejahteraan hidup kanak-kanak, dan membina Indeks Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak.

Dapatan utama kajian ini ialah tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara ini adalah tinggi, setanding dengan tahap kesejahteraan kanak-kanak di negara-negara maju seperti Sweden, Finland dan Norway. Namun begitu, terdapat perbezaan di antara tahap kesejahteraan objektif dan kesejahteraan subjektif yang mana tahap kesejahteraan objektif adalah tinggi manakala kesejahteraan subjektif berada pada tahap yang sederhana. Dalam konteks ekologi kanak-kanak, ekologi sosial objektif kanak-kanak dalam kajian ini adalah lebih baik daripada ekologi sosial subjektif. Maka, sesuatu perlu dilakukan bagi memantapkan ekologi sosial subjektif sekaligus menyeimbangkan antara ekologi sosial objektif dan subjektif bagi menghasilkan kanak-kanak yang seimbang dari segi kesejahteraannya.

Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, kajian ini telah mencadangkan tindakan-tindakan intervensi sosial untuk meningkatkan lagi kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia. Intervensi sosial yang pertama ialah memantau faktor-faktor risiko yang boleh mengancam kesejahteraan material kanak-kanak. Kemiskinan keluarga, keperluan kanak-kanak yang tidak dipenuhi, dan ketidakadilan dan ketidakcekapan dalam sistem kebajikan kanak-kanak merupakan faktor risiko yang boleh mengancam kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan tiga intervensi berikut bagi mengatasi masalah yang telah disebutkan di atas iaitu program

pembasmian kemiskinan khusus untuk kanak-kanak dilakukan bagi memastikan kesejahteraan hidup kanak-kanak berada pada tahap yang baik dengan melaksanakan strategi yang boleh meningkatkan pendapatan keluarga, meningkatkan peluang latihan dan pendidikan. Selain itu, cadangan untuk mempelbagaikan bentuk bantuan sosial kepada kanak-kanak dapat membantu mereka untuk memenuhi keperluan hidup. Sementara itu, cadangan untuk menambahbaik sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak agar lebih cekap, telus, mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan mempunyai perkhidmatan yang berkualiti adalah penting bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak sentiasa dipelihara. Intervensi sosial yang tidak kurang pentingnya ialah memperkukuhkan program perlindungan sosial/ jaringan keselamatan khusus untuk kanak-kanak bagi memastikan mereka mempunyai kehidupan yang lebih terjamin pada masa akan datang.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar intervensi bagi mempromosikan kesejahteraan seimbang dan lestari untuk kanak-kanak dilakukan. Ini merupakan satu inisiatif untuk menyeimbangkan antara kesejahteraan objektif dan subjektif melalui beberapa cara iaitu menggalakkan penglibatan/penyertaan sosial kanak-kanak, memperkasakan aksesibiliti kanak-kanak kepada semua perkhidmatan dan program sosial yang dibina untuk mereka, dan memartabatkan modal insan kanak-kanak berisiko.

Intervensi yang memfokus kepada sistem mikro ialah memperkasakan institusi keluarga melalui strategi memperkukuhkan hubungan perkahwinan ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak. Ini kerana kajian ini telah mengenalpasti bahawa kedua-dua faktor tersebut ada hubungkaitnya dengan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Intervensi yang memfokus kepada sistem yang lebih makro pula ialah dengan melakukan

pelaburan sosial untuk melindungi ekologi sosial keluarga bagi menghasilkan kanak-kanak yang sejahtera hidupnya. Pelaburan sosial tersebut memfokus kepada pelaburan dan pembangunan modal insan yang menjadi aset penting kepada negara.

Namun demikian, tindakan pencelahan untuk mengubah (memantapkan) ekologi sosial subjektif adalah lebih sukar untuk dilakukan berbanding ekologi sosial objektif. Walaupun begitu, cabaran dan kekangan ini tidak boleh dijadikan halangan untuk meneruskan tindakan pencelahan ini sekiranya kita benar-benar ikhlas mahu membantu kanak-kanak dan meletakkan kehidupan mereka pada tahap yang lebih baik. Semua cadangan tersebut praktikal untuk diserapkan ke dalam sistem kebajikan kanak-kanak di negara ini. Pengalaman di kebanyakan negara maju seperti Sweden, Denmark dan United Kingdom yang melaksanakan intervensi tersebut telah menunjukkan bukti bahawa ia berkesan untuk bertindakbalas terhadap isu kesejahteraan kanak-kanak yang mereka hadapi. Namun, sekiranya semua intervensi tersebut ingin dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia atau anggota masyarakat di negara ini, beberapa cabaran berikut perlu dipertimbangkan dan diberi perhatian:

(i) Limitasi sumber fizikal dan sosial

Sumber kewangan yang mencukupi diperlukan untuk menjalankan intervensi-intervensi yang dicadangkan. Ini kerana setiap intervensi memerlukan dana untuk membangunkan infrastruktur fizikal dan membayar kos sumber manusia bagi menguruskan perkhidmatan atau program yang dicadangkan. Jika diteliti peratusan peruntukan untuk pembangunan sosial (termasuk kebajikan kanak-kanak) dalam bajet tahunan merentasi negara, untuk tahun 2005 misalnya, United Kingdom memperuntukkan sejumlah 29.5 peratus, Sweden memperuntukkan sejumlah 29.3 peratus, Jepun memperuntukkan 22.8 peratus, Korea memperuntukkan 10.7 peratus manakala Malaysia memperuntukkan

sejumlah 6.7 peratus daripada keseluruhan bajet negara masing-masing untuk perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. Pendek kata, bajet untuk pembangunan kebajikan kanak-kanak harus konsisten; walaupun jelas menunjukkan yang peruntukannya bukan sedikit. Perkara ini penting kerana kesejahteraan hidup kanak-kanak; khususnya kesejahteraan material atau kesejahteraan objektif mereka amat bergantung kepada bajet yang ada bagi pembangunan perkhidmatan sosial yang diperlukan oleh mereka.

Dalam konteks Malaysia, setiap Rancangan Malaysia bermula dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan untuk pembangunan sosial semakin meningkat. Namun, kesan pelbagai faktor, peruntukan untuk pembangunan sosial sejumlah 34 peratus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diturunkan kepada 30 peratus dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Data-data tersebut jelas menunjukkan negara ini perlu meningkatkan peruntukan pembangunan sosial bagi membolehkan kebajikan kanak-kanak dapat terus dipertingkatkan. Ini kerana limitasi sumber untuk pembangunan sosial boleh menjadi penghalang untuk intervensi-intervensi tersebut dilaksanakan yang akhirnya dikhuatiri boleh menggugat kesejahteraan hidup kanak-kanak.

(ii) Transformasi sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak negara

Hasil kajian ini mendapati pelaksanaan sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak yang sedang berlangsung di negara ini berupaya memberi cabaran kepada usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak yang dicadangkan. Oleh yang demikian, transformasi kepada sistem perkhidmatan kebajikan kanak-kanak sedia ada perlu dilakukan bagi membolehkan intervensi sosial yang dicadangkan benar-benar berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Antaranya ialah dengan

menambahbaik perkhidmatan dalam tiga aspek utama iaitu sumber kewangan yang mencukupi (telah disebut di bahagian (i)), meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memberi peluang sama rata kepada semua kanak-kanak untuk menikmati perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan CRC. Selain itu, transformasi juga perlu melibatkan aksesibiliti perkhidmatan dalam tiga aspek utama iaitu meningkatkan kebolehdapatan perkhidmatan (dekat, mudah dikunjungi), perkhidmatan yang mudah diakses (syarat tidak merumitkan) dan tawaran perkhidmatan yang sejajar permintaan dan keperluan semasa kanak-kanak. Dengan kata lain, *mind set* penyedia perkhidmatan seharusnya ialah menawarkan perkhidmatan yang diperlukan oleh klien; bukannya memberikan apa yang sedia ada, tanpa mengambilkira sama ada perkhidmatan tersebut sesuai atau tidak sesuai langsung dengan defisit keperluan yang dialami oleh kanak-kanak. Selain itu, semua penyedia perkhidmatan di negara ini perlu mengamalkan khidmat secara bersepadu dan berpusat bagi mengelakkan isu pertindihan atau keciciran bantuan. Semua usaha ini diyakini dapat membantu merealisasikan intervensi sosial yang bermatlamatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

(iii) *Mind set* (penetapan minda) masyarakat Malaysia

Sistem kebajikan kanak-kanak yang diamalkan di negara ini dibina atas doktrin *parens patriae* yang mana kerajaan hanya membantu kanak-kanak sekiranya ibu bapa atau keluarga mereka tidak mampu atau tidak mahu bertanggungjawab sehingga menyebabkan kebajikan mereka terancam. Malaysia mengamalkan model kebajikan residual; yang mana pihak kerajaan tidak memberi bantuan sepenuhnya. Sebaliknya, kerajaan sekadar membantu rakyat mencukupkan keperluan pada tahap yang paling minimum. Namun, masyarakat pula beranggapan bahawa kerajaan perlu membantu rakyat untuk memenuhi keperluan hidup kerana terdapat beberapa desakan hidup wujud disebabkan oleh keadaan ekonomi, proses pembangunan dan industrialisasi yang

ditadbir oleh kerajaan. Misalnya, rakyat hilang pekerjaan dan menjadi miskin apabila sektor industri menggantikan tenaga manusia dengan mesin. Selain itu, rakyat menganggur kerana persaingan yang tinggi untuk mendapatkan pasaran kerja. Rakyat juga beranggapan bahawa strategi kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan mestilah boleh memberi manfaat sosial dan ekonomi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Tanggapan lain masyarakat yang menjadi cabaran kepada cadangan intervensi sosial ialah kerajaan perlu menjadi pengeluar utama perkhidmatan dan mampu menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan sosial. Kanak-kanak pula beranggapan bahawa kehidupan mereka amat bergantung kepada keluarga dan institusi yang menaungi hidup mereka.

Maka, *mind set* masyarakat Malaysia harus diubah kepada sikap tidak terlalu bergantung kepada kerajaan dalam melaksanakan aktiviti atau program pemeliharaan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Ini bagi membolehkan intervensi-intervensi yang bakal dilaksanakan memperoleh keberkesanan yang tinggi. Sebagai alternatif, sektor tidak formal perlu diperkukuhkan bagi memikul tanggungjawab bersama-sama kerajaan untuk mengangkat kesejahteraan hidup kanak-kanak pada tahap yang terbaik. Sektor tidak formal lazimnya disediakan oleh seorang atau serangkaian individu seperti ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat-handai dan komuniti setempat. Perkhidmatan yang diberikan oleh sektor tidak formal biasanya adalah atas dasar kasih sayang, toleransi dan tanggungjawab sosial tanpa menetapkan kadar bayaran perkhidmatan/bantuan. Sektor ini boleh membantu dalam memenuhi keperluan kanak-kanak seperti keperluan penjagaan (cth. jagaan harian), pendidikan (cth. kelas mengaji al-Quran), pengawasan (cth. memantau aktiviti kanak-kanak di persekitaran tempat tinggal) dan keperluan sosial yang lain. Perkhidmatan berasaskan komuniti juga boleh menguatkan ikatan silaturahim antara kanak-kanak dengan komuniti setempat. Pelbagai program juga

boleh dilakukan komuniti setempat misalnya program latihan kemahiran, skim latihan sambil bekerja dan khidmat nasihat untuk memulakan perniagaan. Selain itu, kejayaan dan keberkesanan sesuatu intervensi sosial turut bergantung kepada sambutan dan penyertaan pihak penerima bantuan/ klien perkhidmatan. Walaupun mengalami pelbagai halangan ekonomi dan sosial, mereka seharusnya mengambil sikap untuk memajukan diri dan keluarga dengan menyertai program yang bersesuaian dengan diri mereka.

(iv) keadaan ekonomi negara dan global

Keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kebelakangan ini turut menjejaskan keadaan ekonomi negara. Kesannya, sumber kewangan untuk melaksanakan strategi kebajikan sosial perlu dihadkan. Misalnya, peruntukan untuk perkhidmatan sosial pada tahun 2010 ialah 10 peratus telah menurun kepada 4.6 peratus dalam pembentangan bajet 2015. Oleh yang demikian, beberapa alternatif perlu difikirkan bagi membantu memelihara kebajikan kanak-kanak agar kesejahteraan hidup mereka tidak begitu terkesan akibat faktor ekonomi. Sudah tiba masanya untuk Malaysia mempertimbang semula kepentingan institusi tidak formal (spt. keluarga luas, saudara-mara, jiran-tetangga) untuk berganding bahu dengan kerajaan dalam memelihara kesejahteraan kanak-kanak seperti yang pernah diamalkan oleh masyarakat negara ini suatu ketika dahulu. Malah, negara-negara maju seperti Sweden dan Australia turut mengiktiraf sumbangan perkhidmatan berasaskan komuniti dalam bekerjasama dengan kerajaan untuk memelihara kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Pengkaji ingin menutup laporan tesis ini dengan menyentuh beberapa kelemahan atau limitasi yang terdapat dalam kajian ini. Limitasi tersebut ialah:

(i) Skop kajian

Tidak dinafikan, terdapat pelbagai konsep yang digunakan dan indikator untuk mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak. Kajian ini mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin menggunakan konsep deprivasi sosial, iaitu satu keadaan sosial di mana individu atau keluarga tidak dapat memenuhi keperluan hidup seharian. Keadaan di mana kanak-kanak memperoleh keperluan mereka secara mencukupi dianggap sebagai sejahtera. Kajian ini terhad kepada indeks kesejahteraan kanak-kanak yang dipilih menggunakan konsep deprivasi sosial. Tidak dinafikan, pemilihan indikator-indikator kesejahteraan kanak-kanak meliputi pelbagai domain kehidupan kanak-kanak dan mengambil kira ukuran kesejahteraan objektif dan subjektif. Namun begitu, indeks kesejahteraan ini pertama kali digunakan, maka beberapa limitasi misalnya dari segi kesesuaian dan kemampuannya untuk mencapai matlamat kajian adalah suatu yang dijangkakan.

Kajian ini tidak mengambilkira penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti antisosial dan jenayah; sedangkan perangkaan jenayah negara menunjukkan penglibatan kanak-kanak (khususnya kanak-kanak dari kelas sosioekonomi rendah) adalah membimbangkan. Tidak dinafikan, kekurangan kawalan dan pencegahan terhadap tingkah laku antisosial dan jenayah berisiko mengganggu konsep kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sekiranya aspek ini diambil kira, mungkin ia akan mencorakkan Indeks Kesejahteraan Kanak-kanak yang berbeza. Pengkaji berharap para pengkaji akan datang mengambil kira aspek tersebut dalam usaha menambahbaik pembinaan Indeks Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak di Malaysia.

(ii) Kerangka teoritikal kajian

Seperti yang telah dijelaskan dalam skop kajian, kajian ini memfokuskan faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup kanak-kanak di peringkat *microsystem* berdasarkan hujah bahawa paras *microsystem* memberi kesan langsung ke atas perkembangan hidup kanak-kanak. Namun, tidak dinafikan, sistem-sistem lain yang berada dalam ekologi kanak-kanak turut memberi pengaruh terhadap kehidupan mereka. Dari perspektif Struktural-fungsionalis misalnya, kefungisian suatu sistem itu bergantung kepada kefungisian sistem-sistem lain di sekelilingnya. Dalam sistem ekologi kanak-kanak, selain *microsystem* yang dikaji dalam kajian ini, terdapat sistem lain dalam *microsystem* (spt. sekolah & rakan sebaya) dan sistem-sistem lain iaitu *mesosystem*, *exosystem* dan *macrosystem* (spt. institusi agama, jiran tetangga, komuniti setempat, sistem pendidikan & budaya) yang tidak terangkum dalam kajian ini. Walaupun ini merupakan batasan kajian ini, namun ia mampu menjadi pencetus idea kepada para pengkaji akan datang meneruskan kajian kesejahteraan kanak-kanak dalam konteks ekologi.

(iii) Metodologi

Kajian ini juga terhad kepada keluarga yang menerima bantuan perumahan awam, khususnya yang mendiami kawasan PPR. Terdapat dua implikasi kajian. Implikasi yang pertama ialah hasil kajian terhad kepada keluarga miskin yang menerima bantuan perumahan. Hasil kajian mungkin berbeza jika dilakukan ke atas keluarga miskin yang menerima bentuk bantuan lain atau langsung tidak menerima sebarang bantuan daripada kerajaan. Implikasi kedua ialah memandangkan ciri sampel yang dipilih, mungkin ada faktor pengaruh dalam ekologi yang tidak terangkum dalam kajian ini. Misalnya, mungkin terdapat kelompok keluarga yang tidak mengalami masalah sosioekonomi namun tidak sejahtera dari aspek lain seperti mengalami masalah perhubungan dalam keluarga dan amalan keibubapaan yang kurang berkesan yang boleh menyumbang

kepada ketidaksejahteraan kanak-kanak. Oleh itu, kedua-dua faktor ini boleh menghadkan hasil kajian ini.

Kajian ini juga terhad kepada kanak-kanak yang berusia 9 hingga 17 tahun. Dapatan kajian mungkin berbeza jika dilakukan ke atas kanak-kanak yang lebih muda (kurang daripada 9 tahun) disebabkan faktor kematangan dan perbezaan pengalaman. Dari segi perwakilan mengikut etnik, adalah amat sukar untuk memperoleh nisbah mengikut kaum yang sama seperti populasi penduduk Malaysia. Ini kerana sebahagian besar keluarga yang mendiami kawasan PPR sama ada di bandar mahupun di luar bandar adalah dari etnik Melayu. Oleh yang demikian, sampel kajian ini kurang representatif untuk menggambarkan perbezaan pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan kanak-kanak mengikut kaum.

Sampel kajian ini juga bersifat homogen; iaitu hanya memfokus kanak-kanak miskin sahaja. Kajian ini tidak mengambil kira kanak-kanak dari keluarga kaya dan sederhana. Mungkin kanak-kanak dari keluarga kaya dan sederhana sejahtera dari segi keperluan material tetapi tidak sejahtera dari segi keperluan subjektif. Perkara ini perlu diteliti dengan mendalam oleh para pengkaji akan datang.

Walau bagaimanapun, pengkaji amat berharap limitasi kajian ini tidak mencacatkan dapatan kajian. Tambahan pula, pengkaji telah sedaya upaya mematuhi etika dan kaedah penyelidikan yang sepatutnya dipatuhi dalam penyelidikan sains sosial. Sesungguhnya, dapatan kajian ini telah memberikan manfaat kepada kanak-kanak, institusi keluarga, masyarakat dan pekerja sosial khususnya yang bekerja dengan keluarga dan kanak-kanak. Hasil kajian ini telah dapat memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara ini. Maklumat tersebut telah dijadikan

input dalam merangka intervensi sosial bagi mengekalkan dan meningkatkan lagi kualiti hidup kanak-kanak di Malaysia. Dapatan kajian ini juga telah dapat membuat inferens mengenai faktor ekologi keluarga yang boleh menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan kanak-kanak dan ia telah dijadikan input dalam merangka program pemerkasaan keluarga. Indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak yang dihasilkan dalam kajian ini boleh dijadikan asas kepada pelan tindakan untuk agensi perkhidmatan yang menjaga kebajikan kanak-kanak. Ini merupakan output kajian yang berupaya memberi manfaat kepada masyarakat dalam menambahbaik dasar-dasar sosial dan program-program sosial yang sedia ada. Selain itu, indeks kesejahteraan kanak-kanak yang terhasil dari kajian ini boleh dijadikan sebagai komponen kesejahteraan kanak-kanak dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dibina oleh LPPKN dan Indeks Kualiti Hidup yang dibina oleh EPU. Indeks kesejahteraan kanak-kanak ini boleh dijadikan pelengkap kepada kedua-dua indeks tersebut kerana mengandungi komponen yang mengukur kesejahteraan kanak-kanak secara khusus. Dengan demikian, Indeks Kesejahteraan Keluarga dan Indeks Kualiti Hidup (bertaraf kebangsaan) yang dijadikan penanda aras kepada pelbagai dasar dan program negara akan lebih komprehensif kerana mengambil kira aspek kesejahteraan golongan dewasa dan kanak-kanak.

Secara keseluruhan, matlamat akhir kajian ini adalah untuk memelihara kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia pada tahap yang terbaik. Sebagai penutup, kesejahteraan hidup kanak-kanak amat bergantung kepada individu, institusi dan sistem yang menaungi kanak-kanak memandangkan kanak-kanak tidak mampu untuk memenuhi semua keperluan mereka secara sendirian. Kanak-kanak yang hidup sejahtera mampu menghasilkan generasi masa depan negara yang mempunyai sahsiah yang tinggi, produktif, inovatif dan mampu berdaya saing serta dapat meneruskan agenda pembangunan dan merealisasikan wawasan negara.

RUJUKAN

- Abdul Majid Ismail. (2000). *Sejarah perkembangan kesihatan di Malaysia sebelum dan selepas merdeka*. Seminar penghayatan dan pengukuhan kemerdekaan Malaysia, 11-13 September, Kuala Lumpur.
- Acs, G. (2007). Can we promote child well-being by promoting marriage? *Journal of Marriage and the Family*, 69(4), 1326-1344.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2007). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi* (Ed. ke-3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Baba. (1997). *Statistik penyelidikan untuk pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Allard, S. W. & Cigna, J. (2008). *Access to social services in rural America: the geography of the safety net in the Rural West*. Chicago. Retrieved from http://www.scottwallard.com/Allard_Cigna_Perspectives%20June17.pdf
- Akta Kanak-kanak 2001*. (2003). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991* (Akta 468). (2001). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- al-Quran*. Tafsir Pimpinan ar-Rahman oleh Abdullah Basmeih. (2001). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Aman, M. P. (2015). *Kids in Shape: kids involvement in developing skills in sport, health and physical exercise*. Paper presented at Regional Seminar on Emerging Needs and Well-being: Measures and Indicators, Hotel Bangi-Putrajaya, 12 May.
- Arnord, F., Bulatao, R. A., Buripakdi, C., Chung, B. J., Fawcett, J. J., Iritani, T., Lee, S. J. & Wu, T. S. (1975). *The value of children: a cross-national study*. Vol. 1. Introduction and comparative analysis. Honolulu: Univ. Press of Hawaii.
- Atkinson, A. B. (2003). Multidimensional deprivation: contrasting social welfare and counting approaches. *Journal of Economic Inequality*, 1, 51-65.

- Aufseeser, D., Jekielek, S & Brown, B. (2006). *The family environment and adolescent well-being: exposure to positive and negative family influences*. Child Trends and The National Adolescent Health Information Center. June.
- Babbie, E. (2008). *The basics of social research*. Belmont: Thomson.
- Bahr S. J. (1989). *Family interaction*. New York: MacMillan Pub. Co.
- Bartlett, S. & Minujin, A. (2009). The everyday environments of children's poverty. *Child, Youth and Environment*, 19(2), 1-11.
- Bastos, M., Fernandes, G. L. & Passos, J. (2004). Child income poverty and child deprivation: an essay on measurement. *International Journal of Social Economics*, 31 (11/12), 1050-1060. doi: 10.1108/03068290410561168
- Bassuk, E.L. & Donelan, B. (2013). Social deprivation. In *International and Cultural Psychology Series. Trauma Interventions in War and Peace* (pp. 35-55). New York: Kluwer Academic.
- Bauer, R. A. (ed.) (1966). *Social indicators*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Bauer, R. A. (1967). *Societal feedback*. In Gross. 2, 180-192.
- Belanger, K. & Stone, W. (2008). The social service divide: services availability and accessibility in rural vs urban counties and impact of child welfare outcome. *Child Welfare* 87(4), 101-124.
- Bessell, (2010). Participation in decision making in out-of-home care in Australia: what do young people say? *Children and Youth Services Review*. doi: 10.1016/j.childyouth.2010.05.006
- Ben-Arieh A. (2000). Beyond welfare: measuring and monitoring the state of children – new trends and domains. *Social Indicators Research*, 52, 235-257.
- Ben-Arieh A. (2006). *Measuring and Monitoring The Well-being of Young Children around the World*. Global Monitoring report 2007. Geneva: UNESCO.
- Ben-Arieh A. (2008). The child indicators movement: past, present, and future. *Social Indicators Research*, 81, 1, 3-16. doi: 10.1007/s12187-007-9003-1

- Ben-Arieh A. (2010). From the child welfare to children well-being: the child indicators perspective. In. Kamerman S.B., Phipps S. & Ben-Arieh A. (Eds). *From child welfare to child well-being. children's well-being: indicators and research I*. London: Springer (pp. 9-24). doi: 10.1007/978-90-481-3377-2-2
- Ben-Arieh A. & Fronese, I. (2007). Indicators fo children's well being: what should be measured and why? *Social Indicators Research*, 84(3), 249-250.
- Ben-Arieh A., Kaufman, N. H., Andrews, AB, George, R. M., Lee, B. J. & Aber, J. L. (2001). Measuring and Monitoring Children's Well-being. *Social Indicators Research Series*. Dordrecht: Kluwer Academic Publisher.
- Berardo, F. M. (1981). The antropological approach to the study of family. In Nye, F. I. & Berardo, F. M. (Eds.). *Emerging conceptual framework in family analysis* (pp. 10-51). New York: Praeger.
- Berita Harian. (2012, 25 November). *Peratus kanak-kanak alami obesiti meningkat*. Retrieved from [http:// www.bharian.com.my/html](http://www.bharian.com.my/html)
- Berita Harian (2014, 5 April). *Peningkatan kes juvana membimbangkan*. Retrieved from <http://bharian.com.my>
- Birmingham City Council. (2010). *The children's wellbeing model 2010-2013: 'the windscreen' report*. Retrieved from [http://:www.larc-research.org.uk](http://www.larc-research.org.uk)
- Bloom, M., Fisher, J. & Orme, J. G. (1995). *Evaluating Practice: Guidelines for Accountable Professional* (2nd ed). London: Allyn & Bacon.
- Bohn, S. & Danielson, C. (2014). *Child poverty and the sosial safety net in California*. California: Public Policy Institute of California.
- Boivin, J., Rice, F., Hay, D., Harold, G., Lewis, A., van den Bree M.M.B, Thapar, A. (2009). Associations between maternal older age, family environment and parent and child wellbeing in families using assisted reproductive techniques to conceive. *Social Science and Medicine*, 68(11), 1948-1955. doi: 10.1016/j.socscimed.2009.02.036
- Bolton, Jr. F. G. & MacEachron, A. (1986). Assessing child maltreatment risk in the recently divorced parent-child relationship. *Journal of Family Violence*, 1(3), 259-276.

- Bradshaw, J. (2009). *Conceptualisation and measurement of child wellbeing*. Paper presented at Department of Social Administration and Justice, University of Malaya, 29 October.
- Bradshaw, J. (2012). Child wellbeing in the 2000s. In Judge, L. (Ed.). *Ending child poverty by 2020*. London: Child Poverty Action Group.
- Bradshaw, J., Bloor, K. Huby, M., Rhodes, D., Sinclair, I., Gibbs, I., Noble, M., McLennan, D. & Wilkinson, K. (2009). *Local index of child well-being: summary report*. London: Communities and Local Government, United Kingdom.
- Bradshaw, J. & Gill, M. (2012). A child material deprivation index. *Child Indicator Research*, 5, 503-521. doi: 10.1007/s12187-012-9145-7
- Bradshaw, J., Hoelscher, P. & Richardson, D. (2006). *Comparing child well-being in OECD countries: Concepts and methods*. Innocenti Working Paper. UNICEF. December.
- Bradshaw, J., Hoelscher, P. & Richardson, D. (2007). An index of child well-being in the European Union. *Social Indicators Research*, 80, 133-177. doi: 10.1007/s11205-006-9024-z
- Bradshaw, J. & Richardson, D. (2009). An index of child well-being in Europe. *Child Indicators Research*, 2, 319-351.
- Bragdon, T. (2012). *Right for kids: which state child welfare systems are right for kids?* Florida: Foundation for government accountability. Retrieved from <http://www.FloridaFGA.org>
- Brehm, S. S., Miller, R. S., Perlman, D. & Campbell, S. M. (2002). *Intimate relationship*. Boston: Mc GrawHill.
- Broderick, C. B. (1993). *Understanding family process: basics of family systems theory*. California: Sage.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard Univ Press.

- Brooks-Gunn, J. & Klenanov, P. K. (1996). Ethnic differences in children's intelligence test scores: role of economic deprivation, home environment and maternal characteristics. *Child Development*, 67, 396-408.
- Bruyere, E. & Garbarino, J. (2010). The ecological perspective on the human right of children. Dlm. Kamerman S.B., Phipps S. & Ben-Arieh A. (Eds.). *From child welfare to child well-being. Children's Well-being: Indicators and Research 1*, Springer. doi: 10.1007/978-90-481-3377-2-9
- Bubolz, M. M. & Sontag, M. S. (1993). Human Ecology Theory. Dlm. Boss P.G., Doherty, W.J., LaRossa, R., Schumm, W.R. & Steinmetz, S.K. (Eds.). *Sourcebook of family theories and methods: A Contextual Approach* (pp. 419-448). New York: Plenum Press.
- Buehler, C. & Gerard, J. M. (2002). Marital conflict, ineffective parenting and children's and adolescents' maladjustment. *Journal of Marriage and the Family*, 64(1), 78-92.
- Busby, D. M., Christensen, C., Crane, D. R. & Larson, J. H. (1995). A revision of the Dyadic Adjustment Scale for use with distressed and nondistressed couples: construct hierarchy and multidimensional scales. *Journal of Marriage and the Family*, 21, 289-308.
- C4K. (2014). *Free computer for children*. Retrieved from <http://www.computer4kids.net>
- Camfield, L., Streuli, N. & Woodhead, M. (2008). *Children's well-being in contexts of poverty: approaches to research, monitoring and participation*. Young Lives Technical Note No. 12, August.
- Chamhuri Siwar. (1988). Isu, konsep dan dimensi kemiskinan: satu sorotan. In Chamhuri Siwar & Mohd. Hafilah Piei. (Eds.). *Isu, konsep dan dimensi kemiskinan* (pp. 1-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, A. & Converse, P. E. (1972). *The human meaning of social change*. New York: Russel Sage Foundation.
- Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris (Eds.) (1996). *Kemiskinan dalam arus pembangunan ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Chong, H. N. (1978). Kanak-kanak dan kebajikan. *Laporan siri bengkel persediaan persidangan antarabangsa kanak-kanak, Bengkel 6*, pp. 35-39. Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Clackmannanshire Council. (2015). *Child care services*. Retrieved from <http://www.clarckweb.org.uk/social/childcare>
- Clavarino, A., Hayatbakhsh, M. R., Williams, G. M., Bor, W., O'Calaghan, M., & Najman, J. M. (2011). Depression following marital problems: different impacts on mothers and their children? A 21-year prospective study. *Social Psychiatry Epidemiology, 46*, 833-841.
- Cohen, M. A. (1998). The monetary value of saving a high-risk youth. *Journal of Quantitative Criminology, 14*(1). doi: 0748-4518/98/0300-0005
- Collins dictionary of social work*. (2002). Glasgow: Collins.
- Collins, D., Jordan, C. & Coleman, H. (2007). *Introduction to family social work* (2nd ed). Belmont: Thompson.
- Connad, C. & Novick, R. (1996). *The ecology of the family: a background paper for a family-centered approach to education and social service delivery*. Oregon: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Coon, D. (2003). *Essential of psychology*. Belmont: Wadsworth.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. & Clark, V. L. P. (2011). Choosing a mixed method. In Creswell, J. W. & Clark, V. L. P. (Eds.). *Designing and conducting mixed methods research* (pp. 58-110). Thousand Oaks: Sage.
- Civil Right Division. (2012). *School vouchers: the wrong choice for public education*. New York: Anti-Defamation League. Retrieved from <http://www.adl.org>

- Dahlia Rosli. (2015). *Measuring sustainability cities and community wellbeing through the Malaysia urban rural national indicators network*. Paper presented at Regional Seminar on Emerging Needs and Well-being: Measures and Indicators, Hotel Bangi-Putrajaya, 12 May.
- Dale, O., Smith, R., Norlin, J. M., Chess, W. A. (2009). *Human behavior and the social environment: social systems theory* (6th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Department of Education, Northern Territory Government, Australia. (2013). *Back to School Payment Scheme Policy* (Doc: DOC2013/03663). Retrieved from <http://www.education.nt.gov.au>
- Department of Education, England. (2014). *Characteristics of children in need in England* (2013-14 SFR43/2014)(Statistical first release). Retrieved from <http://www.gov.uk>
- Desai, M. (2010). Family life education (Chapter 10). A right-based preventive approach for social well-being in childhood. *Children well-being: indicators and Research 3*, Springer. doi: 10.1007/978-90-481-9066-9-10
- Deweese, M. (2005). *Contemporary social work practice*. New York: McGrawHill.
- Dishion, T. J. (1990). The family ecology of boys' peer relations in middle childhood. *Child Development*, 61, 874-892.
- Dolgoff, R. & Felstein, D. (2000). *Understanding social welfare* (5th ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Downs, S. W., Moore, E. & McFadden, E. J. (2010). *Child welfare and family services*. Boston: Pearson.
- Duncan, G. J. & Brooks-Gunn, J. (2000). Family poverty, welfare reform and child development. *Child Development*, 71(1), 188-196.
- DuBois, B. & Miley, K. K. (2008). *Social work: an empowering profession*. Boston: Pearson.
- Earl, F. & Carlson, M. (2001). The social ecology of child health and well-being. *Annual Review of Public Health*, 22(1), 143-166.

- Economic Planning Unit, Malaysia. (EPU) (1999). *Definisi kemiskinan relatif*. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- EPU. (2009). *Pendapatan garis kemiskinan*. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- EPU. (2011). *Kualiti hidup Malaysia 2011*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- EPU. (2012). *Pendapatan garis kemiskinan*. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- EPU. (2013). *The Malaysian economy in figures*. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- EPU & UN. (2010). *Malaysia: matlamat pembangunan melinium pada tahun 2010: gambaran keseluruhan*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri & Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Ereaut, G. & Whiting, R. (2008). *What do we mean by 'wellbeing'? And why might it matter?* DCSF Research Report DCSF-RW073. Retrieved from dera.ioe.ac.uk/8572/1/dcsf-rw073%20v2.pdf
- European Union. (2012). *Denmark: combining work and family life successfully*. European platform for inventing in children. Retrieved from http://www.europa.eu/countries.denmark/index_en.htm
- Ezzo, F. & Young, K. (2012). Child maltreatment risk inventory: pilot data for the Cleveland child abuse potential scale. *Journal of Family Violence*, 27, 145-155. doi: 10-1007/s10896-012-9412-x
- Fadilah Zaini & Hamidah Ab. Rahman. (2006). Institusi keluarga dan masalah sosial remaja di Johor Darul Takzim. In Abd Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Eds). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga* (pp. 172-185). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Faizah Yunus & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (1998). Community care in Malaysia (2nd article). In *Expert committee meeting on social policy and welfare issues: east and west*, 14-15 September, Kuala Lumpur.
- Fattore, T., Mason, J. & Watson, E. (2007). 'Children's conceptualisations of their well-being'. *Social Indicators Research*, 80, 1, 5-29.

- Fauth, B., Renton, Z. & Solomon, E. (2013). *Tackling child poverty and promoting children's well-being: lesson from abroad*. London: National Children's Bureau.
- Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics. (2009). *America's Children: Key National Indicators of Well-being*. Washington, DC: US Government Printing Office.
- Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics. (1997). *America's children: key national indicators of well-being*. Washington, DC: U.S. Government Printing Office.
- Fields, J. M. & Smith, K. E. (1998). *Poverty, family structure and child well-being: indicators from the SIPP*. Population Division Working Paper No. 23. Washington: U.S Bureau of the Census.
- Fomby, P. & Cherlin, A. J. (2007). Family instability and child well-being. *American Sociological Review*, 72(April), 181-204.
- Foundation For Child Development. (2012). 2012 *National Child and Youth Well-Being Index (CWI)*. Retrieved from <http://fcd-us.org/sites/default/files/Child%20Well-Being%20Index%202013%20Final.pdf>
- Freysteindottir, F. J. (2004). *Risk factor for repeated child maltreatment*. PhD Thesis, University of Iowa, USA.
- Furstenberg, F. F., Waller, M. R. & Wang, H. (2003). *The Well-being of California's Children*. California: Public Policy Institute of California.
- Fuziah Shafie. (2011). Isu berkaitan kebajikan sosial kanak-kanak zaman kolonial. In Abd Razak Manaf, Noor Azizah Ahmad & Ahmad Shukri Abd Hamid (Eds.). *Pengurusan dan amalan kerja sosial* (pp. 91-127). Sintok: Penerbit UUM.
- Gabhainn, N. S. & Sixsmith, J. (2005). *Children's understandings of wellbeing*. Dublin: The National Children's Office.
- Gassman-Pines, A. & Hill, Z. (2013). How social safety net programs affect family economic well-being, family functioning and children's development. *Child Development Perspective*, 7(3), 172-181.

- Gauze, C., Bukowski, W.M., Aquan-Assee, J. & Sippola, L.K. (1996). Interactions between family environment and friendship and associations with self-perceived well-being during early adolescence. *Child Development*, 67, 2201-2216.
- Ghaziah Ghazali, Nabilah Abdullah, Shireena Basree Abd Rahman, Rohaya Abd Wahab & Norshidah Nordin (2010). Pemerhatian dan temubual. In Noraini Idris (Ed.) *Penyelidikan dalam pendidikan* (pp. 306-344). Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Ginsburg, N. (1992). *Division of welfare: a critical introduction to comparative social policy*. London: Sage.
- Giovannini, E., Hall, J. & d'Erole, M. M. (2006). Measuring well-being and societal progress. Retrieved from http://www.wikiprogress.org/images/measuring_well-being_and_sicietal_progress.pdf
- Global Partnership for Education. (2015). *One computer per children in poor countires: is it really 'worth it'?* Washington. Retrieved from <http://www.globalpartnership.org/blog/one-computer-child-poor-countries-it-really-%E2%80%9Cworth-it%E2%80%9D>
- Granic, I., Dishion, T. J. & Hollenstein, T. (2006). The family ecology of adolescence: a dynamic systems perspective on normative development. In Adam, G. & Berzonsky, M. D. (Eds). *Blackwell handbook of adolescence* (pp. 60-91). Canada: Blackwell Publishing.
- Guerney, B. Jr. & Maxson, P. (1990). Marital and family research: a decade review and look ahead. *Journal of Marriage and the Family*, 52(4), 1127-1135.
- Guttman, L. M., Brown, J., Akerman, R. & Obolenskaya, P. (2010). *Change in wellbeing from childhood to adolescence: risk and resilience*. Retrieved from <http://www.dcsf.gov.uk/research/data/uploadfiles/DCSF-WBL1001-Brief.pdf>
- Guttman, L. & Levy, S. (2005). On multivariate structure of wellbeing. In Michalos A. C. (Ed.). *Social indicators research* (pp. 145-172). Netherland: Springer.
- Hair, E. C., Moore, K. A., Garrett, S. B., Kinukawa, A., Lippman, L. H. & Michelson, E. (2005). The Parent-adolescent Relationship Scale. In Moore, K. A. & Lippman, L. H. (Eds.). What do children need to flourish? Conceptualizing and measuring indicators of positive development series. *The Search Institute Series on Developmentally Attentive Community and Society*, 3, 183-202.

- Haq, R. & Zia, U. (2013). Multidimensional wellbeing: an index of quality of life in a developing economy. *Social Indicators Research*, 86. doi: 10.1007/s11205-012-0186-6
- Harian Metro. (2010, 5 Disember). *Kes pembuangan bayi membimbangkan*. Retrieved from <http://www.hmetro.com.my>
- Harrist, A. W. & Ainslie, R. C. (1998). Marital discord and child behavior problems. *Journal of Family Issues*, 19(2), 140-153.
- Hasbullah Mat Daud. (2011). *Teori Maqasid al-Syari'ah: kajian perbandingan antara pemikiran al-Syatibi dan 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam*. (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasmiah Kasimin. (1996). Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang bersepadu: satu analisis dari pandangan pengurusan sibernetiks. In Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris. (Eds). *Kemiskinan dalam arus pembangunan ekonomi Malaysia* (pp. 260-291). Bangi: Penerbit UKM.
- Hawley, D. R. & Olson, D. H. (1995). Enriching newlyweds: an evaluation of three enrichment programs. *The American Journal of Family Therapy*, 23(2), 129-148.
- Heinrich, C. J. (2014). Parents' employment and children's wellbeing. *Helping Parents, Helping Children: Two Generation Mechanism*, 24(1), 121-146.
- Herrin, D. A. & Wright, S. (1988). Precursors to a family ecology: interrelated threats of ecological thought. *Family Science Review*, 1(3), 163-183.
- Hoffman, J. P. (2006). Family structure, community context and adolescent problem behavior. *Journal of Youth and Adolescence*, 35, 867-880. doi: 10.1007/s10964-006-9078-x
- Hof, L. & Miller, W. R. (1980). Marriage enrichment. *Marriage and Family Review*, 3, 11-27.
- Institute for Social Policy and Understanding. (2014). *Community brief: promoting healthy marriages and preventing divorce in American Muslim community*. Michigan: ISPU.

- IPSOS MORI Social Research Institute & Naim, A. (2011). *Children's well-being in UK, Sweden and Spain: the role of inequality and materialism: A qualitative study*. London: IPSOS MORI Social Research Institute.
- Ivankova, N. V., Creswell, J. W. & Stick, S. L. (2006). Using mixed-methods sequential explanatory design: from theory to practice. *Field Method, 18*(3). doi: 10.1177/1525822X05282260
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) (2012a). *Pengurusan akademik sekolah agama*. Retrieved from <http://www.jawi.gov.my>
- JAWI. (2012b). *Bilangan sekolah dan murid SRA Tahun 2008-2011*. Retrieved from <http://www.jawi.gov.my/statistik>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). (2013a). *Dasar Kanak-kanak Negara*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=dasar_kanak-kanak_negara&lang=bm
- JKMM. (2013b). *Dasar Sosial Negara*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=dasar_sosial_negara&lang=bm
- JKMM. (2013c). *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=konvensyen_mengenai_hak_kanak-kanak&lang=bm
- JKMM. (2013d). *Perkhidmatan untuk kanak-kanak*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=perkhidmatan_kanak-kanak&lang=bm
- JKMM. (2013e). *Skim bantuan kewangan bagi golongan ibu tunggal*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=skim_bantuan_kewangan_bagi_golongan_ibu_tunggal&lang=bm
- JKMM. (2013f). *Skim bantuan kewangan bagi keluarga miskin*. Retrieved from http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=skim_bantuan_kewangan_bagi_keluarga_miskin&lang=bm
- JKMM. (2015). *Akta Mahkamah Juvana*. Retrieved from <http://www.jkm.gov.my>.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2010). *Statistik perceraian orang Islam mengikut negeri 2000-2009*. Retrieved from <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/191438/BAB+6+KELUARGA>
- Jabatan Pendaftaran Negara. (2010). *Statistik perceraian orang bukan Islam mengikut negeri 2000-2009*. Retrieved from <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/191438/BAB+6+KELUARGA>
- Jabatan Penerangan Malaysia (2014). *Komuniti 1Malaysia*. Retrieved from <http://www.penerangan.gov.my/index.php/bm/program-jabatan-penerangan/komuniti-1malaysia>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Berhad.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2012a). *Buletin Perangkaan Sosial 2012*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Berhad.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2012b). *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Berhad.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Jekielek, S. M. (1998). Parental conflict, marital disruption and children emotional well-being. *Social Forces*, 76(3), 905-921.
- Jones, K. (1958). *Social welfare in Malaya*. Singapore: Donald Moore Ltd.
- Kadushin, A. (1980). *Child welfare services*. (3rd ed). London: Macmillan.
- Kahn, A. J. (2010). "Child saving" to "child development". *From child welfare to child well-being. Children's well-being: indicators and research 1*. London: Springer (pp. 3-8). doi: 10.1007/978-90-481-3377-2-2
- Keats, D. M. (2000). Cross-cultural studies in child development in Asian contexts. *Cross-cultural Research*, 34(4), 339-350.
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). (2013). *Program Perumahan Rakyat*. Retrieved from http://www.kpkt.gov.my/kpkt_2013/index.php/pages/view/370

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2003). *Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2002*. Retrieved from <http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/lt/2002-2.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2007). *Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2006. Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2007*. Retrieved from <http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/lt/2007-2.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2008). *Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2007*. Retrieved from <http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/lt/2007-2.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). *Pelan strategik 2011-2015*. Retrieved from http://www.moh.gov.my/images/gallery/Report/Plan_Strategik_KKM%202011-2015.pdf
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014). *Health facts 2014*. Retrieved from <http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/HEALTH%20FACTS%202014.pdf>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2010). *Child protection and child welfare services in Malaysia*. Paper presented in High Level Meeting, Beijing, 4-6 November.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pelaksanaan matapelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah mulai 1993*. Pekeliling Ikhtisas Bil 5/1992. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/pekeliling-ikhtisas-view?id=821>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Berhad.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan 1-3*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/kurikulum-bersepadu-sekolah-menengah>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Retrieved from http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/researchfile/2007/researchfile_file_000727.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007a). *Calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dikecualikan daripada yuran peperiksaan*. Lampiran 9, SPI bil.1/2007. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007b). *Pemansuhan yuran dan garis panduan bayaran tambahan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan*. Pekeliling Ikhtisas Bil.13/2007. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012a). *Kumpulan tabung amanah wang pelajar miskin*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/kpawpm>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012b). *Program susu sekolah*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/pss>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012c). *Rancangan makanan tambahan*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/rmt>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012d). *Skim bantuan tuisyen*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/sbt>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012e). *Skim pinjaman buku teks*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/spbt>
- Ketsetzis, M. & Ryan, B. A. (1998). Family processes, parent-child interactions and child characteristics influencing school-based social adjustment. *Journal of Marriage and the Family*, 60(2), 374-388.
- Keyes, C. L. M. (1998). Social well-being. *Social Psychology Quarterly*, 61(2), 121-140.
- Kline, M., Johnson, J. R. & Tschann, J. (1991). The long shadow of marital conflict: a model of children's post-divorce adjustment. *Journal of Marriage and the Family*, 53(1), 297-309.
- Kruger, P. S. (2011). Well-being – the five essential elements. *Applied Research Quality Life*, 6, 325-328.
- Land, K. C. (1971). On the definition of social indicators. *The American Sociologist*, 6(4), 322-325.
- Landsford, J. E., Ceballo, R., Abbey, A., & Stewart, A. J. (2001). Does family structure matter? A comparison of adoptive, two-parent biological, single-mother, stepmother, and stepmother households. *Journal of Marriage and the Family*, 63(3), 840-851.

- Larson, J. S. (1993). The measurement of social well-being. *Social Indicator Research*, 28, 285-296.
- Lavee, Y., Sharlin, S. & Katz, R. (1996). The effect of parenting stress on marital quality: an integrated mother-father model. *Journal of Family Issues*, 17(1), 114-135.
- Laybourn, K. (1995). *The evolution of British social policy and the welfare state*. Staffordshire: Keele University Press.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2014). Malaysian Well-being Index Study 2011. *Popinfo Malaysia*, Issue 1. Kuala Lumpur: LPPKN & KPWKM.
- LPPKN. (2015). *Dasar Keluarga Negara*. Retrieved from <http://www.lppkn.gov.my>
- Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L. & Raymond, E. (2010). Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: proposed taxonomy of social activities. *Social Science Medicine*, 71(12), 2141-2149. doi: 10.1016/j.socscimed.2010.09.041
- Levy, S. & Guttman, L. (2005). On the multivariate structure of wellbeing. In Michalos, A. C. (Ed.). *Citation classics from social indicators research* (pp. 145-172). Retrieved from <http://www.springer.com>
- Lindsay, G., Strand, S., Cullen, S., Cullen, M. A., Davis, H., Conlon, G., Barlow, J. & Evens, R. (2010). *Parenting early intervention programme evaluation*. Research report DFE-RR121(a). London: Department for Education.
- Lippman, L. H. (2007). Indicators and indices of child well-being: a brief American history. *Social Indicators Research*, 83, 39-53. doi: 10.1007/s11205-006-9058-2
- Lopoo, L. M. & DeLeire, T. (2014). Family structure and the economic wellbeing of children in youth and adulthood. *Social Science Research*, 43, 30-44.
- Low, S. & Mulford, C. (2012). Used of a social-ecological framework to understand how and under what conditions family violence exposure affects children's adjustment. *Journal of Family Violence*. doi: 10.1007/s10896-012-9486-5

- Lucas-Thompson, R., Clarke-Stewart, K. A. (2007). Forecasting friendship: How marital quality, maternal mood and attachment security are linked to children's peer relationships. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 28, 499-514.
- Mace, D. R. & Mace, V. (1974). *We can have better marriage if we really want*. Tennessee: Abingdon Press.
- MacKenzie, M. J., Kotch, J. B. & Lee, L. (2011). Toward a cumulative ecological risk model for the etiology of child maltreatment. *Children and Youth Services Review*, 33, 1638-1647.
- Main, G. & Bradshaw, J. (2012). A child material deprivation index. *Child Indicators Research*, 5, 503-521. doi: 10.1007/s12187-012-9145-7
- Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM). (2011). *Latar belakang MKKM*. Retrieved from <http://www.mkkm.gov>
- Malaysia. (1966). Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1971). Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1976). Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1981). Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1986). Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1991). Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (1996). Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (2001). Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

- Malaysia. (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (2011). Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Martorano, B., Natali, L., Neubourg, C. & Bradshaw, J. (2013). *Child wellbeing in advanced economies in the late 2000s*. London: UNICEF.
- McElroy, S. & Hevey, D. (2014). Relationship between adverse early experiences, stressor, psychosocial resources and wellbeing. *Child Abuse and Neglect*, 38, 65-75.
- McElwain, N. L. & Volling, B. L. (1999). Depressed mood and marital conflict: relations to maternal and paternal intrusiveness with one-year-old infants. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 20(1), 63-83.
- McGowan, B. G. (2010). An historical perspective on child welfare. In Kamerman S.B., Phipps S. & Ben-Arieh A. (Eds). *From child welfare to child well-being. Children's well-being: indicators and research 1* (pp. 25-48). London: Springer.
- McLanahan S., Tach, L., & Schneider, D. (2012). *The causal effects of father absence. Fragile Families Working Paper: WP12-20-FF*. Retrieved from <http://crrw.princeton.edu/publications/articles/2012/1199.pdf>
- McLanahan, S., & Sandefur, G. (1994). *Growing up with a single parent: what hurts? what helps?* Cambridge, MA: Harvard University Press.
- McLaren, J. (2007). *Index of wellbeing for children in Scotland*. Retrieved from http://www.barnardos.org.uk/wellbeing_for_children_in_scotland.pdf
- McLoyd, V. C. (1990). The impact of economic hardship on Black families and children: psychological distress, parenting and socioemotional development. *Child Development*, 61, 311-346.
- McKay, S. & Collard, S. (2003). *Developing deprivation questions for the family resources survey*. Working Paper Number 13. Personal Finance Research Centre, University of Bristol. Retrieved from http://www.bridge.bris.ac.uk/pfrc/publications/Reports/Developing_Deprivation_Questions.pdf

- McMunn, A. M., Nazro, J. Y., Marmot, M. G., Boreham, R., Goodman, R. (2001). Children's emotional and behavioural wellbeing and family environment: findings from the Health Survey for England. *Social Science and Medicine*, 53, 423-440.
- McWhirter, J. J., McWhirter, B. T., McWhirter, A. M. & McWhirter, E. H. (1998). *At-risk youth: a comprehensive response*. New York: Brooks/Cole.
- Menaghan, E. G. & Parcel, T. L. (1991). Determining children's home environments: The impact of maternal characteristics and current occupational and family conditions *Journal of Marriage and the Family*, 52(2), 417-431.
- Midgley, J. (1995). *Social development: the developmental perspective in social welfare*. London: Sage.
- Mindquest Group. (2012). *Hong Kong Leadership program for kids*. Retrieved from http://www.mindquestgroup.com/kidlead_leadership_program
- Mooney, A., Oliver, C. & Smith, M. (2009). *The impact of family breakdown on children's wellbeing: evidence review*. DCSF Research Report DCSF-RR113. Retrieved from <http://dera.ioe.ac.uk/11165/1/DCSF-RR113.pdf>
- Moore, K. A., Guzman, L., Hair, E., Lippman, L. & Garrett, S. (2004). *Parent-teen relationships and interactions: far more positive than not*. Research Brief. Washington: Child Trends.
- Muhyidin Mohd Yasin. 2012. *Teks ucapan dalam Dialog Nasional Pendidikan Negara*, 29 April, Putrajaya.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abd Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abd Rahman & Norshidah Nordin (2010). Ciri-ciri penyelidikan kualitatif. In Noraini Idris (Ed.) *Penyelidikan dalam pendidikan* (pp. 276-304). Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Narimah Samat, Yasin Abdallah Eltayeb Elhadary, Fatimah Mahdi Hijles, Suriati Ghazali & Morshidi Sirat. (2012). Poverty and deprivation: using geographic information system in evaluating the accessibility of households to food retailers in Penang State, Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 328-342.

- National Research Council on Community Program. (2003). *Self-enhancement program*. USA. Retrieved from http://www.npcresearch.com/bestpractices_positive_youth_development
- New South Wales Government, Australia. (2009). *Keep them safe: a shared approach to child wellbeing*. New South Wales: Child Protection Services Community.
- Noraini Idris (2010). Pensampelan. In Noraini Idris (Ed.) *Penyelidikan dalam pendidikan* (pp. 12-42). Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Noraini Mohamed Hassan. (2008). *Penyakit tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noraini M. Noor, Ghandi, A. D., Ismahalil Ishak & Saodah Wok. (2012). Development of indicators for family well-being in Malaysia. *Social Indicator Research*. doi: 10.1007/s11205-012-0219-1
- Nordfeldt, M. & Larrson, O. S. (2013). *Local welfare in Sweden: housing, employment and child care*. Sweden: WILCO Publication.
- Norimah A. Karim. (2010). *Pembesaran kanak-kanak sihat*. Retrieved from <http://www.mpaweb.org.my>
- Normila Illias. (2012). *Peraturan kelayakan dalam bantuan sosial awam: kajian kes ke atas Skim Bantuan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat*. (Tesis Sarjana). Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya.
- The Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) (2009). *Doing Better for Children*. Paris: OECD. Retrieved from <http://www.oecd.org/eis/social/childwellbeing>
- Olson, J. & Goddard, H.W. (2010). An ecological risk/protective factor approach to understanding depressive symptoms in adolescent. *Journal of Extension*, 48(3), article number 3RIB6. Retrieved from <http://www.joe.org>
- Osman Rani & Abd. Majid Salleh. (1988). Konsep-konsep kemiskinan dan ketaksamaan: satu tinjauan. In Chamhuri Siwar & Mohd. Hafilah Piei. (Eds.) *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan* (pp. 30-62), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual*. Buckingham: Open University Press.

- Pampalon, R. & Raymond, G. (2000). A deprivation index for health and welfare planning in Quebec. *Chronic Diseases in Canada*, 21(3), 104-113.
- Papalia, D. E., Olds, S. W. & Feldman, R. D. (2003). *Human development* (9th ed). Boston: McGraw-Hill.
- Parke, M. (2003). *Are married parents really better for children? What research says about the effect of family structure on child well-being*. Center for Law and Social Policy. Retrieved from <http://www.clasp.org>
- Pathmanathan, R. N. & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2013). *Hak kanak-kanak dalam jagaan institusi awam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Parson, T. (1951). *The social system*. New York: Free press.
- Pedace, L. (2008). *Child wellbeing in England, Scotland and Wales: comparisons and variations*. London: The Family and Parenting Institute.
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara. (2015). *Skim simpanan pendidikan tinggi negara*. Retrieved from <http://www.ptptn.gov.my>
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2011). *Perpustakaan awam*. Retrieved from <http://www.pnm.gov.my>
- Pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Rakyat Kedah. (2012). *Sekolah agama rakyat*. Retrieved from <http://www.hesakedah.org.com>
- Pickett, S. T. A., Burch, Jr, W. R., Dalton, S. E., Foresman, T. W., Grove, J. M. & Rowntree, R. (1997). A conceptual framework for the study of human ecosystems in urban areas. *Urban Ecosystems*, 1, 185-199.
- Pollard, E. L. & Lee, P. D. (2003). Child well-being: a systematic review of the literature. *Social Indicators Research*, 61, 59-78.
- Portal 1Klik. (2015). *Perspektif Wawasan 2020*. Retrieved from <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/255-perspektif-wawasan-2020.html>
- Power, M. & Maluccio, A. N. (1998). Intergenerational approaches to helping families at-risk. *Generation*, 22(4), 37-49.

- Rahmaa Institute. (2014). *Islamic Post-Marital Education Program dan Islamic Marriage Counseling*. Retrieved from <http://www.rahmaainstitute.org>
- Rahmah Kassim. (1996). Pembasmian kemiskinan: dasar dan strategi. In Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris. (Eds). *Kemiskinan dalam arus pembangunan ekonomi Malaysia* (pp. 59-69). Bangi: Penerbit UKM.
- Rak, C. F. & Patterson, L. E. (1996). Promoting resilience in at-risk children. *Journal of Counseling and Development*, 74(4), 368-385.
- Racz, S. J. & McMahon, R. J. (2011). The relationship between parental knowledge and monitoring and child and adolescent conduct problems: a 10-year update. *Clinical Child and Family Psychology Review*, 14, 377-398. doi: 10.1007/s10567-011-0099-y
- Rees, G., Bradshaw, J., Goswami, H., Keung, A. (2009). *Understanding children's well-being: a national survey of young people's well-being*. London: The Children's Society.
- Richardson, D. (2009). *Doing better for children and upcoming OECD projects*. DCSF seminar 16th November 2009. Retrieved from <http://www.oecd.org/dataoecd/62/59/44620944.pdf>
- Sadatul Mashiran Rosli, Azman Che Man, Hashnan Abdullah & Saiful Haizan Hasam. (2005, 18 April). *Pelbagai pihak tidak setuju-syor wajibkan kursus bagi pasangan selepas 10 tahun berkahwin*. Utusan Malaysia. Retrieved from <http://www.utusanonline.com.my/html>
- Salkind, N. J. 2000. *Exploring research* (4th ed). New Jersey: Prentice Hall.
- Salmond, C., Crampton, P. & Atkinson, J. (2007). *NZDep2006 Index of Deprivation*. Department of Public Health, University of Otago, Wellington. Retrieved from <http://www.otago.ac.nz/wellington/otago020337.pdf>
- Sanchez-Cantalejo, C., Ocana-Riola, R. & Fernandez-Ajuria, A. (2008). Deprivation index for small areas in Spain. *Social Indicators Research*, 89, 259-273. doi: 10.1007/s11205-007-9114-6
- Schumm, W. R., Nichols, C. W., Sheckman, K. L. & Grigsby, C. C. (1983). Characteristics of responses to the Kansas Marital Satisfaction Scale by a sample of 84 married mothers. *Psychological Reports*, 53, 467-572. doi: 10.2466/pr0.1983.53.2.567

- Schvaneveldt, J. D. (1981). The interactional framework in the study of the family. In Nye, F. I. & Berardo, F. M. (Eds.). *Emerging conceptual framework in family analysis* (pp. 97-129). New York: Praeger.
- Schwartzlander, B., Stover, J., Hallett, T., Atun, R., Avila, C., Gouws, E. & Bartos, M. (2011). Towards an improved investment approach for an effective response to HIV/AIDS. *The Lancet*, 377(9782), 2031-2041.
- Scotland Government of United Kingdom. (2015). *Child care services*. Retrieved from <http://www.scotland.gov.uk/children-and-young-people>
- Segal, E. A., Gerdes, K. E. & Steiners, S. (2007). *An introduction to the profession of social work: becoming a change agent* (2nd ed). Belmont: Thompson.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business* (2nd ed). Wiley: New York.
- Sharifah Zahrah Syed Mohamad. (1996). *Perlindungan khusus terhadap kanak-kanak dalam Islam dan pelaksanaannya menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984*. (Tesis Sarjana). Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shehan, C. L. (2002). *Marriages and families* (2nd ed). New York: Ablongman.
- Sinar Harian. (2014, 26 September). *Lima puluh peratus kanak-kanak gemarkan makanan ringan*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/html>
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2002). *Pengantar dasar sosial Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2006). *Kebajikan sosial: aplikasi dalam perkhidmatan manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2007). *Strategi kebajikan dan dasar sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). *Kebajikan sosial: teori dan praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2012). *Kesejahteraan sosial: makna, pendekatan dan strategi pengoperasiannya*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengukuhan Kepimpinan IPT dalam transformasi sosial Negara, pp. 1-14. AKEPT, Majlis Profesor Negara & USM.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abdul Hadi Zakaria. (2009). *Perlindungan kanak-kanak berisiko*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Smith, D. M. & Elander, J. (2006). Effects of area and family deprivation on risk factors for teenage pregnancy among 13-15-year-old girls. *Psychology, Health and Medicine, 11*(4), 399-410.
- Smith, E. P., Connell, C. M., Wright, G., Sizer, M., Norman, J. M., Hurley, A. & Walker, S.N. (1997). An ecological model of home, school and community partnership: implications for research and practice. *Journal of Educational and Psychological Consultation, 8*(4), 339-360.
- Social Mobility and Child Poverty Commission. (2013). *State of the nation 2013: social mobility and child poverty in Great Britain*. London: U.K. Government printing office.
- Spiker, P. (2008). *Social Policy: themes and approaches*. Bristol: The Policy Press.
- Stansfeld, S., Head, J., Bartley, M. & Fonagy, P. (2008). Social position, early deprivation and the development of attachment. *Social Psychiatry Epidemiology, 43*, 516-526. doi: 10.1007/s00127-008-0330-4
- Statham J & Chase E. (2010). *Childhood Wellbeing: A Brief Review*. Briefing paper 1, August, Childhood Wellbeing Research Centre. Retrieved from http://www.cwrc.ac.uk/documents/CWRC_Briefing_paper.pdf
- Sulaiman Md Yassin. (2012). Identification of domains for Malaysian University Staff Happiness Index development. *International Education Studies, 7*(7), 69-75. doi: 10.5539/ies.v7n7p69
- Sulaiman Md Yassin. (2014). The Quality Of Life and Human Development Index of community living along Pahang and Muar rivers: a case of communities in Pekan, Bahau and Muar. *Journal of Sustainable Development, 5*(6), 90-103. doi: 10.5539/jsd.v5n6p90

- Sun, Y. (2001). Family environment and adolescents' well-being before and after parents' marital disruption: a longitudinal analysis. *Journal of Marriage and the Family*, 63(3), 697-713.
- Sun, Y. (2003). The well-being of adolescents in households with no biological parents, *Journal of Marriage and the Family*, 65(4), 894-909.
- Sun, Y. & Li, Y. (2004). Children's well-being during parents' marital disruption: a pooled time-series analysis. *Journal of Marriage and the Family*, 64(2), 472-488.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). (2013). *Program jalur lebar 1Malaysia*. Retrieved from <http://pi1m.skmm.gov.my/PusatInternet1Malaysia>
- Swick, K. J. & Williams, R. D. (2006). An analysis of Bronfenbrenner's bio-ecological perspective for early childhood educators: implications for working with families experiencing stress. *Early Childhood Education Journal*, 33(5), 371-378. doi: 10.1007/s10643-006-0078-y
- Swords, L. , Greene, S., Boyd, E. & Kerrins, L. (2012). *All you need is measuring children's perception and experiences of deprivation*. Dublin: Child Research Centre, Trinity College.
- Tajuddin Hussein. 2009. *Malaysia negara kita* (Edisi 2009). Kuala Lumpur: MDC Publisher.
- Temple, J. A. & Reynolds, A. J. (2007). Benefits and costs of investment in preschool education: evidence for the child-parent centre and related programs. *Economic of Education Review*. doi: 10.1016/j.econedurev.2005.11.004
- Thai, Y. M. (2009). *Poverty lines, household economies of scale and urban poverty in Malaysia*. (Doctoral dissertation). University of Lincoln.
- Thompson, S. & Aked, J. (2009). *Backing the Future. Practical Guide 2: A guide to measuring children's well-being*. London: NEF. Retrieved from <http://www.neweconomics.org/publications/guide-measuring-children%E2%80%99s-well-being>
- Thompson, E. & McLanahan, S. S. (2012). Reflection on 'Family structure and child wellbeing: economic resources vs parental socialization'. *Social Forces*, 91, 45-53.

- Titmuss, R. M. (1963). *Essays on 'the welfare state'*. London: Unwin University Books.
- Tremblay, G., Tremblay, R. E. & Saucier, J-F. (2014). The development of parent-child relationship perceptions in boys from childhood to adolescence: a comparison between disruptive and non-disruptive boys. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21(4), 407-421.
- UNICEF. (2007). *Child poverty in perspective: an overview of child well-being in rich countries*. Innocenti Report Card, Vol 7. Florence, Italy: UNICEF Innocenti Research Centre. Retrieved from http://www.unicef-irc.org/publications/pdf/rc7_eng.pdf
- UNICEF. (2009). *Hak untuk semua kanak-kanak: panduan media*. Retrieved from <http://www.unicef.org/malaysia/media-guide-child-rights-malay.pdf>
- UNICEF. (2011). *Child poverty in East Asia and the Pacific: deprivations and disparities. A study of seven countries*. Bangkok: UNICEF East Asia & Pacific Regional Office.
- UNICEF. (2013). *Child wellbeing in rich countries: a comparative overview*. Innocenti Report Card, Vol. 11. Florence, Italy: UNICEF Innocenti Research Centre Retrieved from http://www.unicef-irc.org/publications/pdf/rc11_eng.pdf
- Utusan Malaysia. (2003, 23 September). *Cerai meningkat: bukan Islam mungkin wajib ikuti kursus praperkahwinan*. Retrieved from <http://www.utusanonline/html>
- Utusan Malaysia. (2011, 10 Oktober.). *10.83 peratus murid sekolah rendah, menengah tercicir*. Retrieved from <http://www.utusanonline/html>
- Vago, S. (2004). *Social change* (5th ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Vanderwater, E. A. & Lansford, J. E. (1998). Influences of family structure and parental conflict on children's well-being. *Family Relation*, 47, 323-330.
- Vinnerljung, B. & Hessle, S. (1999). *Child welfare in Sweden: an overview*. Stockholm: Stockholm University Press.

- Wang, M., Kviz, F. J. & Miller, A. M. (2012). The mediating role of parent-child bonding to prevent adolescent alcohol abuse among Asian American Families. *Journal of Immigrant Minority Health*, 14, 831-840. doi: 10.1007/s10903-012-9593-7
- Wan Nor Azriyanti Wan Abd Aziz, Faizah Ahmad, Noor Rosly Hanif, Wang, H. K. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2(1), 107-125.
- Wan Azmi Ramli. (1982). *Dasar sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Wan Hassan Wan Embong & Siti Norlina Muhamad. (2006). Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja. In Abd Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Eds). *Krisis dan konflik institusi keluarga* (pp. 157-171). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- White, S. (2007). *Identity, relatedness and well-being: marriage and family in Bangladesh*. Well-being in International Development Conference, Bath, June.
- Willitts, M. (2006). *Measuring child poverty using material deprivation: possible approaches*. Department of Work and Pensions. Working Paper No 28. Retrieved from <http://www.dera.ioe.ac.uk/6157/1/WP28.pdf>
- World Health Organization (WHO). (2004). *Poverty reduction strategy papers: their significance for health: second synthesis report*. Geneva: World Health Organization. Retrieved from <http://www.who.int/hdp/en/prsp.pdf>
- Wright, G., Noble, M., Barnes, H. & Noble, S. (2009). *The South African Index of multiple deprivation for children 2007 at municipality level*. Department of Social Development, Republic of South Africa. September. Retrieved from <http://www.casasp.ox.ac.uk/docs/SAIMD%202007%20report%2030%20September%202009.pdf>
- Yaacob Harun. (1998). Culture and family values (The case of the Malays). In Thumboo, E. (Ed.) *Cultures in Asean and the 21th century*. Singapore: Unipress.
- Yayasan Basmi Kemiskinan. (2012). *Definisi Kemiskinan*. Retrieved from <http://www.ybk.org.my>

Youth Build USA. (2014). *Youth build programs*. Retrieved from youthbuild.org/youthbuild-programs

Zarina Mohamad Amin. (2009). *Prediktor tingkahlaku keibubapaan dan kesejahteraan kanak-kanak keluarga Melayu bercerai*. (Tesis Master Sains). Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Zimmerman, S. (1992). *Family policies and family well-being: the role of political culture*. Sage: Newbury Park.

University of Malaya

SENARAI PENERBITAN DAN KERTAS PEMBENTANGAN

Penerbitan

1. **Noralina Omar**. 2016. Kajian ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dlm Haris Abd Wahab & Siti Hajar Abu Bakar (Eds). Kaedah Penyelidikan sains sosial: pengalaman di lapangan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
2. Nalasami, P. R., Siti Hajar A. B., Jal Zabdi Y., Haris A. W., **Noralina O.**, and Islam, M. R. (2015). Implementation of Child Right in the Children's Homes in Malaysia. *Asian Social Work and Policy Review* 9(3), 232-244
3. Siti Hajar Abu Bakar Ah, **Noralina Omar**, Siti Balqis Mohd Azam & Zaiton Azman (2015). Program pencegahan berasaskan keibubapaan untuk bertindakbalas dengan masalah hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *The Malaysian Journal of Social Administration* 9(1), 1-28.
4. Noralina, O., Siti Hajar A. B., Weatherly, R., Fatimah, A. & Nursaadah M. A. (2014). Projecting social support needs of informal caregivers in Malaysia. *Health and Social Care in the Community* 22(2): 144-154 (ISI-Cited Publication)
5. Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar & Siti Balqis Mohd Azam. (2014). Family ecology and adolescents pregnancies: multiple case studies of Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration* 10, 69-92.

Pembentangan

1. Noralina Omar, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Haris Abd Wahab, Jal, Zabdi Mohd Yusof, Nawi Abdullah, Mimi Hanida Abd Mutalib, Nor Ba'yah Abd Kadir & Zakiyah Jamaludin. (2013). Measuring Malaysian children's perception and experiences of deprivation: a pilot study. International Society for Child Indicators Conference, Seoul, Korea, 29-31 May.

LAMPIRAN

University of Malaya